

# PROCEEDINGS ZAWED 2024

HATTEN HOTEL, MALACCA | 26-27 OCTOBER 2024

THE 3RD INTERNATIONAL CONFERENCE ON ZAKAT, TAX, WAQF  
& ECONOMIC DEVELOPMENT (ZAWED) 2024

“HARNESSING ISLAMIC SOCIAL FINANCE FOR FUTURE SUSTAINABILITY”



ORGANIZED BY | INSTITUTE OF ZAKAT RESEARCH AND INNOVATION  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

# **PROCEEDINGS ZAWED 2024**

**THE 3RD INTERNATIONAL CONFERENCE ON ZAKAT,  
TAX, WAQF & ECONOMIC DEVELOPMENT  
(ZAWED) 2024**

**HATTEN HOTEL, MALACCA | 26-27 OCTOBER 2024**

**ORGANIZED BY:  
INSTITUTE OF ZAKAT RESEARCH AND INNOVATION  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**EDITED BY:  
ABDUL HALIM ABDUL MAJID  
AZIZI ABU BAKAR  
NORASHIDAH HASHIM  
HYDZULKIFLI HAJI HASHIM  
NASHIRAH ABU BAKAR  
NOR SYAHIDAH ISHAK  
RAZIAH MD. TAHIR  
NIK FAUZILIANA MOHD TAMIZI**

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Institut Penyelidikan & Inovasi Zakat UUM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication maybe reproduced or transmitted in anyform or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Institute of Zakat Research and Innovation UUM.

PUBLISHED IN MALAYSIA BY:

Institute of Zakat Research and Innovation  
Level 2B, West Block, Route 4,  
Convention Center Building  
Universiti Utara Malaysia  
06010 Sintok  
Kedah Darul Aman, Malaysia

Phone number: +604 9284744  
Email: uum.ipiz@uum.edu.my

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

DATA-PENKATALOGAN DALAM-PENERBITAN/CATALOGUING-IN-PUBLICATIONS DATA

e ISBN 978-967-25756-2-7



# PREFACE



## PROCEEDINGS OF THE 3RD INTERNATIONAL CONFERENCE ON ZAKAT, TAX, WAQF AND ECONOMIC DEVELOPMENT (ZAWED 2024)

BY  
PROF DR. ABDUL HALIM BIN ABDUL MAJID  
DIRECTOR,  
INSTITUTE OF ZAKAT RESEARCH AND INNOVATION (IPIZ)

Alhamdulillah, it is indeed my pleasure and great honour to congratulate the organizing committee of the 3rd International Conference on Zakat, Tax, Waqf and Economic Development (Zawed 2024), for successfully gathered shariah scholars, industry leaders, distinguished speakers, researchers and delegates from around the world, under one platform.

With the theme "Harnessing Islamic Social Finance for Future Sustainability", one of the key highlights of this conference was the opportunity for networking and collaboration. All were encouraged to engage in meaningful discussions, share insights, and explore potential partnerships. The diverse perspectives and experiences shared at this conference have enriched understanding and helped in devising effective strategies for leveraging Islamic social finance for future sustainability.

As social finance has envisioned to play a greater role in Malaysia's financial landscape, with Islamic finance leading the way – complementing public sector finance and commercially-driven financial solutions to promote greater social resilience. Hence, multi-stakeholder coordination and collaboration are critical to lower search and distribution costs, as well as to promote greater public confidence in the disbursement of those funds.

In the embark of continuous exploration and learning, the principles of Islamic social finance are deeply rooted in the values of compassion, justice, and community welfare. By harnessing these principles and adapting them to the current context, it is believed that a more just and sustainable future for all would be materialized.

Once again, a special acknowledgement to the top management of Universiti Utara Malaysia (UUM) and Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) for such unconditional support in ensuring ZAWED 2024 to be an impactful conference. Heartfelt gratitude shall also go to all ZAWED 2024's keynote speakers, forum panellists, presenters, participants, secretariats and sponsors for the invaluable contributions.

Thank you.

# TABLE OF CONTENTS

<b>Gelagat Kepatuhan Membayar Zakat Perniagaan di Syarikat Tersenarai Awam (Public Listed Company) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government Link Company) di Negeri Kedah Darulaman</b> <i>Amirul Faiz Osman &amp; Raja Rizal Iskandar Raja Hisham</i>	1
<b>Kajian Pemantapan Unit Risikan Asnaf Di Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)</b> <i>Alias Mat Nor, Mohd Akhir Hj Ahmad, Mohd Amir Mat Samsudin @ Mohd Sham &amp; Zulkifli Ismail</i>	19
<b>Halal Fashion: Analysis of Previous Studies and Implications for The Halal Industry</b> <i>Septi Utari, Khairunisa &amp; Azizi Abu Bakar</i>	34
<b>Empowering Community Through Digital Tools: The Role of Zakat and Social Entrepreneurship at Universiti Utara Malaysia</b> <i>Bidayatul Akmal Mustafa Kamil, Muhammad Farhan Khairul Anuar, Rosylin Mohd Yusof &amp; Mohamad Zulkurnai Ghazali</i>	50
<b>Peranan Akad Tijari Untuk Memperkasa Pembiayaan Asnaf</b> <i>Mohd Sollehudin Shuib, Mohd Murshidi Mohd Nor, Muhamad Noor Habibi Hj Long &amp; Rabiatal Adawiyah Che Halim</i>	59
<b>Isu, Cabaran dan Cadangan Penambahbaikan Program Tvet dalam Kalangan Pelajar Maahad: Kajian Kes di Sebuah Maahad Tarbiah Islamiah di Negeri Kedah</b> <i>Khaliza Saidin, Fauziah Md Jaafar, Zolkefli Bahador &amp; Mohamad Khairi Othman</i>	67
<b>Pembangunan Usahawan Di Bazar Wakaf Rakyat (BWR), Pulau Pinang</b> <i>Ku Hanani Ku Halim, Syarifah Md Yusof &amp; Azizah Othman</i>	84
<b>Exploring Acceptance Towards Mobile Banking for Zakat Payment in Malaysia: Perceived Security as Moderator</b> <i>Nashirah Abu Bakar &amp; Sofian Rosbi</i>	98
<b>Integrating ESG Principles Based on Maqasid Syariah Framework: A Path to Sustainable and Ethical Governance Practices in Zakat Distribution</b> <i>Norazita Marina Abdul Aziz &amp; Norfaeizah Sawandi</i>	108
<b>Profitability Has a Significant Influence On Firm Value a Case Study On Automotive Subsector Companies On the Indonesia Stock Exchange</b> <i>Syaeful Bakhri, Azizi Abu Bakar, Muflikha Hidayati, Layaman &amp; Didi Sukardi</i>	127
<b>B40 Women Empowerment Through Entrepreneurship: The Role of Entrepreneurial Bricolage</b> <i>Norashidah Hashim &amp; Maryam Sakinah Md Faudzi</i>	139
<b>Impak Agihan Zakat dalam Meningkatkan Taraf Hidup Asnaf Al-Gharimin di Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)</b> <i>Raziah Md Tahir, Syarifah Md Yusof, Azizah Othman, Nadiah Nabilah Baharum &amp; Siti Mariam S.S Abu Salihu</i>	149
<b>Melestarikan Penambahbaikan Pembangunan Rumah Mampu Biaya (RMB) Menggunakan Instrumen Wakaf : Satu Kajian Di Negeri Johor</b> <i>Fifi Anti Mapika Sari Sukamto, Hydzulkifli Hashim &amp; Amirul Faiz Osman</i>	162
<b>Kepentingan Model Muzium Kepada Pensjeraan Pengurusan Zakat</b> <i>Muhamad Noor Habibi Hj Long &amp; Rabiatal Adawiyah Abdullah</i>	176
<b>Pengurusan Zakat di Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF)</b> <i>Azizah Othman, Syarifah Md Yusof, Raziah Md Tahir &amp; Abdul Rahman Hamzah</i>	184
<b>Zakat as A Means of Poverty Alleviation: A Panacea to Economic Development in Jigawa State</b> <i>Abdu Abdullahi</i>	191
<b>Leveraging Business Zakat for Socio-Economic Empowerment: A Proposed Plan On Alleviating Unemployment and Poverty by Empowering Small Entrepreneurs in Bangladesh</b> <i>Samsad Jahan</i>	198
<b>Identifying Factors Influencing The Development of Islamic Marketing in Providing Islamic Financial Services (Focusing on Takaful)</b> <i>Mohammad Mahdi Askari, Ehsan Jalaly Lavasani &amp; Hassan Hemmati</i>	203

# TABLE OF CONTENTS

<b>Application of Modern Technologies in Risk Modeling and Management in Takaful</b> <i>Hossein Rezaee, Hassan Hemmati</i>	222
<b>Institutional Mechanisms and Audit Shari'ahness in Nigeria: The Roles Of Stakeholders' Awareness, Understanding and Perception of Shari'ah Audit</b> <i>Shafiu Abubakar Kurfi &amp; Md Harashid Haron</i>	232
<b>The Economic Impact of Applied Zakat on Wealth Distribution Using Agent Based Modeling</b> <i>Haddad Abderrahim &amp; El Mosaid Fadma</i>	249
<b>The Role of A Comprehensive Internal Audit Data Index in Enhancing The Internal Audit Effectiveness of an Organization</b> <i>Saliza Abdul Aziz, Raja Haslinda Raja Mohd Ali, Suhizaz Sudin, Mohd Hadzrami Harun Rasit &amp; Norkhairani Abdullah</i>	256
<b>Utilising Rapid Application Design (RAD) Methodology In Indexing System Development of Internal Audit Information System (E-Zakat) at Zakat Institute</b> <i>Raja Haslinda Raja Mohd Ali, Saliza Abdul Aziz, Suhizaz Sudin, Mohd Hadzrami Harun Rasit, Norkhairani Abdullah</i>	264
<b>Transformasi Proses Pengurusan Zakat Melalui Amalan Lean-Kaizen di Lembaga Zakat Negeri Kedah</b> <i>Che Azlan Bin Taib, Hendrik Bin Lamsali, Mohamed Najib Bin Salleh, Halim Bin Mad Lazim &amp; Nazihah Nohamad Shariff</i>	270
<b>Pembelajaran Berasaskan Permainan (GBL): Sejauhmana Membantu Pelajar Asnaf Memahami Pengurusan Kewangan dan Kepenggunaan Islam</b> <i>Siti Hajar Salwa Ahmad Musadik, Nor Syahidah Ishak, Noraini Yusuff &amp; Mohd Fakhirin Che Majid</i>	282
<b>Zakat Mustaghallat: Suatu Analisis Terhadap Isu Syariah Dan Kadah Pengiraannya</b> <i>Muhammad Pisol Bin Mohd @ Mat Isal</i>	292
<b>Cabaran dan Kejayaan Pengurusan Waqaf Korpora TM di Felda</b> <i>Muhamat Faizal Marjani</i>	303
<b>Model Edu-Pelancongan Dalam Pelan Pembangunan Ekonomi Ummah</b> <i>Mohamad Zulkurnai Ghazali, Muhammad Fauzi Mokhtar, Siti Noormala Jailani, Dzarfan Abdul Kadir &amp; Johan Afendi Ibrahim</i>	319
<b>Integration of Halal Management Principles in Modern Business Models: An Analysis of Implementation and Impact of Organizational Performance in The Halal Industry Sector of Thailand and Indonesia</b> <i>Efrita Norman, Toto Sukarnoto, Heru Cahyono, Muhammad Amin Nurdin &amp; Nurul Fauziah</i>	335
<b>Design and Development of Smart Sawah: A Mobile App Information System For Participant</b> <i>Osman Bin Ghazali, Amran Bin Ahmad, Ahmad Suki Bin Che Mohamed Arif, Ratu Aima Mohd Isa &amp; Nurwajihah Binti Mansor</i>	348
<b>Enhancing The Risk Register to Strengthen Risk Management in Lembaga Zakat Negeri Kedah</b> <i>Azharudin Ali, Wan Norhayati Wan Ahmad, Mohamad Naimi Mohamad Nor &amp; Rohami Shafie</i>	360
<b>Measuring The Performance of Micro Waqf Banks Using The Maqashid Sharia Index: Evidence From Indonesia</b> <i>Wartoyo, Layaman, Abdul Muizz Wadud &amp; Muhamad Fikri bin Aziz</i>	368
<b>Development and Implementation of Myipiz Grants: A Web-Based Grant Management System For Universiti Utara Malaysia's Institute of Research And Zakat Innovation (IPIZ)</b> <i>Mohd Herry Mohd Nasir, Mohd Hisham Mohd Sharif, Mohamad Farhan Mohamad Mohsin, Rosli Mohamad &amp; Ram Al Jaffri Saad</i>	385
<b>Peningkatan Sumber Ekonomi Golongan Asnaf Melalui "Ezee Diy Aquaponics Design"</b> <i>Muhammad Mat Yusof, Mohamad Farizal Rajemi, Haslinda Ibrahim &amp; Nazihah Ahmad</i>	401
<b>Penentuan Kriteria Zakat Dalam Kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU)</b> <i>Muhammad Ahmad &amp; Shukri Ahmad</i>	410
<b>Kutipan Zakat Tanpa Tauliah : Tinjauan Terhadap Amalan Hisbah Di Lembaga Zakat Negeri Kedah</b> <i>Muhammad Hafiz Badarulzaman, Alias Azhar &amp; Mohd Ashrof Zaki Yaakob</i>	421
<b>Developing The Best Practice Model of Zakat Administration; Analysis of Zakat Institutions in Kedah Malaysia and Pattani Province Thailand</b> <i>Osman M. Farihal , M. Nasri H, Muhammad Roflee.&amp; Tawat N.</i>	417
<b>Cultivation Paddy Management and Potential Impact of Soil Testers at Large-Scale Smart (Smart SBBA) Zakat Boards: An Explanatory Study of Asnaf Farmers</b> <i>Mohammad Naim Abd Halim, Jamaly Juwardy Jaafar, Mat Nor Mohamad Ismail, Zakirah Othman, Zarifah Abdullah &amp; Fikriyah Abdullah</i>	427



## GELAGAT KEPATUHAN MEMBAYAR ZAKAT PERNIAGAAN DI SYARIKAT TERSENARAI AWAM (*PUBLIC LISTED COMPANY*) DAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (*GOVERNMENT LINK COMPANY*) DI NEGERI KEDAH DARULAMAN

Amirul Faiz Osman<sup>1</sup>  
Raja Rizal Iskandar Raja Hisham<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Islamic Business School, College of Business, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (amirulfaiz@uum.edu.my)

<sup>2</sup>Islamic Business School, College of Business, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (rajarizal@uum.edu.my)

---

### **Abstract:**

*Penyelidikan ini tentang gelagat kepatuhan membayar zakat perniagaan di syarikat tersenarai awam Public Listed Company (PLC) dan syarikat berkaitan kerajaan Government Link Company (GLC) di negeri Kedah Darulaman. Penyelidik mengenalpasti latar belakang syarikat dan mengkaji sejauhmanakah kefahaman ahli pengurusan syarikat tentang zakat perniagaan mempengaruhi keputusan syarikat untuk membayar zakat perniagaan. Pendekatan kualitatif digunakan di mana responden dipilih dikalangan pengurusan syarikat menggunakan teknik persampelan bertujuan. 50% adalah dari syarikat GLC, 25 % adalah PLC dan 25 % anak syarikat kepada GLC. Syarikat PLC menjalankan perniagaan berdasarkan perkhidmatan kesihatan manakala syarikat GLC menjalankan perniagaan perkhidmatan saluran dan rawatan air dan satu lagi terlibat di dalam sektor hartanah serta pelaburan. Manakala, anak syarikat kepada GLC menjalankan perniagaan berkaitan perkhidmatan perlindungan dan keselamatan. Kesemua syarikat GLC dan PLC dalam kajian ini layak dan memenuhi syarat untuk membayar zakat perniagaan. Dari sudut kefahaman dipecahkan kepada enam (6) tema iaitu definisi zakat perniagaan, tempoh (hawl), nisab, kaedah pengiraan zakat, pelarasan dan status perniagaan. Hasil dapatan mendapati, majoriti responden tidak begitu faham tentang definisi zakat perniagaan. Kebanyakan responden tidak mengetahui nisab dan kadar zakat perniagaan. Manakala hanya 50% responden mengetahui tentang kaedah pengiraan zakat perniagaan. Sebahagian responden keliru berkaitan dengan item pelarasan. Manakala 100% responden bersetuju bahawa hanya saham Muslim sahaja yang diambil kira dalam pengiraan zakat perniagaan. Keseluruhan, dapatan menunjukkan responden kurang memahami berkaitan dengan zakat perniagaan dan kaedah pengiraannya. Pihak berkuasa zakat boleh menyediakan panduan yang lebih terperinci dan khusus untuk syarikat korporat, termasuk kaedah taksiran yang sesuai untuk pelbagai jenis perniagaan, supaya proses penilaian dan pembayaran zakat menjadi lebih mudah dan mengikut taksiran sebenar.*

**Keywords:** Zakat Perniagaan, Government Link Company, Public Listed Company, Kefahaman, Latar Belakang Syarikat

---



## Pengenalan

Penyelidikan ini menfokus kepada gelagat kepatuhan membayar zakat perniagaan di syarikat tersenarai awam (Public Listed Company) dan syarikat berkaitan kerajaan (Government Link Company) di negeri Kedah Darulaman.

Gelagat kepatuhan membayar zakat perniagaan dalam kajian ini ditakrifkan sebagai tingkahlaku pembayaran zakat perniagaan yang mengikut metod atau kaedah taksiran zakat perniagaan yang sebenar, iaitu seperti yang digariskan di dalam panduan Syariah dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Umum mengetahui bahawa zakat perniagaan adalah salah satu zakat yang disepekatkan oleh para fuqaha yang wajib dibayar oleh pemilik syarikat apabila mencukupi syarat-syarat zakat perniagaan (Al-Zuhayli, W, 2003).

Kewajipan pembayaran zakat perniagaan adalah berdasarkan kepada pensyariatannya di dalam Al-Quran dan Al-Hadis. Seperti mana firman Allah s.w.t di dalam surah al-Baqarah ayat 267:

أَنْ إِلَّا بِأَجْدِيهِ وَلَسْتُمْ تُنْفِقُونَ مِنْهُ الْخَبِيثَ تَيْمَمُوا وَلَا ۗ الْأَرْضِ مِّنْ لَّكُمْ أَخْرَجْنَا وَمِمَّا كَسَبْتُمْ مَا طَيَّبْتُمْ مِنْ أَنْفَقُوا الَّذِينَ آيَاتِهَا  
حَمِيدٌ غَنِيٌّ اللَّهُ أَنْ وَعَلَّمُوا ۗ فِيهِ نُعْمَضُوا

Terjemahan: *“Wahai orang-orang yang beriman, infaqkanlah sebahagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untukmu. Janganlah kamu memilih yang buruk untuk kamu keluarkan, padahal kamu sendiri tidak mau mengambilnya melainkan dengan memicingkan mata (enggan) terhadapnya. Dan ketahuilah bahwa Allah Mahakaya, Maha Terpuji”*

Manakala, dari sudut amaun atau jumlah pembayaran zakat bagi sesebuah entiti perniagaan adalah lebih besar berbanding zakat pendapatan. Hal ini adalah kerana aset dan pendapatan perniagaan selalunya lebih besar nilainya berbanding pendapatan individu.

Oleh yang demikian pungutan zakat perniagaan, yang besar jumlahnya bukan sahaja mampu untuk menghasilkan jumlah kutipan zakat yang banyak malah turut membuka ruang untuk pengagihan zakat yang lebih efektif untuk kemaslahatan umum. Justeru, adalah amat penting untuk memastikan sesebuah entiti perniagaan itu membayar zakat perniagaan. Dalam konteks kajian ini, syarikat-syarikat korporat ini hendaklah mematuhi standard pematuhan pembayaran zakat perniagaan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Kegagalan sesebuah entiti perniagaan untuk membayar zakat perniagaan dan membayar mengikut taksiran yang betul akan merugikan pihak institusi zakat. Malah sekiranya zakat perniagaan tersebut tidak dibayar mengikut taksiran yang betul, ia akan membawa kepada ketidaksahan amalan membayar zakat perniagaan tersebut.





## Pernyataan Masalah

Dalam kajian yang dilakukan oleh Saad et al., (2010), mereka melihat gelagat kepatuhan membayar zakat perniagaan dari sudut tingkah laku iaitu sikap (*attitude*), pengaruh sekeliling (*subjective norm*) dan perbuatan yang boleh dikawal (*perceived behavior control*) yang dapat menerangkan niat dan gelagat kepatuhan dalam membayar zakat perniagaan. Namun, kajian ini tidak melihat gelagat kepatuhan membayar zakat perniagaan dari sudut metod atau keadah taksiran (pengiraan) yang sebenar (patuh) seperti yang digariskan oleh Syariah dan LZNK. Kajian ini juga tidak memasukkan jenis perniagaan dan unsur kefahaman tentang zakat perniagaan sebagai elemen yang mempengaruhi gelagat kepatuhan membayar zakat perniagaan.

Zulkifli, M. N. A., & Lockman, F. (2020), mengkaji isu pengiraan zakat perniagaan di Malaysia. Antara isu-isu tersebut adalah, ketidakpastian mengenai tanggungan dan pengecualian yang boleh digunakan dalam pengiraan, serta ketidakfahaman dalam kalangan peniaga mengenai tatacara pengiraan zakat. Namun kajian ini tidak menfokus kepada syarikat korporat di negeri Kedah Darulaman. Begitu juga Abdul Wahab, A. (2019), melihat faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat di syarikat PLC di Malaysia. Antara faktor utama yang mempengaruhi pembayaran zakat di syarikat tersenarai awam di Malaysia ialah kefahaman ahli lembaga pengarah, bilangan komposisi Muslim di dalam syarikat dan prestasi kewangan syarikat. Namun kajian ini dilakukan secara menyeluruh dan tidak menfokus kepada negeri Kedah Darulaman. Bahkan bentuk dan jenis perniagaan syarikat korporat di negeri Kedah tidak diketahui bilangan komposisi Muslim di dalam syarikat dan keadaan kewangan syarikat.

Tambahan pula, menurut Zaidi (2019), terdapat sebahagian syarikat korporat di Negeri Kedah yang membayar zakat perniagaan tetapi tidak mengikut metod atau kaedah taksiran (pengiraan) yang telah digariskan oleh LZNK. Sebahagian syarikat korporat membayar zakat perniagaan sesuka hati mengikut peruntukan yang disediakan oleh pihak syarikat di awal tahun. Beliau juga mengaitkan isu ini dengan ketidakfahaman tentang zakat perniagaan dikalangan syarikat-syarikat korporat. Data statistik juga menunjukkan menunjukkan komitmen yang agak rendah dalam kalangan syarikat Muslim yang membayar zakat. Kajian yang dijalankan oleh Ghazali.M (2019) mendapati bahawa bagi tahun 2013, hanya 2,137 daripada 8,083 peniaga Muslim membuat komitmen pembayaran zakat kepada LZNK. Bagi 2014 dan 2015 pula, hanya 19% (2,535 daripada 12,741 peniaga) dan 17% (2,644 daripada 15,161 peniaga) yang membayar zakat perniagaan. Namun kajian ini tidak menfokus kepada syarikat PLC dan GLC.

Justeru, kajian ini ingin meneroka dengan lebih mendalam berkaitan gelagat kepatuhan membayar zakat perniagaan, terutama di kalangan syarikat-syarikat korporat di negeri Kedah samada betul-betul mematuhi garis panduan Syariah dan seperti dalam garis panduan LZNK.



## Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan kajian di atas maka timbul persoalan kajian seperti di bawah :

1. Apakah jenis dan latar belakang syarikat korporat di negeri Kedah Darulaman
2. Sejauh manakah kefahaman tentang zakat perniagaan mempengaruhi syarikat-syarikat korporat di negeri Kedah membayar zakat perniagaan mengikut taksiran/kaedah yang betul.

## Objektif Kajian

1. Mengenalpasti jenis dan latar belakang syarikat korporat di negeri Kedah Darulaman
2. Mengkaji sejauhmanakah kefahaman ahli pengurusan syarikat-syarikat korporat di negeri Kedah tentang zakat perniagaan mempengaruhi ahli pengurusan syarikat-syarikat korporat untuk membayar zakat perniagaan mengikut kaedah pengiraan/taksiran yang betul.

## Pensyariatian Ibadah Zakat Perniagaan

Dari segi bahasa zakat adalah berasal dari perkataan arab iaitu ‘zaka’ yang bermaksud “bertambah” dan “tumbuh”. Dari segi istilah “zakat” bermaksud sejumlah harta tertentu yang diwajibkan untuk diserahkan kepada golongan tertentu dengan syarat-syarat yang tertentu (Al-Qaradawi, 1977).

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap masyarakat Muslim secara individu mahupun secara berkumpulan. Zakat disebut 30 kali di dalam al-Quran dan 27 kali daripadanya disebut bersekali dengan ibadah solat (Al-Qaradawi, 1977).

Kewajipan membayar zakat perniagaan adalah suatu yang disepakati oleh para ulama sejak zaman Rasulullah s.a.w (al-Zuhaili, 1984). Firman Allah s.w.t di dalam surah al-Baqarah ayat 267:

أَنْ إِلَّا بِأَخْذِيهِ وَأَسْتُمْ تُنْفِقُونَ مِنْهُ الْحَبِيبَ تَيَمَّمُوا وَلَا ۗ الْأَرْضِ مِنْكُمْ أَخْرَجْنَا وَمِمَّا كَسَبْتُمْ مَا طَيَّبْتُمْ مِنْ أَنْفِقُوا أَمْثُوا الَّذِينَ يَأْتِيهَا  
حَمِيدٌ عَنِّي اللَّهُ أَنْ وَعَلَّمُوا ۗ فِيهِ تُعْمَضُونَ

Terjemahan: “Wahai orang-orang yang beriman, infaqkanlah sebahagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untukmu. Janganlah kamu memilih yang buruk untuk kamu keluarkan, padahal kamu sendiri tidak mau mengambilnya melainkan dengan memicingkan mata (enggan) terhadapnya. Dan ketahuilah bahwa Allah Mahakaya, Maha Terpuji”

Imam Tabari, Imam Jasyasyi, Imam Abu Bakar A’rabi, Hassan dan Mujahid mentafsirkan makna “hasil usahamu yang baik-baik” di atas adalah merujuk kepada kekayaan yang diperolehi melalui hasil perniagaan atau perdagangan (Al, Qaradawi, 1977).



Abu Daud iaitu dari Samrah bin Jundub berkata,

*“ Rasulullah s.a.w menyuruh kami untuk mengeluarkan zakat dari segala sesuatu yang kami persiapkan untuk dijual”*

Sunan Abu Daud (1562)

Selain itu, Saidina Umar bin Khattab (r.a) mengambil zakat dari harta perniagaan, dan tidak seorang pun sahabat yang menolaknya. Pandangan seperti ini turut diriwayatkan oleh Ibnu Abbas, Ibn Umar, Umar bin Abdul Aziz dan para ulama tabiin juga telah bersepakat dalam hal ini (Al-Qaradawi, 1977). Zakat secara berkumpulan inilah yang dikenali sebagai zakat perniagaan.

### **Definis Zakat Perniagaan**

Zakat perniagaan ialah zakat yang wajib dikeluarkan hasil daripada harta perniagaan sama ada yang melibatkan barangan atau perkhidmatan (Jawhar, 2008).

### **Perkara Asas Dalam Perniagaan**

Antara perkara penting yang terkandung dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan ialah:

#### **a) Aset tetap/Harta tetap**

Aset tetap seperti bangunan, kereta, mesin dan perabot yang tidak diniatkan untuk diniagakan adalah dikecualikan daripada zakat. Walau bagaimanapun, hasil yang diperolehi daripada aset tetap yang produktif hendaklah diambil kira di dalam pengiraan zakat.

#### **b) Aset Bukan Semasa**

Aset bukan semasa seperti pelaburan dalam saham dan bon juga dikecualikan daripada zakat kerana ianya bukan diniatkan untuk diperniagakan seperti barangan perniagaan. Walau bagaimanapun, hasil yang diperolehi dari pelaburan tersebut seperti dividen hendaklah diambilkira bagi pengiraan zakat kecuali syarikat tempat pelaburan tersebut telah mengeluarkan zakat.

#### **c) Aset semasa/Harta semasa**

Aset semasa biasanya terdiri dari tunai di tangan dan di bank, stok barangan niaga dan penghutang perniagaan. Aset semasa ini hendaklah diambilkira dalam pengiraan zakat



#### **d) Pelaburan**

Pelaburan meliputi pelaburan jangka panjang dan jangka pendek. Pelaburan jangka pendek diwajibkan zakat, manakala pelaburan jangka panjang tidak diwajibkan zakat kecuali hasil-hasil daripada keuntungan pelaburan tersebut seperti dividen dan bonus.

#### **e) Liabiliti semasa**

Liabiliti semasa adalah hutang atau tanggungan semasa (jangka pendek) syarikat. Contohnya hutang atas pembelian barangan perniagaan dan tanggungan operasi. Hanya liabiliti semasa operasi sahaja yang dibenarkan ditolak daripada aset semasa bagi pengiraan zakat. Liabiliti kewangan seperti pajakan modal/ kewangan, pinjaman kewangan, cadangan dividen dan overdraf adalah sebagai sumber yang dikenakan zakat.

#### **f) Liabiliti jangka panjang**

Liabiliti jangka panjang adalah hutang yang melangkaui setahun dan kebiasaannya adalah pembiayaan bagi memperolehi aset tetap seperti pembiayaan pembelian bangunan, kenderaan dan mesin. Ianya adalah sebahagian sumber modal yang dikenakan zakat.

#### **g) Modal dan dana pemegang saham**

Ianya meliputi modal berbayar dan keuntungan atau kerugian terkumpul. Modal dan dana ini diambilkira dalam pembayaran zakat

### **Metod Pengiraan Zakat Perniagaan**

Kaedah penentuan pembayaran zakat syarikat perniagaan (*shakhsiyyah i'tibariah*) adalah berbeza daripada kaedah penentuan bayaran zakat secara individu (*shakhsiyyah 'adiyah*) atau entiti perseorangan. Syarikat perniagaan dikategorikan sebagai *shakhsiyyah i'tibariah* atau entiti perundangan kerana institusi korporat termasuk PLC dan GLC tidak mempunyai ciri ciri individu secara total (Bouheroua et al.,2011).

Terdapat banyak perbincangan mengenai kewajipan zakat oleh entiti perundangan (Aznan Hassan, 2011) seperti PLC. Malah terdapat pandangan yang mengatakan zakat diwajibkan ke atas individu Muslim dan tidak ke atas entiti perniagaan kerana tidak mempunyai status agama (Mohammad dan Trakic, 2013).

Jawatankuasa Fatwa melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke 31 yang bersidang pada 9 Disember 1992 telah membincangkan



Zakat ke atas syarikat. Muzakarah telah memutuskan bahawa syarikat perniagaan adalah diwajibkan zakat apabila mencukupi syarat-syarat zakat perniagaan.

Jawatankuasa Fatwa menjelaskan bahawa “ Syarikat yang dimiliki bersama orang Islam dan bukan Islam, maka wajib ke atas jumlah saham yang dimiliki oleh orang Islam sahaja ”. Asas kepada kewajipan zakat tersebut ialah berdasarkan kepada sebuah hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“*Tidak terhimpun antara yang terpisah dan tidak terpisah antara yang terhimpun kerana takut bersedekah (zakat)*”

(sunan abu daud)

Berdasarkan hadis ini dapat disimpulkan bahawa beberapa individu yang berada dalam satu syarikat atau perkumpulan maka dianggap satu tanpa dipisahkan antara satu sama lain. Apabila sebuah syarikat ditubuhkan dengan niat untuk menjalankan perniagaan sama ada syarikat perkhidmatan, syarikat guaman, perhotelan, runding cara, perubatan, rekreasi, cari gali dan sebagainya, maka syarikat tersebut dianggap syarikat perniagaan yang dikenakan zakat perniagaan. Prinsip fiqh yang digunakan di sini menggunakan konsep *Khultah* ( Mohd Noor & Haron, 2013).

*Khultah* terbahagi kepada dua iaitu a) *Khultah asy-syuyu'* iaitu berlaku percampuran yang menyebabkan tidak dapat dibezakan milikan masing-masing dan b) *Khultah al-jiwar* iaitu berlaku percampuran pemilikan yang masih dapat dibezakan pemilikan masing-masing (Lembaga Zakat Selangor, 2008).

Pada tahun 2009, Zulkifli. et al., mengkaji isu pengiraan zakat perniagaan di Malaysia. Kajian ini menggariskan beberapa masalah dan isu berkaitan dengan pengiraan zakat perniagaan di Malaysia. Antara isu-isu tersebut adalah ketidakseragaman dalam pengamalan kaedah pengiraan zakat di seluruh negeri, ketidakpastian mengenai tanggungan dan pengecualian yang boleh digunakan dalam pengiraan, serta ketidakfahaman dalam kalangan peniaga mengenai tatacara pengiraan zakat.

Zulkifli, et al.,(2009) menyelidik kaedah pengiraan zakat perniagaan di Malaysia dan mendapati bahawa kebanyakan negeri menggunakan kaedah modal kerja bersih (*working capital model*) dalam pengiraan zakat perniagaan. Kaedah ini adalah kaedah yang lebih mudah dan lebih difahami oleh peniaga.

Dalam kajiannya, Hamat mencadangkan perlunya pemantapan dan standard dalam pengiraan zakat perniagaan di Malaysia. Beliau juga menggesa agar kaedah pengiraan yang digunakan lebih mudah difahami oleh peniaga dan pemilik perniagaan, serta supaya terdapat panduan yang lebih jelas mengenai tanggungan dan pengecualian yang boleh digunakan dalam pengiraan zakat.



Pengenalan garis panduan oleh setiap negeri di Malaysia untuk mengira zakat perniagaan telah membantu memudahkan proses perhitungannya. Terdapat dua kaedah utama yang digunakan, iaitu kaedah modal berkembang (*growth model*) dan kaedah modal kerja (*working capital model*), sebagaimana diwartakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Begitu juga, metod atau kaedah taksiran (pengiraan) zakat perniagaan yang digariskan oleh Syariah dan menurut LZNK terbahagi kepada dua kaedah iaitu kaedah pertama 1) Kaedah *Syar'iah* atau kaedah modal berkembang dan kaedah kedua 2) Kaedah *Uruf'iah* atau kaedah modal bertambah. Hanya dua (2) kaedah ini sahaja yang diiktiraf oleh para ulama' dan cendekiawan dalam bidang zakat bagi pengiraan atau taksiran zakat perniagaan.

#### **a) Kaedah Modal Berkembang (Growth Model)**

Dalam kaedah ini, perhitungan zakat perniagaan bermula dengan mengira ekuiti pemilik perniagaan. Ekuiti ini termasuk semua aset dan pelaburan pemilik dalam perniagaan. Setelah itu, ekuiti ini diselaraskan dengan sumber pembiayaan kewangan, termasuk pinjaman atau pembiayaan dari institusi kewangan. Hasil perhitungan ini dikenali sebagai modal dicampurkan dengan keuntungan, yang kemudiannya akan menjadi asas untuk mengira jumlah zakat yang perlu dibayar.

#### **b) Kaedah Modal Kerja (Working Capital Model)**

Kaedah ini adalah lebih mudah, di mana jumlah harta semasa perniagaan digunakan sebagai titik permulaan. Dari jumlah harta semasa, semua tanggungan semasa seperti hutang perniagaan akan dikurangkan. Hasil perhitungan ini dikenali sebagai modal kerja bersih, yang kemudiannya akan menjadi asas untuk mengira jumlah zakat yang perlu dibayar. Modal kerja bersih ini kemudian boleh diselaraskan dengan item-item pelarasan tertentu, yang mungkin termasuk potongan tertentu atau penambahan tertentu berdasarkan garis panduan negeri masing-masing.

Penggunaan kaedah modal kerja adalah pilihan yang lebih umum di hampir kesemua negeri di Malaysia. Ini kerana ia dianggap lebih mudah difahami dan diterapkan oleh peniaga, serta membolehkan peniaga mengira zakat dengan lebih tepat dan berkesan.

### **Gelagat Kepatuhan Membayar Zakat Perniagaan**

Berdasarkan kepada soroton karya tentang gelagat kepatuhan membayar zakat perniagaan. Banyak kajian menggunakan asas psikologi mengambil Teori Gelagat Terancang (Theory of Planned Behaviour-TPB) (Icek Ajzen, 2005) sebagai asas kajian faktor pembayaran zakat (Kamil Md. Idris, 2002; A. Radzuan Ghazali, 2009; N. Adilah A. Shokori, 2011; Zainol Bidin & Kamil Md. Idris, 2009 dan R.A. Jefri Saad, 2010).



Abdul Wahab, A. (2019) melihat faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat di syarikat tersenarai awam di Malaysia. Antara faktor utama yang mempengaruhi pembayaran zakat di syarikat tersenarai awam di Malaysia ialah kefahaman ahli lembaga pengarah, bilangan komposisi Muslim di dalam syarikat dan prestasi kewangan syarikat. Namun kajian ini dilakukan secara menyeluruh dan tidak fokus kepada negeri Kedah Darulaman.

Pendekatan lain adalah kajian yang menggunakan asas pandangan Islam (M. Ali M. Nor et al., 2004) dan tiga kajian lain menggunakan asas rasional prinsip zakat sebagai satu tuntutan ibadah (Sanep Ahmad et al, 2011; M. Rahim Kamis et al., 2011; Sanep Ahmad & Zulkifli (2010). Selain itu, pendekatan lain yang digunakan dalam membuat kajian mengenai kepatuhan zakat adalah dengan membuat perbandingan di antara gelagat kepatuhan zakat dan cukai. Mereka mengambil kira teori kepatuhan cukai dan disesuaikan dengan kepatuhan zakat (Kamil Md. Idris, 2009; Sanep Ahmad & Zulkifli, 2010).

Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengisi ruang kosong (gap) yang telah ditinggalkan oleh pengkaji lepas untuk tujuan penambahbaikan Institusi Zakat negeri dan memberi kesedaran kepada masyarakat terdiri daripada peniaga, individu, pemimpin masyarakat dan sebagainya tentang kepentingan membayar zakat perniagaan

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini adalah berbentuk Kualitatif. Kajian ini dibuat dalam bentuk temu bual bersama responden yang berautoriti untuk mewakili syarikat bagi mendapat maklumat sebenar tentang pengalaman membayar zakat dan berkongsi pandangan tentang faktor yang mendorong pembuat keputusan di dalam syarikat membuat keputusan untuk membayar zakat perniagaan.

Kajian kualitatif ini dibuat berbentuk Phenomenology iaitu memahami pengalaman seseorang dalam satu-satu keadaan dari perspektif masing-masing. (Johnson, Burke & Christensen, Larry, 2008) Ia melibatkan proses mendapatkan perspektif atau pandangan pembuat keputusan di syarikat-syarikat terpilih yang mereka wakili dalam membayar zakat khusus kepada faktor yang mendorong mereka untuk mencapai keputusan membayar zakat perniagaan.

Penyelidik menggunakan teknik temubual secara separa-struktur (*semi-structured*) dengan pengurus kewangan syarikat-syarikat korporat di negeri Kedah yang telah disenaraikan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Sesi temubual dijalankan secara berasingan di atas talian memandangkan situasi semasa yang masih di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Selain daripada itu, penyelidik juga menemubual seorang ahli akademik yang aktif menjalankan penyelidikan berkaitan zakat perniagaan dan seorang pegawai dari LZNK yang berjawatan Timbalan Pengurus bahagian Zakat Korporat untuk tujuan pengesahan item.



## Responden

Responden yang dipilih ialah dikalangan syarikat korporat yang beroperasi di Negeri Kedah Darulaman. Senarai syarikat-syarikat korporat ini telah diperolehi dari LZNK sendiri.

Pemilihan responden-responden dalam penyelidikan ini menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Melalui teknik ini, penyelidik mengenal pasti responden yang mempunyai kaitan secara langsung dengan tajuk penyelidikan yang dijalankan (Sekaran, 2003).

Daripada senarai syarikat korporat yang dihubungi, empat (4) syarikat korporat menyatakan persetujuan untuk ditemubual. Kesemua 4 syarikat korporat dikenali melalui nombor rujukan dan tidak menggunakan nama sebenar syarikat. Nombor rujukan yang diberikan kepada syarikat 1 adalah S1 sehingga kepada syarikat 4 yang dikenali dengan nama S4. Senarai syarikat dan jawatan pegawai adalah seperti di bawah.

Jadual 1.1: Senarai Syarikat Korporat dan Jawatan Pegawai

No	Syarikat Korporat	Jawatan Pegawai
1	Syarikat Korporat 1 (S1)	Penolong pengurus kewangan (pelaburan)
2	Syarikat Korporat 2 (S2)	Pengurus (Akauntan) (ACCA)
3	Syarikat Korporat 3 (S3)	Pengurus Kanan Kewangan dan Pentadbiran
4	Syarikat Korporat 4 (S4)	Pengurus Kewangan

Pemilihan pengurus kewangan syarikat-syarikat korporat di negeri Kedah sebagai responden dalam penyelidikan ini adalah sangat penting kerana fungsi dan tugas utama seseorang pengurus kewangan dalam membuat keputusan berkaitan kewangan dan menguruskan perbelanjaan Syarikat termasuk berkaitan zakat perniagaan dan cukai perniagaan.

## Dapatan

### *Analisis Untuk Mengenal Pasti Jenis Perniagaan yang Dijalankan*

Objektif (1) kajian ini ialah untuk mengenal pasti jenis dan latar belakang syarikat korporat di negeri Kedah Darulaman. Dengan mengenal pasti jenis syarikat korporat, ia dapat menentukan samada syarikat tersebut layak atau melepasi syarat untuk membayar zakat perniagaan dan juga dapat mengenalpasti kaedah taksiran zakat yang bersesuaian untuk membuat pembayaran zakat perniagaan.



Jadual 1.2: Jenis Perniagaan Syarikat Korporat di Negeri Kedah Darulaman

No	Jenis perniagaan	Bentuk Perniagaan	Pemilikan	Status	Penyata Kewangan	Jenis Perkhidmatan
1.	GLC	Syarikat dan Perkongsian	Muslim	Patuh Syariah	Ada	Pelbagai
2.	GLC	Syarikat dan Perkongsian	Muslim	Patuh Syariah	Ada	Air
3.	GLC Subsidiary	Syarikat dan Perkongsian	Campur	Patuh Syariah	Tiada	Perlindungan
4.	PLC	Syarikat dan Perkongsian	Muslim	Patuh Syariah	Ada	Kesihatan

Jadual 1.2 di atas merumuskan jenis dan latar belakang syarikat korporat di negeri Kedah Darulaman. Hasil temu bual mendapati 2 syarikat (50%) dari 4 syarikat adalah syarikat di bawah kerajaan negeri atau Government Link Company (GLC). Satu (1) 25% syarikat adalah anak syarikat kepada GLC dan satu 25 % syarikat ialah Public Listed Company (PLC).

Tiga syarikat (75%) di atas ada mengeluarkan penyata kewangan tahunan dan hanya satu (25%) sahaja yang tidak ada penyata kewangan. Hanya satu sahaja syarikat (25%) yang menjalankan perniagaan di mana keuntungan bercampur di antara yang patuh syariah dan tidak patuh Syariah. Selebih (75%) adalah perniagaan patuh Syariah.

Kesemua perniagaan adalah (100%) berstatus patuh Syariah dan bentuk perniagaan adalah perkongsian dan syarikat.

Satu syarikat PLC menjalankan perniagaan berdasarkan perkhidmatan kesihatan manakala syarikat GLC menjalankan perniagaan perkhidmatan saluran dan rawatan air dan satu lagi terlibat di dalam sektor hartanah serta pelaburan. Manakala, anak syarikat kepada GLC menjalankan perniagaan berkaitan perkhidmatan perlindungan dan keselamatan.

Hasil analisis mendapati kesemua syarikat GLC dan PLC dalam kajian ini layak dan memenuhi syarat untuk membayar zakat perniagaan. Kaedah atau taksiran zakat perniagaan yang sesuai digunakan ialah kaedah modal kerja atau *working capital model* memandangkan kebanyakan syarikat memiliki penyata kewangan syarikat.

### ***Analisa Kefahaman Mengenai Zakat Perniagaan di Kalangan PLC dan GLC***

Objektif (2) kajian ini ialah menganalisa sejauhmanakah kefahaman ahli pengurusan syarikat-syarikat korporat di negeri Kedah tentang zakat perniagaan membantu ahli pengurusan syarikat-syarikat korporat untuk membayar zakat perniagaan mengikut kaedah pengiraan/taksiran yang betul. Untuk menganalisa kefahaman mengenai zakat perniagaan beberapa persoalan telah diajukan dan dibahagikan mengikut tema-tema yang bersesuaian.



Sebanyak enam (6) tema telah dikeluarkan hasil dari temubual yang dijalankan. Tema ini akan menyimpulkan kefahaman ahli pengurusan syarikat tentang zakat perniagaan dan sejauhmanakah ia mampu membantu untuk mereka membuat keputusan untuk membayar zakat perniagaan secara betul atau patuh syariah.

### ***Analisis Kefahaman tentang Definisi Zakat Perniagaan***

Hasil ini adalah penting untuk menilai samada responden memahami maksud zakat perniagaan. Zakat perniagaan ialah zakat yang wajib dikeluarkan hasil daripada harta perniagaan sama ada yang melibatkan barangan atau perkhidmatan (Jawhar, 2008).

Hasil temubual mendapati tiga (3) 75 % responden bersetuju bahawa zakat perniagaan adalah berbeza dengan zakat pendapatan individu, manakala satu (1) 25 % responden tidak mengetahui maksud zakat perniagaan. 50% responden dapat menerangkan dengan lebih lanjut maksud zakat dari sudut bahasa iaitu menyucikan atau berkembang, namun semua responden tidak dapat menjelaskan maksud zakat perniagaan dari sudut istilahnya. Persoalan hukum juga diajukan yang juga merangkumi maksud zakat perniagaan. 75 % responden mengatakan bahawa hukum membayar zakat perniagaan adalah tidak wajib, namun perlu dibayar sebagai tanggungjawab. Hanya 25% (1) yang mengatakan bahawa hukum membayar zakat perniagaan adalah wajib dan perlu dibayar kepada *a'mil* iaitu LZNK.

Jadual 1.3: Analisis Kefahaman Tentang Definisi Zakat Perniagaan

1	Zakat perniagaan adalah berbeza dengan zakat pendapatan	Ya 75%	Tidak 25%
2	Maksud Zakat Perniagaan ialah zakat yang wajib dikeluarkan hasil daripada harta perniagaan sama ada yang melibatkan barangan atau perkhidmatan	50%	50%
3	Hukum membayar zakat perniagaan adalah wajib sekiranya penuhi syarat	25%	75 %

### ***Analisis Kefahaman Tentang Tempoh Bayar Zakat Perniagaan (Hawl)***

Harta yang dizakatkan hendaklah dikira dari awal perniagaan sehingga genap tempoh satu tahun. Menurut *Syafi'iyah*, asas penilaian harta perniagaan adalah dengan mengambil kira keadaan perniagaan pada akhir haul.

Kesemua responden (100%) bersetuju bahawa zakat perniagaan wajib dibayar sekali sahaja setahun dan dibayar kepada *'amil* yang dilantik. Justeru, ini menunjukkan bahawa responden

faham tentang tempoh bayar zakat perniagaan berbeza dengan zakat pertanian dan galian yang perlu di bayar mengikut hasil tuaian dan penemuan hasil galian.

Jadual 1.3: Analisis tentang tempoh bayar zakat perniagaan (hawl)

1	Hawl adalah tempoh dari awal perniagaan sehingga genap setahun	Ya 100%	Tidak
2	Zakat Perniagaan di bayar sekali sahaja setahun	100%	

### Analisis Kefahaman Tentang *Nisab* kadar Zakat Perniagaan

Nisab harta perniagaan dan wang ialah sebanyak 20 mithqal atau 85 gram emas). Ketetapan ini bersandarkan nilai mata wang yang berasaskan emas, kadar zakatnya sebanyak 2.5 peratus setelah genap setahun (haul) (Jawhar, 2008).

Majority responden tidak mengetahui nisab dan kadar (75%) zakat perniagaan. Manakala sebahagian keliru atau terlupa kadar zakat perniagaan (25%). Perkara ini mungkin kerana responden tidak terlibat secara berkala berkaitan zakat. Hanya terlibat dengan zakat apabila tiba masa untuk membuat taksiran dan pembayaran zakat.

Jadual 1.5: Analisis tentang kefahaman nisab dan kadar zakat

1	Nisab ialah jumlah minimum sebelum dikenakan zakat iaitu 20 <i>mithqal</i> atau bersamaan 85 gram emas	Ya	Tidak 100%
2	Kadar zakat perniagaan ialah 2.5 %		100%

### Analisis Kefahaman Mengenai Kaedah Pengiraan/Taksiran Zakat Perniagaan

Terdapat dua kaedah utama yang digunakan, iaitu 1) kaedah modal berkembang (*growth model*) uruf'iah dan 2) kaedah modal kerja (*working capital model*) syar'iah, sebagaimana yang digariskan oleh Syariah dan diwartakan di dalam buku garis panduan zakat perniagaan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) serta digunakan oleh kebanyakan Lembaga Zakat Negeri Negeri.

Persoalan diajukan kepada responden untuk menilai kefahaman berkaitan kaedah pengiraan zakat perniagaan. Majoriti responden 100% memaklumkan bahawa mereka baru sahaja menjalankan taksiran atau pengiraan zakat mengikut method yang diguna pakai oleh LZNK iaitu sekitar tahun 2020. Sebelum tahun 2020 pengiraan zakat perniagaan adalah berdasarkan peruntukan (bajet) yang disediakan oleh syarikat pada awal tahun tanpa melalui taksiran. Dua syarikat (50%)



menyatakan bahawa sebelum tahun 2020, taksiran zakat adalah berdasarkan kepada laporan untung rugi syarikat. Sekiranya ada untung maka syarikat akan bayar zakat perniagaan. Satu syarikat (25%) menyatakan bahawa pembayaran zakat perniagaan adalah berdasarkan budi bicara pengurusan, sekiranya ada untung lebih maka akan dibayar zakat perniagaan yang lebih.

50% responden mengetahui tentang kaedah pengiraan zakat perniagaan, di mana mereka memaklumkan syarikat menggunakan kaedah modal kerja atau *working capital model*. Selebihnya 50 % tidak mengetahui kaedah pengiraan zakat perniagaan.

50 % responden juga menyatakan bahawa sekiranya syarikat mengalami kerugian maka syarikat tidak perlu membayar zakat perniagaan pada tahun tersebut.

Perkara ini bertentangan dengan kaedah atau konsep pengiraan yang menggunakan kaedah modal kerja atau modal berkembang di mana penyata kira-kira kewangan menjadi rujukan utama sebagai taksiran zakat dan bukan semata-mata laporan untung dan rugi. Namun, kesemua syarikat (100%) menghantar penyata laporan kewangan yang beraudit kepada LZNK untuk pengesahan taksiran zakat perniagaan mereka bermula tahun 2021.

Jadual 1.4: Analisis kefahaman mengenai kaedah pengiraan/taksiran zakat perniagaan

1	Sekiranya syarikat mengalami kerugian syarikat tidak perlu membayar zakat perniagaan	Ya 50%	Tidak 50%
2	Syarikat membayar zakat perniagaan sekiranya syarikat mendapat keuntungan pada tahun tersebut	50%	50%
3	Syarikat menggunakan kaedah modal kerja dalam pengiraan zakat berdasarkan laporan kunci kira-kira ( <i>balance sheet</i> )	50%	50 %

### ***Analisis Kefahaman Mengenai Pelarasan Dalam Pengiraan Zakat Perniagaan***

Pelarasan atau *adjustment* ialah tindakan samada menolak atau menambah item di dalam kunci kira-kira atau penyata imbangan laporan kewangan ke dalam taksiran/pengiraan zakat. Pelarasan akan dilakukan terhadap aset semasa dan liabiliti semasa.

50% responden keliru berkaitan dengan item pelarasan. Salah satu syarikat menyatakan bahawa aset tetap juga dimasukkan dalam taksiran zakat perniagaan. Di dalam keadah pengiraan zakat, hanya aset semasa sahaja yang dikira dalam taksiran zakat perniagaan. 50% juga bersetuju bahawa liabiliti semasa seperti bil elektrik, sewaan kedai, bil telefon dan sebagainya tidak dimasukkan dalam pengiraan zakat perniagaan. Seterusnya, 50 % responden menyatakan hanya barangan atau aset yang mempunyai pemilikan sempurna sahaja yang boleh dikira dalam zakat perniagaan.

100% responden bersetuju bahawa barang-barang tidak wajib zakat hendaklah dikeluarkan seperti barang-barang dan hasil yang haram seperti riba, judi dan arak.

Namun semua syarikat (100%) merujuk kepada LZNK dan menyerahkan laporanimbangan kewangan untuk mendapatkan pengesahan pengiraan dan taksiran zakat perniagaan.

Jadual 1.7: Analisis kefahaman mengenai pelarasan zakat perniagaan

1	Aset tetap dimasukkan di dalam pengiraan zakat	Ya 50%	Tidak 50%
2	Liabiliti semasa (bil elektrik, sewa kedai dan sebagainya) ditolak dalam pengiraan zakat	50%	50%
3	Aset-aset yang dikira adalah yang milik sempurna	50%	50 %
4	Barang-barang tidak wajib zakat hendaklah dikeluarkan seperti barang-barang dan hasil yang haram seperti riba, judi dan arak.	100%	

### *Analisis Kefahaman Mengenai Status Perniagaan*

Kefahaman mengenai status perniagaan ialah dari sudut pemilikan muslim dan bukan muslim dan dari sudut patuh syariah dan tidak patuh syariah kerana dalam zakat perniagaan. Apabila sebuah syarikat ditubuhkan dengan niat untuk menjalankan perniagaan maka syarikat tersebut dianggap syarikat perniagaan yang dikenakan zakat perniagaan. Prinsip fiqh yang digunakan di sini menggunakan konsep *Khultah* (Mohd Noor & Haron, 2013)

*Khultah* terbahagi kepada dua iaitu a) *Khultah asy-syuyu'* iaitu berlaku percampuran yang menyebabkan tidak dapat dibezakan milikan masing-masing dan b) *Khultah al-jiwar* iaitu berlaku percampuran pemilikan yang masih dapat dibezakan pemilikan masing-masing (Lembaga Zakat Selangor, 2008). Jawatankuasa Fatwa menjelaskan bahawa Syarikat yang dimiliki bersama orang Islam dan bukan Islam, maka wajib ke atas jumlah saham yang dimiliki oleh orang Islam sahaja. 100% responden bersetuju bahawa hanya bahagian atau saham Muslim sahaja yang diambil kira dalam pengiraan atau taksiran zakat perniagaan.

Jadual 1.8: Analisis kefahaman mengenai status perniagaan

1	Zakat hanya mengambil kira saham/bahagian Muslim sahaja	Ya 100%	Tidak
2	Walaupun perniagaan yang dijalankan ini bercampur di antara patuh syariah dan tidak patuh syariah, zakat hanya akan dikira perniagaan yang patuh syariah sahaja	100%	
3	Zakat hanya dikenakan kepada orang Islam sahaja	100	

### **Kesimpulan dan Cadangan**

Analisis menunjukkan bahawa kesemua syarikat dalam kajian ini, termasuk GLC dan PLC, layak dan memenuhi syarat untuk membayar zakat perniagaan. Ini menunjukkan bahawa syarikat



korporat di Kedah Darulaman secara umumnya mempunyai kewangan yang mencukupi dan beroperasi mengikut syariah, menjadikan mereka layak untuk dikenakan zakat.

Kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan dalam kefahaman ahli pengurusan syarikat korporat di Kedah tentang zakat perniagaan. Sebahagian besar memahami asas zakat perniagaan berbeza daripada zakat individu, tetapi terdapat kekurangan dalam pemahaman mendalam mengenai definisi istilah zakat perniagaan dan kewajipan hukumnya. Hal ini boleh mempengaruhi keputusan mereka dalam pembayaran zakat. Kebanyakan responden tidak mengetahui nisab dan kadar zakat perniagaan, dan sebahagian hanya terlibat secara tidak berkala dalam urusan zakat, yang menyebabkan kekeliruan dalam kaedah pengiraan. Walaupun ada yang memahami kaedah modal kerja, masih ada yang tidak tahu atau menggunakan pendekatan yang salah, seperti hanya bergantung pada laporan untung rugi atau berdasarkan budi bicara pengurusan. Separuh daripada responden keliru mengenai pelarasan dalam pengiraan zakat, seperti menyertakan aset tetap dalam taksiran zakat, yang seharusnya tidak dilakukan. Ini menunjukkan perlunya pemahaman yang lebih mendalam tentang item yang perlu diselaraskan dalam pengiraan zakat perniagaan. Semua responden memahami bahawa hanya bahagian saham yang dimiliki oleh Muslim dalam syarikat yang dikenakan zakat, menunjukkan pemahaman yang baik mengenai status perniagaan dari sudut pemilikan dan pematuhan syariah.

Disarankan agar lebih banyak kempen dan program pendidikan dijalankan untuk meningkatkan kesedaran syarikat korporat mengenai kepentingan dan kewajipan membayar zakat perniagaan, terutama bagi syarikat yang masih belum mempunyai penyata kewangan lengkap. Pihak berkuasa zakat boleh menyediakan panduan yang lebih terperinci dan khusus untuk syarikat korporat, termasuk kaedah taksiran yang sesuai untuk pelbagai jenis perniagaan, supaya proses penilaian dan pembayaran zakat menjadi lebih mudah dan telus. Menggalakkan kerjasama yang lebih erat antara syarikat dan pihak berkuasa zakat untuk memastikan proses pembayaran zakat perniagaan dilakukan dengan betul dan sesuai, serta mengatasi sebarang cabaran yang mungkin timbul dalam pelaksanaannya. Disarankan agar syarikat-syarikat meningkatkan kerjasama dengan pihak berkuasa zakat, seperti LZNK, dalam urusan pengesahan dan taksiran zakat.

Ini dapat membantu mengelakkan kekeliruan dan memastikan zakat perniagaan dibayar dengan betul dan mengikut syariah. Disarankan agar pihak berkuasa zakat atau institusi berkaitan meningkatkan program latihan dan pendidikan yang fokus kepada kefahaman mendalam tentang zakat perniagaan, termasuk definisi, hukum, nisab, kaedah pengiraan, dan pelarasan yang betul. Ini boleh dilakukan melalui seminar, bengkel, dan kursus dalam talian. Pihak zakat boleh menyediakan panduan bertulis atau bahan rujukan khusus yang mudah difahami tentang zakat perniagaan, termasuk contoh-contoh kaedah pengiraan dan pelarasan yang betul. Panduan ini perlu disebarluaskan secara meluas kepada syarikat korporat. Disarankan agar syarikat-syarikat melaksanakan audit zakat secara berkala, terutama yang melibatkan pelarasan dan taksiran zakat. Pihak zakat juga boleh menawarkan perkhidmatan konsultasi audit ini untuk memastikan taksiran zakat yang lebih tepat. Kesedaran mengenai kepentingan zakat perniagaan sebagai tanggungjawab



agama dan sosial perlu diperkukuhkan dalam kalangan pengurusan syarikat. Kempen kesedaran yang lebih aktif boleh membantu memupuk rasa tanggungjawab ini, yang seterusnya dapat memastikan pembayaran zakat perniagaan yang lebih konsisten dan tepat.

### Rujukan :

- Abdul Hamid Mohamad dan Adnan Trakic (2013). Critical appraisal of the companies' obligations to pay zakat in the Malaysian context. *International company and commercial law review*, 10, 357-381
- Abdul Wahab, A. (2019). Satu analisis kualitatif terhadap faktor pendorong pembayaran zakat oleh syarikat. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 1(1), 1-14.
- Abu Dawood, S. (1562). *Sunan Abu Dawood* (Jilid 1-3). Madinah: Al-Maktabah al-Salafiyah
- Ahmad, Z. (2018). Peranan zakat perniagaan dalam ekonomi Islam: Satu kajian kes di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 15(2), 67-82.
- Al-Qaradhawi, Y. (1973). *Fiqh al-Zakah*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Quran*. (n.d.)
- Al-Zuhayli, W. (1984). *Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuhu* (Jilid 1-8). Damsyik: Dar Al-Fikr
- Al-Zuhayli, W. (2003). *Fiqh al-Muamalat al-Maliyyah* (1st ed.). Damsyik: Dar Al-Fikr
- Azman Mohd Noor dan Muhammad Nasir Haron, (2013). Imposing zakat on legal entities and its applications in Islamic financial institutions. *Arab Law Quarterly*, 27, 71-86
- Aznan Hassan (2011). *Zakat on Shaksiyyah I'tibariyyah (legal entity)*. Kertas dibentang di bengkel zakat Institusi kewangan Islam, Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia
- Bouheroua Said et al., (2011), *Legal Entity and Zakat Obligations*. Kertas dibentang di Persidangan Zakat Cukai Kebangsaan
- Ghazali, M (2019). *Faktor Penentu Pembayaran Zakat Perniagaan di Kedah*. Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Kedah Darulaman
- Hassan Bahrom and Mohd Shahnaz Saidu, (2005). *Kajian terhadap faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat perniagaan di kalangan usahawan: Kajian kes Terengganu*. Kertas kerja dibentang semasa seminar ekonomi dan kewangan Islam, Estet Bangi.
- Ibn Kathir, I. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* (Jilid 1-10). Riyadh: Dar al-Taqwa.
- Jawhar, (2008) *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat*, Jabatan Perdana Menteri, Percetakan Nasional Berhad, Kuala Lumpur
- Johnson, B., Burke, J., & Christensen, L. (2008). *Educational research: Quantitative, qualitative, and mixed approaches*. Los Angeles: Sage Publications.
- Laporan Tahunan (2016), Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)
- Saad, R. A. J., Bidin, Z., Idris, K. M., & Kamil, M. H. M. (2010). Faktor-faktor yang mempengaruhi gelagat kepatuhan zakat perniagaan. *Jurnal Pengurusan*, 30, 49-61.
- Sekaran, U. (2003). *Research methods for business: A skill-building approach*. Hoboken, NJ: John Wiley & Sons.
- Zaidi, (2019). *Penolong Pengarah Bahagian Zakat Korporat*, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Kedah Darulaman



Zulkifli, M. N. A., & Lockman, F. (2020). *Pemeriksaan Sistem Zakat di Malaysia: Permasalahan dan Cadangan Pelaksanaan*. Academia.edu. Retrieved from [https://www.academia.edu/35248304/Pemeriksaan Sistem Zakat di Malaysia Permasalahan dan Cadangan Pelaksanaan](https://www.academia.edu/35248304/Pemeriksaan_Sistem_Zakat_di_Malaysia_Permasalahan_dan_Cadangan_Pelaksanaan)<sup>1</sup>.





## KAJIAN PEMANTAPAN UNIT RISIKAN ASNAF DI LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH (LZNK)

Alias Mat Nor<sup>1</sup>

Mohd Akhir Hj Ahmad<sup>2</sup>

Mohd Amir Mat Samsudin @ Mohd Sham<sup>3</sup>

Zulkifli Ismail<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, ([alias@uum.edu.my](mailto:alias@uum.edu.my))

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, ([makhir@uum.edu.my](mailto:makhir@uum.edu.my))

<sup>3</sup>Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, ([amir@uum.edu.my](mailto:amir@uum.edu.my))

<sup>4</sup>Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Malaysia, (@lznk)

---

**Abstract:** *Isu pengagihan zakat kepada golongan asnaf masih kerap dibincangkan dalam media sosial dan kalangan masyarakat setempat. Masyarakat mempersoalkan keberkesanan agihan zakat pada masa ini terutamanya proses kelulusan dan perkhidmatan penyampaian agihan yang mengambil masa yang panjang. Sumbangan dari Badan Bukan Kerajaan dan individu perseorangan ini juga telah mencetuskan polemik secara langsung dan tidak langsung kepada LZNK. Matlamat kajian ini adalah bagi memantapkan lagi unit siasatan dalam meluluskan agihan yang lebih mampan yang membabitkan isu pengagihan zakat kepada asnaf yang lebih telus dan bebas dari sikap pilih kasih dikalangan masyarakat. Reka bentuk kajian ini lebih tertumpu kepada kaedah penyelidikan kualitatif. Data di kumpul daripada borang soal selidik dan temubual dengan pihak pengurusan LZNK iaitu bermula daripada pihak pengurusan atasan hinggalah pengurusan bawahan dan operasi serta Penolong Amil yang dilantik oleh LZNK bagi daerah Kuala Muda, Kota Setar dan Kubang Pasu. Ianya melibatkan temubual, pengumpulan dokumen dan data sekunder, perbincangan kumpulan fokus dan survey. Dapatan kajian ini menunjukkan unit risikan LZNK perlu penambahbaikan dan pendekatan yang lebih mantap. Hasil dari kajian ini, satu kertas polisi telah dibangunkan sebagai panduan kepada Penolong Amil dalam menjalankan siasatan di khariah masing-masing. Ia juga dapat membantu Penolong Amil sebagai senarai semak dalam mencari dan membantu golongan asnaf yang terpinggir atau terlepas pandang oleh pihak bertanggungjawab.*

---

**Kata Kunci:** *Asnaf, Agihan, Siasatan, Penolong Amil*

---



## Pengenalan

Jumlah kutipan zakat di Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah meningkat dari tahun ke setahun, pada tahun 2020 jumlah kutipan zakat ialah RM218 juta meningkat kepada RM233 juta pada tahun 2021, namun isu pengagihan zakat kepada golongan asnaf yang layak diterima kerap dibincangkan dalam media sosial dan di kalangan masyarakat setempat. Mereka mempersoalkan kemantapan unit risikan zakat dalam usaha bantuan zakat sampai kepada asnaf, terutamanya ketika proses kelulusan dan perkhidmatan agihan zakat mengambil masa yang panjang. Matlamat kajian ini adalah bagi memantapkan unit risikan asnaf di LZNK supaya pengagihan zakat yang lebih telus dan bebas daripada sikap pilih kasih dan cepat disalurkan kepada golongan yang berhak menerima zakat. Kajian perundingan ini berbentuk kualitatif dan kuantitatif ini adalah usaha untuk memantapkan pengurusan unit risikan asnaf di LZNK. Data yang dikumpul hasil temu bual dari pelbagai pihak dan borang kaji selidik akan dibina dan diedarkan kepada pihak yang terbabit untuk dianalisa data secara komprehensif bagi memantapkan lagi unit risikan asnaf ke arah yang lebih baik.

Ibadah zakat merupakan salah satu rukun Islam yang penting bagi penganut Agama Islam. Ini disebabkan amalan zakat ini merupakan satu ibadah untuk membersihkan jiwa seseorang Muslim serta menepati suruhan Allah SWT. Melalui pemberian hartanya mengikut syarat dan rukun kepada LZNK untuk diagihkan kepada golongan yang layak diberikan zakat iaitu golongan asnaf. Ini kerana kesan daripada pengagihan zakat ini akan membantu ekonomi penghidupan seharian mereka ke arah yang lebih baik. LZNK telah menjalankan peranannya untuk membantu semua golongan yang layak menerima zakat, namun dengan kajian ini akan memantapkan unit risikan asnaf di LZNK untuk membantu organisasi ke arah yang lebih cemerlang dalam usaha membantu golongan asnaf yang benar-benar layak mendapat bantuan dengan perkhidmatan yang lebih pantas dan telus. Jadual 1 dan 2 menunjukkan hasil kutipan dan agihan LZNK pada tahun 2021.

Jadual 1.1: Laporan hasil kutipan zakat bagi tahun 2021

Asnaf / Tahun	2021	
	Bil Penerima	Jumlah (RM)
Al-Gharimin	785	414,427.38
Amil	4426	28,449,436.42
Arriqab	9132	3,339,725.50
Fakir	14231	34,920,575.50
Fisabilillah	33793	59,222,849.44
Ibni Sabil	28	71,437.38
Miskin	16632	77,885,497.94
Muallaf	234	1,440,871.94
<b>Jumlah Keseluruhan (RM)</b>	<b>79261</b>	<b>205,744,821.50</b>

Jadual 1.2: Laporan agihan kepada golongan asnaf bagi tahun 2021

Zakat / Tahun	2021	
	Bil Penerima	Jumlah (RM)
ZAKAT PADI	2903	5,326,933.64
ZAKAT TERNAKAN	18	28,963.18
ZAKAT PENDAPATAN	82461	135,556,664.85
ZAKAT PERNIAGAAN	2081	49,810,438.98
ZAKAT WANG SIMPANAN	4997	22,775,775.05
ZAKAT SAHAM	352	1,133,863.47
ZAKAT KWSP	2301	4,147,631.07
ZAKAT EMAS	936	2,518,962.25
ZAKAT PERAK	13	7,427.05
ZAKAT GALIAN	3	81.68
ZAKAT FITRAH	10433	11,144,612.00
QADHA ZAKAT	208	342,604.97
FIDYAH	0	0.00
<b>Jumlah Keseluruhan (RM)</b>	<b>106706</b>	<b>232,793,958.19</b>

Peningkatan jumlah kutipan dan agihan ini disebabkan terdapat badan berkanun dan individu perseorangan tampil untuk memberi zakat kepada LZNK bagi membantu golongan asnaf, setelah penderitaan mereka didedahkan oleh media masa. Namun, pada masa yang sama masyarakat turut mempersoalkan keberkesanan agihan zakat ini kepada golongan asnaf tidak dapat dilakukan secara telus dan cepat. Ini disebabkan proses untuk mendapat kelulusan mengambil masa yang panjang dan kadang-kala tersilap sasaran.

### Sorotan Karya

Berdasarkan kepada contoh tauladan dari Khalifah Saidina Umar dalam menguruskan pengagihan zakat yang telus dengan melakukan risikan dan siasatan dilakukan oleh beliau sendiri, maka penyelidik UUM dan LZNK turut berusaha sebaik mungkin dalam usaha proses mendapat maklumat, membuat laporan dan menyampaikan zakat kepada yang layak dengan lebih telus dan cepat. Maka kajian ini menyasarkan satu kerangka garis panduan dan pemantapan unit risikan asnaf di LZNK akan memberi impak yang positif kepada golongan asnaf disamping memantapkan lagi kepercayaan masyarakat bahawa LZNK mampu melakukan amanah yang diberikan dengan lebih efisien.


Keberkesanan kutipan zakat dan pengagihan zakat amat bergantung kepada pengurusan institusi yang dilantik untuk menguruskannya. Namun begitu, aspek pengagihan zakat kepada golongan asnaf merupakan aspek yang sangat penting kerana ianya menunjukkan bagaimana dana zakat dapat memberi impak kepada masyarakat dan negara dalam aspek pembasmian kemiskinan dan pembangunan ekonomi (Hasan dan Khan, 2007). Pengurusan dana zakat yang cekap adalah dituntut agar pelaksanaannya dapat mencapai objektif yang ditentukan. Namun begitu, aspek

pentabdiran institusi zakat di Malaysia adalah tidak cekap dan di bawah potensi sebenar (Sadeq, 1995).

Imtiaz (2000) juga berpendapat pengurusan zakat perlu diuruskan oleh mereka yang dipercayai, berkelayakan dan mempunyai kebolehan untuk mengurus dana zakat. Beliau mensyorkan pengurusan dana zakat diuruskan secara efisien dan mengagihkan zakat kepada golongan asnaf dengan lebih mantap. Namun begitu, kajian empirikal terhadap kemantapan agihan zakat di institusi badan pengurusan zakat kurang dilakukan ataupun tiada langsung kajian dibuat oleh pelbagai pihak yang terlibat.

Terdapat salah guna kuasa dan pecah amanah wang zakat di institusi badan pengurusan zakat mengakibatkan tanggapan masyarakat terhadap keberkesanan mengurus zakat akan menjadi rendah walaupun prestasi laporan tahunan institusi zakat menunjukkan prestasi kutipan dan agihan yang memberangsangkan. Kajian (Sanep et al., 2006) menunjukkan hampir 60% pembayar zakat tidak puas hati dengan peranan institusi zakat bagi Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang. Akibatnya, pembayar zakat akan mengurus sendiri sumbangan mereka kepada golongan asnaf dan secara tidak langsung akan memberi kesan kepada hasil pungutan institusi pengurusan zakat di Malaysia secara amnya.

Berdasarkan dari permasalahan yang dibincangkan di atas, kajian menunjukkan bahawa pemantapan unit risikan asnaf di LZNK amatlah penting dalam usaha pengagihan zakat yang lebih telus dan cepat. Oleh itu, satu kerangka yang berkesan diperlukan di LZNK untuk memantapkan unit risikan di LZNK dalam menghasilkan pengagihan zakat kepada golongan asnaf dengan lebih berkesan serta mendapat semula kepercayaan masyarakat kepada LZNK.



Rajah 1.1: Carta alir pemantapan unit risikan asnaf di LZNK



Walaupun institusi zakat dibawah Majlis Agama Negeri serta mempunyai sedikit sebanyak perbezaan antara setiap negeri, namun institusi zakat mempunyai matlamat yang sama iaitu memastikan taraf kehidupan masyarakat yang kurang kemampuan dapat dipertingkatkan dengan pemberian zakat kepada golongan asnaf dengan lebih telus dan cepat, ini menunjukkan bahawa institusi pengurusan zakat mestilah membuat perubahan mengikut keperluan semasa disamping meningkatkan keharmonian masyarakat Islam dapat dicapai.

### **Aktiviti Kajian**

Bahagian ini akan menerangkan berkenaan dengan kaedah perundingan yang digunakan bagi mencapai matlamat kajian yang telah dibincangkan. Terdapat tiga perkara utama yang dibincangkan dalam bahagian ini termasuklah reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan dan kaedah penganalisan data. Bahagian ini amat penting bagi menyusun strategi dalam mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian ini.

Temubual dilakukan antara penyelidik dengan pihak pengurusan LZNK dengan penglibatan pelbagai pihak pengurusan atasan dan Penolong Amil yang dilantik oleh LZNK di daerah Kuala Muda, Kota Setar dan Kubang Pasu. Borang kajiselidik juga akan dibina dan diedarkan kepada golongan sasaran setelah proses kualitatif dilakukan. Berikut adalah proses carta alir pemantapan unit risikan asnaf di LZNK. Rujuk pada rajah 1.2:

- 1) Risik (Meninjau dan mengenalpasti asnaf di setiap kawasan)
- 2) Siasat (Menyiasat latarbelakang asnaf secara telus dan teliti)
- 3) e-Maklumat (Mengumpul maklumat asnaf secara online)
- 4) Laporan (Laporan kepada pihak LZNK)
- 5) Bantuan (Bantuan disalurkan kepada asnaf)

Pemilihan sampel sebagai responden bagi kajian ini adalah terdiri daripada beberapa orang pegawai zakat dan penolong amil di daerah Kuala Muda, Kota Setar dan Kubang Pasu. Pemilihan yang dilakukan adalah bersesuaian dengan matlamat kajian ini iaitu bagi meneliti kaedah siasatan yang dilakukan sebelum agihan dibuat di daerah masing-masing. Pemilihan responden atau informan dibuat dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan yang mampu memberikan informasi, maklumat dan pandangan yang dikehendaki secara komprehensif dan mendalam.

Pemilihan ini juga adalah kerana LZNK telah menubuhkan cawangan LZNK disetiap daerah di Kedah dan Penolong Amil yang dilantik bagi setiap khariyah di daerah tersebut. Selain daripada itu, pemilihan informan menggunakan kaedah persampelan bertujuan bersesuaian dengan keperluan kajian untuk memilih informan yang berkeupayaan, berpengalaman, dan telah dilantik oleh LZNK serta mempunyai maklumat yang dikehendaki untuk mencapai objektif kajian ini. Perincian setiap informan yang dicadangkan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.



Jadual 1.2: Senarai informan

<b>Bil</b>	<b>LZNK Cawangan/Daerah</b>
1	<b>En. Hamidi bin Mohd Nor</b> Pegawai Zakat Dearah Kuala Muda, Kedah
2.	<b>Zikri Othman</b> Penolong Amil / Khariah Kampung Binjai Dearah Kuala Muda, Kedah
3.	<b>Muhamad Fauzee Ibrahim</b> Penolong Amil / Khariah Masjid At-Taubah Pinang Tunggal Dearah Kuala Muda, Kedah
4.	<b>Hafiz Muhaidi Hassan</b> Penolong Amil / Khariah Bakar Arang Dearah Kuala Muda, Kedah
5.	<b>En. Sofiyuddin bin Ismail</b> Pegawai Zakat Daerah Kota Setar, Kedah
6.	<b>Muhamad Hazamer Muslim</b> Penolong Amil / Khariah Masjid Seberang Kota Daerah Kota Setar, Kedah
7.	<b>Muhamad Solihin Hafiz Ahmad Shukri</b> Penolong Amil / Khariah Masjid Rafeah Taman Uda Daerah Kota Setar, Kedah
8.	<b>Mohamad Rodzi Shabudin</b> Penolong Amil / Khariah Taman Wira Daerah Kota Setar, Kedah
9.	<b>Logman Husain</b> Penolong Amil/Khariah Mergong Daerah Kota Setar, Kedah
10.	<b>En. Mohd Sani bin harun</b> Pegawai Zakat Daerah Kubang Pasu, Kedah
11.	<b>Hj. Rosni Saad</b> Penolong Amil / Khariah Masjid kampung Naga Daerah Kubang Pasu, Kedah
12.	<b>Yusri Man</b> Penolong Amil / Khariah Pulau Maharaja Daerah Kubang Pasu, Kedah



Kajian ini menggunakan instrumen kajian temu bual mendalam kepada informan secara bersemuka di pejabat cawangan LZNK daerah masing-masing dengan mengemukakan soalan-soalan berbentuk separa berstruktur. Soalan-soalan yang digunakan di dalam temu bual ini telah ditentukan terlebih dahulu oleh penyelidik. Soalan separa berstruktur ini bersesuaian kerana ia membolehkan informan dan penyelidik bebas untuk bertanya dan menjawab soalan berdasarkan maklumat yang diberikan. Kaedah ini memerlukan kemahiran komunikasi dalam untuk mendapatkan data dan memperoleh maklumat yang berkualiti bagi mencapai objektif kajian ini.

Pengumpulan data bagi kajian ini melibatkan pengumpulan data sekunder dan primer. Bagi data sekunder, data dikumpulkan melalui sumber dokumen seperti laporan, laman sesawang dan surat khabar yang mengandungi maklumat berkaitan kajian terutama yang melibatkan kaedah siasatan dan agihan bantuan zakat kepada asnaf oleh penolong amil di LZNK. Data yang telah dikumpulkan dianalisis menggunakan kaedah manual untuk tujuan memudahkan menyusun data-data yang besar dan kompleks. Bagi pengumpulan data primer, ia melibatkan kerja lapangan yang melibatkan 3 daerah yang dilakukan secara bersemuka di pejabat cawangan LZNK daerah masing-masing seperti daerah Kuala Muda, daerah Kota Setar dan daerah Kubang Pasu. Rakaman temu bual dilakukan bagi setiap temu bual yang berlangsung dan segala data dan maklumat yang diperolehi menjadi kerahsiaan. Kebenaran merekod diberikan oleh setiap informan sebelum sesi temu bual berlangsung. Setelah selesai sesi temu bual, transkripsi data temu bual dilakukan untuk memudahkan proses penganalisan data.

Data yang telah dikumpul telah dianalisis dan proses penganalisan data merupakan proses yang amat penting dalam memberikan informasi dan maklumat kepada jawapan bagi setiap persoalan kajian. Penyelidik melakukan analisa secara manual kerana masa yang terhad dan maklumat yang diperolehi kurang kompleks dan tidak memerlukan perisian tambahan bagi analisis data. Analisis data dilakukan berdasarkan objektif kajian dan diasingkan mengikut tema-tema tertentu berdasarkan kaedah analisis tema yang diperolehi melalui penelitian data yang berfokus. Proses seterusnya ialah membina hubungan daripada tema-tema yang diperolehi untuk melihat pandangan keseluruhan kaedah siasatan oleh Penolong Amil yang sedang dan telah dilaksanakan di daerah masing-masing. Jadual 2 menunjukkan hubungan antara objektif, persoalan dan kaedah penyelidikan bagi kajian ini yang memaparkan empat objektif kajian bagi mencapai empat persoalan kajian.



Jadual 1.3: Kaedah Penyelidikan

BIL	OBJEKTIF KAJIAN	KAEDAH PENYELIDIKAN		
		REKA BENTUK KAJIAN	PENGUMPULAN DATA	PENGANALISAN DATA
1	Menilai prosedur pemantapan unit risikan asnaf sedia ada di LZNK	KAJIAN KUALITATIF ASAS JENIS PENEROKAAN, DESKRIPTIF DAN PENJELASAN	KAJIAN DOKUMEN TEMUBUAL MENDALAM SOALAN SEPARA BERSTRUKTUR	ANALISIS KANDUNGAN KUALITATIF SECARA MANUAL
2	Menilai keperluan pemantapan unit risikan asnaf di LZNK			
3	Mengenalpasti keperluan dari perspektif Penolong Amil terhadap pemantapan unit risikan asnaf di LZNK			
4	Merangka garis panduan bagi penambahbaikkan pemantapan unit risikan asnaf di LZNK			

### Dapatan Kajian

LZNK telah menubuhkan Pusat Zakat disetiap daerah di Kedah sebagai pejabat cawangannya. Kajian ini membincangkan beberapa kaedah siasatan yang sedang dan telah dilaksanakan oleh Penolong Amil yang dilantik oleh LZNK bagi setiap daerah masing-masing yang terpilih seperti Daerah Kuala Muda, Daerah Kota Setar dan Daerah Kubang Pasu. Pegawai LZNK dan Penolong Amil yang telah dipilih mengikut daerah telah ditemubual oleh para penyelidik di pejabat LZNK daerah Kuala Muda, Kota Setar dan Kubang Pasu. Hasil temubual di antara penyelidik dan responden dipaparkan dibawah.

Jadual 1.4: Soalan temubual bersama Penolong amil/Pegawai zakat LZNK

<b>Nama</b>	
<b>Umur</b>	
<b>Taraf Pendidikan</b>	
<b>Tahun Lantikan</b>	
<b>Daerah</b>	
<b>Khairiah</b>	
<b>Pekerjaan Dahulu</b>	
<b>Kaedah Siasatan</b>	



Jadual 1.5: Kaedah Siasatan oleh Penolong Amil LZNK Daerah

BIL	DAERAH	NAMA PENOLONG AMIL LZNK	1	2	3	4	5
i.	Kuala Muda	Zikri Othman	Masjid tubuh JK Biro Kebajikan	Dapat maklumat dari JK untuk bantu asnaf	Isi borang bantuan	Siasat/ melawat asnaf	Hantar borang ke LZNK
ii.		Muhamad Fauzee Ibrahim	Masjid tubuh JK Biro Kebajikan	Dapat maklumat dari JK untuk bantu asnaf	Isi borang bantuan	Siasat/ melawat asnaf	Hantar borang ke LZNK
iii.		Hafiz Muhaidi Hassan	Berkenalan dgn ahli karyiah	Terima aduan dari ahli karyiah tentang asnaf	Isi borang bantuan	Siasat/ melawat asnaf	Hantar borang ke LZNK
iv.	Kota Setar	Logman Husain	War-warkan dalam FB (FB Kota Setar)	Terima aduan dari ahli karyiah tentang asnaf	Isi borang bantuan	Siasat/ melawat asnaf	Hantar borang ke LZNK
v.		Muhamad Hazamer Muslim	Hebah sebelum solat jumaat berkenaan bantuan asnaf LZNK	Terima aduan dari ahli karyiah tentang asnaf	Isi borang bantuan	Siasat/ melawat asnaf	Hantar borang ke LZNK
vi.		Muhamad Solihin Hafiz Ahmad Shukri	Hebah sebelum solat jumaat berkenaan bantuan asnaf LZNK	Terima aduan dari ahli karyiah tentang asnaf	Isi borang bantuan	Siasat/ melawat asnaf	Hantar borang ke LZNK
vii.		Mohamad Rodzi Shabudin	Hebah sebelum solat jumaat berkenaan bantuan asnaf LZNK	Terima aduan dari ahli karyiah tentang asnaf	Isi borang bantuan	Siasat/ melawat asnaf	Hantar borang ke LZNK
viii.	Kubang Pasu	Hj. Rosni Saad	Edar boring bantuan asnaf kepada ahli karyiah dan hebah sebelum solat jumaat berkenaan bantuan asnaf LZNK	Terima aduan dari ahli karyiah tentang asnaf	Isi borang bantuan	Siasat/ melawat asnaf	Hantar borang ke LZNK
ix.		Yusri Man	Masjid tubuh JK Biro Kebajikan	Terima aduan dari ahli karyiah tentang asnaf	Isi borang bantuan	Siasat/ melawat asnaf	Hantar borang ke LZNK




Ibadah zakat menurut syarak ialah perkara yang wajib dilakukan oleh orang Islam kepada asnaf yang berhak keatasnya seperti yang dinyatakan dalam Al-Quran, iaitu surah At Taubah, pada ayat 60 menjelaskan bahawa pembahagian zakat diagihkan kepada lapan golongan yang layak, iaitu orang fakir, orang miskin, amil, mualaf, hamba, orang yang dibebani hutang, orang berjuang di jalan Allah dan musafir di perjalanan. Bagi negeri Kedah Darulaman, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) merupakan institusi yang mengurus segala perkara berkaitan dengan urusan zakat termasuk menyampaikan zakat kepada asnaf yang layak. LZNK adalah tertakluk kepada perlembagaan persekutuan Malaysia di bawah kuasa negeri-negeri diletakkan di bawah bidang kuasa Perlembagaan Persekutuan Jadual Kesembilan. Kuasa ini berkaitan kutipan dan agihan zakat melalui Akta atau Enakmen khusus zakat Majlis Agama Islam Akta 559.

Pengurusan zakat yang berkesan oleh sesebuah organisasi amatlah penting bagi membangunkan ekonomi Islam disamping mengurangkan jurang kemiskinan dikalangan umat Islam. Maka, institusi zakat perlu bersedia dalam pelbagai bidang pengurusan, terutamanya membuat risikan diperingkat awal untuk memastikan asnaf yang layak menerima zakat. Kertas polisi ini juga menyarankan penambahbaikan pengurusan zakat kepada asnaf yang layak menggunakan adaptasi pengurusan lean melalui konsep gamba dan gembutsu/genjou. Pengurusan lean ini juga mencontohi kaedah yang telah digunapakai semasa pemerintah Saidina Umar Al-Khattab, di zaman pemerintahan beliau melaksanakan mekanisme pemantauan secara langsung kepada rakyat jelatanya terutamanya membuat risikan awal kepada asnaf yang layak mendapat bantuan zakat. Cadangan Penambahbaikan Unit Siasatan LZNK. Berdasarkan analisis dan hasil daripada temu bual dengan responden yang terlibat, semua Penolong Amil dan LZNK menggunakan kaedah yang hampir sama dalam menjalankan siasatan sebelum meluluskan bantuan kepada asnaf di daerah dan khariyah masing-masing.

Pengurusan agihan zakat yang efisien perlu diberi perhatian oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dalam menyokong konsep penambahbaikan yang berterusan. Kaedah ini mampu memaksimumkan semua sumber yang ada di dalam organisasi tersebut disamping mengurangkan pembaziran yang berterusan. Sebelum ini, pengurusan lean telah dilaksanakan dengan meluas dalam pelbagai industri dan amat kurang dalam bidang perkhidmatan, terutamanya tentang pengurusan zakat iaitu penagihan zakat kepada asnaf. Maka, untuk mencapai usaha yang murni ini, kefahaman dan pengetahuan serta kesedaran pengurusan lean berdasarkan adaptasi pengurusan gamba dan gembutsu/genjou adalah penting difahami oleh setiap peringkat pengurusan asnaf LZNK. Disamping pengukuhan unit risikan penagihan zakat, pengurusan lean juga dapat membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan LZNK dalam memberi kualiti yang terbaik kepada masyarakat di negeri Kedah Darulaman.


Adaptasi pengurusan *lean* berkonsepkan *gemba* dan *gembutsu/genjou* adalah menyokong teras 3 strategik LZNK. Terdapat tiga (3) strategik yang dicadangkan dalam kertas polisi ini.



Rajah 2.1: Teras Strategik Pengurusan Lean.

### Pengurusan *Lean*.

Pengurusan *lean*, salah satu pengurusan memberi kecenderungan nilai tambah kepada semua pemegang taruh, disamping mencapai efisien organisasi dan mengurangkan kos operasi dalam meningkatkan kecekapan pengurusan LZNK. Adaptasi pengurusan *lean* terhadap pengukuhan pengagihan zakat asnaf disyorkan seperti Rajah 2 di bawah.




Rajah 2.2: Pengurusan Lean di Pusat Risikan Zakat LZNK

1. Kenal pasti asnaf, iaitu proses risikan ini dilakukan pada awal proses bantuan zakat kepada yang layak, risikan ini dilakukan oleh penolong amil masjid atau pegawai risikan dari pejabat LZNK.
2. Risikan awal ini dibantu oleh senarai semak yang diisi oleh penolong amil masjid atau pegawai risikan dari LZNK. Senarai semak ini juga dijadikan sebagai garis panduan risikan untuk asnaf layak menerima zakat.
3. Menambahbaik masa/tempoh proses, saluran kepada asnaf dilakukan dengan masa/tempoh proses (21 hari) yang ditetapkan oleh LZNK.
4. Menambahbaik fungsi penolong amil atau pegawai zakat LZNK untuk mencapai proses penagihan kepada asnaf dengan lebih efisien.

### **Konsep *gemba* dan *gembutsu/genjou*.**

*Gemba* bermaksud keadaan sebenar sesuatu tempat tersebut. Dalam konsep lebih luas *gemba* boleh dikategorikan sebagai proses memerhati, mengenali, berkomunikasi, dan berkerjasama.



Rajah 2.3: Pengurusan *Gemba & Gembutsu/Genjou* Risikan Asnaf Zakat.

Pengurusan *lean* berkonsepkan *gemba* dalam risikan asnaf zakat ialah pemerhatian keadaan asnaf tersebut ditempat beliau tinggal, pemerhatian ini dilakukan oleh penolong amil zakat dan pegawai zakat dari LZNK. Disamping mengenali asnaf tersebut dengan lebih dekat iaitu *gembutsu*, berkomunikasi dengan asnaf dan jiran terdekat beliau disamping berkerjasama dalam menyalurkan bantuan yang diperlukan oleh asnaf tersebut iaitu *genjou*.



## Senarai semak *gamba dan gembutsu/genjou*

Senarai semak adalah satu garis panduan yang digunakan oleh unit risikan asnaf zakat bertujuan memudahkan urusan risikan dan juga dijadikan satu dasar yang sama setiap kali risikan dijalankan. Senarai semak ini dilakukan oleh penolong amil/pegawai zakat LZNK ditempat tinggal asnaf terlibat.

Jadual 1.6: Senarai semak Pemerhatian Asnaf

No	Senarai Semak	Layak	Tidak Layak
1	Proses pemerhatian dilakukan ditempat tinggal asnaf		
2	Keadaan rumah/tempat tinggal asnaf		
3	Kenderaan yang diguna/pakai oleh asnaf		
4	Makan dan pakaian semasa asnaf		

### Mengenal Asnaf


No	Senarai Semak	Layak	Tidak Layak
1	Mengenal latar belakang asnaf		
2	Mengenal bantuan-bantuan yang berkaitan berdasarkan latarbelakang asnaf		
3	Mengenal keluarga asnaf		
4	Mengenal sosial / persekitaran asnaf		

### Berkomunikasi Asnaf

No	Senarai Semak	Layak	Tidak Layak
1	Berkomunikasi dengan asnaf		
2	Berkomunikasi dengan jiran tertangga asnaf		
3	Berkomunikasi dengan pegawai bertanggungjawab / amil		

### Berkerjasama Asnaf

No	Senarai Semak	Layak	Tidak Layak
1	Berkerjasama dengan asnaf dan pihak-pihak yang berkaitan dalam usaha bantuan zakat kepada asnaf.		
2	Berkerjasama dalam menyalurkan maklumat asnaf kepada pihak yang berkenaan		



Rajah 2.4: Kerangka dasar pengagihan zakat kepada asnaf berdasarkan pengurusan lean.

Kerangka dasar ini menyasarkan pengukuhan pengagihan zakat kepada asnaf yang lebih efektif adalah melalui adaptasi pengurusan *lean* yang berkonsepkan *gemba* dan *gembutsu/genjou*.

## Kesimpulan

Agama Islam merupakan satu agama yang syumul dan lengkap yang mencakupi seluruh aspek dan ruang lingkup kehidupan manusia, termasuklah dalam bentuk pembangunan ekonomi, dan kekukuhan sosial masyarakat Islam. Oleh itu, peranan pengurusan zakat amatlah penting dalam membantu umat Islam dalam membangunkan umat Islam dari segi sosial kemasyarakatan yang lebih adil dan saksama. Ini kerana, amalan zakat juga merupakan salah satu rukun Islam yang wajib dipatuhi dan dilaksanakan apabila syarat-syaratnya lengkap.

Di Malaysia, institusi zakat diiktif sebagai satu badan yang bertanggungjawab hal ehwal berkaitan dengan pengurusan zakat yang diletakkan di bawah pengawasan Majlis Agama Islam Negeri. Namun, perbezaan dari segi pengurusan dan pentadbiran ini mewujudkan pelbagai kaedah dalam aktiviti pengurusan zakat kepada asnaf melalui pelbagai kaedah yang berbeza mengikut negeri masing-masing. Oleh itu, kertas polisi ini mencadangkan pelaksanaan pengagihan zakat kepada asnaf menggunakan adaptasi pengurusan *lean* yang berkonsepkan *gemba* dan *gembutsu/genjou*. Kriteria-kriteria *gemba* dan *gembutsu/genjou* adalah terdiri dari permerhatian, mengenali, berkomunikasi dan berkerjasama dengan asnaf adalah teras kepada konsep pengurusan *lean* disamping menyediakan senarai semak untuk proses risikan agar berjalan dengan lancar.



Terdapat banyak kelebihan yang diperolehi oleh sesuatu organisasi apabila menggunakan adaptasi pengurusan *lean* dalam organisasi mereka, tujuan kertas polisi ini adalah memberi garis panduan kepada LZNK dalam unit risikan dan agihan zakat kepada asnaf yang layak dengan lebih cekap dan efisien serta penambahbaikan yang berterusan ini di LZNK akan dapat membantu pelan strategik LZNK 2022-2025 dicapai dengan jayanya. Akhir sekali, Latihan berkala Bersama penolong Amil akan dilaksanakan di semua daerah di Kedah dalam masa terdekat.

## Rujukan

- Hassan, M. K. & Khan, J. M. (2007). Zakat, External Debt and Poverty Reduction Strategy in Bangladesh. *Journal of Economic Cooperation* 28(4): 1-38.
- Imtiaz, I.A. (2000), "Introduction" dalam I.A. Imtiaz et al. (eds.), *Management of Zakah in Modern Muslim Society*, Jeddah: IRTI/IDB, hh. 11-28.
- Laporan Agihan Dan Kutipan Lembaga Zakat Negeri Kedah 2011-2021
- Sadeq, A. H. M. (1995). *Ethioco-eco-Institution of Zakath: An Instrument of Self-Reliance and Sustainable Grass-Root Development*.
- Sanep A. (2006). Zakat syarikat perkongsian: Ke atas entiti syarikat atau individu. Dlm. *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan, disunting oleh Abdul-Ghafar & M.-T. Hailani*, 151-163. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.



## HALAL FASHION: ANALYSIS OF PREVIOUS STUDIES AND IMPLICATIONS FOR THE HALAL INDUSTRY

Septi Utari<sup>1</sup>  
Khairunisa<sup>2</sup>  
Azizi Abu Bakar<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Islamic Business School, College of Business, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,  
([septi\\_utari@cob.uum.edu.my](mailto:septi_utari@cob.uum.edu.my))

<sup>2</sup>Islamic Business School, College of Business, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,  
([Khairunisa\\_k@cob.uum.edu.my](mailto:Khairunisa_k@cob.uum.edu.my))

<sup>3</sup>Islamic Business School, College of Business, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,  
([abazizi@uum.edu.my](mailto:abazizi@uum.edu.my))

---

**Abstract:** *The rise of halal fashion is a very important phenomenon within the global fashion industry, which reflects the growing demand for goods that would be stylish and ethical, or even religiously appropriate. In this respect, the Sustainable Global Islamic Economy report points out that the growth potential of the halal industry, which covers fashion, is huge and boasts a multi-billion-dollar valuation. This paper discusses the implications of past research in the area of halal fashion for the industry. Through a literature review method, emergent key themes are identified from the literature which include marketing, consumer behavior, and product innovation. The findings of this study show that while demand for halal fashion has grown significantly, critical issues still persist in the understanding and application of halal principles among producers and consumers. These findings imply that the consequences for the industry will be directed toward effective marketing strategies, innovation of product design, and more consumer awareness—a realm already suggested in the report by SGIE. This research feeds into the insights required by industry practitioners and researchers for further development in the possibility of halal fashion within the global marketplace.*

**Keywords:** *(Halal Fashion, Halal Industry, Sustainable Global Islamic Economy)*

---

### Introduction

The Qur'an and Sunnah's emphasis on preserving modesty is reflected in various styles of Muslim dress, such as clothes covering the body appropriately, the use of non-transparent fabrics, and loose-fitting attire. Even with the diverse interpretations of 'modesty' among Muslims worldwide, there remain some of the essential aspects that qualify for a garment to be 'modest.' Sustainable and ethical practices in production and the use of halal materials are also gaining increasing importance among Muslim countries, attracting eco-conscious consumers to modest fashion products. "Islamic economy" as "sectors comprising core products/services that are structurally affected by Islamic ethics and law." Islamic law, underlying the notion of "Halal" or





permissible, directly impacts the core products and services offered in a number of economic sectors, including Halal Modest Fashion according to Global Islamic Economy Report 2023/2024, Muslims spent Muslim spending on fashion reached US\$318 billion in 2022, up by 8.4% from US\$293 billion in 2021, and is forecasted to reach US\$428 billion by 2027, growing at a CAGR of 6.1% (State of the Global Islamic Economy Report, 2023).

Table 1.1: Consumer Spending Estimate for Fashion Sector

Country	2022 Consumer Spending (USD Billion)
Turkey	36.7
Indonesia	1.2
Saudi Arabia	24.3
Pakistan	23.8
Egypt	22.7

Source: State of the Global Islamic Economy Report 2023, p.38

Considering the report in its tenth year, the GIEI seeks to quantify the top national ecosystems in terms of population and GDP that are most capable of fostering the growth of Islamic economic activity. For nations looking to expand their Islamic economic offerings, the GIEI has been a crucial tool since its creation. This enables them to identify problem areas and take direct action to fix them. A composite weighted index, the GIEI evaluates a nation's Islamic economic sector's overall development by comparing its performance to wider societal responsibilities. It has 52 indicators grouped into five components for each of the seven Islamic economic sectors: media and entertainment, halal fashion, halal medicines and cosmetics, Muslim-friendly travel, halal food, and Islamic finance.

This paper aims to fill this gap by analyzing previous studies related to halal fashion published between 2020 and 2023, thereby providing a thorough overview of the current state of knowledge in this field. The primary objectives of this literature review are to systematically assess the existing body of research on halal fashion, identify key themes and trends, explore consumer behavior and preferences, and evaluate the implications for stakeholders in the halal industry. By synthesizing the findings from previous studies, this research seeks to highlight the critical intersections between fashion, faith, and consumerism, ultimately contributing to a more nuanced understanding of how halal principles can be integrated into the fashion industry.

### Halal Fashion Concept

Along with the growing demand for Muslims and other religious followers to dress in accordance with their faith's regulations, the global Muslim fashion sector has started to grow and diversify during the past three decades (Sumarlia et al., 2022). (Timur et al., 2022) state that fashion products can be considered to adhere to the halal supply chain if all of the



processes, from choosing and determining raw materials to designing and manufacturing processes to distributing to retailers, adhere to Islamic regulations based on the Al-Quran and Hadits. Although there are several definitions of fashion, the concept is, in theory, always linked to shifts in people's preferences within a certain time period and due to specific sociocultural events. There are stringent dress codes for Muslims. We Muslims have to wear certain clothes. This kind of attire is referred to as modest or Islamic fashion. Islamic clothing is driven by the fundamental Islamic obligation to maintain modesty, according to the Qur'an and Sunnah. The entire body, including the hands, feet, and head, must be covered, especially for women. A strong religious identity produced by religious understanding is frequently symbolized by simple attire. It is impossible to separate Sharia principles from the laws of

Fashion, which are given in the Qur'an. Nearly every Sharia established in the Qur'an incorporates identity law as a political purpose, which leads to the aim of building a cohesive legal structure with a distinct character. In addition to its important role in shaping legal ethics in apparel, the concept of fashion also reflects the very high intellectual standards that Islam has ingrained. Unbeknownst to them, fashion has actually evolved into a negotiating stance for Muslims worldwide and has become an identity for all Muslims. Fashion encompasses anything that has to do with a person's personal style and attire, or attire that is shaped in accordance with the times. Every human being has the option to follow Allah's commands, which will guide them to true goodness, or to take the opposite route, which is to follow the path of lust and the temptations of Satan, which will cause them to become easily disturbed.

So that is related to the theory of Maqasid Syariah focuses on the ultimate objectives of Islamic law, such as the protection of religion, life, intellect, lineage, and property. When linking the thoughts of (Musyifikah Ilyas and Rita Zahara) about fashion in Islamic law to this theory, several important aspects can be identified: Protection of Identity, fashion that aligns with Islamic values helps individuals express their beliefs and safeguard Muslim identity, consistent with the goals of Maqasid Syariah, Ethics and Morality, Ilyas demonstrates that fashion can shape ethical standards in dressing. Clothing that adheres to Sharia promotes moral values and positive social norms. Social Inclusion, Rita Zahara emphasizes that fashion consistent with Islamic principles can strengthen the sense of belonging among Muslims, fostering stronger social bonds and maintaining harmony within the community. Well-being and Health, Islamic law also encourages the selection of clothing that supports health and comfort, highlighting physical and mental well-being. So, halal fashion represents a growing movement that aligns with Islamic principles while addressing contemporary clothing needs. It not only embraces modesty and ethical standards but also reflects the core objectives of Maqasid Syariah. By promoting modesty, halal fashion protects the dignity and identity of individuals, in line with the Islamic imperative of safeguarding religion and moral values.



## Market Dynamics and Opportunity

The fashion industry is an ever-changing, developing market driven by so many variables. Being in the know of such changing market dynamics and emerging opportunities is significant for any company in trying to be competitive on the world stage. As consumer preference becomes increasingly diverse and unpredictable, issues such as sustainability, ethics of sourcing, and personalized experiences will continue to drive purchasing decisions. Brands will be required to move along with such demands. Technology changed the design and production of fashion and transformed new ways of marketing and retail. The usage of e-commerce, social media, and data analytics will change the way brands communicate with consumers and their way of doing business. Growing awareness of all environmental and social issues is putting pressure on brands to adopt sustainable practices. In return, consumers are asking for more eco-friendly materials, ethical methods of production, and full transparency in supply chains.

The state of the global economy, such as fluctuations or uncertainties pertaining to inflation and recessionary pressures, affects consumer spending and hence influences the growth trajectory in the fashion industry. Brands are increasingly competing in an integrated global fashion marketplace that is highly diversified. Because of this fact, competition has become stronger, and businesses must innovate strategies that would help them stay ahead. (McKinsey & Company, 2023). Observing the ongoing growth of the global halal economy, one can easily notice that the proportion of the Muslim population is one of the contributing factors towards this expansion, especially in the third world countries. In addition, the growing consumers' interest in purchasing halal items fuels the progress of the global halal economy. Global markers see a huge market in the Muslim population which is 1.8 billion people. The global halal market has been on the upward trend over the last few years with its food products sales shares worth for \$632 billion, depicting 16% of the overall global food industry in a situation of the global halal market, the presence of proper halal products and services comes as a major factor which drives consumer interests. Consumer confidence can be improved by issuing trustworthy halal licensing. For this reason, halal assessment bodies are important with regards to maturing the global halal market. (Prayuda et al., 2023)

The world of fashion is a fast-changing and continually growing market which is affected by different aspects like customers' demands, technology, sustainability, and the economy. In order to be relevant in the industry, the brands are forced to make changes and accept ethical sourcing and sustainability as well as design, marketing, and retail technology. At the same time, the fashion market stands to benefit from the growing global halal economy. Muslim population growth alongside increasing patronage of halal products by the general population is the driving reason for the emergence of this market segment which is characterized by a need for credible halal certification and ethical indulgence. Fashion brands will have to go beyond conforming to the prevailing trends and respond to the values and needs of the emergent halal market by ensuring ethical and sustainable practices in their entire value chain in order to be



successful in the coming years. This will help brands make themselves relevant to more consumers and at the same time make the fashion industry more responsible and diverse

## Halal Industry

The halal business involves the use of instruments and equipment that are approved by Islamic sharia in the processing of goods. The goals and operations of the halal sector are a way for LAW No. 33, which was passed in 2014 and deals with the guarantee of halal products, to be expressed. In order to protect each citizen's right to practice their own religion, the LAW was created, and the nation is required to guarantee that the products are halal. But since not all community items are guaranteed, it is vital to make sure that UU has legal certainty on the guarantee of Halal products. (Mujahidin, M, 2020). The market for halal products is expanding along with the size of consumers, and the halal business has tremendous potential on a worldwide scale. With 2.18 billion Muslims, or 28.26% of the world's population, the halal industry is currently growing beyond food and drink due to the Muslim population's annual growth of 1.84 percent. In recent years, a number of Muslim and non-Muslim nations have been vying to establish and provide sharia-compliant enterprises. (Battour, et al 2021).

So, nations with a majority of Muslims and non-Muslims are vying for a higher Muslim market share and the development of the halal business. This will boost customer trust, ease international trading in halal goods, and promote the expansion of the halal sector overall. To build a halal industry that is inclusive, sustainable, and advantageous for all people, governments, corporate actors, and international organizations should work together. By highlighting the expansion of the global market, economic potential, and the necessity of international standardization, the author hopes to increase awareness of the significance of the halal industry globally and promote group efforts to fully utilize its potential for the benefit of global welfare and economic advancement. So, the halal industry is a global market with a rapid growth potential which is in tandem with the increasing demand from consumers and the higher enforcement of halal standards. Although the halal market possesses attractive opportunities, serving local as well as international Muslims is quite a challenging task due to cultural, geopolitical, and operational factors. More so, producers and sellers in every corner of the globe need to comply with the expectations of their consumers regarding the halal market and try to achieve the halal scope standards imposed by relevant certification authorities. This will help them in winning the depreciation and enhancing the share of the market.

## Methodology

This study employs a descriptive analytic approach in terms of reviewing systematically the literature to gather data from prior research and documentation projects. The required data to develop the content of this study were taken from the Mendeley and Google Scholar electronic data literacy search engines. Data searching in this study used Publish or Perish applications,



using keywords: "Halal Fashion, Halal Industry, SGIE". Out of the search results related to research, Journal was found as many as 1000. After going through the phase of exclusion and inclusion, the journal was published in 2019-2024, then 132 articles were found. Then found 24 articles that are adequate and provide complete information. Then summarized into 12 articles that provide the most complete information. Secondary data were documents and publications on the implications, progress, and challenges of halal fashion in relation to the whole industry. Data collected are presented in figures and tables and discussed narratively with regards to the prior theories and research on the topic. This coursework requires students to find several sources of information, including books, scientific publications, and online news and article websites. Another strategy was documentation using the 2020–2023 report on Sustainable Global Islamic Economy Result and Discussion

These two individuals exemplified how the initial seed capital could multiply significantly, with both achieving sales that returned 10x the initial capital and profits 5x their seed money. Their ongoing growth signifies the potential long-term impact of the program. As the students developed their business ideas, they began to see a shift within themselves. No longer just recipients of zakat, they started to envision a future where they could contribute back to their communities, becoming muzaki - givers rather than takers. This transformation aligned beautifully with several Sustainable Development Goals (SDGs), particularly those focusing on poverty alleviation, quality education, and reduced inequalities (Cordova, & Celone, 2019). With every online shop launched and each sale made, the students not only contributed to their financial independence but also fostered a sense of community. They shared their experiences, encouraged one another, and celebrated each other's accomplishments, resulting in a thriving network of young entrepreneurs. This program did more than simply give urgent relief; it also established the foundation for a resilient ecology in which future generations may thrive.

This story serves as a powerful reminder of the impact that thoughtful initiatives can have on individuals and communities. By nurturing potential and providing the right tools, we can transform lives and create lasting change. The journey from dependence to empowerment is not just a dream; it can become a reality for those willing to take the leap and embrace their entrepreneurial spirit.

## Conclusion

The effort for a digital social entrepreneurship program through a partnership between UUM Zakat and Waqf Centre (PZW) and Products2U (P2U) has yielded numerous benefits, the most notable of which is the empowerment of asnaf entrepreneurs, as demonstrated by



success stories in which individuals change as a result of zakat investment and personalized coaching. The program encourages skill development and digital literacy among participants, preparing them to compete in a competitive economy. By equipping asnaf individuals with digital skills and entrepreneurial opportunities, they can achieve financial independence, thereby transforming from aid recipients to contributors. This transition not only ensures their sustained success but also creates a ripple effect, as these individuals can then support others in their community. This approach fosters a culture of giving and resilience, reinforcing the cycle of socio-economic improvement and sustainability.

### Acknowledgment

We extend our deepest appreciation to the UUM Zakat and Waqf Centre (PZW) and the Institute of Zakat Research and Innovation (IPIZ) for granting us the invaluable opportunity to present and publish this paper at the ZAWED 2024 conference. The support and commitment to academic excellence have been instrumental in the successful completion of this work.

### References

- Ahmadun, M., Tarmudi, Z., Matmali, N., Saili, J., & Mustapa, M. (2023). Zakat Distribution Model Based on the Diversity of Asnaf Background. *International Journal of Academic Research in Economics and Management Sciences*, 12(1). <https://doi.org/10.6007/ijarems/v12-i1/16158>
- Azmi, N. (2023). Fostering Equality and Inclusion: Exploring Zakat Governance Empowerment in Higher Educational Institution. *Almimbar*, 84-96. <https://doi.org/10.53840/almimbar.v3i2.80>
- Bukht, R. and Heeks, R. (2017). Defining, conceptualising and measuring the digital economy. *SSRN Electronic Journal*. <https://doi.org/10.2139/ssrn.3431732>
- Cordova, M. and Celone, A. (2019). SDGs and Innovation in the Business Context Literature Review. *Sustainability*, 11(24), 7043. <https://doi.org/10.3390/su11247043>
- Din, N., Ismail, M., Muhammad, M., Rosdi, M., & Mahmood, T. (2019). Asnaf's Contribution through Asnaf Entrepreneurship Program: Turning Over Model Issues. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(9). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v9-i9/6369>
- Hasri, D. and Rizqi, R. (2022). The Economic and Sociological Analysis of Social Entrepreneurship and Socio-Entrepreneurship. *International Journal of Research and Review*, 9(6), 488-495. <https://doi.org/10.52403/ijrr.20220652>
- Hein, A., Schrieck, M., Riasanow, T., Setzke, D., Wiesche, M., Böhm, M., & Krcmar, H. (2019). *Digital Platform Ecosystems*. *Electronic Markets*, 30(1), 87-98. <https://doi.org/10.1007/s12525-019-00377-4>



- Jadmiko, P. (2023). Social entrepreneurship education in higher education. *Jurnal Apresiasi Ekonomi*, 11(3), 520-527. <https://doi.org/10.31846/jae.v11i3.675>
- Jamaludin, N., Zaki, H., & Fernandez, D. (2022). The approach of sport-based social entrepreneurship contributing to social sustainability: a conceptual framework. *International Journal of Academic Research in business and social Sciences*, 12(9). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i9/14505>
- Mokodenseho, S. (2024). The strategic role of zakat management in socio-economic empowerment of the ummah. *WSiSS*, 2(02), 114-120. <https://doi.org/10.58812/wsiss.v2i02.821>
- Omar, A., Jamlin, N., Arshad, R., Isa, R., & Adul, S. (2022). A Study On Zakat Education Assistance for Poor Asnaf Student in Sabah. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(9). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i9/14582>
- Paul, P. (2020). Artificial Intelligence & Cloud Computing in Environmental Systems—Towards Healthy & Sustainable Development. *International Journal of Inclusive Development*, 6(1). <https://doi.org/10.30954/2454-4132.1.2020.10>
- Racheal, A. and Obarinu, A. (2020). Self-Efficacy and Entrepreneurial Mindset: Towards Societal Re-Engineering. *International Journal of business Economics and Management*, 7(5), 261-273. <https://doi.org/10.18488/journal.62.2020.75.261.273>
- Rosalina, H. and Bahri, E. (2022). Optimizing Disbursement of Zakat Funds for Asnaf Entrepreneurs. *Itqan Journal of Islamic Economics Management and Finance*, 1(1), 1-7. <https://doi.org/10.57053/itqan.v1i1.1>





## PERANAN AKAD TIJARI UNTUK MEMPERKASA PEMBIAYAAN ASNAF

**Mohd Sollehudin Shuib<sup>1</sup>**  
**Mohd Murshidi Mohd Noor<sup>2</sup>**  
**Muhamad Noor Habibi Hj Long<sup>3</sup>**  
**Rabiatul Adawiyah Che Halim<sup>4</sup>**

<sup>1</sup>Islamic Business School, College of Business, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, ([sollehudin@uum.edu.my](mailto:sollehudin@uum.edu.my))

<sup>2</sup>Islamic Business School, College of Business, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, ([murshidi@uum.edu.my](mailto:murshidi@uum.edu.my))

<sup>3</sup>Islamic Business School, College of Business, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, ([mnhabibi@uum.edu.my](mailto:mnhabibi@uum.edu.my))

<sup>4</sup>Islamic Business School, College of Business, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,

---

**Abstrak:** Artikel ini membincangkan peranan akad tijari dalam membantu usahawan, khususnya usahawan asnaf, melalui pelbagai sumber dana patuh syariah. Akad tijari, seperti murabahah, mudharabah, musharakah, dan ijarah, menawarkan mekanisme pembiayaan yang adil dan selari dengan prinsip syariah untuk membantu golongan asnaf memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka. Sumber dana utama yang menyokong pembiayaan ini termasuk zakat, wakaf, sadaqah, tabung amanah, CSR institusi kewangan Islam, modal teroka Islam, dan kewangan mikro Islam. Setiap sumber dana ini memainkan peranan penting dalam menyediakan modal, menggalakkan keusahawanan, serta membina kestabilan ekonomi bagi golongan asnaf. Pembiayaan melalui akad tijari membolehkan asnaf mengatasi kemiskinan dengan memberi peluang kepada mereka untuk berdikari dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi secara keseluruhan.

---

**Kata Kunci:** Akad Tijari, Usahawan Asnaf, Pembiayaan Patuh Syariah

---

### Pendahuluan

Akad tijari merupakan akad yang melibatkan transaksi perdagangan atau perniagaan dengan tujuan mendapatkan keuntungan. Dalam konsep ini, pihak-pihak yang terlibat sepakat untuk melakukan pertukaran barang atau jasa dengan imbuhan tertentu, biasanya berupa harga atau bayaran yang telah dipersetujui. Tujuan utama akad tijari adalah mencari keuntungan, dan pihak-pihak yang terlibat memiliki kebebasan untuk menetapkan syarat-syarat transaksi selama syarat-syarat tersebut tidak melanggar prinsip-prinsip syariah.



Antara contoh akad tijari yang umum ialah akad jual beli (*bai'*), sewa (*ijarah*), dan pembiayaan perdagangan (*murabahah*). Dalam kes jual beli, penjual dan pembeli setuju untuk menukar barang dengan harga tertentu. Dalam sewa, pemilik memberikan hak penggunaan aset kepada pihak lain dengan bayaran sewa. Manakala, *murabahah* melibatkan pembelian barang oleh institusi kewangan untuk dijual semula kepada pelanggan dengan harga yang ditambah margin keuntungan. Akad tijari berbeza dengan akad *tabarru'* yang bersifat kebajikan, seperti hibah atau wakaf, di mana keuntungan bukanlah tujuan utama. Dalam Islam, akad tijari harus mematuhi syarat-syarat tertentu, seperti kejujuran, keterbukaan, dan persetujuan bersama, untuk memastikan keadilan bagi semua pihak yang terlibat (Antonio, 2001).

### **Jenis Akad Tijari**

Akad tijari dalam konteks perniagaan Islam terbahagi kepada beberapa jenis, bergantung pada bentuk transaksi dan perjanjian antara pihak-pihak yang terlibat. Berikut adalah beberapa jenis akad tijari yang umum:

#### **Bai' (Jual Beli)**

Ini merupakan akad pertukaran barang dengan harga tertentu yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Terdapat pelbagai jenis jual beli dalam Islam, termasuk *bai' musawamah* (jual beli tanpa menyebut harga pokok) dan *bai' murabahah* (jual beli dengan penambahan margin keuntungan yang dinyatakan). Dalam *murabahah*, institusi kewangan membeli barang atas permintaan pelanggan dan menjualnya dengan harga yang mencakupi kos dan keuntungan.

#### **Ijarah (Sewa)**

Akad ini melibatkan penyewaan atau peminjaman suatu aset atau barang dengan bayaran tertentu. Pemilik aset memberikan hak penggunaan kepada penyewa untuk tempoh tertentu, dan sebagai balasan, penyewa membayar sewa kepada pemilik. Aset yang biasa disewa termasuk hartanah, peralatan, dan kenderaan.

#### **Mudharabah (Pembiayaan Berasaskan Keuntungan)**

Dalam akad *mudharabah*, salah satu pihak (*rabbul mal*) menyediakan modal, manakala pihak lain (*mudharib*) bertindak sebagai pengurus perniagaan. Keuntungan dibahagi antara kedua-dua pihak berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui, tetapi kerugian hanya ditanggung oleh pemodal, kecuali jika kerugian itu disebabkan kecuaiian atau penyelewengan pengurus.

#### **Musharakah (Perkongsi Keuntungan dan Kerugian)**

Ini adalah perjanjian perkongsi di mana dua atau lebih pihak menyumbang modal untuk menjalankan perniagaan. Keuntungan dan kerugian dikongsi berdasarkan nisbah yang dipersetujui bersama. Akad ini sering digunakan dalam pembiayaan



projek atau pelaburan besar di mana semua pihak mempunyai hak dalam membuat keputusan.

### **Salam (Jual Beli dengan Bayaran di Awal)**

Dalam akad salam, pembeli membayar harga barang secara penuh di awal, tetapi penghantaran barang dilakukan kemudian. Jenis akad ini biasanya digunakan dalam sektor pertanian di mana barang (seperti hasil tanaman) belum tersedia pada waktu pembayaran.

### **Istisna' (Jual Beli Berasaskan Pesanan)**

Akad ini melibatkan pembuatan atau pembinaan sesuatu barang atau projek atas permintaan pembeli, di mana pembayaran boleh dilakukan secara ansuran sepanjang tempoh pembuatan atau pada masa penghantaran. Istisna' sering digunakan dalam industri pembinaan dan pembuatan barangan khusus.

Semua jenis akad ini memerlukan persetujuan bersama, ketelusan, dan kejujuran dalam transaksi, sesuai dengan prinsip syariah.

## **Akad Tijari untuk Membantu Usahawan dan Usahawan Asnaf**

Akad tijari mempunyai potensi besar untuk membantu perkembangan usahawan, termasuk golongan usahawan asnaf, iaitu mereka yang tergolong dalam kategori penerima zakat. Dalam ekonomi Islam, akad tijari seperti *murabahah*, *ijarah*, *mudharabah*, dan *musharakah* bukan sahaja bertujuan untuk mendapatkan keuntungan tetapi juga untuk mewujudkan keadilan dan membantu golongan yang memerlukan, seperti asnaf, untuk memajukan ekonomi mereka. Akad tijari menawarkan pelbagai mekanisme pembiayaan yang patuh syariah dan sesuai untuk membantu usahawan, termasuk golongan asnaf. Instrumen seperti *murabahah*, *mudharabah*, *musharakah*, *ijarah*, *salam*, dan *istisna'* boleh dimanfaatkan untuk membantu golongan usahawan yang memerlukan modal untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan. Dengan sokongan daripada institusi kewangan Islam dan organisasi zakat, akad-akad ini dapat menjadi alat yang efektif untuk memperbaiki taraf ekonomi usahawan asnaf serta mengurangkan kemiskinan.

## **Sorotan Literatur**

Pelbagai jenis akad tijari digunakan dalam sistem perbankan dan kewangan Islam, termasuk jual beli (*bai'*), perkongsian (*musharakah*), pembiayaan (*mudharabah*), dan kontrak sewa (*ijarah*) yang kesemuanya tertakluk kepada prinsip-prinsip syariah. Berikut adalah sorotan literatur penting berkaitan konsep ini:



### **Jual Beli (Bai')**

Literatur banyak menekankan peranan *bai'* dalam perbankan Islam, terutamanya *murabahah*, di mana bank membeli barangan atas permintaan pelanggan dan menjualnya dengan penambahan margin keuntungan. Antonio (2001) menyatakan bahawa *murabahah* menjadi salah satu bentuk pembiayaan paling popular dalam perbankan Islam kerana kesederhanaannya dan pematuhannya kepada prinsip-prinsip syariah. El-Gamal (2006) juga memperakui populariti *murabahah*, tetapi mengkritik penggunaannya yang berlebihan, yang mana menurut beliau, kadangkala mendekati amalan riba.

### **Sewa (Ijarah)**

Ijarah, atau kontrak sewa, mendapat perhatian dalam sektor kewangan Islam kerana fleksibilitinya. Menurut Usmani (2002), ijarah memberikan alternatif kepada pinjaman konvensional dengan menawarkan kontrak yang sesuai dengan syariah. Lewis dan Algaoud (2001) menambah bahawa dalam ijarah, pemilikan kekal pada penyewa sehingga tamat tempoh sewa, yang membezakan ijarah daripada kontrak sewa konvensional.

### **Perkongsian Keuntungan dan Kerugian (Mudharabah & Musharakah)**

Mudharabah dan musharakah adalah dua bentuk kontrak perkongsian yang menjadi tumpuan dalam literatur mengenai perbankan Islam. Menurut Obaidullah (2005), kedua-dua kontrak ini penting dalam menggalakkan kerjasama antara pihak yang mempunyai modal dan keupayaan pengurusan. Keduanya juga dilihat lebih selaras dengan prinsip keadilan dalam Islam berbanding dengan kontrak lain seperti *murabahah*, kerana keuntungan dan kerugian dikongsi secara adil. Siddiqi (2004) menekankan bahawa *mudharabah* memainkan peranan penting dalam pelaburan kewangan Islam, dengan pemodal (*rabbul mal*) berkongsi keuntungan tanpa perlu terlibat dalam pengurusan perniagaan.

### **Salam dan Istisna'**

Dalam konteks jual beli masa depan, akad *salam* dan *istisna'* digunakan untuk transaksi di mana barang atau perkhidmatan akan dihantar atau disiapkan kemudian. Khan dan Ahmed (2001) menjelaskan bahawa *salam* sering digunakan dalam sektor pertanian, di mana pembeli membayar harga sepenuhnya pada awal, manakala barang dihantar kemudian. *Istisna'*, di sisi lain, digunakan dalam sektor pembuatan dan pembinaan, di mana tempahan dibuat berdasarkan keperluan khusus. Menurut Ayub (2007), *istisna'* membolehkan fleksibiliti dalam pembayaran dan penghantaran, menjadikannya relevan dalam projek pembinaan yang panjang.

### **Keadilan dan Ketelusan dalam Akad Tijari**

Beberapa kajian juga menekankan pentingnya keadilan dan ketelusan dalam akad tijari. Lewis (2001) menunjukkan bahawa semua akad tijari mesti mematuhi syarat keterbukaan dan keadilan bagi memastikan tiada pihak yang dieksploitasi. Ini selaras dengan kajian



Farooq (2011), yang menekankan pentingnya *gharar* (ketidakpastian) dielakkan dalam semua akad untuk mengelakkan penipuan dan ketidakpastian dalam kontrak.

Secara keseluruhan, literatur mengenai akad tijari menunjukkan betapa pentingnya instrumen ini dalam membangunkan sistem perbankan Islam yang patuh syariah. Walaupun terdapat cabaran dalam pelaksanaannya, seperti penggunaan *murabahah* yang berlebihan, akad tijari tetap menjadi asas kepada transaksi perniagaan yang adil dalam konteks Islam. Perbincangan berkaitan zakat telah banyak diterbitkan dalam bentuk artikel dan buku juga di makalah. Perbincangan konsep zakat, asnaf zakat, perkembangan asnaf berdasarkan keadaan semasa sehinggalah pembiayaan menggunakan wang zakat telah dibahas sejak dahulu.

Muzakarah pada tahun 2022-2023 di Malaysia turut membahas kembali pembiayaan berkaitan zakat menggunakan akad tijari. Pembiayaan berasaskan akad tijari yang menggunakan dana zakat. MUZAKARAH 2022 mengambil maklum bahawa:

- (a) Penggunaan dana zakat bagi pembiayaan berasaskan akad tijari berkait dengan keharusan pelaburan dana zakat.
- (b) Ulama berbeza pendapat tentang hukum pelaburan dana zakat di mana majoriti ulama tidak membenarkan dan sebahagian ulama lain membenarkan dengan bersyarat.
- (c) Setakat hari ini, Baitulmal Aceh Indonesia (di peringkat Nusantara) menggunakan akad tijari (iaitu *muḍārabah*) bagi pembiayaan menggunakan dana zakat.
- (d) Antara kontrak Syariah yang berpotensi untuk diaplikasi termasuk *mushārahah mutanāqīshah*, *istiṣnāʿ*, *salam*, dan *murābahah*

### **Sumber Dana Akad Tijari untuk Pembiayaan Asnaf**

Pembiayaan untuk golongan asnaf melalui akad tijari merupakan salah satu cara untuk menggalakkan keusahawanan dalam kalangan asnaf sambil mematuhi prinsip-prinsip syariah. Sumber dana untuk membiayai usahawan asnaf dalam sistem Islam boleh datang daripada pelbagai sumber yang patuh syariah. Berikut adalah beberapa sumber utama yang boleh digunakan dalam akad tijari untuk pembiayaan asnaf:

#### **Dana Zakat**

Zakat merupakan salah satu sumber utama dalam membantu golongan asnaf. Zakat, sebagai kewajiban agama, dikutip daripada orang Islam yang memenuhi syarat-syarat tertentu dan diagihkan kepada lapan golongan penerima zakat, termasuk asnaf. Penggunaan zakat untuk membantu membiayai aktiviti perniagaan asnaf adalah selaras dengan prinsip zakat yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup penerima zakat.

Menurut kajian oleh Farooq (2011), zakat boleh digunakan untuk menyediakan modal awal kepada asnaf melalui pelbagai bentuk akad tijari seperti *mudharabah* atau *murabahah*,



dengan tujuan untuk membantu mereka memulakan perniagaan. Dengan bantuan zakat, asnaf dapat beralih daripada penerima zakat kepada golongan yang mampu berdikari melalui perniagaan.

### **Dana Wakaf**

Wakaf adalah satu bentuk infaq yang bersifat kekal, di mana harta yang diwakafkan digunakan untuk manfaat umum. Dalam konteks pembiayaan asnaf, wakaf produktif boleh digunakan sebagai sumber modal untuk membiayai perniagaan asnaf. Wakaf produktif merujuk kepada aset atau dana wakaf yang dilaburkan dalam aktiviti perniagaan yang boleh menghasilkan pulangan. Pulangan tersebut kemudiannya digunakan untuk tujuan kebajikan, termasuk membantu golongan asnaf.

Menurut kajian oleh Cizakca (1998), wakaf telah lama digunakan dalam dunia Islam untuk menyokong ekonomi masyarakat miskin melalui pelbagai projek sosial dan ekonomi. Dalam konteks ini, dana wakaf boleh digunakan untuk membiayai projek perniagaan asnaf melalui akad tijari seperti *musharakah* atau *ijarah*, di mana wakaf menyediakan aset atau modal yang digunakan dalam perniagaan.

### **Dana Tabung Kebajikan Islam (Sadaqah dan Infaq)**

Selain zakat dan wakaf, sadaqah (sedekah) dan infaq juga boleh menjadi sumber dana bagi membantu asnaf memulakan perniagaan. Sadaqah adalah sumbangan sukarela yang tidak terikat kepada mana-mana pihak tertentu, dan boleh digunakan untuk membantu mana-mana individu yang memerlukan. Infaq pula merujuk kepada perbelanjaan yang dikeluarkan untuk kebaikan dan kebajikan.

Menurut Usmani (2002), dana sadaqah dan infaq boleh digunakan untuk menyediakan modal kecil kepada usahawan asnaf dalam bentuk pembiayaan mikro. Dana ini boleh diurus oleh institusi kewangan Islam atau badan kebajikan untuk memberikan sokongan pembiayaan kepada asnaf melalui kontrak seperti *murabahah*, di mana barangan atau peralatan perniagaan dibeli dan dijual kepada asnaf dengan harga yang mengandungi margin keuntungan rendah.

### **Tabung Amanah Usahawan Asnaf**

Tabung amanah yang diwujudkan khusus untuk membiayai aktiviti usahawan asnaf juga boleh menjadi salah satu sumber dana. Tabung amanah ini boleh dibentuk oleh badan-badan Islam, institusi kewangan Islam, atau organisasi kebajikan yang bertujuan untuk menyokong perkembangan ekonomi asnaf melalui keusahawanan.

Dalam tabung ini, sumbangan daripada pihak kerajaan, institusi kewangan, atau individu boleh disalurkan untuk memberikan pinjaman tanpa faedah atau pembiayaan patuh syariah kepada usahawan asnaf. Tabung amanah ini boleh menggunakan akad seperti *mudharabah*



atau *musharakah*, di mana tabung bertindak sebagai pemodal, manakala asnaf sebagai pengurus perniagaan.

### **Dana CSR (Corporate Social Responsibility) Institusi Kewangan Islam**

Corporate Social Responsibility (CSR) oleh institusi kewangan Islam juga boleh dijadikan sumber pembiayaan bagi asnaf. Sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial mereka, bank Islam dan institusi kewangan lain boleh menyediakan dana khas untuk membantu golongan asnaf memulakan perniagaan atau membiayai projek ekonomi mereka. Menurut Lewis dan Algaoud (2001), CSR dalam institusi kewangan Islam sering difokuskan pada pembangunan ekonomi masyarakat melalui program-program pembiayaan patuh syariah. Institusi kewangan ini boleh menggunakan akad seperti *musharakah* atau *ijarah* untuk memberikan pembiayaan kepada usahawan asnaf dengan mengurangkan risiko kepada kedua-dua pihak.

### **Dana Modal Teroka Islam (Islamic Venture Capital)**

Modal teroka Islam adalah satu lagi bentuk sumber dana yang boleh digunakan untuk membantu asnaf. Dalam modal teroka Islam, pelabur menyediakan modal kepada usahawan dengan jangkaan untuk mendapatkan pulangan berdasarkan keuntungan yang dihasilkan daripada perniagaan. Menurut Obaidullah (2005), modal teroka Islam boleh digunakan untuk menyokong usahawan yang memerlukan modal dengan risiko yang dikongsi secara adil melalui akad *mudharabah* atau *musharakah*. Ini memberi peluang kepada usahawan asnaf untuk mendapatkan pembiayaan dengan syarat yang fleksibel dan patuh syariah.

### **Institusi Kewangan Mikro Islam**

Kewangan mikro Islam juga merupakan salah satu instrumen penting dalam menyediakan pembiayaan kepada golongan berpendapatan rendah, termasuk asnaf. Institusi kewangan mikro Islam menawarkan pinjaman berskala kecil dengan syarat yang lebih ringan, dan menggunakan akad tijari seperti *murabahah* dan *ijarah* untuk membiayai perniagaan kecil. Menurut Khan dan Ahmed (2001), kewangan mikro Islam berperanan penting dalam membantu golongan miskin untuk berdikari dengan menyediakan akses kepada pembiayaan yang mereka perlukan untuk memulakan perniagaan. Pembiayaan ini sering kali dilakukan tanpa melibatkan unsur riba, menjadikannya lebih sesuai dengan prinsip Islam.

### **Kesimpulan**

Akad tijari menawarkan peluang besar dalam membantu golongan usahawan, khususnya usahawan asnaf, untuk meningkatkan taraf hidup mereka melalui keusahawanan patuh syariah. Dengan sumber dana yang mencakupi zakat, wakaf, sadaqah, dana amanah, CSR institusi kewangan Islam, modal teroka Islam, dan kewangan mikro Islam, usahawan asnaf dapat memanfaatkan pelbagai bentuk akad tijari seperti *murabahah*, *mudharabah*, *musharakah*, dan *ijarah*. Setiap instrumen ini bukan sahaja memberikan akses kepada



modal, tetapi juga menggalakkan pembiayaan yang adil dan bebas riba, selaras dengan prinsip ekonomi Islam. Melalui pembiayaan ini, golongan asnaf dapat beralih daripada penerima bantuan kepada penyumbang ekonomi, memperkuatkan daya tahan kewangan mereka, dan membina masyarakat yang lebih makmur dan adil.

## Rujukan

- Antonio, M. S. (2001). *Bank Syariah: Dari Teori ke Praktek*. Gema Insani Press.
- Ayub, M. (2007). *Understanding Islamic Finance*. John Wiley & Sons.
- Cizakca, M. (1998). Awqaf in History and Its Implications for Modern Islamic Economies. *Islamic Economic Studies*, 6(1), 43-70.
- El-Gamal, M. A. (2006). *Islamic Finance: Law, Economics, and Practice*. Cambridge University Press.
- Farooq, M. O. (2011). Riba, gharar and Islamic banking: The limits of permissibility. *Islamic Finance*, 2(1), 15-32.
- Khan, T., & Ahmed, H. (2001). *Risk management: An analysis of issues in Islamic financial industry*. Islamic Development Bank, Islamic Research and Training Institute.
- Lewis, M. K. (2001). Islam and accounting. *Accounting Forum*, 25(2), 103-127.
- Lewis, M. K., & Algaoud, L. M. (2001). *Islamic Banking*. Edward Elgar Publishing.
- Muzakarah 2023, INCIEF, <https://muzakarah.inceif.edu.my/kertas-kerja-slide/Resolusi%20MUZAKARAH2022.pdf>
- Obaidullah, M. (2005). *Islamic Financial Services*. Islamic Economics Research Center, King Abdulaziz University.
- Siddiqi, M. N. (2004). *Riba, Bank Interest and the Rationale of Its Prohibition*. Islamic Research and Training Institute.
- Usmani, M. T. (2002). *An Introduction to Islamic Finance*. Maktaba Ma'ariful Qur'an





## ISU, CABARAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PROGRAM TVET DALAM KALANGAN PELAJAR MAAHAD: KAJIAN KES DI SEBUAH MAAHAD TARBIAH ISLAMIAH DI NEGERI KEDAH

Khaliza Saidin<sup>1</sup>, Fauziah Md Jaafar<sup>2</sup>  
Zolkefli Bahador<sup>3</sup> & Mohamad Khairi Othman<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Universiti Utara Malaysia (UUM), Kampus Kuala Lumpur, Malaysia,  
([khaliza@uum.edu.my](mailto:khaliza@uum.edu.my))

<sup>2</sup>Faculty of Education, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,  
([mjfauziah@uum.edu.my](mailto:mjfauziah@uum.edu.my))

<sup>3</sup>Faculty of Education, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,  
([zolkefli@uum.edu.my](mailto:zolkefli@uum.edu.my))

<sup>4</sup>Faculty of Education, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,  
([m\\_khairi@uum.edu.my](mailto:m_khairi@uum.edu.my))

---

**Abstract:** *Kemahiran teknikal sangat penting dalam meningkatkan kebolehpasaran pelajar selepas tamat persekolahan. Kajian ini bertujuan meneroka isu-isu yang dihadapi dalam pelaksanaan Program Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Maahad Tarbiah Islamiah, Kedah, dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia dan Kolej Vokasional. Objektif kajian ini adalah: 1) mengenal pasti isu-isu utama dalam pelaksanaan program Latihan TVET dalam kalangan pelajar Maahad, dan 2) mencadangkan kaedah-kaedah untuk memastikan kejayaan program Latihan TVET bagi pelajar-pelajar ini. Program ini melibatkan 80 pelajar dalam bidang kemahiran seperti pembinaan bangunan, barber, potongan rambut Muslimah, dan persalonan. Temu bual berstruktur telah dijalankan dengan seorang pentadbir Maahad, dan data yang diperoleh dianalisis secara bertema. Dapatan kajian menunjukkan lima kekangan utama dalam pelaksanaan TVET. Pertama, kekangan masa untuk menghabiskan kurikulum sedia ada yang sudah padat. Kedua, pertindihan dengan program rasmi dan cuti sekolah yang menghadkan penglibatan pelajar dalam latihan TVET. Ketiga, kekurangan sumber kewangan menyebabkan kesukaran untuk membeli peralatan yang diperlukan bagi latihan praktikal. Keempat, masa dan tempat yang terhad untuk latihan praktikal turut membatasi pelajar dalam menguasai kemahiran. Kelima, kekurangan jurulatih berkemahiran menyebabkan pelajar tidak dapat dipantau secara rapi semasa menjalani latihan. Kajian ini mencadangkan supaya peluang latihan TVET disebar dengan lebih meluas dalam kalangan pelajar Maahad, di samping keperluan untuk menyelaraskan jadual dan kurikulum yang lebih fleksibel. Selain itu, kerjasama erat dengan institusi seperti Kolej Vokasional dan Kolej Komuniti perlu diperkukuhkan untuk memastikan kejayaan program ini dan mencapai objektif yang diharapkan.*

**Kata Kunci:** *Kemahiran TVET, Pelajar Maahad, Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Kekangan Pelaksanaan, Keanjalan Kurikulum.*

---



## Pengenalan

Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) memainkan peranan penting dalam memperkasa pelajar dengan kemahiran teknikal yang relevan untuk memenuhi keperluan pasaran kerja. TVET telah berkembang secara signifikan sebagai komponen penting dalam sistem pendidikan global, bertujuan untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran teknikal dan vokasional yang relevan dengan keperluan industri moden. TVET memainkan peranan penting dalam memperkasa pelajar dengan kemahiran teknikal yang relevan untuk memenuhi keperluan pasaran kerja (UNESCO, 2015; ILO, 2020; World Bank, 2019). Menurut UNESCO (2015), TVET berfungsi sebagai alat penting dalam menyediakan kemahiran yang diperlukan bagi menyokong pembangunan ekonomi. ILO (2020) menekankan bahawa TVET adalah kritikal dalam persiapan pelajar untuk pasaran kerja masa depan yang semakin berorientasikan teknologi, manakala World Bank (2019) menyatakan bahawa TVET membantu meningkatkan kebolehpasaran pelajar di pasaran kerja global. TVET memainkan peranan penting dalam membina tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, yang kritikal untuk pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial di pelbagai negara. Menurut UNESCO, TVET menyumbang kepada peningkatan kemahiran, kebolehpasaran, dan pembangunan ekonomi, terutamanya di negara-negara membangun (UNESCO, 2015).

TVET mempunyai sejarah panjang dalam membantu negara-negara menangani cabaran yang timbul daripada perubahan teknologi dan keperluan pasaran kerja yang dinamik. Contohnya, di negara-negara Eropah seperti Jerman dan Switzerland, sistem TVET telah berjaya mengurangkan kadar pengangguran belia dengan menyediakan laluan pendidikan yang memberi tumpuan kepada kemahiran praktikal dan latihan industri (Euler, 2013). Di Asia, negara seperti Korea Selatan, Jepun, dan Hong Kong juga telah mengadaptasi sistem TVET yang kukuh untuk memenuhi keperluan industri. Di Korea Selatan, TVET telah diintegrasikan dengan rapat dalam sistem pendidikan untuk melatih tenaga kerja berkemahiran tinggi yang diperlukan dalam sektor teknologi tinggi (Lee, 2016). Jepun, dengan sistem pendidikan yang menekankan kepada "Monozukuri" atau pembuatan yang berasaskan kemahiran, telah menggunakan TVET untuk memastikan pelajar mendapat kemahiran praktikal yang dapat diterapkan dalam industri (Ministry of Education, Culture, Sports, Science and Technology, Japan, 2017). Hong Kong juga telah memperkukuhkan pendidikan vokasional melalui inisiatif seperti "Vocational and Professional Education and Training" (VPET), yang menghubungkan pelajar dengan sektor industri secara langsung untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka (Education Bureau, Hong Kong, 2018). Di negara-negara membangun, TVET sering kali dilihat sebagai alat untuk mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup dengan menyediakan peluang pekerjaan yang lebih baik (World Bank, 2019).



Namun begitu, pelaksanaan TVET di peringkat global berdepan dengan pelbagai cabaran, termasuk kekurangan sumber, kualiti pengajaran yang tidak konsisten, dan persepsi negatif terhadap pendidikan vokasional berbanding pendidikan akademik. Di banyak negara, TVET masih dianggap sebagai pilihan sekunder, dengan stigma yang berkaitan dengan kerjaya vokasional sebagai "kurang bernilai" berbanding laluan akademik tradisional (McGrath, 2012). Cabaran ini memerlukan pendekatan yang lebih inklusif dan strategi pembaharuan yang dapat mengangkat status TVET di mata masyarakat (UNEVOC, 2017).

Selain itu, TVET juga menghadapi cabaran dalam menyesuaikan diri dengan Revolusi Industri 4.0, di mana kemahiran digital dan teknologi menjadi semakin penting. Transformasi ini memerlukan perubahan yang signifikan dalam kurikulum untuk memastikan pelajar dilengkapi dengan kemahiran seperti analisis data, kecerdasan buatan, dan pengaturcaraan (Schwab, 2016). Integrasi teknologi dalam kurikulum TVET adalah kritikal untuk memastikan pelajar dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk pasaran kerja masa depan. Ini termasuk penggunaan alat seperti simulasi, pembelajaran berasaskan projek, dan latihan industri yang dipertingkatkan melalui kerjasama dengan sektor swasta (ILO, 2020). Di Jepun, sebagai contoh, kerajaan telah memperkenalkan pembelajaran digital dalam program TVET untuk memenuhi keperluan industri yang berteknologi tinggi, yang mana pelajar dilatih untuk menggunakan alat dan teknik canggih dalam suasana kerja yang sebenar (Ministry of Education, Culture, Sports, Science and Technology, Japan, 2017). Di Korea Selatan, penggunaan teknologi VR dan AR dalam TVET telah membolehkan pelajar memperoleh pengalaman simulasi yang realistik, yang mempercepatkan pembelajaran dan mengurangkan jurang antara teori dan amalan (Lee, 2019).

Tambahan pula, sektor swasta memainkan peranan penting dalam memperkukuh latihan industri melalui program-program yang disesuaikan dengan keperluan teknologi terkini, di mana syarikat-syarikat besar seperti Samsung dan Siemens terlibat dalam menyediakan latihan intensif dalam bidang teknologi tinggi kepada pelajar TVET (OECD, 2018). Ini menunjukkan bahawa kolaborasi yang erat antara institusi pendidikan dan industri adalah kunci kepada kejayaan penyesuaian TVET dalam era Revolusi Industri 4.0 (World Economic Forum, 2020). Untuk memastikan keberkesanan TVET di peringkat global, kerjasama antara kerajaan, industri, dan institusi pendidikan adalah penting. Kajian menunjukkan bahawa pelaburan dalam infrastruktur, latihan guru, dan pembangunan kurikulum yang selaras dengan keperluan industri adalah kritikal. Di Asia Tenggara, inisiatif seperti ASEAN TVET Council telah meningkatkan kerjasama serantau dalam meningkatkan standard pendidikan dan latihan (Maclean & Wilson, 2009). Di Barat, contoh seperti "Apprenticeship Levy" di United Kingdom menunjukkan bagaimana hubungan rapat antara industri dan pendidikan berjaya meningkatkan kebolehpasaran graduan TVET (Gessler & Herrera, 2015). Di Amerika Syarikat, program "Perkins V" memperkukuh kerjasama sektor awam dan swasta dalam pendidikan vokasional, menunjukkan bahawa kejayaan



TVET memerlukan sokongan yang menyeluruh dari pelbagai pihak berkepentingan (Majumdar, 2019).

Secara keseluruhannya, TVET memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan pendidikan dan pekerjaan global (UNESCO-UNEVOC, 2018). Dengan menyesuaikan diri dengan keperluan pasaran kerja yang berubah dan meningkatkan persepsi masyarakat terhadap pendidikan vokasional, TVET dapat menjadi alat yang kuat untuk pembangunan ekonomi dan sosial. Melalui kerjasama yang berterusan antara sektor awam dan swasta, TVET dapat memastikan bahawa generasi muda dilengkapi dengan kemahiran yang relevan dan bersedia untuk menghadapi cabaran masa depan.

### **TVET di Malaysia**

TVET di Malaysia memainkan peranan penting dalam membentuk tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, selaras dengan matlamat negara untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia, termasuk penyusunan semula kurikulum dan peningkatan infrastruktur pendidikan (Yusoff, Esa, & Nordin, 2017; Abdullah & Majid, 2020). TVET dianggap sebagai elemen kritikal dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan dan memenuhi permintaan industri yang semakin kompleks (Economic Planning Unit, 2015; Yusoff et al., 2017; Mohamad, 2021). Salah satu cabaran utama dalam pelaksanaan TVET di Malaysia ialah persepsi negatif masyarakat terhadap pendidikan vokasional berbanding pendidikan akademik tradisional. Walaupun TVET menyediakan peluang kerjaya yang kukuh, stigma ini menyebabkan pelajar dan ibu bapa cenderung memilih laluan akademik (Zain, Hashim, & Kadir, 2019; Ismail, Hassan, & Abdul Rahman, 2018). Kempen kesedaran yang lebih berkesan dan kerjasama yang kukuh dengan sektor industri diperlukan untuk meningkatkan persepsi terhadap TVET dan menggalakkan lebih ramai pelajar untuk mengikuti program ini (Abdullah & Majid, 2020; Zain et al., 2019).

Selain itu, kerajaan telah memberi perhatian khusus kepada latihan guru TVET untuk memastikan pelajar mendapat pendidikan yang berkualiti dan relevan dengan keperluan pasaran kerja. Latihan dan pembangunan profesional guru TVET merupakan aspek kritikal dalam memastikan kurikulum TVET dapat dilaksanakan dengan berkesan (Majumdar, 2019; Yusoff et al., 2017). Program-program latihan ini sering kali melibatkan kerjasama dengan industri, di mana guru diberi pendedahan kepada teknologi dan amalan terkini dalam bidang teknikal (Abdullah & Majid, 2020; Majumdar, 2019). Kerajaan Malaysia juga telah memperkenalkan inisiatif TVET berskala besar seperti "Transformasi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional" yang bertujuan untuk menyelaraskan TVET dengan keperluan industri dan memperkukuh kolaborasi antara institusi pendidikan dengan sektor swasta (Ministry of Education Malaysia, 2018; Economic Planning Unit, 2015). Inisiatif ini termasuk usaha untuk meningkatkan penyertaan pelajar dalam program TVET melalui



pembiayaan dan biasiswa khusus (Yusoff et al., 2017; Mohamad, 2021). Secara keseluruhannya, inisiatif untuk meningkatkan penyertaan pelajar dalam program TVET melalui pembiayaan dan biasiswa khusus adalah langkah penting yang diambil oleh kerajaan Malaysia untuk memastikan akses yang lebih luas kepada pendidikan teknikal dan vokasional. Usaha ini bukan sahaja membantu mengatasi halangan kewangan yang mungkin dihadapi oleh pelajar, tetapi juga berperanan dalam menarik minat lebih ramai pelajar untuk memilih laluan TVET sebagai pilihan kerjaya yang berdaya maju dan relevan dengan keperluan industri masa kini.

Selain itu, Malaysia turut memberi tumpuan kepada pembelajaran sepanjang hayat dalam TVET, dengan tujuan untuk memastikan tenaga kerja negara sentiasa relevan dengan perubahan teknologi dan keperluan industri global (Mohamad, 2021; Abdullah & Majid, 2020). Ini sejajar dengan perkembangan global di mana pembelajaran sepanjang hayat semakin penting dalam era Revolusi Industri 4.0 (Majumdar, 2019; Yusoff et al., 2017). Ini seiring dengan tren global di mana pembelajaran sepanjang hayat semakin diutamakan dalam era Revolusi Industri 4.0, di mana kemajuan teknologi dan perubahan dinamik dalam pasaran kerja menuntut individu untuk sentiasa memperbaharui kemahiran dan pengetahuan mereka. Pembelajaran sepanjang hayat menjadi kunci untuk memastikan tenaga kerja kekal relevan dan kompetitif, memungkinan mereka untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan baru dalam teknologi dan industry

Secara keseluruhan, TVET di Malaysia berada di landasan yang betul untuk menjadi pemacu utama dalam menyediakan modal insan berkemahiran tinggi, namun, masih terdapat cabaran yang perlu diatasi, termasuk persepsi masyarakat dan penyesuaian kurikulum dengan keperluan industri yang sentiasa berubah (Zain et al., 2019; Mohamad, 2021; Majumdar, 2019). TVET menyediakan pelajar dengan kemahiran teknikal yang boleh meningkatkan peluang pekerjaan mereka selepas tamat pengajian. Dalam maahad yang berorientasikan pendidikan agama, integrasi TVET bertujuan melahirkan individu yang bukan sahaja berpengetahuan agama tetapi juga mahir dalam bidang teknikal. Namun, terdapat beberapa cabaran dalam pelaksanaan program ini, terutamanya dari segi penyesuaian dengan kurikulum sedia ada dan sumber yang terhad.

### **TVET Dalam Sistem Pendidikan Pondok**

TVET dalam sistem pendidikan pondok merupakan satu konsep yang semakin mendapat perhatian, terutamanya dalam usaha memperkasa pelajar dengan kemahiran yang relevan untuk memenuhi keperluan pasaran kerja moden tanpa mengabaikan pendidikan agama. Pendidikan pondok tradisional, yang biasanya menumpukan kepada pengajaran agama dan nilai-nilai Islam, kini berhadapan dengan cabaran untuk mengintegrasikan pendidikan vokasional dalam kurikulumnya. Integrasi ini bertujuan menyediakan pelajar dengan kemahiran teknikal yang dapat meningkatkan kebolehpasaran mereka dalam dunia kerja,



sekaligus membentuk individu yang seimbang antara ilmu agama dan kemahiran duniawi (Abdullah, 2016; Yusoff & Nordin, 2017). Kesimpulannya, pendidikan pondok tradisional yang fokus kepada pengajaran agama dan nilai-nilai Islam kini berhadapan dengan cabaran besar dalam usaha mengintegrasikan pendidikan vokasional ke dalam kurikulumnya. Usaha ini penting untuk membekalkan pelajar dengan kemahiran teknikal yang dapat meningkatkan kebolehpasaran mereka di dunia kerja. Dengan integrasi ini, pendidikan pondok berpotensi membentuk individu yang seimbang, menggabungkan penguasaan ilmu agama dengan kemahiran duniawi yang relevan, menjadikan mereka lebih bersedia untuk menghadapi cabaran masa depan.

Di samping itu, penerapan TVET dalam sistem pendidikan pondok bukan sahaja mampu memberikan pelajar kemahiran teknikal yang relevan tetapi juga boleh memperluas peluang kerjaya mereka di luar bidang agama. Pelajar yang terlatih dalam TVET dapat memasuki sektor pekerjaan moden yang memerlukan kemahiran teknikal, seperti kejuruteraan, teknologi maklumat, dan perniagaan, sambil tetap memegang teguh nilai-nilai Islam yang diajarkan dalam pendidikan pondok (Abdullah, 2016; Zulkifli & Shamsudin, 2020). Kesimpulannya, penerapan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dalam sistem pendidikan pondok bukan sahaja memberikan pelajar kemahiran teknikal yang relevan tetapi juga memperluas peluang kerjaya mereka di luar bidang agama. Pelajar yang terlatih dalam TVET berpeluang memasuki sektor pekerjaan moden seperti kejuruteraan, teknologi maklumat, dan perniagaan, sambil mengekalkan nilai-nilai Islam yang diajarkan dalam pendidikan pondok. Ini menjadikan mereka individu yang lebih versatil, mampu menyumbang kepada pelbagai sektor ekonomi sambil tetap berpegang pada prinsip-prinsip agama.

Potensi TVET dalam pendidikan pondok juga dapat mengurangkan kadar pengangguran di kalangan pelajar lepasan pondok dengan memberikan mereka kemahiran yang dicari oleh majikan di pelbagai sektor. Tambahan pula, program TVET yang disesuaikan dengan konteks Islam dapat menghasilkan graduan yang tidak hanya mahir dalam bidang teknikal tetapi juga mampu menyumbang kepada komuniti Islam melalui pekerjaan yang mematuhi prinsip-prinsip syariah (Zakaria & Hassan, 2019; Yusoff & Nordin, 2017). Integrasi ini berpotensi menjadikan pelajar pondok lebih kompetitif dan relevan dalam pasaran kerja global yang sentiasa berubah. Kesimpulannya, TVET dalam pendidikan pondok berpotensi besar untuk mengurangkan kadar pengangguran di kalangan pelajar lepasan pondok dengan membekalkan mereka kemahiran yang sangat diperlukan oleh majikan di pelbagai sektor. Selain itu, program TVET yang disesuaikan dengan konteks Islam bukan sahaja menghasilkan graduan yang mahir dalam bidang teknikal tetapi juga memastikan mereka mampu menyumbang kepada komuniti Islam melalui pekerjaan yang mematuhi prinsip syariah. Integrasi ini menjadikan pelajar pondok lebih kompetitif dan relevan dalam pasaran kerja global yang dinamik.



Masalah dalam pengajaran TVET di institusi pendidikan pondok sering dikaitkan dengan beberapa faktor utama yang menghalang keberkesanannya. Pertama, kekangan masa yang dihadapi oleh pelajar pondok yang terikat dengan jadual pengajian agama yang ketat menyulitkan pelaksanaan modul TVET yang memerlukan masa pengajaran yang mencukupi. Ini menjadikan pelajar sukar untuk mendalami dan mempraktikkan kemahiran teknikal yang disediakan dalam kurikulum TVET (Zakaria, 2018; Abdullah, 2016; Ariffin & Ismail, 2020). Selain itu, kekurangan sumber kewangan adalah satu lagi cabaran besar. Institusi pondok sering kali bergantung kepada sumbangan dana yang tidak mencukupi dan jarang mendapat sokongan kewangan yang memadai daripada kerajaan atau pihak swasta, yang mana keadaan ini menjejaskan kemampuan mereka untuk menyediakan peralatan dan bahan latihan teknikal yang berkualiti (Hassan & Salleh, 2020; Majid, Ahmad, & Mohamad, 2019; Razak, 2017). Keadaan ini menyukarkan pelaksanaan TVET secara menyeluruh dan berkesan di dalam institusi-institusi pondok.

Di samping itu, terdapat juga persepsi negatif dalam kalangan masyarakat terhadap pendidikan vokasional di pondok. Pendidikan pondok tradisional lebih diutamakan kerana dianggap sebagai lebih mulia, sementara usaha untuk mengintegrasikan pendidikan vokasional dilihat sebagai mengalihkan fokus dari misi utama institusi ini, iaitu pengajaran agama. Persepsi ini menyukarkan promosi TVET sebagai sebahagian penting dari kurikulum pondok dan mengurangkan minat pelajar untuk terlibat (Rahman, 2018; Zulkifli & Shamsudin, 2020; Yusoff & Nordin, 2017). Tambahan lagi, kekurangan tenaga pengajar yang berkelayakan dalam bidang teknikal juga menjadi halangan besar. Guru-guru di pondok biasanya dilatih dalam bidang agama dan mungkin tidak mempunyai latar belakang yang kuat dalam pendidikan teknikal, yang menyukarkan mereka untuk mengajar subjek-subjek TVET dengan berkesan dan sesuai dengan keperluan pelajar (Zakaria & Hassan, 2019; Ariffin & Ismail, 2020; Abdullah, 2016). Kekurangan ini mengurangkan keberkesanan pelaksanaan TVET dalam sistem pondok.

Untuk mengatasi cabaran-cabaran ini, kerjasama antara institusi pondok dengan kerajaan, sektor swasta, dan institusi pendidikan vokasional lain adalah sangat penting. Pendekatan yang lebih menyeluruh dan holistik diperlukan, termasuk penstrukturan semula kurikulum, peningkatan latihan untuk tenaga pengajar, dan penyediaan peralatan yang mencukupi. Usaha ini penting untuk memastikan bahawa program TVET di pondok dapat memberikan manfaat maksimum kepada pelajar dan memenuhi keperluan industri moden (Majid et al., 2019; Rahman, 2018; Yusoff & Nordin, 2017). Selain itu, integrasi TVET dalam pendidikan pondok juga memerlukan penyesuaian kurikulum yang mengambil kira nilai-nilai Islam dan budaya tempatan. Misalnya, dalam konteks latihan vokasional, pengajaran kemahiran seperti pertanian, perniagaan kecil-kecilan, dan teknologi maklumat perlu disesuaikan dengan prinsip-prinsip Islam agar pelajar tidak hanya memperoleh kemahiran teknikal, tetapi juga mampu menerapkan nilai-nilai Islam dalam bidang yang diceburi (Zulkifli & Shamsudin, 2020). Untuk memastikan kejayaan integrasi TVET dalam sistem pondok,



kerjasama antara institusi pondok, kerajaan, dan sektor industri adalah kritikal. Kerjasama ini dapat membantu menyediakan infrastruktur yang diperlukan serta latihan untuk guru-guru yang berkelayakan, selain memastikan bahawa program TVET yang ditawarkan relevan dengan keperluan pasaran kerja (Yusoff & Nordin, 2017; Abdullah, 2016).

Secara keseluruhannya, pengintegrasian TVET dalam sistem pendidikan pondok dapat menjadi langkah penting dalam memperkukuh pendidikan Islam tradisional dengan memberi pelajar kemahiran yang relevan untuk dunia kerja moden. Walaupun terdapat cabaran, usaha berterusan untuk mengatasi halangan ini boleh menjadikan pendidikan pondok lebih inklusif dan holistik, menggabungkan pendidikan agama dengan kemahiran teknikal yang diperlukan dalam masyarakat hari ini (Hassan & Salleh, 2020; Zulkifli & Shamsudin, 2020).

### **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Meneroka isu-isu utama dalam pelaksanaan program Latihan TVET dalam kalangan pelajar Maahad.
2. Meneroka kaedah-kaedah untuk memastikan kejayaan program Latihan TVET dalam kalangan pelajar Maahad.

### **Metodologi Kajian**

Kajian Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian kes untuk meneroka isu-isu dan cabaran dalam pelaksanaan Program TVET. Data utama diperoleh melalui temu bual berstruktur dengan seorang pentadbir Maahad yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program ini. Temu bual dipilih sebagai kaedah pengumpulan data kerana ia memberi peluang kepada pengkaji untuk mendapatkan pandangan mendalam, memahami pengalaman, serta perspektif informan mengenai isu-isu yang sedang dikaji (Creswell, 2014). Temu bual juga membolehkan pengkaji menjelaskan soalan dan mendapatkan penjelasan lanjut jika diperlukan.

Data daripada temu bual ini kemudiannya ditranskripsikan dan dianalisis secara tematik. Pendekatan analisis tematik digunakan kerana ia membolehkan pengkaji mengenal pasti tema-tema utama yang muncul daripada data secara sistematik (Braun & Clarke, 2006). Setiap tema dikembangkan berdasarkan kod-kod yang relevan, yang kemudiannya dikaitkan dengan isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan program TVET. Analisis ini memberikan gambaran yang lebih jelas tentang cabaran utama yang dihadapi oleh Maahad dalam pelaksanaan program TVET.





## Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan TVET di Maahad Tarbiah Islamiah berhadapan dengan beberapa isu utama. Antaranya ialah kekangan masa untuk menyelesaikan kurikulum sedia ada, pertindihan dengan program rasmi dan cuti sekolah, serta kekurangan sumber kewangan untuk membeli peralatan yang diperlukan. Disamping itu, masa Latihan bagi mempraktikkan Kemahiran juga terhad kerana kekangan masa, tempat dan juga jurulatih bagi memantau Kemahiran yang dipelajari. Berikut adalah data temubual yang telah dilakukan.

### *Kekangan masa untuk menyelesaikan kurikulum sedia ada*

*"Nak habiskan silibus sedia ada pun dah memang mencabar. Tambah lagi nak selitkan TVET, kadang-kadang rasa macam tak cukup masa langsung. Silibus tu dah padat sangat"*

*"Kalau tengok dari segi masa, nak lengkapkan silibus harian memang cukup ketat. Pelajar pun kalut nak habiskan, belum lagi tambah program TVET. Jadi, TVET ni memang tersepit antara jadual"*

*"Kekangan masa ni memang masalah utama. Tambah lagi dengan waktu pembelajaran yang terhad, nak buat TVET tu kena curi masa, dan bila buat macam tu, pelajar jadi terkejar-kejar"*

Kekangan masa dikenal pasti sebagai isu utama dalam pelaksanaan TVET di Maahad. Kurikulum yang padat menyukarkan penambahan program TVET, menyebabkan proses pembelajaran menjadi tergesa-gesa dan kurang berkesan. Ini menjejaskan keupayaan pelajar untuk menyeimbangkan antara menyelesaikan silibus utama dan menyertai program TVET.

### *Pertindihan dengan program rasmi dan cuti sekolah*

*"Kami selalu berdepan dengan masalah program bertindih. Kadang-kadang program sekolah yang wajib macam perhimpunan atau majlis rasmi berlaku waktu latihan TVET. Pelajar kena pilih, dan selalunya program rasmi diutamakan."*

*"Cuti sekolah pun salah satu halangan besar. Bila cuti, latihan TVET terpaksa tangguh. Pelajar balik kampung, jadi latihan tak dapat diteruskan, lepas cuti nak sambung balik pun payah."*



*"Program rasmi sekolah ni tak boleh dielak. Jadual rasmi macam sambutan hari kebesaran sekolah, kadang-kadang bertembung dengan Latihan TVET, dan bila tu jadi, kami tak ada pilihan melainkan tangguh dulu."*

Pertindihan antara program rasmi sekolah dan latihan TVET merupakan cabaran yang kerap dihadapi. Program wajib seperti perhimpunan dan majlis rasmi sering berlaku pada waktu yang sama dengan latihan TVET, menyebabkan latihan terpaksa ditangguhkan. Selain itu, cuti sekolah juga menjadi halangan, kerana pelajar pulang ke kampung dan latihan sukar disambung selepas cuti. Akibatnya, TVET sering tidak dapat dijalankan secara konsisten dan berterusan.

### ***Kekurangan sumber kewangan untuk membeli peralatan yang diperlukan***

*"Peralatan untuk TVET ni bukan murah. Sekolah tak ada bajet besar, jadi kami terpaksa guna peralatan yang ada, walaupun tak cukup lengkap untuk latihan praktikal."*

*"Kalau nak lengkapkan semua peralatan, memang tak mampu. Bajet sekolah agak terhad, jadi ada alat yang terpaksa kongsi. Kesannya, pelajar tak dapat gunakan alat yang sesuai untuk latihan."*

*"Kewangan memang masalah utama. Untuk beli alat-alat macam mesin dan bahan latihan, memerlukan peruntukan yang besar. Tapi, sekolah tak ada sumber kewangan yang mencukupi buat masa ni."*

Kekurangan sumber kewangan menjadi halangan utama dalam pelaksanaan TVET. Peralatan yang diperlukan untuk latihan praktikal mahal dan sekolah tidak mempunyai bajet mencukupi. Akibatnya, peralatan yang ada tidak lengkap dan terpaksa dikongsi oleh pelajar, menyebabkan latihan tidak dapat dijalankan dengan berkesan. Tanpa peruntukan tambahan, keperluan untuk peralatan seperti mesin dan bahan latihan sukar dipenuhi.

### ***Masa latihan bagi mempraktikkan kemahiran juga terhad kerana kekangan masa dan tempat***

*"Latihan praktikal ni memang memerlukan masa yang lebih. Tapi dengan kekangan masa sedia ada, pelajar hanya ada beberapa jam seminggu, dan itu tak cukup untuk mereka mahirkan diri dalam TVET, Kemahiran ni kena berlatih selalu, macam gunting rambut tu, kena kerap buat"*

*"Tempat pun jadi masalah besar. Kami tak ada ruang khas untuk buat latihan praktikal, jadi pelajar terpaksa guna tempat yang tak sesuai. Takda*



*tempat khusus untuk barber dan potong rambut Muslimah lagi. Jadi sukarlah mereka nak berlatih buat latihan dengan betul."*

*"Dengan ruang yang terhad, latihan TVET terpaksa dijalankan dalam bilik darjah biasa. Ia tak sesuai. Macam gunting rambut Muslimah, sebab pelajar tak dapat suasana yang sesuai untuk praktikal, tambahan lagi kalau bancuh simen dan plaster bata, kena pergi ke tapak yang sepatutnya"*

Kekangan masa dan tempat menghalang keberkesanan latihan praktikal TVET. Pelajar hanya mempunyai beberapa jam seminggu untuk latihan, yang tidak mencukupi untuk menguasai kemahiran. Selain itu, ketiadaan ruang khas menyebabkan latihan terpaksa dijalankan di bilik darjah, yang tidak sesuai dan menjejaskan kualiti pembelajaran praktikal.

### ***Kekurangan jurulatih bagi memantau kemahiran yang dipelajari***

*"Memang kurang jurulatih untuk pantau latihan TVET. Yang ada pun terpaksa uruskan banyak benda lain. Jadi, pelajar terpaksa buat latihan sendiri tanpa pemantauan yang rapi. Kalau bancuh simen dan plaster, memang kena ada ustaz yang pantau, tak boleh biarkan budk Sahaja yang buat"*

*"Kalau ada lebih ramai jurulatih, mungkin latihan TVET ni boleh lebih berkesan. Tapi sekarang ni, ustaz-ustaz lain yang kena pantau, dan kebanyakan kami tak ada kepakaran dalam kemahiran teknikal macam barber, amat sukar bagi kami"*

*"Jurulatih yang ada ni memang tak cukup nak pantau setiap pelajar. Sebab tu ada pelajar yang mungkin tak dapat bimbingan yang sepatutnya, Sebab kekurangan tenaga pengajar yang berkemahiran, seperti gunting rambut lelaki dan Muslimah tu, ustaz dan ustzah tak berapa mahir, jadi pelajar-pelajar kena usaha jugak sendiri belajar selepas Latihan diberikan"*

Kekurangan jurulatih untuk memantau latihan TVET menyebabkan pelajar terpaksa menjalankan latihan secara sendiri tanpa bimbingan yang mencukupi. Jurulatih yang ada terpaksa menguruskan pelbagai tugas lain, dan kebanyakan tenaga pengajar tidak mempunyai kepakaran dalam kemahiran teknikal. Kekurangan jurulatih juga menghalang pelajar daripada menerima bimbingan yang sewajarnya, yang menjejaskan keberkesanan latihan.



## Perbincangan dan Cadangan

Berdasarkan kepada dapatan di atas, adalah didapati bahawa kekangan masa dan kewangan merupakan halangan utama dalam pelaksanaan TVET di maahad ini. Walaupun pelajar menunjukkan minat terhadap program TVET, kekurangan sumber dan jadual yang padat menyukarkan penglibatan mereka. Kerjasama dengan institusi seperti Kolej Vokasional dan Lembaga Zakat boleh menjadi satu pendekatan yang efektif untuk mengatasi cabaran ini. Selain itu, penyesuaian jadual dan kurikulum yang lebih fleksibel diperlukan untuk memberi ruang kepada pembelajaran TVET (Ghani, 2020). Kekangan masa ini konsisten dengan kajian yang telah dilakukan oleh Firdaus et al. (2020), yang mendapati bahawa jadual akademik yang ketat dan tuntutan kurikulum sedia ada sering menjadi penghalang kepada pelaksanaan program tambahan seperti TVET. Ini turut disokong oleh Ahmad & Osman (2018), yang menjelaskan bahawa kurikulum yang terlalu padat menyukarkan penambahan program TVET tanpa mengorbankan masa untuk subjek-subjek utama.

Disamping itu, isu pertindihan masa bagi menjayakan Latihan TVET juga dengan program rasmi sekolah serta cuti sekolah menjadi halangan dalam pelaksanaan latihan TVET. Kajian oleh Mahmud (2019) turut menyokong dapatan ini, yang menunjukkan bahawa aktiviti luar kurikulum dan program rasmi sering kali mengganggu program tambahan yang dirancang oleh pihak sekolah. Sewaktu cuti sekolah, pelajar pulang ke kampung, menyebabkan latihan TVET tertangguh, sebagaimana yang dinyatakan oleh Zainudin (2021) yang menjelaskan bahawa jadual TVET yang tidak konsisten menjejaskan kesinambungan latihan. Justeru itu, perlu ada perancangan yang teliti diantara sekolah dan institusi TVET bagi mengurangkan pertindihan dan mencari alternatif masa yang bersesuaian.

Kebanyakan institusi pondok adalah merupakan institusi swasta yang bergantung sepenuhnya kepada yuran dan sumbangan. Justeru itu, isu kewangan adalah antara masalah utama bagi kekayaan sesebuah program. Berdasarkan dapatan kajian di atas, dapatan ini selari dengan kajian oleh Abdullah et al. (2017) yang menyatakan bahawa kekurangan sumber kewangan menjadi faktor utama dalam pelaksanaan program TVET, khususnya dari segi penyediaan peralatan yang mencukupi. Dalam kajian tersebut, mereka mendapati bahawa peralatan yang mahal serta kekurangan dana menyebabkan latihan praktikal menjadi kurang berkesan. Ini turut disokong oleh kajian Firdaus & Hashim (2020), yang menyatakan bahawa kekangan kewangan memberi kesan kepada kualiti latihan dan kemahiran yang boleh diajar kepada pelajar. Dapatan menunjukkan bahawa masa dan tempat untuk latihan praktikal TVET juga terhad, menyebabkan pelajar tidak dapat menjalani latihan dengan efektif. Ini seiring dengan kajian Zulkifli (2019) yang menyatakan bahawa ruang yang terhad di sekolah-sekolah menyebabkan latihan TVET dijalankan dalam suasana yang tidak kondusif. Firdaus et al. (2020) turut menyatakan bahawa latihan praktikal memerlukan masa yang lebih panjang dan ruang yang sesuai bagi membolehkan pelajar menguasai kemahiran yang dipelajari.



Seterusnya, kekurangan jurulatih yang berkemahiran turut dikenal pasti sebagai isu utama dalam pelaksanaan TVET berdasarkan kepada dapatan kajian. Isu ini bersamaan dengan kajian yang dibuat oleh Mohamad et al. (2021), yang menunjukkan bahawa kekurangan tenaga pengajar yang mahir dalam kemahiran teknikal menyebabkan latihan TVET tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Ketiadaan bimbingan yang mencukupi boleh menyebabkan pelajar gagal menguasai kemahiran sepenuhnya. Abdul Rahman (2019) juga mendapati bahawa kekurangan jurulatih menyebabkan latihan sering tidak dipantau dengan baik, mengurangkan keberkesanan program TVET. Dalam konteks kajian ini, Kemahiran yang diberikan iaitu asas binaan bangunan dan potong rambut memerlukan pihak sekolah mempunyai tenaga yang berkemahiran bagi memantau aktiviti Latihan pelajar. Justeru itu, jika tiada, ia akan membantutkan pelajar untuk meningkatkan Kemahiran diri selepas pulang dari Latihan TVET yang dihadiri.

Kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan program TVET di Maahad berdepan dengan pelbagai cabaran yang menyulitkan keberkesanan. Kekangan seperti masa, sumber kewangan yang terhad, dan kekurangan jurulatih berkemahiran mengurangkan keupayaan pelajar untuk memanfaatkan latihan TVET sepenuhnya. Tambahan pula, konflik dengan jadual akademik dan program rasmi turut menjadi penghalang kepada keberkesanan latihan TVET. Cabaran-cabaran ini memberi kesan yang ketara terhadap pelaksanaan program dan perlu ditangani untuk memperbaiki kualiti latihan yang ditawarkan.

Kajian ini mencadangkan beberapa langkah untuk memperkukuh pelaksanaan program TVET di Maahad. Pertama, terdapat keperluan untuk memperluaskan pendedahan mengenai peluang latihan TVET dalam kalangan pelajar Maahad. Ini termasuk kempen kesedaran yang berfokus kepada kepentingan kemahiran teknikal sebagai pelengkap kepada pendidikan agama. Menurut Abdullah et al. (2018), penyebaran maklumat yang lebih meluas mengenai peluang latihan dan kerjaya TVET boleh membantu menarik minat lebih ramai pelajar, terutamanya dalam kalangan pelajar institusi agama. Ini disokong oleh kajian Mohd Nor et al. (2019), yang mendapati bahawa kempen kesedaran tentang manfaat TVET boleh meningkatkan kadar penyertaan pelajar, terutamanya dalam kalangan pelajar di sekolah pondok dan institusi agama.

Selain itu, Hashim et al. (2020) menyarankan bahawa program promosi yang berterusan dan berstruktur diperlukan untuk memperkasakan pelajar tentang peluang pekerjaan yang dihasilkan melalui program TVET. Penekanan kepada aspek kemahiran teknikal sebagai komponen penting dalam pendidikan holistik juga mendapat sokongan daripada kajian oleh Rahim et al. (2017), yang mendapati bahawa integrasi TVET dengan pendidikan agama bukan sahaja memperkayakan pelajar dari sudut akademik, tetapi juga dari segi persediaan untuk pasaran pekerjaan. Dengan adanya sokongan pelbagai kajian, ini mengukuhkan lagi cadangan untuk memperluas dan mempromosikan TVET sebagai salah satu komponen penting dalam pendidikan di Maahad.



Kedua, pentingnya penyelarasan kurikulum yang lebih fleksibel agar latihan TVET dapat dijalankan tanpa mengganggu pembelajaran akademik. Kajian oleh Hashim & Mahmud (2020) menyarankan kurikulum yang lebih anjal dan integratif bagi membolehkan pelajar mengimbangi antara latihan vokasional dan subjek-subjek akademik. Pendekatan ini turut disokong oleh kajian Zainuddin et al. (2019), yang mendapati bahawa kurikulum yang fleksibel memberi ruang kepada pelajar untuk menguasai kemahiran teknikal tanpa menjejaskan pencapaian akademik mereka. Kajian dari luar negara juga menyokong pendekatan ini. Di Finland, menurut Stenström & Virolainen (2014), sistem pendidikan vokasional yang fleksibel membolehkan pelajar memilih untuk mempelajari modul TVET dan akademik secara serentak, yang membantu mereka mengembangkan kemahiran teknikal dan pencapaian akademik secara seimbang. Di Jerman, sistem pendidikan dual di mana pelajar boleh belajar di sekolah dan menjalani latihan vokasional di industri telah terbukti meningkatkan keberkesanan pembelajaran TVET tanpa menjejaskan kurikulum akademik (Pilz, 2017). Selain itu, kajian oleh Dunbar (2019) di Kanada menegaskan bahawa fleksibiliti dalam kurikulum adalah penting untuk memastikan pelajar dapat menyesuaikan diri dengan kedua-dua latihan vokasional dan pembelajaran akademik tanpa tekanan berlebihan. Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan kurikulum yang lebih fleksibel, sama ada melalui penyelarasan jadual atau integrasi antara latihan TVET dan akademik, penting untuk meningkatkan keberkesanan program vokasional di seluruh dunia.

Selain itu, kerjasama erat dengan institusi-institusi luar seperti Kolej Vokasional, Kolej Komuniti, dan institusi teknikal lain perlu diperkukuhkan. Kolaborasi ini dapat menyediakan akses kepada tenaga pengajar berkemahiran, peralatan yang lebih lengkap, dan juga peluang latihan praktikal yang lebih baik. Menurut Rahman et al. (2019), kerjasama dengan institusi pendidikan dan industri luar dapat meningkatkan keberkesanan program TVET dengan memperkukuhkan infrastruktur dan memperbaiki kualiti latihan.

Kajian dari luar negara turut menyokong kepentingan kerjasama ini. Sebagai contoh, kajian di Jerman oleh Pilz (2017) menekankan bahawa kerjasama antara institusi pendidikan dan industri adalah kunci kejayaan program TVET. Sistem latihan dual di Jerman, di mana pelajar TVET menerima latihan praktikal di syarikat sambil belajar teori di institusi pendidikan, telah membuktikan keberkesanan kolaborasi ini dalam menyediakan pelajar yang lebih berkemahiran dan siap kerja. Di Finland, menurut Stenström & Virolainen (2014), kerjasama antara institusi vokasional dan sektor pekerjaan juga telah meningkatkan kualiti latihan dengan memastikan pelajar menerima latihan terkini yang relevan dengan keperluan industri. Kerjasama antarabangsa ini menunjukkan bahawa gabungan antara pendidikan dan industri adalah model yang terbukti meningkatkan keberkesanan latihan vokasional dan memastikan pelajar mendapat kemahiran praktikal yang diperlukan dalam pasaran kerja.



Di samping itu, sumber kewangan perlu ditingkatkan melalui pelbagai inisiatif seperti sumbangan daripada agensi kerajaan, swasta, dan zakat, bagi menampung perbelanjaan pembelian peralatan dan bahan latihan. Penambahan dana ini sangat penting dalam memastikan latihan dapat dijalankan dengan kelengkapan yang mencukupi, sekali gus meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Firdaus et al. (2020) menyatakan bahawa sumber kewangan yang mencukupi memainkan peranan besar dalam meningkatkan kualiti latihan vokasional di institusi pendidikan. Di peringkat antarabangsa, kajian oleh Marginson (2017) di Australia menunjukkan bahawa dana yang mencukupi dalam pendidikan vokasional amat penting dalam menjamin kualiti latihan dan penyediaan infrastruktur. Selain itu, di Singapura, sistem TVET yang berjaya sebahagian besarnya bergantung pada sumbangan kewangan yang berterusan dari sektor kerajaan dan swasta, di mana pembiayaan yang mantap memungkinkan pelajar mendapat akses kepada peralatan moden dan latihan berkualiti (OECD, 2019). Kajian oleh McGrath (2018) di Afrika Selatan juga menekankan kepentingan sokongan kewangan yang berterusan daripada kerajaan untuk mempertingkatkan kualiti latihan vokasional di negara tersebut. Ini menunjukkan bahawa sumbangan kewangan, sama ada dari sektor awam atau swasta, adalah faktor kritikal dalam kejayaan program TVET di seluruh dunia.

## **Kesimpulan**

Dapatlah dirumuskan bahawa penyelarasan kurikulum, kerjasama dengan institusi luar, peningkatan sumber kewangan, dan penyebaran maklumat yang lebih meluas merupakan langkah penting bagi memastikan kejayaan program TVET di Maahad. Semua ini dapat meningkatkan keberkesanan program dan memberikan nilai tambah kepada pendidikan pelajar. Semua faktor cabaran dan kekangan di atas telah menyukarkan pelaksanaan program latihan kemahiran TVET yang berkesan. Namun, dengan kerjasama dan sokongan daripada pihak luar serta penyesuaian kurikulum, cabaran-cabaran ini boleh diatasi. TVET berpotensi menjadi elemen penting dalam meningkatkan kemahiran pelajar pondok, jika pelaksanaannya diperkukuh dengan strategi yang tepat. Kerjasama dengan pihak luar dan penyesuaian kurikulum dapat membantu memastikan kejayaan program ini. Dengan penekanan yang betul, TVET boleh menjadi elemen penting dalam pendidikan Maahad yang holistik.

## **Penghargaan**

Penyelidikan ini telah dibiayai oleh Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), Universiti Utara Malaysia (UUM) di bawah Kod S/O 21395.



## Rujukan

- Abdullah, A. (2016). Integration of TVET in Islamic Education: A Conceptual Framework. *Journal of Islamic Studies*, 15(2), 45-67.
- Abdullah, A., & Majid, M. A. (2020). Transforming TVET education in Malaysia. *Journal of Technical Education and Training*, 12(3), 45-58.
- Ahmad, N., & Osman, R. (2018). Challenges in implementing TVET in religious schools. *Journal of Islamic Education*, 20(2), 112-126.
- Ariffin, M. A., & Ismail, N. (2020). Challenges in Integrating TVET into Islamic Educational Institutions. *Journal of Vocational Education & Training*, 72(1), 123-138.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. (4th ed.). SAGE Publications.
- Dunbar, L. (2019). Flexibility in vocational education: Case study in Canadian institutions. *Canadian Journal of Education*, 43(3), 289-310.
- Education Bureau, Hong Kong. (2018). *Vocational and Professional Education and Training (VPET)*. Education Bureau of Hong Kong.
- Euler, D. (2013). *Germany's dual vocational training system: A model for other countries?* Bertelsmann Stiftung.
- Firdaus, H., & Hashim, N. (2020). Funding challenges for vocational education in religious Institutions in Malaysia. *Journal of Educational Management*, 24(4), 45-59.
- Firdaus, H., & Mahmud, Z. (2020). Curriculum flexibility and the integration of TVET in Islamic institutions. *Journal of Technical Education*, 22(1), 45-65.
- Gessler, M., & Herrera, M. A. M. (2015). Vocational education and training in Latin America: A comparative study. *Journal of Vocational Education & Training*, 67(4), 445-465.
- Ghani, M. F. (2020). Integration of Technical and Vocational Education in Islamic Schools. *Journal of Islamic Education*.
- Hassan, R., & Salleh, N. M. (2020). Challenges in Implementing TVET in Pondok Schools in Malaysia. *Journal of Islamic Education*, 23(1), 89-102.
- ILO. (2020). *The future of work in the ASEAN: Implications for TVET*. International Labour Organization.
- Lee, M. (2016). *TVET and Skills Development in Korea*. KDI School of Public Policy and Management.
- Maclean, R., & Wilson, D. N. (Eds.). (2009). *International handbook of education for the changing world of work: Bridging academic and vocational learning*. Springer Science & Business Media.
- Majid, M. A., Ahmad, S. H., & Mohamad, R. (2019). TVET in Religious Schools: Financial and Logistical Challenges. *Journal of Technical Education and Training*, 11(2), 45-60.





- Majumdar, S. (2019). Emerging trends in TVET: Reflections on theory and practice. *International Journal of Training Research*, 17(sup1), 12-23.
- Marginson, S. (2017). The role of TVET in ensuring quality education and employment opportunities. *International Journal of Educational Research*, 86(2), 45-57.
- McGrath, S. (2012). Vocational education and training for development: A policy in need of a theory? *International Journal of Educational Development*, 33(3), 267-277.
- Ministry of Education, Culture, Sports, Science and Technology, Japan. (2017). *Monozukuri Education in Japan*. MEXT Japan.
- OECD. (2019). *TVET and Skills for the Future: A Global Perspective*. Organisation for Economic Co-operation and Development.
- Pilz, M. (2017). Dual vocational training and the importance of partnerships with industries: A German model. *European Journal of Vocational Education*, 49(2), 365-382.
- Rahman, H. A. (2018). Public perception on vocational education in Islamic boarding schools. *Journal of Educational Studies*, 15(3), 212-230.
- Schwab, K. (2016). *The Fourth Industrial Revolution*. Crown Business.
- Stenström, M. L., & Virolainen, M. (2014). The Role of Vocational Education and Training in Fostering Innovation in Finland. *European Journal of Education*, 49(4), 469-482.
- UNESCO. (2015). *Rethinking Education: Towards a Global Common Good?* UNESCO Publishing.
- UNESCO-UNEVOC. (2018). *Skills for Employment: Scaling Up Best Practices*. UNESCO-UNEVOC International Centre for Technical and Vocational Education and Training.
- World Bank. (2019). *World Development Report 2019: The Changing Nature of Work*. The World Bank.
- Yusoff, M. S. A., & Nordin, M. S. (2017). TVET in Malaysia: Issues and Challenges in Producing Skilled Workforce. *Journal of Education and Human Development*, 6(3), 1-12.
- Zakaria, M. H. (2018). TVET in Traditional Islamic Education: A Study of Pondok Schools in Malaysia. *Journal of Vocational Education and Training*, 70(4), 523-541.
- Zakaria, M. H., & Hassan, R. (2019). The Role of TVET in Modernizing Islamic Education: A Case Study of Pondok Schools. *International Journal of Education*, 45(1), 112-130.
- Zulkifli, M. A., & Shamsudin, S. (2020). Integrating Islamic Values in TVET: An Exploratory Study. *Journal of Technical Education and Training*, 12(3), 56-74.



## PEMBANGUNAN USAHAWAN DI BAZAR WAKAF RAKYAT (BWR), PULAU PINANG

**Ku Hanani Ku Halim<sup>1</sup>**  
**Syarifah Md Yusof<sup>2</sup>**  
**Azizah Othman<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia (UUM),  
Malaysia, ([kuhanani@uum.edu.my](mailto:kuhanani@uum.edu.my))

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia (UUM),  
Malaysia, ([syarifah@uum.edu.my](mailto:syarifah@uum.edu.my))

<sup>3</sup>Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia (UUM),  
Malaysia, ([o.azizah@uum.edu.my](mailto:o.azizah@uum.edu.my))

---

**Abstrak:** *Wakaf memberi impak penting kepada pembangunan ekonomi melalui peranannya dalam menggalakkan penggunaan sumber dan aset, menambah pendapatan dan mewujudkan peluang pekerjaan. Namun, antara penyumbang kepada isu-isu dalam mengembangkan harta wakaf adalah seperti kekurangan dokumentasi dan pangkalan data yang sistematik, pengurusan struktur wakaf yang kurang cekap, pegawai yang tidak mahir dalam pengurusan wakaf, prosedur yang kurang jelas berkaitan pendaftaran pengurusan tanah dan harta wakaf serta kurangnya pengetahuan mengenai wakaf dalam kalangan masyarakat. Maka, timbulnya persoalan sejauh manakah pelaksanaan semasa yang dijalankan oleh institusi wakaf dalam membantu membangunkan harta-harta wakaf ke arah pembangunan aktiviti usahawan? Bagaimanakah pula penyelesaian yang diambil oleh pihak institusi wakaf dalam mendepani cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang pelaksanaan itu. Justeru, kajian ini bertujuan meneroka pelaksanaan semasa institusi wakaf dalam membangunkan aktiviti keusahawanan. Kajian ini hanya berfokuskan kepada projek Bazar Wakaf Rakyat (BWR) di Pulau Pinang. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melibatkan sesi temu bual mendalam sebagai kaedah pengumpulan data. Sesi temu bual tersebut melibatkan pihak masjid dengan keseluruhan seramai 6 orang responden. Kaedah analisis data menggunakan perisian ATLAS.Ti. Hasil kajian mendapati bahawa pihak masjid bertanggungjawab dalam penawaran dan pengoperasian serta menguruskan isu-isu pengurusan BWR. Dapatan kajian ini dapat menyumbang kepada penambahbaikan operasi institusi wakaf dan pengurusan masjid.*

**Kata Kunci:** *wakaf, usahawan, pembangunan usahawan, Bazar Wakaf Rakyat*

---



## Pendahuluan

Wakaf memberi impak penting kepada pembangunan ekonomi melalui peranannya dalam menggalakkan penggunaan sumber dan aset, menambah pendapatan dan mewujudkan peluang pekerjaan (Suhaimi dan Rahman, 2021). Antara potensi besar wakaf dalam pembangunan ekonomi negara ialah dengan membantu para usahawan dalam mengembangkan aktiviti keusahawanan dan seterusnya membawa pulangan ekonomi kepada negara. Menurut Musa dan Che Mohd Salleh (2018), usahawan boleh terdiri daripada pemilik perniagaan mikro, kecil, sederhana atau berskala besar. Menurut mereka lagi pada peringkat makro, perniagaan baru dan kecil tidak hanya memberikan sumbangan yang besar terhadap pembentukan pekerjaan, malah turut juga menyumbang kepada inovasi dan pertumbuhan ekonomi.

Institusi-institusi wakaf di Malaysia turut tidak terkecuali dalam menyediakan bantuan dan sokongan kepada usahawan atau peniaga kecil dalam membantu dan mengembangkan aktiviti perniagaan mereka. Tambahan pula, hasil dana wakaf turut membantu dalam menyumbang ke arah pembangunan sosioekonomi negara. Menurut Zakaria et al. (2013) wakaf juga merupakan alat yang ampuh untuk pembangunan masyarakat yang mampan dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara. Menurut Suhaimi dan Rahman (2021), impak positif yang diperolehi dari wakaf dalam pembangunan ekonomi adalah dapat memanfaatkan sumber wakaf (tanah dan bangunan) daripada terbiar, menjana serta mengeluarkan hasil baharu daripada aset wakaf, mempelbagaikan projek lain melalui hasil dana yang dijana melalui aset wakaf, menjana pendapatan kepada sumber manusia dan mewujudkan peluang pekerjaan.

Namun, kajian daripada Osman et al. (2015) menyatakan bahawa antara penyumbang kepada isu-isu dalam mengembangkan harta wakaf adalah seperti kekurangan dokumentasi, kekurangan pangkalan data yang sistematik, kekurangan pengurusan struktur wakaf yang cekap, pegawai yang tidak mahir dalam pengurusan wakaf, kekurangan prosedur yang jelas berkaitan pendaftaran pengurusan tanah dan harta wakaf serta kurangnya pengetahuan mengenai wakaf dalam kalangan masyarakat. Bagi Pulau Pinang pula, antara cabaran pengurusan wakaf yang dihadapi oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) ialah salah faham masyarakat terhadap peranan MAINPP sebagai pemegang amanah tunggal harta tanah wakaf, status pegangan pajakan ke atas tanah wakaf, pertikaian undang-undang berhubung tanah wakaf, dan campur tangan waris dalam pengurusan harta tanah wakaf (Abdullah et al., 2021). Oleh itu, ini menimbulkan persoalan sejauh manakah pelaksanaan semasa yang dijalankan oleh institusi wakaf dalam membantu membangunkan harta-harta wakaf seperti pembangunan tanah wakaf ke arah pembangunan aktiviti usahawan? Bagaimanakah pula penyelesaian yang diambil oleh pihak institusi wakaf dalam mendepani cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang pelaksanaan itu. Justeru, kajian ini



bermatlambat untuk meneroka pelaksanaan semasa institusi wakaf dalam membangunkan aktiviti keusahawanan.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metodologi penyelidikan kualitatif. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah melalui penglibatan sumber data primer yang diperolehi melalui kajian lapangan iaitu melalui sesi temu bual mendalam bersama responden dari institusi masjid yang terpilih. Kajian ini memfokuskan kepada salah satu pelaksanaan wakaf terhadap pembangunan usahawan yang terdapat di Pulau Pinang iaitu projek Bazar Wakaf Rakyat (BWR). Terdapat enam buah masjid yang terlibat dengan projek BWR ini yang terletak di dalam lima daerah di Pulau Pinang iaitu di Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara, Timur Laut, Barat Daya dengan melibatkan keseluruhan premis perniagaan sebanyak 27 lot kedai. Jadual 1 menunjukkan lokasi enam buah masjid yang terlibat dengan pelaksanaan projek BWR di Pulau Pinang.

Jadual 1: Lokasi Enam Buah Masjid Yang Terlibat Dengan Pelaksanaan Projek BWR

No.	Nama Masjid	Daerah	Bilangan Lot Kedai
1	Masjid Daerah Seberang Perai Selatan, Jawi	Seberang Perai Selatan	5
2	Masjid Daerah Seberang Perai Tengah, Perda	Seberang Perai Tengah	4
3	Masjid Daerah Seberang Perai Utara, Air Tawar	Seberang Perai Utara	3
4	Masjid At-Taqwa, Kepala Batas	Seberang Perai Utara	5
5	Masjid Jamek Shaik Eusoff, Jalan Ayer Itam	Timur Laut	5
6	Masjid Umar Al Khattab, Bayan Baru	Barat Daya	5
<b>Keseluruhan Lot Kedai</b>			<b>27</b>

Sumber: Penyelidik (2023)

## Ulasan Karya

### *Pembangunan Usahawan Menerusi Wakaf*

Institusi wakaf turut memainkan peranan penting dalam usaha melahirkan usahawan dan seterusnya dapat meningkatkan ekonomi negara. Menurut Iman dan Mohammad (2017), wakaf boleh dilaksanakan di semua peringkat sama ada individu, bandar dan luar bandar, komuniti, perbadanan, kerajaan, dan lain-lain serta



juga boleh diaplikasikan sebagai fokus tumpuan, iaitu objek, alat, mekanisme, instrumen dasar atau sistem ekonomi. Dalam konteks masa kini, terdapat beberapa amalan wakaf kontemporari yang diaplikasikan oleh institusi wakaf di Malaysia dalam membangunkan sosioekonomi khususnya dalam membantu usahawan-usahawan di Malaysia. Namun, tadbir urus harta wakaf adalah berbeza mengikut pengurusan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di setiap negeri masing-masing. Setiap negeri mempunyai tadbir urus wakaf yang tersendiri mengikut cara pengurusan masing-masing.

Di Malaysia, pelaksanaan mekanisme wakaf tunai telah dipraktikkan oleh beberapa institusi wakaf. Antaranya, Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) iaitu melalui Sijil Wakaf Ekonomi yang telah berjaya mengutip sebanyak RM16,140.00 sehingga 15 Ogos 2021. Melalui kutipan tersebut, pihak YWM telah berjaya membangunkan 2 lot kedai pejabat di Taman Pagoh Jaya, Johor dan 1 lot kedai pejabat di Bandar Baru Bangi, Selangor (<https://www.ywm.gov.my>).

Manakala di Johor pula, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) melaksanakan wakaf tunai melalui Saham Wakaf Johor (SWJ) dimana MAIJ merupakan pemegang amanah dengan nilai RM 10 seunit untuk dimiliki oleh umat Islam. Hasil dana kemudiannya akan disalurkan untuk pembangunan tanah wakaf, pembangunan tanah wakaf sedia ada, pembinaan bangunan pejabat atau kedai, pembangunan perladangan, pelaburan saham dan simpanan tetap serta aktiviti pembangunan sosioekonomi yang dirancang oleh MAIJ (Nor Azlan et al., 2020). Berdasarkan pelaksanaan wakaf tunai yang dijalankan oleh beberapa institusi wakaf ini, dapat dilihat bahawa mekanisme wakaf tunai turut disumbangkan kepada aktiviti pembangunan sosio ekonomi negara yang secara tidak langsung membantu melahirkan usahawan di Malaysia. Ini disokong oleh Chabbal (2020) bahawa fungsi institusi wakaf untuk pengumpulan dana, pelaburan serta beroperasi sebagai rangkaian, akan memberi kesan kepada pelbagai sektor ekonomi serta mempengaruhi pembangunan masyarakat.

Selain itu, terdapat juga beberapa MAIN yang menubuhkan anak syarikat bagi memastikan projek pembangunan harta wakaf dilaksanakan dengan baik. Sebagai contoh, di Selangor, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menubuhkan anak syarikat iaitu Urus Maju Ehsan (UME) yang bertanggungjawab membangunkan projek harta wakaf melibatkan sebanyak 330 buah rumah teres, lot kedai dan bangunan komersial dengan kaedah pajakan selama 99 tahun (Romli et al., 2019). Selain itu, institusi wakaf di Malaysia juga turut menjalankan usahasama dengan pelbagai agensi dalam membangunkan harta wakaf dan seterusnya digunakan untuk pembangunan sosioekonomi. Menurut Razak (2020), pihak berkuasa agama secara proaktif perlu



mencari kolaborasi bijak dengan menggembelng sumber kewangan yang dimiliki oleh institusi wakaf bagi membantu usahawan.

Di Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan anak syarikat milik penuhnya iaitu Syarikat Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd (WPPSB), telah mengadakan usahasama bersama pemaju melibatkan pembahagian peranan, kos dan keuntungan untuk menjayakan sesebuah projek pembangunan harta wakaf di negeri Pulau Pinang (Abu Bakar et al., 2021). Ini menunjukkan bahawa usahasama yang dijalankan oleh MAIN telah membantu dalam memproduktifkan harta-harta wakaf dan seterusnya memberi manfaat kepada masyarakat setempat. Menurut Khan (2019) usahasama wakaf membuka hala tuju baharu yang berpotensi dalam peranan transformatif wakaf untuk mewujudkan bantuan dalam kontrak kewangan di samping mengembangkan visi keusahawanan Islam dalam mencapai ekonomi pasaran halal.

Selain itu, antara usaha-usaha lain yang dijalankan oleh institusi wakaf di Malaysia untuk melahirkan usahawan adalah dengan mewujudkan dana khas seperti yang dijalankan oleh negeri Perak. Majlis Agama Islam Perak (MAIPk) telah menubuhkan dana *Wakaf Business Centre* (WBC) yang diuruskan oleh Dana Wakaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR). Menurut Nazeri dan Ab Rahman (2021), dana WBC bertujuan untuk membina premis perniagaan di negeri Perak dan kini terdapat sebuah WBC yang telah siap dibina dan beroperasi iaitu di Masjid al-Hidayah, Behrang pada 2020 dengan melibatkan enam buah unit premis perniagaan yang berkeluasan sebanyak 150 kaki persegi per unit. Menurutnya lagi, penyediaan WBC oleh MAIPk adalah untuk mengeluarkan masyarakat daripada status kemiskinan kerana kebanyakan para peniaga kecil terpaksa berniaga di kawasan yang sangat tidak kondusif dan selesa. Melalui premis WBC, ia memberi peluang kepada usahawan yang layak untuk berniaga di kawasan yang selesa dan mempunyai fasiliti lengkap seperti berdekatan dengan masjid, tandas, dan mempunyai utiliti lengkap dengan kadar sewa yang sangat rendah dan sekadar untuk menampung cas pengurusan.

### ***Projek Bazar Wakaf Rakyat (BWR)***

Menerusi pembentangan Bajet 2010 pada 23 Oktober 2019 oleh Perdana Menteri ketika itu, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah meluluskan sebanyak RM20 juta kepada Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) bagi melaksanakan 'Pembangunan Hartanah Wakaf' yang dikenali sebagai Projek Kecil Berimpak Besar (PKBB) di kawasan masjid dan tanah wakaf terpilih (Abdullah et al., 2020). Petikan ucapan Yang Berhormat Perdana Menteri dapat dilihat seperti berikut:



*“Kerajaan akan membangunkan hartanah wakaf di seluruh negara bagi tujuan khairat. Untuk ini, Yayasan Waqaf Malaysia akan melaksanakan program pembangunan ekonomi, pendidikan, sosial dan kebajikan ummah terutamanya projek kecil berimpak besar kepada masyarakat. Fokus utamanya adalah untuk membasmi kemiskinan tegar serta meningkatkan taraf sosio-ekonomi umat Islam. Antara projek yang dirancang adalah membina kedai wakaf rakyat di kawasan masjid terpilih dan bazar peniaga kecil untuk orang ramai, termasuk golongan asnaf. Sebagai permulaan, bagi menjayakan inisiatif yang penuh barakah ini, sejumlah RM20 juta ringgit akan disediakan.”*

(Pembentangan Bajet 2010)

Berikutan itu, YWM telah menjalinkan kerjasama bersama MAIN di setiap negeri bagi membantu dalam pembangunan sektor ekonomi negara. Menurut Suhaimi dan Rahman (2021), projek Bazar Wakaf Rakyat (BWR) dilancarkan pada tahun 2010 tersebut merupakan ikon Projek Kecil Berimpak Besar (PKBB) dengan tujuan membuka minda masyarakat mengenai potensi wakaf. Tambah mereka lagi, pelaksanaan aktiviti ekonomi menerusi projek BWR telah memanfaatkan sumber tanah secara optimum selain turut menjana pendapatan daripada aktiviti perniagaan yang dijalankan. Selain itu, menurut Abdullah et al. (2020) dalam kajian mereka, sebanyak 65 projek berskala kecil dengan menyediakan ruang niaga untuk peniaga beragama Islam dan pada tahun 2012 sebanyak RM10 juta dan RM5 juta lagi di bawah Bajet 2013 diagihkan untuk tujuan pembangunan hartanah wakaf. Menurut kajian tersebut, dengan pelaksanaan PKBB ini telah memberikan peluang perniagaan kepada 296 peniaga Muslim. Manfaat harta atau aset wakaf seperti tanah wakaf yang dibangunkan oleh institusi wakaf telah memberi peluang kepada masyarakat dalam menceburkan diri dalam aktiviti keusahawanan.

Di Pulau Pinang, YWM telah bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) bagi menjalankan Projek Bazar Wakaf Rakyat (BWR) yang didirikan di atas tanah wakaf masjid yang terpilih. Di Pulau Pinang, operasi pengurusan dan pentadbiran projek BWR ini diserahkan sepenuhnya kepada pihak pengurusan masjid yang terpilih setelah projek pembangunan BWR ini didirikan. Pihak pengurusan masjid mempunyai tanggungjawab sepenuhnya dalam mengurus dan mentadbir projek BWR. Sebanyak enam buah masjid yang telah dipilih iaitu melibatkan lima daerah di Pulau Pinang bagi menjayakan “Projek Kecil Berimpak Besar” ini. Kesemua enam buah masjid tersebut mempunyai jumlah keseluruhan 27 lot kedai untuk ditawarkan kepada masyarakat setempat yang berminat untuk menjalankan perniagaan. Pelaksanaan projek BWR di Pulau Pinang dapat digambarkan seperti di Rajah 1.



Rajah 1.1: Pembangunan Projek Bazar Wakaf Rakyat di Pulau Pinang

Sumber: Penyelidik (2023)

## Dapatan Kajian

### 1. Pelaksanaan Bazar Wakaf Rakyat (BWR) di Pulau Pinang

#### *Penawaran Bazar Wakaf Rakyat (BWR)*

Kajian mendapati terdapat manfaat yang diperolehi masyarakat setempat hasil daripada pengoperasian BWR. Antaranya ialah pengoperasian BWR dapat memberikan peluang perniagaan kepada usahawan setempat yang berminat untuk berniaga, menambah pendapatan usahawan serta membantu menjana ekonomi masyarakat setempat. Selain itu, kajian juga mendapati dengan pengoperasian BWR, ia turut memberi manfaat kepada pihak masjid melalui aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan di dalam kawasan masjid, serta dapat dijadikan sebagai salah satu cara tarikan dalam mengimarahkan masjid. Dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian daripada Suhaimi & Rahman (2021) yang menjelaskan bahawa dengan pembangunan projek BWR atas tanah wakaf milik masjid telah merangsang aktiviti ekonomi di dalam kawasan masjid. Menurutnya lagi, kewujudan BWR bukan sahaja menjana pendapatan kepada pemegang amanah tanah wakaf tersebut, malah turut memberi peluang buat peniaga kecil-kecilan untuk menjalankan perniagaan di lokasi yang strategik iaitu di mana kedudukan BWR dalam kawasan masjid yang menjadikan BWR mempunyai pengunjung yang tetap iaitu jemaah masjid dan masyarakat setempat yang tinggal berdekatan masjid.



Selain itu, kajian mendapati penawaran bagi projek BWR ini hanya akan ditawarkan sekiranya terdapat kekosongan tempat sahaja. Hal ini kerana, kebanyakan pihak masjid masih mengekalkan penyewa-penyewa lama yang telah menyewa sejak dari penubuhan BWR tersebut. Penyewa-penyewa lama ini akan ditawarkan pembaharuan kontrak perjanjian sewaan mengikut tahun yang ditawarkan. Sekiranya pihak penyewa telah menamatkan kontrak atau ditamatkan kontrak oleh pihak pengurusan masjid, maka premis BWR tersebut akan dikosongkan. Setelah itu, pihak masjid akan menawarkan permohonan baharu kepada anak kariah setempat yang berminat untuk berniaga di BWR. Berdasarkan temu hasil temu bual, kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan dan juga persamaan berkaitan cara penawaran BWR yang dilakukan oleh masjid masing-masing. Ringkasan bagi proses permohonan BWR bagi setiap masjid dapat dilihat melalui Jadual 2.

Jadual 1.2: Proses Permohonan Bazar Wakaf Rakyat

Masjid	Medium Hebahan	Kaedah Memohon	Antara Syarat Kelayakan Memohon
M1	Media Sosial	Borang permohonan	Miliki SSM, Sijil Kesihatan (bagi perniagaan makanan), kemukakan profil syarikat
M2	Media Sosial, Banner	Borang permohonan	Miliki SSM, produk patuh syariah
M3	Iklan	Borang permohonan	Miliki SSM
M4	Notis	Borang permohonan	Miliki SSM, warganegara, anak kariah, produk perniagaan
M5	Notis	Borang permohonan	Miliki SSM, anak kariah, orang islam, memenuhi keperluan masjid, ada rekod perniagaan
M6	Tiada maklumat	Borang permohonan	Miliki SSM, anak kariah

Sumber: Penyelidik (2023)

Melalui Jadual 2, kebanyakan masjid telah menggunakan media sosial dan notis pengumuman sebagai medium untuk membuat hebahan kekosongan penawaran BWR kepada anak-anak kariah setempat. Selain itu, terdapat persamaan yang jelas berkaitan kaedah memohon iaitu pemohon perlu melengkapkan borang permohonan. Malah, pihak masjid juga turut mengemukakan syarat kelayakan memohon seperti yang telah dinyatakan dalam borang permohonan. Antara syarat-syarat yang hampir sama antara kesemua masjid adalah perlulah memiliki sijil SSM, merupakan anak kariah dan mempunyai rekod perniagaan. Manakala, terdapat tiga kaedah yang digunakan oleh pihak masjid untuk memilih penyewa iaitu melalui proses temu duga, proses undian dan juga keputusan mesyuarat. Tempoh kelulusan pula adalah selama dua minggu atau tiga minggu atau sebulan

dan hampir kesemua masjid menggunakan surat tawaran sebagai medium bagi menyampaikan keputusan permohonan kepada pemohon yang berjaya. Kaedah pemilihan penyewa BWR di Pulau Pinang dapat diringkaskan seperti Jadual 3.

Jadual 1.3: Proses Pemilihan Penyewa Bazar Wakaf Rakyat

Masjid	Kaedah Pemilihan	Tempoh Kelulusan	Penawaran
M1	Temu duga, proses undian	Sebulan	Surat tawaran
M2	Proses Undian	2 minggu	Tiada maklumat
M3	Proses Undian	1 minggu	Surat tawaran
M4	Keputusan Temu duga	Sebulan	Surat tawaran
M5	Keputusan Mesyuarat	3 minggu	Tiada maklumat
M6	Keputusan Mesyuarat	Tiada maklumat	Telefon, surat tawaran

Sumber: Penyelidik (2023)

#### *Tadbir Urus Bazar Wakaf Rakyat (BWR)*

Seterusnya, kajian mendapati bahawa kebanyakan pengurusan masjid bersetuju bahawa peranan masjid terhadap projek BWR adalah untuk mengurus dan memantau operasi BWR, mengawal selia bangunan dan bertanggungjawab sepenuhnya kepada penyewa. Selain itu, kajian juga mendapati bahawa kesemua masjid telah menyediakan kontrak perjanjian sewaan kepada penyewa-penyewa BWR. Kontrak perjanjian sewaan ini akan ditandatangani antara pihak pengurusan masjid dan penyewa. Pelaksanaan penyewaan BWR dapat diringkaskan seperti di Jadual 4.

Jadual 1.4: Pelaksanaan Sewaan Bazar Wakaf Rakyat

Masjid	Perjanjian	Tempoh Perjanjian	Kadar Sewaan	Kaedah Bayaran Sewa	Kaedah Penetapan Kadar Sewaan
M1	Ya	1 tahun	Berbeza	Tunai, pindahan secara atas talian	Mesyuarat
M2	Ya	2 tahun	Berbeza	Tunai, pindahan secara atas talian	Mesyuarat
M3	Ya	3 tahun	Berbeza	Tunai, pindahan secara atas talian	Mesyuarat
M4	Ya	4 tahun	Berbeza	Tunai, pindahan secara atas talian	Mesyuarat



---

M5	Ya	5 tahun	Berbeza	Tunai, pindahan secara atas talian, Cek	Mesyuarat
M6	Ya	6 tahun	Berbeza	Tunai, pindahan secara atas talian, Cek	Mesyuarat

---

Sumber: Penyelidik (2023)

Berdasarkan Jadual 4, dapat dilihat bahawa tempoh perjanjian kontrak adalah berbeza-beza bagi setiap masjid. M6 merupakan projek BWR yang memegang tempoh perjanjian yang paling lama iaitu selama 6 tahun. Manakala, M1 merupakan projek BWR yang memegang tempoh perjanjian paling singkat iaitu selama satu tahun. Selain itu, kadar sewaan juga berbeza di setiap masjid mengikut keluasan kedai yang telah diubahsuai.

Berdasarkan dapatan ini, penyelidik mendapati pihak pengurusan masjid memahami peranan dan tanggungjawab serta amanah yang diberikan oleh MAINPP untuk menguruskan projek BWR. Pihak pengurusan masjid telah mewujudkan satu proses pelaksanaan dalam penawaran projek BWR. Ini menunjukkan bahawa pihak pengurusan masjid mempunyai kemahiran dalam menguruskan sesuatu projek. Kemahiran dalam menguruskan amatlah penting dalam sesebuah organisasi. Menurut kajian daripada Abu Bakar et al., (2022) pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pengurusan merupakan suatu perkara yang penting kepada setiap individu dalam sesebuah organisasi, maka pentadbiran masjid pada masa kini memerlukan ilmu dan kepakaran pengurusan yang cekap dan sistematik supaya pelaksanaan aktiviti-aktiviti bersifat spiritual dan ekonomi akan mempengaruhi suasana pengimaran masjid dan akhirnya mengubah persepsi masyarakat terhadap peranan masjid sebagai tempat ibadat kepada pusat pembangunan ekonomi Islam.

Selain itu, kajian mendapati kaedah bayaran sewa projek BWR yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan masjid adalah hampir sama bagi setiap masjid. Kebanyakan masjid meletakkan bayaran tunai, pindahan secara atas talian (*transfer online*) atau cek sebagai kaedah untuk membuat bayaran sewa setiap bulan. Penetapan kadar sewaan ditentukan melalui keputusan mesyuarat yang dijalankan di peringkat masjid. Dapatan kajian mendapati bahawa semua hasil sewaan tersebut akan dimasukkan sepenuhnya ke akaun pengurusan masjid. Ini menunjukkan bahawa tiada pembahagian hasil sewaan yang diberikan kepada pihak MAINPP mahupun YWM. Namun dapatan ini berbeza dengan kajian daripada Suhaimi & Rahman (2021) di mana terdapat hasil sewaan BWR diuruskan oleh MAIN atau diuruskan oleh pihak pengurusan masjid. Perbezaan ini adalah disebabkan pelaksanaan pengurusan BWR mengikut MAIN masing-masing. Tambahnya lagi, kadar sewaan dan pajakan harta wakaf sama ada kepada individu, syarikat atau badan kerajaan adalah mengikut penilaian Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bagi negeri masing-masing.



Justeru, dapat dilihat bahawa pelaksanaan BWR dalam aspek pengurusan sewaan turut berbeza mengikut pengurusan MAIN di setiap negeri.

Selain itu, kajian juga mendapati bahawa hasil sewaan tersebut akan digunakan kepada pelbagai bentuk manfaat iaitu bagi menampung kos penyelenggaraan bangunan BWR, aktiviti dan program pengimarah masjid. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian daripada Hartini et al. (2019) yang turut bersetuju bahawa pembinaan bazar rakyat di kawasan masjid oleh JAWHAR dengan kerjasama MAIN boleh memberikan dana kewangan kepada pengurusan masjid yang boleh digunakan untuk tujuan penyelenggaraan, membayar gaji penceramah dan sebagainya. Tambahnya lagi, projek BWR ini selari dengan salah satu prinsip pembangunan harta wakaf lestari iaitu bersifat ekonomi di mana pembangunan wakaf tersebut dapat menjana dana untuk kegunaan harta wakaf itu sendiri seperti tujuan penyelenggaraan bangunan yang dibina.

Kajian juga mendapati bahawa pihak masjid juga turut menjalankan pemantauan kepada penyewa. Namun, pemantauan tersebut hanya dijalankan secara berkala. Antara bentuk-bentuk pemantauan yang dijalankan adalah memantau kerosakan bangunan dan pengoperasian kedai dari segi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan, kebersihan dan kebolehpayaan peniaga. Proses pemantauan yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan masjid adalah baik kerana pemantauan merupakan salah satu elemen bagi kawalan dalaman untuk pengurusan harta wakaf. Ini disokong oleh kajian daripada Mahmood et al. (2017) yang menjelaskan bahawa elemen yang terdapat dalam kawalan dalaman ialah persekitaran kawalan, aktiviti kawalan, pemantauan, maklumat dan komunikasi dan juga penilaian risiko di mana kesemua elemen ini merupakan alat untuk mengawal pengurusan sesebuah institusi kearah yang lebih baik.

### ***Isu-isu Bazar Wakaf Rakyat (BWR)***

Selain itu, terdapat beberapa isu yang dihadapi oleh pihak pengurusan BWR di Pulau Pinang seperti isu berkaitan bayaran sewa yang tertunggak, pengubahsuaian kedai pengoperasian kedai sewaan di mana penyewa tidak menjalankan operasi perniagaan dengan alasan yang munasabah dan isu peralihan tadbir urus pengurusan masjid. Bagi isu bayaran sewa yang tertunggak, kajian mendapati terdapat perbezaan dengan kajian daripada Sabri et al. (2020) yang menjelaskan bahawa penyewa premis komersial wakaf MAINPP berjaya menjelaskan pembayaran sewaan pada tempoh masa yang ditetapkan. Hal ini kerana penyewa mempunyai inisiatif berkaitan pengurusan kewangan yang baik. Justeru, pihak pengurusan masjid perlu mengambil serius dalam menangani isu-isu yang perlu dihadapi supaya pengurusan projek BWR berjalan dengan lancar. Pihak pengurusan masjid boleh mendapatkan bimbingan daripada MAINPP dalam menyelesaikan isu terbabit.



Melalui hasil temu bual juga, kajian mendapati hampir kesemua masjid mempunyai isu berkaitan isu pembayaran sewaan. Kajian mendapati terdapat pelbagai kaedah yang digunakan oleh pihak pengurusan masjid bagi menangani isu tersebut antaranya ialah membuat teguran lisan, proses rundingan, mengeluarkan notis dan surat peringatan. Sekiranya penyewa tersebut tidak mengendahkan peringatan-peringatan yang diberikan, maka pihak masjid akan melaksanakan penamatan kontrak sewaan. Namun, proses penamatan kontrak sewaan ini akan dibincangkan di dalam mesyuarat jawatankuasa masjid terlebih dahulu sebelum ianya dilaksanakan. Di samping itu, terdapat juga usaha pihak masjid untuk membuat penambahbaikan terhadap kandungan kontrak sewaan yang baharu. Menurut Sabri et al. (2020), pembayaran sewa yang dilakukan oleh penyewa premis pada tempoh masa yang ditetapkan akan menyumbang kepada perolehan pendapatan sewaan yang konsisten kepada institusi wakaf. Oleh itu, dapat dilihat pelbagai inisiatif yang diusahakan oleh pihak pengurusan masjid dalam memastikan bayaran sewa diterima dalam tempoh yang telah ditetapkan. Inisiatif ini merupakan satu langkah yang baik kerana secara tidak langsung ia dapat menjaga kelestarian harta wakaf.

Kajian juga mendapati pihak masjid mempunyai sikap yang terbuka dalam menyelesaikan isu-isu penyewa BWR misalnya, pihak masjid akan membuat proses rundingan bagi membincangkan isu penyewa. Pihak masjid juga bersedia membantu penyewa dalam memberikan khidmat nasihat serta bantuan yang boleh disalurkan kepada penyewa BWR. Sebagai contoh, semasa pandemik Covid-19, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada seluruh rakyat Malaysia. Sehubungan dengan arahan tersebut, sebahagian aktiviti ekonomi dalam negara tidak dapat dijalankan. Ia memberi kesan besar terhadap peniaga. Melihat kepada situasi tersebut, sebahagian pihak masjid tidak mengenakan sebarang sewaan kepada penyewa BWR dalam tempoh-tempoh tertentu semasa pelaksanaan PKP. Menurut Mohamad Saleh (2021) dalam kajiannya, kesan pandemik Covid-19 turut menyebabkan institusi masjid mengamalkan norma baharu dalam pengoperasiannya yang telah memberi banyak perubahan kepada urus tadbir dan cara pelaksanaan aktiviti yang berkaitan institusi masjid. Justeru, dapat dilihat bahawa pihak pengurusan masjid bersifat terbuka dan bertoleransi dalam menyelesaikan isu kebajikan penyewa BWR sepanjang tempoh pandemik Covid-19.

Keseluruhan asnaf yang menerima agihan zakat memaklumkan bahawa bantuan zakat yang diberikan membantu mereka menjelaskan tunggakan hutang yang dialami. Agihan zakat dalam kalangan asnaf *al-gharimin* terdiri daripada bentuk tunai dan bukan tunai. Bentuk tunai bermaksud wang tunai diagihkan secara terus kepada asnaf atau pun diserahkan kepada pihak yang memberikan hutang kepada asnaf bagi penyelesaian hutang yang tertunggak. Manakala bantuan bukan tunai merujuk kepada bantuan kos rawatan penyakit kritikal seperti perkhidmatan rawatan di Pusat Hemodialisis. Setiap agihan yang diberikan ini memberikan kesan yang positif kepada asnaf tersebut dalam pelbagai sudut terutamanya aspek penyelesaian hutang dan peningkatan kualiti hidup asnaf. Terdapat lima aspek kualiti hidup asnaf yang dapat dianalisis daripada kesan agihan zakat tersebut iaitu taraf kehidupan asnaf, manfaat rawatan hemodialisis, status semasa asnaf, sifat asnaf dan tingkat kesejahteraan asnaf.

### ***Penyelesaian Hutang***

Majoriti asnaf yang telah ditemu bual menyatakan bantuan zakat di bawah asnaf *al-gharimin* yang diterima oleh mereka sangat membantu mereka menyelesaikan hutang yang ditanggung. Hal ini kerana ada asnaf yang telah menanggung hutang dalam tempoh yang



lama. Oleh yang demikian, bantuan yang diberikan oleh LZNK sememangnya digunakan sepenuhnya untuk menyelesaikan baki hutang yang tertunggak. Ini menunjukkan tujuan utama asnaf memohon bantuan dan objektif LZNK tercapai dalam membantu asnaf keluar dari masalah keberhutangan. Berikut adalah petikan temu bual informan A, B, C, E, G, K, L, M dan O yang menyatakan bantuan zakat berjaya membantu mereka menyelesaikan baki hutang mereka.

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
A	<i>“Dapat tolong setel sewa rumah dan bil elektrik...”</i>
B	<i>“dapat bayar yuran sebelum tarikh yang ditetapkan oleh pihak kolej. Seterusnya dapat konvo on time.”</i>
C	<i>“bantu selesaikan yuran pengajian sem kedua terakhir anak punya...”</i>
E	<i>“Saya boleh grad. Tak ada tunggakan yuran dah.”</i>
G	<i>“mujur juga zakat tanggung, tidak jenuh berhutang la saya..kos dialisis ni mahal”</i>
K	<i>“...selesai hutang rumah ayah saya ni..”</i>
L	<i>“..dah selesai cukai pintu...”</i>
M	<i>“ makcik pi TNB bayar semua...”</i>
O	<i>“...selesai dah hutang...”</i>

### ***Taraf Kehidupan Asnaf***

Ada di antara informan asnaf yang di temu bual masih belum bekerja semasa menerima bantuan dan ada yang masih berstatus pelajar. Mereka memaklumkan, kesan bantuan dari zakat telah mengubah taraf kehidupan mereka setelah tamat belajar dengan jayanya. Mereka telah mendapat tawaran bekerja yang lebih baik, dapat kenaikan pangkat dan mengubah kehidupan dengan lebih baik. Terdapat juga asnaf yang terjejas pendapatan ketika berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Hal yang demikian dapat digambarkan melalui petikan temu bual bersama informan A, B, C, D dan E seperti berikut:





Informan	Petikan Temu Bual
A	<i>“Alhamdulillah, sedikit sebanyak membantu golongan macam saya yang terjejas pendapatan semasa PKP ini. Dapat tolong setel sewa rumah dan bil elektrik...”</i>
B	<i>“dapat bayar yuran sebelum tarikh yang ditetapkan oleh pihak kolej. Seterusnya dapat konvo on time.”</i>  <i>“Lepas grad saja saya dapat terus pindah HQ, dari kampus Bukit Merah ke Cyberjaya, naik pangkat, ibu pejabat, naik pangkat, gaji pun naik, minda terbuka dapat menyertai kursus yang tak dapat peluang sebelum ni...”</i>
C	<i>“bantu selesaikan yuran pengajian sem kedua terakhir anak punya...”</i>
D	<i>“bayar yuran tertunggak dekat sekolah anak”</i>
E	<i>“Saya boleh grad. Tak ada tunggakan yuran dah. Saya pun dah kerja government sekarang ni. Malam-malam ajar budak-budak mengaji al-Quran”</i>
O	<i>“..selesai dah hutang terbanyak yang saya tanggung...”</i>

Adapun bantuan zakat asnaf *al-gharimin* ini terhadap penjamin seperti Informan O telah mengubah sisi kehidupan beliau dengan lebih baik. Beliau tidak lagi rasa terbeban dengan tanggungan hutang pinjaman yang mana beliau tidak menerima sedikit pun manfaat dari pinjaman tersebut. Pandangan setiap asnaf mengenai kesan bantuan zakat terhadap diri dan isi rumah mereka adalah berbeza. Informan A, K, L, M dan N mengatakan bahawa zakat membantu menyelesaikan masalah berkaitan tempat tinggal dan bayaran utiliti yang merupakan keperluan asas terpenting bagi mereka seisi keluarga. Hal yang demikian dijelaskan oleh Informan A, K, L, M dan N seperti berikut.

Informan	Petikan Temu Bual
A	<i>“...dapat tolong setel sewa rumah dan bil elektrik pun syukur dah..”</i>
K	<i>“...alhamdulillah selesai hutang rumah ni..”</i>
L	<i>“...lega rasa dah selesai cukai pintu...”</i>
M	<i>“ boleh buh dah meter api dan air..”</i>
N	<i>“...saya bayar bil elektik..”</i>



### ***Manfaat Rawatan Hemodialisis***

Umum mengetahui penyakit buah pinggang yang kronik memerlukan rawatan hemodialisis sedangkan kos rawatan untuk hemodialisis adalah tinggi. Tambahan pula rawatan ini perlu dilakukan sekurang-kurangnya tiga kali seminggu dan rawatannya berterusan untuk seumur hidup pesakit tersebut. Apabila pihak LZNK menawarkan kos rawatan percuma kepada asnaf, sedikit sebanyak mengurangkan beban kewangan kepada asnaf selain manfaat kesihatan yang lebih baik. Berikut petikan temu bual asnaf yang menerima manfaat rawatan hemodialisis:

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
G	<i>"..setiap minggu pi cuci darah.."</i>
H	<i>"sehari 3 kali pi cuci darah, sekali cuci 3jam juga.."</i>
J	<i>"..kalau lambat cuci, muka badan bengkak.."</i>

### ***Status Semasa Asnaf***

Terdapat juga asnaf yang telah bertukar status daripada penerima zakat kepada pembayar zakat pendapatan. Bayaran zakat pendapatan tersebut dibayar melalui potongan gaji. Ini menunjukkan bahawa agihan zakat sebelum ini telah meningkatkan taraf kualiti hidup asnaf dari penerima zakat ke pembayar zakat. Berikut petikan temu bual Informan B dan D:

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
B	<i>"sekarang ni pun dah bayar zakat melalui potongan gaji."</i>
D	<i>"saya tetap bayar zakat pendapatan."</i>

### ***Sifat Asnaf***

Sifat dan sikap asnaf sebenarnya memainkan peranan penting dalam memastikan objektif LZNK membantu asnaf keluar dari belunggu hutang. Hasil temu bual mendapati kesemua asnaf memberikan maklum balas yang positif terhadap bantuan yang diterima. Sifat jujur dan amanah dalam menggunakan bantuan zakat untuk tujuan membayar hutang yang sebenar adalah sangat penting. Apabila pihak LZNK mengagihkan bantuan wang zakat kepada asnaf dan asnaf membayar kepada pihak yang mereka berhutang, ini jelas menunjukkan sikap jujur asnaf terhadap penggunaan duit zakat untuk saluran yang betul. Ini berdasarkan perbualan asnaf mengenai kaedah agihan bantuan wang zakat daripada LZNK.



Informan	Petikan Temu Bual
A	<i>“Cuma tak semua yang jujur dalam beri maklumat, jadi terpaksa pihak zakat buat pemantauan takut ada yang ambil kesempatan. Yang lain saya ok”</i>
B	<i>“Masuk saja duit terus saya buat bayaran, tunjuk resit email dekat depa”</i>

Antara sifat yang mendapat kedudukan tinggi di dalam akhlak Islam ialah amanah. Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2021), amanah membawa maksud kepercayaan yang diletakkan kepada seseorang. Justeru, apabila LZNK menyampaikan bantuan terus kepada asnaf, kemudian asnaf melangsaikan tunggakan hutang sepenuhnya. Didapati pembayaran secara langsung ke akaun bank asnaf sedikit sebanyak membantu menerbitkan rasa tanggungjawab dan kejujuran asnaf dalam menyelesaikan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh LZNK. Ini juga menunjukkan LZNK menaruhkan sepenuh kepercayaan kepada asnaf dalam melaksanakan amanah.

Informan	Petikan temu bual
B	<i>“Masuk saja duit terus syifa buat bayaran, tunjuk resit email dekat depa.”</i>
D	<i>“Transfer ke saya kemudian terus bayar ke OUM.”</i>
E	<i>“Dia serah dekat kak pastu pi bayar dekat sekolah lepastu bagi resit balik dekat zakat.”</i>
M	<i>“..dapat duit ja makcik terus ke TNB pastu bagi resit balik ke depa..”</i>
N	<i>“saya bayar duit eletrik..”</i>

### ***Tingkat Kesejahteraan Asnaf***

Pemberikan zakat turut memberikan rasa kelegaan kepada asnaf kerana pihak LZNK berjaya membantu mereka ketika menghadapi desakan kewangan. Perasaan ini turut diluahkan oleh informan dan mereka memaklumkan bahawa skim bantuan tersebut turut dihebahkan kepada rakan-rakan yang terdesak dalam situasi kewangan tambahan pula negara masih lagi terikat dengan PKP. Berikut adalah petikan temu bual kesemua informan:



Informan	Petikan Temu bual
A	<i>"...dapat tolong setel sewa rumah dan bil elektrik pun syukur dah ..."</i>
B	<i>"Baguslah dapat menolong..kena war-warkanlah.."</i>
C	<i>"Alhamdulillah anak makcik boleh sambung mengaji balik..."</i>
D	<i>"dapat juga bayar yuran biarpun cuma separuh..."</i>
E	<i>"Alhamdulillah dapat juga konvo..."</i>
F	<i>"..Dapatla tampung sikit keperluan keluarga ni.."</i>
G	<i>"...berpeluang la ditanggung kos dialisis ni.."</i>
H	<i>"Alhamdulillah dah 6 tahun terima bantuan cuci darah ni.."</i>
I	<i>"dapatla buat kerja lebih sikit.."</i>
J	<i>"..terharu dapat bantuan dialisis ni..."</i>
K	<i>"...alhamdulillah selesai hutang rumah ni.."</i>
L	<i>"...lega rasa dah selesai cukai pintu..."</i>
M	<i>" boleh buh dah meter api dan air.."</i>
N	<i>"...saya dapat bayar sikit tunggakan bil elektik.."</i>
O	<i>"..selesai dah hutang terbanyak yang saya tanggung..."</i>

Kajian ini membuktikan bantuan yang diberikan dalam membantu asnaf yang berhutang ini dapat membantu mereka mengubah kehidupan ke tahap yang lebih baik selain mengelakkan mereka berada di dalam situasi menanggung hutang terlalu lama. Seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ وَأَنْ تَصَدَّقُوا خَيْرٌ  
لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٨٠﴾



"Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang kamu akan dapati kelak)." (Surah al-Baqarah, 2:280)


Besar pahala buat mereka yang membantu saudara sesama Islam yang dalam kesusahan terutama sekali mereka yang berjihad ke jalan Allah SWT. Malahan, Abu Hurairah telah meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad SAW telah bersabda:

مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ

Maksudnya: *Barangsiapa yang meringankan kesusahan seorang mukmin di antara kesusahan-kesusahan dunia, nescaya Allah SWT akan meringankan kesusahannya di antara kesusahan-kesusahan hari kiamat. Barangsiapa memudahkan orang yang sedang kesulitan, niscaya Allah SWT akan memberinya kemudahan di dunia dan akhirat. Dan barangsiapa menutupi (aib) seorang Muslim, niscaya Allah SWT akan menutupi (aibnya) di dunia dan di akhirat. Allah SWT akan selalu menolong seorang hamba selama ia mau menolong saudaranya. [Sahih Muslim, nombor hadith 2699].*

Berdasarkan petikan hadith Sahih Muslim tersebut, sesiapa yang melepaskan seorang mukmin suatu kesusahan di dunia, nescaya Allah SWT akan melepaskan dirinya daripada suatu kesusahan dari kesusahan-kesusahan di hari kiamat, sesiapa yang meringankan penderitaan seorang yang susah, nescaya Allah SWT akan meringankan penderitaan dirinya di dunia dan di akhirat. Dan Allah SWT sentiasa menolong hambaNya, selagi hambaNya berusaha menolong saudaranya.

Impak agihan zakat *al-gharimin* menurut pandangan asnaf secara ringkasnya menunjukkan kesan yang sangat baik kepada asnaf antaranya membantu penyelesaian hutang asnaf, meningkatkan taraf kehidupan asnaf, memberikan manfaat rawatan hemodialisis, mengubah status semasa asnaf (daripada penerima zakat kepada pembayar zakat), menyemai sifat kejujuran dan amanah dalam diri asnaf, dan meningkatkan kesejahteraan asnaf. Kesemua impak tersebut dapat digambarkan melalui Rajah 1 berikut.



Rajah 1: Kesan Agihan Zakat Dalam Kalangan Asnaf Al-Gharimin di LZNK

## Kesimpulan

Kajian ini menyimpulkan bahawa zakat memainkan peranan penting dalam memperbaiki taraf hidup asnaf *al-gharimin*. Namun, keberkesanan zakat dalam jangka panjang memerlukan pengurusan yang lebih efisien dan strategi penyaluran yang lebih berkesan untuk memastikan setiap sen yang disumbangkan benar-benar mencapai dan memberi manfaat kepada golongan sasaran. Implikasi dari kajian ini mencadangkan perlunya peningkatan dalam mekanisme pengumpulan dan pengagihan zakat serta peningkatan kerjasama antara institusi zakat dan agensi kerajaan untuk memaksimumkan impak zakat terhadap pengurangan kemiskinan sekaligus meningkatkan taraf hidup dalam kalangan *asnaf al-gharimin*.

## Penghargaan

Penulis mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan juga Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) di atas penawaran Dana Geran Agensi Luar IPIZ-LZNK: Kod SO 14731 sebanyak RM5,000 untuk penyelidikan ini yang bertajuk “Agihan Zakat dalam Kalangan Asnaf *al-gharimin* di Kedah: Satu Penilaian Semula”. Kami juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada kejayaan menyempurnakan penyelidikan ini.



## Rujukan

- Abd Halim, M. N., Mohamed Saladin A. R., Rozman M, Y., Siti Mariam, A., & Rashidah, A, R. (2015). Efficiency of Islamic Institutions: Empirical Evidence of Zakat Organizations' Performance in Malaysia. *Journal of Economics, Business and Management*, Vol. 3, No. 2. 282-286.
- Abdul Rahim, A. R. (2007). Pre-Requisite for Effective Integration of Zakah into Mainstream Islamic Financial System in Malaysia. *Journal Islamic Economic Studies*, vol 14, no 1 dan 2, h.91-107.
- Ahmad Hidayat & Saidatul. (2014). Pentadbiran zakat dan kesedaran masyarakat Islam membayar zakat di daerah Kota Belud Sabah. *Sains Humanika*, 2(1): 125-134.
- Ahmed, H. (2003). The Role of *Islamic* Financial Institutions in Financing Microenterprise: Theory and Practice, paper presented at the Forum on Islamic Economics and Finance, held in Amman Jordan, Sept 27-29, 2003
- Al-Quran, Mushaf Malaysia dan Terjemahan. (2006). Shah Alam: Yayasan Restu.
- Azman A. R., Mursyid Junaidi, M. F. Y., & Muhammad Najib, A. W. (2018). Amalan Pengurusan Zakat Di Institusi Masjid Di Malaysia: Satu Tinjauan Awal Di Negeri Selangor. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*.
- Fuadah, J. (2003). Keberkesanan Zakat Dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan Di Melaka. (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya).
- Giambona F, Porcu M & Sulis I (2014). Does education affect individual well-being? Some Italian empirical evidences. *Open Journal of Statistics*, 4, 319-329.
- Hairunnizam, W., Sanep, A. & Mohd Ali, M. N., (2004). Kesan bantuan Zakat terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin. Dlm Muhamad Muda et.al. dalam *Proceeding on National Seminar in Islamic Banking & Finance*. Petaling Jaya: Intel Multimedia & Publication.
- Hairunnizam, W., Sanep, A. & Radiah, A. K. (2010), Pengagihan zakat oleh institusi zakat kepada lapan asnaf: Kajian di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 4(1), h.141-170.
- Hasan, B. (2011). *Asnaf Gharimin dan Ibn Sabil*. In Hasan Bahrom, Abd Halim Mohd Noor, & Rawi Nordin (Eds.), *Fiqh Zakat Malaysia*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM. 2011.
- Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (LZKN). (2021). Dicapai pada 21 Januari 2021 di <https://www.zakatkedah.com>
- Mahyuddin, A, B. (2012). Hubungan antara agihan zakat dan kualiti hidup asnaf fakir dan miskin. (Tesis PhD tidak diterbitkan). Universiti Utara Malaysia.
- Majlis Agama Islam Selangor, MAIS (2021). Wang Orang Berhutang. Dicapai pada 20 Januari 2021 di <https://www.mais.gov.my/wang-orang-berhutang/>
- Md. Rafiqul, I. (2016). General Mosque Based Zakat Model to The Alleviation of Poverty –Evidence from Bangladesh. *IOSR Journal of Business and Management (IOSR-JBM)*, 18(4), p.1-9.



- Mohd Faisol, I. & Muhammad. S. (2019). Peranan Agihan Zakat Sebagai Alat Kewangan Sosial Islam Bagi Melangsaikan Hutang Golongan Al-Gharimin Di Malaysia. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 45-53.
- Mustofa al-Khin, Mustafa al-Bugha & Ali al-Syarbaji. (2004). *Fiqh Mazhab Syafie* (Ust. Solehan Ayub Pentj.). Shah Alam: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Nurshila, A. & Abu Hassan Shaari, M, N. (2014). Hutang Isi Rumah dan Akses Kewangan: Bukti Analisis Panel Dinamik. Prosiding PERKEM ke-9 (2014) 819 – 832.
- Nor Ghani, M. N., Mariani, M., Jaafar, A. & Nahid, I. (2001). *Can Privatization Improve Performance? Evidence Fom Zakat Collection Institutions*. Kertas kerja bengkel ekonomi Islam. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patmawati, I. (2008). Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Kajian Empirik. *Jurnal Syariah*, Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya. Jil 16 (2).
- Ram, A, J, S. (2010). Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan di Negeri Kedah Darul Aman. (Tesis PhD tidak diterbitkan). Universiti Utara Malaysia.
- Raziah, M. T. & Syarifah, M. Y. (2014). Status Individu Muflis dalam Asnaf Al-Gharimin. *International Journal of Business and Technopreneurship*, 4(3), 477-494.
- Sanep, A. & Hairunnizam, W. (2005). Penerimaan dan Tanggapan Masyarakat terhadap Sumber Zakat Harta yang Diikhtilaf, *Islamiyyat*, 27(1), 45–65.
- Syarifah, M. Y. & Raziah, M. T. (2015). Analisis Tafsiran Asnaf Al-Gharimin Di Malaysia. *International Journal of Management Studies*. Special Issues (22), 81-100.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan A) secara atas talian pada 18 Jun 2021 jam 10.00 pagi.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan B) secara atas talian pada 18 Jun 2021 jam 11.00 pagi.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan C) secara atas talian pada 18 Jun 2021 jam 3.00 petang.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan D) secara atas talian pada 18 Jun 2021 jam 4.00 petang.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan E) secara atas talian pada 19 Jun 2021 jam 10.00 pagi.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan F) secara atas talian pada 19 Jun 2021 jam 11.00 pagi.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan G) secara atas talian pada 19 Jun 2021 jam 2.00 petang.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan H) secara atas talian pada 19 Jun 2021 jam 3.00 petang.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan I) secara atas talian pada 22 Ogos 2021 jam 2.00 petang.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan J) secara atas talian pada 22 Ogos 2021 jam 3.00 petang.





- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan K) secara atas talian pada 3 September 2021 jam 10.00 pagi.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan L) secara atas talian pada 3 September 2021 jam 11.00 pagi.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan M) secara atas talian pada 3 September 2021 jam 3.00 petang.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan N) secara atas talian pada 3 September 2021 jam 4.00 petang.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan O) secara atas talian pada 4 September 2021 jam 10.00 pagi.
- Zarqa, M., A. (1988). *Islamic Distributive Schemes* in Munawar Iqbal (Editor), *Distributive Justice and Need Fulfillment in an Islamic Economy, the Islamic Foundation*. Leicester, p.165- 216.
- Zulkefly, A. K., Mohd Azlan Shah, Z., & Hairunnizam, W. (2002). "Pendapatan dan Sasaran Perbelanjaan Dana Zakat di Negeri Kedah, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan: Isu Dan Cabaran". Dicapai pada 20 Februari 2021 di <https://www.ukm.my/hairun/kertas%20kerja/Prestasi%20Pendapatan%20dan%20relanjaan%20Zakat.pdf>



## MELESTARIKAN PENAMBAHBAIKAN PEMBANGUNAN RUMAH MAMPU BIAYA (RMB) MENGGUNAKAN INSTRUMEN WAKAF : SATU KAJIAN DI NEGERI JOHOR

Fifi Anti Mapika Sari Sukamto<sup>1</sup>  
Hydzulkifli Bin Haji Hashim<sup>2</sup>  
Amirul Faiz bin Osman<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Universiti Utara Malaysia, [fifiantimafikasarisukamto@gmail.com](mailto:fifiantimafikasarisukamto@gmail.com)

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia

<sup>3</sup>Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia.

---

**Abstrak:** Wakaf merupakan satu institusi penting dalam Islam yang mempunyai potensi besar untuk memperkukuhkan ekonomi dan pembangunan umat Islam, seperti yang telah diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW. Di Malaysia, institusi wakaf memainkan peranan yang signifikan, bukan sahaja dalam aspek ibadah tetapi juga dalam meningkatkan kesejahteraan sosial dan ekonomi umat Islam, terutamanya bagi masyarakat Melayu. Namun, walaupun potensi wakaf amat besar, ia masih belum berfungsi dengan optimal. Terdapat beberapa cabaran yang menghalang perkembangan institusi ini, termasuk kekurangan kesedaran masyarakat tentang kepentingannya serta isu-isu pentadbiran dan pengurusan. Jika ditadbir secara efisien, wakaf boleh menjadi sumber ekonomi yang menjana pulangan yang baik dan memberi manfaat kepada masyarakat. Wakaf bukan sahaja tertumpu kepada medium kebajikan dan kerohanian kepada masyarakat malahan memberi penyelesaian kepada permasalahan rakyat seperti isu rumah mampu biaya (RMB). Kajian ini diharapkan mampu memberi impak yang besar serta positif kepada pihak pemaju rumah mampu biaya (RMB), ahli akademik, pihak pengurusan wakaf dan masyarakat umum yang beragama Islam dalam mengangkat serta memartabatkan konsep “Baladun Toyibbah wa Robbun Ghofur” serta sistem agihan kekayaan Islam ini.

**Kata Kunci:** KKelestarian, Wakaf di Malaysia, Rumah Mampu Biaya

---

### Pendahuluan

Dalam pertembungan kajian perihal wakaf terdapat beberapa pandangan dari penyelidik lain yang mana memfokuskan hubungan antara manusia yang ditekankan pada konsep wakaf berlangsung dengan dua perkara iaitu; pertama: perpindahan daripada pemilikan peribadi kepada pemilikan masyarakat yang bersifat abadi, kedua: pada pemilikan itu mendatangkan manfaat yang berpanjangan kepada *maslahah ammah*. Kedua-dua prinsip wakaf ini dikategorikan sebagai *mujahadah fi sabilillah bilal-amwal* bertunjangkan kepada nilai kesukarelawanan atau *volunteerism* yang tinggi dalam kalangan pewakaf. Berdasarkan firman Allah SWT:



لَا يَسْتَوِي الْقَاعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُولِي الضَّرَرِ وَالْمُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ عَلَى الْقَاعِدِينَ دَرَجَةً وَكُلًّا وَعَدَ اللَّهُ الْحُسْنَىٰ وَفَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ عَلَى الْقَاعِدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا

*Tidaklah sama antara orang beriman yang duduk (yang tidak turut berperang) tanpa mempunyai uzur (halangan) dengan orang yang berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwanya. Allah melebihkan darjat orang-orang yang berjihad dengan harta dan jiwanya atas orang-orang yang duduk (tidak ikut berperang tanpa halangan). Kepada masing-masing, Allah menjanjikan (pahala) yang baik (surga) dan Allah melebihkan orang-orang yang berjihad atas orang yang duduk dengan pahala yang besar ( Surah An-Nisa :95) .*

Intipati daripada firman di atas, didapati bahawa wakaf adalah cara terbaik untuk membantu meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi sebagaimana sedekah, hibah dan wasiat. Ini kerana faedahnya boleh dinikmati oleh kedua-dua kumpulan manusia yang bersifat sosial (*masalah ammah*) dan mereka yang bersifat peribadi (menguntungkan pihak tertentu). Menurut (Raadiyah Abdullah, 2020) , ketersediaan pembiayaan adalah penting untuk pembangunan dan penyelenggaraan aset agama. Hal ini memerlukan strategi dua hala, iaitu antara pemberi (individu atau kumpulan) dan pengurus (individu atau organisasi) bekerjasama untuk memastikan pembiayaan tersedia dan aset diurus dengan betul. Sekiranya pembiayaan tidak tersedia atau aset tidak diuruskan dengan betul, ini boleh memberi kesan negatif kepada aspek wakaf yang lain, seperti keupayaan untuk membiayai dan mengekalkan aset sedia ada dan membuat rancangan pembangunan.

Pandangan (Zakaria & Mohamad, 2019), pemberi wakaf (*wakif*) juga mendapat kelebihan potongan cukai daripada kerajaan, bermula dari 2014 hingga 2018. Setiap sumbangan kepada Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) melayakkan pewakaf menerima pengecualian cukai pendapatan. Bagaimanapun, potongan cukai bagi sumbangan kepada Wakaf Tunai Malaysia anjuran YWM telah tamat pada 31 Disember 2018. Sistem baharu ini memberi peluang kepada orang yang kurang berkemampuan untuk berwakaf seperti yang boleh dilakukan oleh pewakaf yang lain dengan wakaf tradisional. Dengan cara ini, lebih ramai orang boleh menyumbang secara wakaf, yang akan membantu meningkatkan nilai harta dan menjadikannya lebih mudah dilakukan oleh semua orang.

Menurut pandangan (Farhana & Azman, 2019) , terdapat banyak pendapat yang berbeza tentang keharusan harta wakaf *istibdal*, wakaf dengan harta alih, wakaf dengan wang tunai, dan harta wakaf yang telah berlaku sejak sekian lama sedang disuarakan dalam perbahasan *fiqh* mengenai wakaf. Hal ini telah membawa kepada pelbagai pandangan yang berbeza tentang cara terbaik untuk menggubal undang-undang tentang harta wakaf. Hal ini kerana dalam pentadbiran dan pengurusan, kita hanya membenarkan satu pandangan terpilih digunakan sebagai pandangan yang diterima pakai untuk pelaksanaan bagi memastikan



undang-undang dilaksanakan dengan teratur dan konsisten. Pandangan ini, berdasarkan kepelbagaian kajian situasi di Malaysia untuk menyelidik perbezaan pendapat *fuqaha* dalam hal ehwal seperti wakaf, penyeragaman pandangan dan fatwa, serta perlaksanaannya di Malaysia. Penyelidikan ini akan dilakukan secara kualitatif dengan merujuk kepada perbincangan buku-buku *fiqh*, peruntukan undang-undang dan pekeliling berkaitan undang-undang pentadbiran harta wakaf.

## Sorotan Kajian Lepas

Penyelidikan kajian mengenai RMB yang berkaitan instrumen wakaf telah banyak dijalankan oleh penyelidik terdahulu yang terdiri daripada lapisan kategori yang melibatkan ahli akademik, pengamal wakaf dan juga ahli korporat serta pemaju perumahan. Hal ini menunjukkan bahawa kajian mengenai RMB bukan satu kajian yang baru dari aspek hal ehwal berkaitan sejarah, perkembangan pelaksanaan RMB, amalan wakaf yang juga melibatkan isu-isu semasa.

Namun begitu, penyelidik mendapati terdapat banyak ruang kajian lanjutan yang dapat dijalankan melibatkan RMB terutamanya berkaitan kadar kekurangan jumlah rumah dalam kategori tersebut serta berkaitan tiga objektif yang lain dalam kajian ini. Hal ini amat bersesuaian dengan mengikut peredaran masa apabila kajian RMB serta pembinaan model menggunakan instrumen wakaf diberi tumpuan lebih mendalam. Malahan instrumen wakaf juga sudah dilihat tidak asing kerana merupakan sebagai medium utama bagi menggalakkan sosio-ekonomi ummah berkembang dengan lebih pesat. Sehubungan itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti, menghuraikan dan membuat rumusan tentang RMB dengan menggunakan instrumen wakaf khususnya melibatkan syarikat GLC yang terpilih. Berdasar kepada jadual 1.1 dibawah menunjukkan bahawa jumlah keseluruhan statistik tanah wakaf Malaysia sehingga 31 Julai tahun 2023 masih terdapat kelompangan serta jurang dalam pembangunan aset wakaf di negeri Johor yang belum dimanfaatkan sepenuhnya tanpa sebarang pembangunan mahupun perancangan:

Jadual 1.1: Statistik tanah wakaf Malaysia 2023

	Lot	%	Hektar	%
Jumlah	18,402		20,993.943	
Telah dimanfaatkan	15,384	84%	18,577.913	88%
Belum dimanfaatkan	3,018	16%	2,415.721	12%

(Sumber: JAWHAR 2023)



Negeri	Jumlah lot tanah wakaf	Jumlah keluasan tanah wakaf (hektar)	Negerikan	Keluasan tanah wakaf yang telah dimanfaatkan (hektar)	Jumlah lot tanah wakaf yang belum dimanfaatkan	Keluasan tanah wakaf yang belum dimanfaatkan (hektar)
			*Tanah wakaf yang telah dimanfaatkan termasuk tanah wakaf masjid, perkuburan & sedang dalam pembangunan	*Tanah wakaf belum dimanfaatkan – tiada sebarang pembangunan / perancangan		
Johor	5298	10,982.3590	3863	9,383.5100	1435	1,598.8400

(Sumber: JAWHAR 2023)



Namun, di sebalik data-data di atas, masih banyak masalah yang timbul dalam perkembangan harta wakaf. Jika dilihat kepada sorotan sejarah sistem dan pelaksanaan wakaf di Malaysia, terdapat beberapa isu-isu dan masalah yang sering diperkatakan saban kali apabila menyebut mengenai pembangunan harta wakaf.

### **Melestarikan Penambahbaikan Pembangunan RMB Menggunakan Instrumen Wakaf Di Malaysia**

Wakaf sememangnya amat penting dalam muamalah seharian umat Islam. Wakaf yang dahulunya dianggap sebagai ibadah sampingan yang terpencil semata-mata, kini telah berkembang pesat di seluruh dunia. Negara-negara luar seperti Amerika dan England sebenarnya telah lama mencedok idea sistem muamalah wakaf ini (Syed Mohd Ghazali Wafa, 2010). Justeru, Malaysia yang dikenali sebagai hub perbankan Islam tidak sewajarnya tercicir dari negara Barat yang lain. Antara cadangan untuk pemerksaan industri wakaf di Malaysia ialah :

- a) **Pertama:** Langkah pertama yang perlu diatur ialah dengan menambah baik pembangunan wakaf di Malaysia. Cadangan untuk menambah baik pembangunan instrumen wakaf di Malaysia menghadapi beberapa batasan seperti pembiayaan, pertikaian undang-undang, lokasi tanah wakaf di kawasan bukan ekonomi, kawasan tanah terhad, pengurusan struktur fizikal tanah yang tidak sesuai dengan tujuan wakaf (Syuhada & Idris, 2018). Bagi mengatasi masalah ini, beberapa cadangan telah dibuat untuk menambah baik pengurusan dan pembangunan ekonomi masyarakat Islam, malah masalah kewangan utama pembangunan instrumen wakaf ialah kekurangan wang tunai.

Bagi mengatasi masalah ini, satu tabung wakaf telah diwujudkan bertujuan untuk mengumpul dana bagi membangunkan RMB agar dapat diaplikasikan menggunakan instrumen wakaf tersebut. Dana ini telah diwujudkan dan mengeluarkan sumbernya daripada wakaf tunai. Pada dasarnya, semua kutipan wakaf tunai akan dimasukkan ke dalam akaun yang dipanggil dana *taslim* sebagai simpanan. Wang dalam tabung *taslim* ini adalah berbentuk aset kekal. Justeru penyelidik seterusnya boleh mencontohi konsep wakaf pondok bina asrama pelajar universiti selain membuat RMB.

- b) **Kedua :** Sememangnya wang terkumpul dalam tabung *taslim* ini akan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah melabur dalam pelaburan yang menguntungkan dan bahagian kedua adalah membeli hartanah seperti tanah atau bangunan yang mungkin terdapat projek sosial dan ekonomi yang berbeza pada hartanah tersebut. Keuntungan daripada pelaburan dan projek yang telah siap akan dipindahkan ke akaun. Keuntungan ini juga akan digunakan untuk membuat projek komuniti yang boleh digunakan oleh orang ramai.



- c) **Ketiga** : Melantik pakar perundangan wakaf. Isu undang-undang yang sering dihadapi dalam pengurusan instrumen wakaf termasuk batasan bidang kuasa mahkamah syariah, undang-undang yang bercanggah, rampasan tanah wakaf oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN), dan pertikaian undang-undang yang kritikal, termasuk kekurangan atau ketidakupayaan undang-undang. Bagi menyelesaikan isu ini, mahkamah syariah perlu diberi kuasa untuk menyelesaikan kes harta orang Islam dan mengikut fatwa yang dikeluarkan oleh mufti.

Seorang yang pakar dalam undang-undang Islam seperti hakim yang tergolong dalam golongan profesional dan mempunyai tanggungjawab untuk mendengar pertikaian wakaf. Tambahan pula, bidang kuasa Mahkamah Sivil Syariah mestilah dirasionalkan dan ditafsirkan dengan jelas selaras dengan perintah pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri. Sama seperti Kongres meluluskan undang-undang seperti Akta Pemulihan Khusus 1950, badan perundangan negeri juga harus proaktif dalam memberikan kuasa yang sewajarnya kepada mahkamah syariah. Hal ini bermakna Akta Pengambilan Tanah perlu dipinda bagi menghalang kerajaan daripada menuntut semula tanah wakaf khususnya masjid dan wakaf untuk sebarang tujuan.

- d) **Keempat** : Transformasi instrumen wakaf agar menjadi zon ekonomi khas. Ianya dilihat berpotensi dalam merealisasikan pelestarian wakaf hasil daripada kefahaman dan amalan wakaf dalam masyarakat Islam secara global. Kebanyakan orang Islam mempunyai persepsi bahawa wakaf hanya bertujuan untuk surau, masjid, atau tanah perkuburan. Masyarakat Islam percaya dan sedar bahawa sumbangan harta untuk masjid, sekolah agama, atau tanah perkuburan menjamin lebih banyak pahala kerana tidak berlaku ketidakpastian mengenai penggunaan tanah.

Dengan persekitaran global yang semakin mencabar hari ini, peranan wakaf perlu diterjemahkan kepada skop yang lebih luas. Dalam hal ini, konsep wakaf pemilikan tidak boleh dilihat dari sudut agama dan rohani semata-mata. Sebaliknya, fungsi dan peranan wakaf perlu diperkukuh dari segi potensi pembangunan ekonomi, pembasmian kemiskinan, pendidikan, peningkatan taraf kesihatan, penyelidikan dan pembangunan yang memihak kepada umat Islam.

- e) **Kelima**: Mewujudkan rangkaian perhubungan yang lebih luas. Bagi menerima dana yang lebih besar, perlu diwujudkan rangkaian dan perhubungan yang lebih luas dengan dana wakaf yang lain. Sebagai contoh, adalah perlu untuk mewujudkan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi samada swasta mahupun awam. Oleh itu, adalah sangat penting untuk membina hubungan baik dengan syarikat-syarikat yang mempunyai kepentingan dalam dan luar negara. Malahan dengan kaedah ini boleh mewujudkan RMB agar dapat diaplikasikan menggunakan instrumen wakaf tersebut terwujud pada masa hadapan .



## Kesimpulan

Di Malaysia didapati masih banyak harta wakaf yang berpotensi untuk dibangunkan, akan tetapi sehingga kini masih belum dimajukan sewajarnya. Malahan, banyak harta wakaf yang tidak ada rekod dan maklumat sistematik (Megat Mohd Ghazali Megat Abd Rahman dan Asiah Othman, 2006). Hal ini tidak sewajarnya berlaku. Oleh itu, penubuhan pemusatan institusi wakaf dan penambahbaikan konsep wakaf perlu dilaksanakan. Tanpa pendekatan ini, institusi wakaf tidak mungkin berkembang maju dan dapat dikendalikan secara tersusun dan menyeluruh. Pentadbiran dan pelaksanaan institusi dan produk wakaf memerlukan perubahan yang drastik untuk ia berperanan secara lebih efektif dan perkasa.

Institusi wakaf perlulah stabil, lestari dan fleksibel dalam menghadapi apa jua kemungkinan dan halangan yang ada serta tidak terbantut dalam apa-apa noktah. Perlu diingat bahawa wakaf merupakan aset tetap dan penting bagi umat Islam. Ianya juga merupakan satu aset harta yang tidak mudah dimanipulasi dan dibinasakan berbanding sistem-sistem kehartaan lain (Andrew. W, 2006). Oleh itu, dengan cadangan pemeraksanaan ini, adalah lebih menjadi tanggungjawab umat Islam berusaha meletakkan kembali wakaf ke taraf yang sebenar dan menjadikannya satu ibadah yang disegani dalam pembangunan masyarakat dan negara.

## Rujukan

- Al-Quran Tafsir Pimpinan Ar Rahman Edisi 2022 (30 juz)
- Abidin, E. binti Z. (2021). Cabaran Utama Pemilikan Rumah Mampu Milik Bagi Golongan Berpendapatan Sederhana M40. *Frontiers in Neuroscience*, 14(1).
- Abu Bakar, D. A., & Jusoh, H. (2017). Kesejahteraan Komuniti Dalam Skop Perumahan Mampu Milik Mampan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 13(2).
- Abu Bakar, M., & Abdul Rahim, A. K. (2021). Maqasid Al-Shariah Theory: A Comparative Analysis Between The Thoughts Of Al-Shatibi And 'Izz Al-Din Ibn 'Abd Al-Salam. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(8). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v11-i8/10683>
- Afriansyah, E. aldila. (2016). Penggunaan Software ATLAS.ti sebagai Alat Bantu Proses Anal. *Jurnal Pendidikan*, 5(2), 4280. <http://e-mosharafa.org/Jurnal%22>
- Ahmad, A., & Hussin, N. (2017). *Sejarah Penubuhan dan Perkembangan Central Lunatic Asylum Tanjong Rambutan , 1911 Hingga 1941*. 2(2), 115–130.
- Amirul Faiz Osman, Mustafa Omar Mohammed, & Aiman Fadzil. (2016). Factor Influencing Cash Waqf Giving Behavior : a Revised Theory of Planned Behavior. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(2).
- Anti, F., Sari, M., Hashim, H., & Osman, A. F. (2022). Sustainability Harmonization of Affordable Housing ( Rmb ) Development in Johor With the Waqf Instrument Model . *Journal of Positive School Psychology*, 6(2).
- Arifson, H. (2020). Analisis Penerapan Akuntansi Wakaf Berdasarkan Psak 112 Pada Yayasan Wakaf Indo As-Sakinah Al-Mawaddah Kota Pekanbaru. *Chmk Nursing Scientific Journal Volume 3*





Nomor 2, September 2019, 3(september).

- Azhar, N. S., & Malek, N. M. (2023). Faktor- Faktor yang Mempengaruhi Kemampuan Pemilikan Rumah dalam kalangan Isi Rumah Bandar M40 di Pulau Pinang. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(3). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i3.2182>
- Aziz, A. F., & Nur, A. C. (2020). Wakaf Hak Milik Atas Satuan Rumah Susun. *Minhaj: Jurnal Ilmu Syariah*, 1(1). <https://doi.org/10.52431/minhaj.v1i1.277>
- Bilal, M., Meera, A. K. M., & Abdul Razak, D. (2019). Issues and challenges in contemporary affordable public housing schemes in Malaysia: Developing an alternative model. *International Journal of Housing Markets and Analysis*, 12(6), 1004–1027. <https://doi.org/10.1108/IJHMA-11-2018-0091>
- Cheah, O., Ling, S., Joan, S., & Su, H. (2017a). Rumah mampu milik : Cabaran dan langkah ke hadapan. In *Buletin Suku Tahunan Bank Negara Malaysia (BNM): Vol. Suku ke-4* (Issue 2011).
- Cheah, O., Ling, S., Joan, S., & Su, H. (2017b). Rumah mampu milik : Cabaran dan langkah ke hadapan (issues of housing affordability). *Buletin Suku Tahunan Bank Negara Malaysia (BNM)*, Suku ke-4(2011).
- Chien, C. W. (2023). Influence of integration of multimodal writing portfolios into academic writing courses on novice researchers' academic writing. *Journal of Applied Research in Higher Education*. <https://doi.org/10.1108/JARHE-05-2023-0196>
- Daud, M. A. M., Rosly, S. A., & Sori, Z. M. (2022). Understanding Issues of Affordable Housing in Malaysia To Attract Investment: An Exploratory Investigation. *Planning Malaysia*, 20. <https://doi.org/10.21837/PM.V20I20.1074>
- Dzul Ashari, A. B., & Hamzah, J. (2017). Kesejahteraan Komuniti Dalam Skop Perumahan Mampu Milik Mampan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 13(2), 97–114.
- Farhana, M. S., & Azman, A. R. (2019). Wakaf Perumahan Dalam Pembangunan Ekonomi: Pelaksanaannya Menurut Maqasid Syariah Waqf Housing In Economic Development: Its Implementation From Maqasid Shariah Perspective. *Journal of Fatwa Management and Research*, 16(2).
- Fuadi, N. F. Z. (2018). Wakaf sebagai Instrumen Ekonomi Pembangunan Islam. *Economica: Jurnal Ekonomi Islam*, 9(1), 151. <https://doi.org/10.21580/economica.2018.9.1.2711>
- Habibulloh, & Yusroh, M. (2023). Peran Wakaf Dalam Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat Dan Pengembangan Lembaga Pendidikan Di Pondok Pesantren Darussalam Blokagung Banyuwangi. *Al-Ashlah: Jurnal Hukum Keluarga*, 2(1).
- Hashim, Z. A. (2010). House Price and Affordability in Housing in Malaysia [ Harga Rumah dan Tahap Mampu Milik Rumah di Malaysia]. *Akademika*, 78.
- Hydzulkifli Hashim Omar & Rahman, A. A. (2013). Aplikasi sukuk dalam usaha melestarikan aset wakaf: Pengalaman pemegang amanah wakaf terpilih. *Jurnal Syariah*, 21(2), 89–116.
- Hydzulkifli Hashim Omar, Azizi Abu Bakar, Mohd Sollehudin Shuib & Mohd Kamal Azman Jusoh (2016). *Penggunaan Kaedah B.O.T dalam Usaha Membangunkan Tanah wakaf Majoodsaw Pulau Pinang*. Kertas kerja Seminar wakaf ASEAN 2014 (Muktamar “Waqf” IQLIMI 2014) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 27 mac 2023.
- Hydzulkifli Hashim Omar, Azizi Abu Bakar, Mohd Sollehudin Shuib & Mohd Kamal Azman Jusoh (2014). *Penggunaan kaedah b.o.t dalam usaha membangunkan tanah wakaf majoodsaw Pulau Pinang*. Kertas kerja Muktamar “Waqf” Iqlimi 2014, The Asean Endowment



- Seminar 2014 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan, pada 23 Mac 2023.
- Hydzulkifli Hashim, Azizi Abu Bakar, Mohd Sollehudin Shuib & Mohd Kama Azman Jusoh (2014). Penggunaan kaedah B.O.T dalam usaha membangunkan tanah wakaf Majoodsaw Pulau Pinang. Kerta kerja yang dibentangkan di Mukhtar “Waqf” Iqlimi 2014, The Ase Endowment Seminar 2014, pada 29 April 2014, bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan. Diakses dari (UUM) <file:///C:/Users/User/Downloads/PENGGUNAAN%20KAEDAH%20Bot%20dalam%20pembangunan%20harta%20wakaf.pdf> pada 8 april 2023
- Hydzulkifli Hashim Omar & Asmak Ab. Rahman (2012). Pengurusan harta wakaf: Pengalaman Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) terhadap wakaf Seetee Aishah. *IJMS* 19(2), 103-123. Diakses dari <http://ijms.uum.edu.my/index.php/currents-issues/finish/52-ijms-vol-19-no-2-december-2012/362-pengurusan-pembangunan-harta-wakaf-pengalaman-majlis-agama-islam-negeri-pulau-pinang-mainpp-terhadap-wakaf-seetee-aishah/0> pada 11 Mac 2023.
- Hydzulkifli Hashim Omar & Asmak Abd Rahman (2012a) Pengurusan pembangunan harta wakaf: Pengalaman Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) Terhadap wakaf Seetee Aishah. *International Journal of Management Studies* 9 (2), hlm. 103–123 (2012).
- Hydzulkifli Hashim Omar & Asmak Abd Rahman (2013). Aplikasi sukuk dalam usaha melestarikan aset wakaf: Pengalaman pemegang amanah terpilih. *Jurnal Syariah*, Jil. 21, Bil. 2 (2013), hlm. 89-116.
- Hydzulkifli Hashim Omar & Asmak Abd Rahman (2015), *Pembiayaan Pembangunan Harta wakaf Menggunakan Sukuk*: Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya.
- Hydzulkifli Hashim, “Sumber Pembiayaan Pembangunan Harta wakaf Menggunakan Sukuk dan Potensinya di Malaysia,” (Ph. D thesis, University of Malaya, 2013).
- Hj. Abd. Shakor Bin Borham. (2011). Pelaksanaan Pembangunan Wakaf Korporat Johor Corporation Berhad (JCorp) : Satu Tinjauan. *International Conference of Humanities*, 1–13.
- Ibrahim, A. B., & Ibrahim, A. B. (2018). Tanah Wakaf Di Perak. *Apj*, 1(2), 287–297.
- Iman, A. H. M., & Mohammad, M. T. S. H. (2017). Waqf as a framework for entrepreneurship. *Humanomics*, 33(4), 419–440. <https://doi.org/10.1108/H-01-2017-0015>
- Isman, A. F., & Suwandi Putra Suaib, A. (2022). The Practice of Cash Based Waqf In The Indonesian Islamic Banking. *LAA MAISYIR : Jurnal Ekonomi Islam*, 9(1). <https://doi.org/10.24252/lamaisyir.v9i1.23837>
- Jabatan Wakaf Zakat dan Haji. (2010). *Manual pengurusan Peletakan Tanah Wakaf*. 8–9.
- Johari, F., Alias, M. H., & Aziz, M. R. (2015). Persepsi Niat Penyumbang Wakaf Tunai Yang Tidak Pasti Untuk Menyumbang Lagi dan Hubungannya Terhadap Integriti Insitansi Wakaf Di Malaysia Fuadah. *Jurnal Pengurusan JAWHAR 2015*, 9(1), 1–24.
- Johari, F., Wan Ismail, W. A. F., Mas’ad, M. A., Misbah, H., Baharuddin, A. S., & Abdul Razak, N. A. (2019). Penerokaan Konsep Al-Tawriq dalam Pencairan Aset Wakaf. *Journal of Fatwa Management and Research*, 198–214. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol13no1.179>
- Junaidi, A., & Kharir, A. (2020). Konsep Moderasi Islam Dalam Al-Qu’ran (Studi Komparatif Antara Tafsir an-Nûr Dan Al-Azhâr). *El-Waroqoh : Jurnal Ushuluddin Dan Filsafat*, 4(2). <https://doi.org/10.28944/el-warqoh.v4i2.247>



- Justification for Adopting Qualitative Research Method, Research Approaches, Sampling Strategy, Sample Size, Interview Method, Saturation, and Data Analysis. (2021). *Journal of International Business and Management*. <https://doi.org/10.37227/jibm-2021-09-1494>
- KPKT. (2022). Statistik Terpilih KPKT Sehingga 30 September 2022. *Statistik Suku Tahun Dan Tahunan, September*.
- Laldin, M. A., Mahmud, M. W., & Sawari, M. F. (2008). Maqasid Syariah Dalam Pelaksanaan Waqaf. *Jurnal Pengurusan Jawhar*, 2(2), 1–24.
- Lida, U. M. (2023). Analisis Kesalahan Berbahasa dalam Skripsi Mahasiswa Program Studi Manajemen Zakat dan Wakaf. *Transformatika: Jurnal Bahasa, Sastra, Dan Pengajarannya*, 7(1). <https://doi.org/10.31002/transformatika.v7i1.7231>
- Liu-Lastres, B., Wen, H., & Okumus, F. (2024). Exploring the impacts of internal crisis communication on tourism employees insights from a mixed-methods study. *Tourism Management*, 100. <https://doi.org/10.1016/j.tourman.2023.104796>
- Liu, J., & Ong, H. Y. (2021). Can Malaysia's national affordable housing policy guarantee housing affordability of low-income households? In *Sustainability (Switzerland)* (Vol. 13, Issue 16). <https://doi.org/10.3390/su13168841>
- Md Zabri, M. Z., & Mohammed, M. O. (2018). Qualitative validation of a financially affordable Islamic home financing model. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 10(2), 143–161. <https://doi.org/10.1108/IJIF-08-2017-0023>
- Mehmetoglu, M., & Dann, G. M. S. (2003). Atlas/ti and content/semiotic analysis in tourism research. *Tourism Analysis*, 8(1). <https://doi.org/10.3727/108354203108750120>
- Mohamad Suhaimi, F., & Ab Rahman, A. (2019). Wakaf Perumahan dalam Pembangunan Ekonomi: Pelaksanaannya Menurut Maqasid Syariah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 16(2), 31–42. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol16no2.3>
- Munirah Bohang, S. A., & Sohaimi, N. (2023). An Overview on the Alignment of Radiation Protection in Computed Tomography with Maqasid al-Shari'ah in the Context of al-Dharuriyat. In *Malaysian Journal of Medical Sciences* (Vol. 30, Issue 3). <https://doi.org/10.21315/mjms2023.30.3.5>
- Nor Muhamad, N. H., Jaafar, M. A., Abdullah, M., Nizaludin, N. A., Salleh, M. M., & Mohd Zin, M. M. (2015). Konsep Maqasid Syariah Dalam Pengurusan Wakaf. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies (EISSN: 2289-8204)*, 2(3), 1–9. <https://doi.org/10.11113/umran2015.2n3.21>
- Nordin, N., & Zainuddin, Z. (2023). A Review of a Fintech Financing Platform: Potential and Challenges of Islamic Crowdfunding to Entrepreneurs. *International Journal of Islamic Business*, 8(1). <https://doi.org/10.32890/ijib2023.8.1.5>
- Norliza Md Nuruddin, Hairunnizam Wahid, A. A. R. (2019). Pembangunan Tanah Wakaf Secara Penswastaan : Kajian Terhadap Projek Menara Imarah Wakaf Oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Development of Waqf Land through Privatisation : A Study on Menara Imarah Wakaf Project by Wilayah Persekutuan Islamic Reli. *Perkem*, 1(April), 45–76.
- Norliza Md Nurudin, Hairunnizam, A. A.-R. (2018). Pembangunan tanah wakaf secara penswastaan: Kajian terhadap Projek Menara Imarah Wakaf oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. *The Malaysian National Economic Conference*, 27(1), 45–76. <file:///C:/Users/User/Downloads/artikelnorliza2018.pdf>
- Nurul Asykin Mahmood, & Muhammad Hakimi Mohd Shafiai. (2013). Potensi Wakaf Korporat



- Kepada Pemilikan Ekuiti Muslim: Kajian Di Wakaf An-Nur Corporation. *Prosiding Perkem VIII*, 1(2013), 383–396.
- Omar, H. H., & Rahman, A. A. (2013). The Application of Sukuk in Sustaining The Waqf Asset : Experience of Selected Waqf Trustee. In *Shariah Journal* (Vol. 21, Issue 2, pp. 89–116).
- Omar, H. H., Rahman, A. A., Alm, J., Jackson, B., McKee, M., Dzul Ashari, A. B., Hamzah, J., Johari, F., Alias, M. H., Aziz, M. R., Zabri, M. Z. M., Mohammed, M. O., Safiah Suhaimi, Rozita Arshad, A. L. Y., Kholid, M., Sukmana, R., Hassan, K., Nurul Asykin Mahmood, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai, Siti Zakiah Binti Ali, ... Fuadi, N. F. Z. (2018). WAQF\_THESIS\_CONCLUSION-libre.pdf. *Journal of Fatwa Management and Research*, 1(2), 1–13. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol16no2.3>
- Osman, A. F., Mohammed, M. O., & Fadzil, A. (2016). Factor Influencing Cash Waqf Giving Behavior: a Revised Theory of Planned Behavior. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(2).
- Osman, A. F., & Muhammed, M. O. (2017). Measuring a Cash Waqf Giving Behavior among Muslim Donors in Malaysia : A Theory of Planned Behavior Approach Using Structural Equation Modeling. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 14(2). <https://doi.org/10.12816/0045779>
- Osman, Z. (2012). Accountability in managing waqf properties: the case of two State Religious Councils in Malaysia. *PhD*, 1–348. <http://digirep.rhul.ac.uk/items/13fc2a72-7924-6d93-88f9-13a207b3bbf2/3/>
- Raadiyah Abdullah, S. (2020). Faktor Kecekapan Tadbir Urus dalam Pengurusan Pembiayaan Harta Wakaf Produktif di Malaysia. *Jurnal Tuah*, 1.
- Raman, S., Zainal, M. Z., & Amzah, F. (2023). Pembinaan, Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul Penulisan Karangan Bahasa Melayu Tingkatan Dua. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(1). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2031>
- Ramli, A., & Osman, M. H. (2023). Keberkesanan Penggunaan Dron dalam Pembelajaran Topik Reka Bentuk Elektronik Tingkatan Dua. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2264>
- Rashid, K. A., Mohd Fauzi, P. N. F. N., & Hasan, S. F. (2018). Meeting housing needs of the poor and needy Muslims through Zakat and Wakaf. *Planning Malaysia*, 16(3), 308–319. <https://doi.org/10.21837/pmjournal.v16.i7.520>
- Sahari, N. H., Muhamad, M. D., & Wahed, H. (2017). *Wakaf Sebagai Medium Pengekalan Pemilikan Hartanah Melayu Di Kawasan Bandar Di Negeri Selangor: Satu Tinjauan*. December, 11.
- Said, M. S., Yusoff, M. N., Talib, A., Pon, Y., & Ahmad Tarmiji, F. N. (2020). Tahap Kemampuan dan Pemilikan Rumah dalam Kalangan Golongan Belia: Kajian Kes di Daerah Kota Setar - PDF Download Gratis. *The International Seminar on Regional Politics, Administration and Development 2020 (INSORPAD2020)*.
- Shakor, A., & Mashitoh, S. (2013). Wakaf Korporat Johor Corporation Dan Sumbangannya Dalam Memenuhi Tanggungjawab Sosial Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan. *Journal of Techno-Social*, 5(2), 61–77.
- Shuib, M. S., Bakar, A. A., Osman, A. F., Hashim, H., & Fadzil, A. Bin. (2016). Implementation of Al-Wadiah (saving instrument) Contract In Contemporary Gold Transaction. *Journal of Business*, 1(4). <https://doi.org/10.18533/job.v1i4.48>



- Syahredzan Johan. (2019). Demokrasi dan Raja Berperlembagaan. *Sinar Harian*.
- Syuhada, S., & Idris, J. (2018). APLIKASI MODEL AIDA DALAM PENGURUSAN WAKAF Application of AIDA Model in Wakaf Management Hubungan Religiositi Terhadap Muamalat Pergaulan Usahawan Asnaf View project. *JFatwa: Journal of Fatwa Management and Research, Volume 13*(No. 1). <https://www.researchgate.net/publication/348258346>
- Zakaria, M., & Mohamad, N. S. (2019). Effectiveness of Zakah in fulfilling daruriyat/basic needs and elevating the Zakah recipients standard of living to Hajiyat/comfortable life in the perspective of Maqasid al-Syariah. In *Jurnal Pengurusan* (Vol. 56). <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2019-56-13>
- Zarestky, J. (2023). CASE STUDIES. In *Mapping the Field of Adult and Continuing Education: An International Compendium: Volume 4: Inquiry and Influences*. <https://doi.org/10.4324/9781003445944-20>
- Zarinah Arshat, Farah Syuhada Pai, & Zanariah Ismail. (2018). Keluarga B40: Tekanan dan Kekuatan B40 Family: Stress and Strength. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences Journal Homepage, 10*(1), 91–102. [www.akademiabaru.com/arsbs.html](http://www.akademiabaru.com/arsbs.html)

### Temu bual

- Temu bual bersama Y. Bhg. Prof. Dr. Mohamad bin Abdul Hamid, Rektor Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (2021)
- Temu bual bersama Ybhg. Dr Rilizam Bin Rosli, Pensyarah Kanan Akademik Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi Mara, Kampus Pasir Gudang Johor (2021)
- Temu bual bersama Tuan Rosnadi Majid Pengarah Bahagian Perancangan Strategik dan Penyelidikan Jabatan Perumahan Negara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2021)
- Temu bual bersama Puan Idatul Farita binti Mohamad Toha , Penolong Pengarah Bahagian Perancangan Strategik dan Penyelidikan Jabatan Perumahan Negara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2021)
- Temu bual bersama Datuk Hj Mohd. Noorazam Bin Hj Osman , Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) (2021)
- Temu bual bersama Tuan Hj. Abdul Halim Bin Mat Yusop ,Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan wakaf Malaysia (2021)
- Temu bual bersama Tn Hj Rosidi Hussain ,Ketua Pegawai Eksekutif wakaf Pulau Pinang (2021)
- Temu bual bersama Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin Pengerusi Boustead Holdings Berhad (2021)
- Temu bual bersama YB Tuan Haji Tosrin bin Jarvanthi Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor (2021)
- Temu bual bersama YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor (2021)
- Temu bual bersama Ustaz Azlan bin Kuangit @ Abdullah, Ketua Penolong Pengarah Zakat Baitulmal dan wakaf Majlis Agama Islam Negeri Johor (2021).
- Tuan Hanif bin Jamaludin Ketua Penolong Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat & Haji (JAWHAR) (2023)



### Laman Sesawang

Belanjawan 2023: Syiar Islam – wakaf MADANI  
[https://budget.mof.gov.my/ms/perbelanjaan/?gclid=CjwKCAjw586hBhBrEiwAQYEnHUIU3hmSaAsQbNB2VHebmMfx3QpRsjsxSK0PDK7gS-eAHmj-JYWLVUBoCqLsQAvD\\_BwE](https://budget.mof.gov.my/ms/perbelanjaan/?gclid=CjwKCAjw586hBhBrEiwAQYEnHUIU3hmSaAsQbNB2VHebmMfx3QpRsjsxSK0PDK7gS-eAHmj-JYWLVUBoCqLsQAvD_BwE) 24/02/2023

UDA Holdings Private. Retrieved at December 19, 2011, from Limited.  
<http://www.uda.com.my/web/guest/seetee#tab2>.

UDA Holding Private Limited. Retrieved at December 19, 2011, from  
<http://www.uda.com.my/web/guest/background>.

Jabatan Perangkaan Malaysia at December 28, 2023, from [www.dosm.gov.my/portal-main/home](http://www.dosm.gov.my/portal-main/home)

### Buku

Abdul hamid &Tahir (2014), Waqf property concept, management, development and financing, 2014



## KEPENTINGAN MODEL MUZIUM KEPADA PENSEJERAHAN PENGURUSAN ZAKAT

Muhamad Noor Habibi Hj Long<sup>1</sup>  
Rabiatul Adawiyah Abdullah<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Islamic Business School, College of Business, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,  
([mnhabibi@uum.edu.my](mailto:mnhabibi@uum.edu.my))

<sup>2</sup>Islamic Business School, College of Business, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia

---

**Abstrak:** Artikel ini bertujuan untuk meneroka keunikan dan kepentingan pensejarahan pengurusan zakat di Kedah Darul Aman, serta peranan institusi zakat dalam membangunkan masyarakat setempat. Dengan menggunakan pendekatan kajian sejarah, artikel ini menganalisis pelbagai sumber primer dan sekunder mengenai pengurusan zakat dari zaman tradisional hingga kini. Metod penulisan melibatkan kajian literatur yang menyeluruh serta analisis dokumen sejarah dan laporan institusi zakat. Kajian ini mendapati bahawa sejarah pengurusan zakat di Kedah mempunyai keunikan tersendiri, terutamanya dari aspek peranan pembesar tradisional dan kaitan erat dengan Kesultanan Kedah. Kepentingan kajian ini terletak pada kemampuannya untuk menyediakan panduan kepada pengurusan zakat moden dalam menghadapi cabaran baru, serta menambah kefahaman mengenai evolusi sistem zakat dan impaknya terhadap masyarakat.

**Kata Kunci:** Zakat, Pensejarahan, Kedah, Pengurusan Zakat, Kesultanan

---

### Pendahuluan

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang memainkan peranan penting dalam mengurangkan kemiskinan dan ketidaksamaan ekonomi dalam kalangan umat Islam. Sebagai satu kewajipan agama, pengurusan zakat memerlukan satu sistem yang telus dan cekap untuk memastikan kutipan dan pengagihan zakat dilaksanakan secara optimum. Namun begitu, cabaran dalam pengurusan zakat seperti kekurangan kesedaran, ketidakcekapan dalam pengagihan, serta masalah ketirisan dana telah mencetuskan keperluan kepada model pengurusan yang lebih sistematik dan berkesan. Dalam konteks ini, penggunaan model muzium dalam pengurusan zakat menjadi semakin relevan. Model muzium ini berfungsi sebagai alat untuk mendokumentasikan, mempamerkan, dan menyebarkan maklumat mengenai zakat kepada masyarakat umum, serta memberikan panduan yang lebih jelas kepada amil zakat dalam menjalankan tugas mereka. Selain itu, ia turut membantu meningkatkan literasi zakat dalam kalangan masyarakat dan seterusnya mengukuhkan keberkesanan pengurusan zakat.

Penyerapan model muzium ke dalam pengurusan zakat bukan sahaja memudahkan proses kutipan dan pengagihan zakat, tetapi juga meningkatkan ketelusan dan kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa model muzium ini dapat meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai sejarah, prinsip, dan tujuan zakat, serta memperkasa golongan amil dengan pengetahuan yang lebih mendalam tentang peranan mereka dalam melaksanakan tugas pengagihan secara adil dan saksama (Ahmad, 2020; Hassan & Musa, 2019). Oleh itu, adalah penting untuk melihat



bagaimana model muzium ini dapat menyumbang kepada penyerahan dan pengurusan zakat secara lebih berkesan.

### **Sejarah Tun Tembera dan Zakat di Kedah Darul Aman**

Tun Tembera merupakan salah seorang tokoh yang berpengaruh dalam sejarah awal Kedah, khususnya pada era pemerintahan kesultanan Kedah. Nama beliau sering dikaitkan dengan peranan penting dalam pentadbiran negeri dan perkembangan sistem zakat. Tun Tembera, yang merupakan seorang pembesar kerajaan, dipercayai telah memainkan peranan penting dalam menguatkuasakan kutipan zakat di Kedah. Pada zaman pemerintahan beliau, sistem zakat diperkenalkan sebagai satu mekanisme untuk memperbaiki keadaan ekonomi rakyat serta membantu golongan fakir miskin.

Sejarah Kedah mencatatkan bahawa pada era Tun Tembera, kutipan zakat dilaksanakan secara teratur dengan pembesar-pembesar daerah diberi tanggungjawab menguruskan kutipan di kawasan masing-masing. Pendekatan ini bukan sahaja membantu memperkasa institusi zakat, tetapi juga memperkukuhkan institusi kesultanan yang bergantung kepada hasil zakat untuk membiayai sebahagian daripada perbelanjaan kerajaan dan masyarakat. Di bawah pimpinan Tun Tembera, pentadbiran zakat dilihat lebih tersusun dan melibatkan penglibatan masyarakat dalam memperluaskan kefahaman tentang tanggungjawab zakat.

Sehingga kini, amalan zakat di Kedah Darul Aman terus berkembang dan menjadi sebahagian daripada identiti ekonomi Islam negeri ini. Institusi zakat Kedah moden turut mengambil inspirasi daripada pendekatan yang diperkenalkan pada zaman Tun Tembera, khususnya dari segi ketelusan dan keberkesanan dalam pengurusan kutipan dan pengagihan zakat kepada yang memerlukan. Zakat Kedah kini diuruskan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah, yang bertanggungjawab memastikan amalan zakat terus relevan dalam konteks ekonomi semasa.

### **Sorotan Literatur**

Pelbagai kajian telah dijalankan berkaitan sejarah dan pengurusan zakat di Malaysia, khususnya di Kedah. Zakat sebagai satu institusi penting dalam ekonomi Islam telah berkembang seiring dengan sejarah kesultanan di negeri ini. Menurut Ahmad (2018), peranan Tun Tembera dalam memperkenalkan sistem zakat yang lebih teratur di Kedah telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap perkembangan ekonomi dan kestabilan sosial negeri tersebut. Pentadbiran zakat pada zaman Tun Tembera diurus dengan baik oleh para pembesar daerah, yang memastikan kutipan zakat dilaksanakan secara sistematik, sekaligus memberi manfaat kepada golongan fakir miskin.

Selain itu, Zulkifli dan Rahman (2020) menekankan bahawa sistem zakat di Kedah bukan sahaja bertindak sebagai alat untuk membantu masyarakat yang memerlukan, tetapi juga berfungsi sebagai sumber penting dalam pembiayaan pentadbiran negeri. Dalam kajian mereka, Zulkifli dan Rahman menyatakan bahawa sistem zakat pada era kesultanan Kedah telah berjaya mengurangkan jurang ekonomi dalam kalangan masyarakat, di mana zakat diagihkan secara adil dan saksama mengikut





keperluan. Pendekatan yang diperkenalkan oleh Tun Tembera menjadi asas penting kepada perkembangan institusi zakat yang lebih formal di Kedah pada masa kini.

Sejarah zakat di Kedah juga berkait rapat dengan perkembangan ekonomi Islam di Malaysia. Hassan dan Musa (2019) menyoroti bahawa zakat terus relevan dalam konteks moden sebagai alat penting dalam pengurusan ekonomi, khususnya dalam memastikan keseimbangan sosial dan membantu golongan yang memerlukan. Kajian ini turut menunjukkan bahawa institusi zakat di Kedah kini lebih tersusun dan menggunakan pendekatan moden seperti teknologi digital untuk memudahkan kutipan dan pengagihan zakat.

Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa institusi zakat di Kedah telah berkembang dengan baik sejak zaman Tun Tembera sehingga ke hari ini, dan peranannya dalam memastikan kesejahteraan ekonomi masyarakat terus relevan dalam konteks moden.

### **Kepentingan Pensejarahan Pengurusan Zakat**

Pensejarahan pengurusan zakat memainkan peranan penting dalam memahami bagaimana amalan zakat telah berkembang dari semasa ke semasa serta bagaimana ia disesuaikan dengan perubahan sosio-ekonomi dalam masyarakat. Terdapat beberapa kepentingan utama pensejarahan dalam pengurusan zakat yang perlu diberi perhatian:

**Memahami Asal Usul dan Perkembangan Zakat** Pensejarahan pengurusan zakat membolehkan kita mengenal pasti asal-usul amalan zakat dan bagaimana ia diperkenalkan dalam pelbagai masyarakat. Sebagai contoh, dalam sejarah Kedah, peranan tokoh seperti Tun Tembera telah menyumbang kepada pelaksanaan sistem zakat yang teratur (Ahmad, 2018). Melalui kajian sejarah, kita dapat melihat evolusi sistem zakat daripada pengurusan tradisional yang dilakukan oleh pembesar kepada pendekatan moden yang lebih tersusun. Ini penting untuk memahami bagaimana perubahan dalam struktur sosial dan ekonomi memberi impak kepada pengurusan zakat.

**Memperbaiki Sistem Pengurusan Zakat** Sejarah membantu mengenal pasti kelemahan dan cabaran yang pernah wujud dalam pengurusan zakat. Sebagai contoh, ketidaksamaan dalam pengagihan zakat atau ketirisan dalam kutipan pada masa lalu boleh dijadikan pengajaran untuk meningkatkan ketelusan dan keberkesanan sistem pengurusan zakat moden (Hassan & Musa, 2019). Dengan menganalisis sejarah pengurusan zakat, institusi zakat masa kini dapat belajar daripada kesilapan lalu dan mengelakkan isu yang sama daripada berulang.

**Meningkatkan Kesedaran dan Kefahaman Masyarakat** Kajian sejarah juga membantu dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan zakat sebagai satu kewajipan agama yang menyumbang kepada kestabilan sosial. Pendedahan kepada sejarah institusi zakat boleh meningkatkan literasi zakat dalam kalangan masyarakat, terutamanya dalam memahami peranan zakat sebagai instrumen ekonomi Islam yang berkesan dalam mengurangkan kemiskinan dan ketidaksamaan (Zulkifli & Rahman, 2020). Ini juga boleh menggalakkan



masyarakat untuk lebih aktif dalam melaksanakan kewajipan zakat dan mempercayai institusi zakat yang wujud.

**Mengukuhkan Institusi Zakat** Pensejarahan juga penting dalam membentuk dasar dan polisi zakat pada masa kini. Dengan memahami bagaimana institusi zakat berkembang dan berfungsi dalam sejarah, institusi zakat hari ini dapat mengukuhkan peranannya dalam masyarakat. Sejarah memberikan gambaran tentang bagaimana sistem zakat berfungsi dengan baik dan bagaimana institusi zakat dapat memperbaiki dan menyesuaikan diri dengan cabaran moden, seperti penggunaan teknologi dalam kutipan dan pengagihan zakat (Hassan & Musa, 2019).

**Memastikan Ketelusan dan Akauntabiliti** Dalam konteks pengurusan zakat, sejarah membolehkan kita menilai sejauh mana ketelusan dan akauntabiliti telah diterapkan dalam pengurusan dana zakat dari masa ke masa. Perkembangan sejarah institusi zakat menunjukkan bahawa pentadbiran zakat yang baik adalah berdasarkan prinsip keadilan dan ketelusan, yang memastikan dana zakat sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan (Zulkifli & Rahman, 2020). Institusi zakat boleh mengambil pengajaran daripada sejarah untuk memperbaiki mekanisme audit dan pengagihan zakat secara lebih adil dan telus.

Secara keseluruhannya, pensejarahan pengurusan zakat memberikan banyak manfaat dalam memastikan institusi zakat terus relevan dan berfungsi dengan baik dalam masyarakat moden. Pengajaran daripada sejarah membantu membentuk sistem zakat yang lebih efisien, telus, dan berkesan dalam melaksanakan objektif utamanya untuk membantu golongan yang memerlukan dan mengurangkan jurang ekonomi.

### **Keunikan Zakat Kedah untuk Direkod dalam Muzium**

Zakat di Kedah Darul Aman memiliki beberapa keunikan yang layak direkodkan dalam muzium sebagai sebahagian daripada warisan Islam dan sistem ekonomi tradisional negeri tersebut. Penceritaan sejarah zakat melalui muzium akan memberikan perspektif mendalam tentang bagaimana zakat berkembang dari zaman tradisional hingga kini. Berikut adalah beberapa aspek keunikan zakat Kedah yang boleh dijadikan pameran di muzium:

#### **1. Peranan Pembesar Tradisional dalam Pengurusan Zakat**

Salah satu ciri unik zakat di Kedah ialah peranan yang dimainkan oleh pembesar-pembesar tradisional dalam sistem kutipan dan pengagihan zakat. Pada zaman pemerintahan Kesultanan Kedah, pembesar daerah seperti Tun Tembera diberikan tanggungjawab untuk memastikan zakat dikutip dan diagihkan secara adil kepada golongan yang memerlukan. Ini mencerminkan struktur feodal dalam pengurusan ekonomi Islam pada masa lalu, yang membolehkan sistem zakat berfungsi secara efektif walaupun dengan teknologi yang terhad (Ahmad, 2018). Memaparkan peranan pembesar tradisional ini dalam muzium dapat menonjolkan warisan zakat yang bersifat tempatan dan unik.



## **2. Kaitan Zakat dengan Institusi Kesultanan**

Keunikan lain yang boleh direkodkan dalam muzium ialah hubungan erat antara institusi zakat dan Kesultanan Kedah. Zakat bukan sahaja dilihat sebagai tanggungjawab agama, tetapi juga sebagai satu mekanisme penting untuk memperkukuhkan kestabilan ekonomi dan politik negeri. Sebahagian daripada hasil kutipan zakat digunakan untuk membantu pembiayaan pentadbiran kesultanan serta membantu golongan miskin dan memerlukan, sekali gus mencipta keseimbangan dalam masyarakat. Sejarah ini menggambarkan peranan zakat bukan sahaja sebagai ibadah, tetapi juga sebagai instrumen pemerintahan yang memberi manfaat kepada masyarakat (Zulkifli & Rahman, 2020).

## **3. Sistem Zakat Beras Berasaskan Pertanian**

Kedah, yang terkenal sebagai "Jelapang Padi Malaysia," mempunyai sistem zakat yang berfokus kepada pengeluaran beras sebagai sumber utama ekonomi. Ini menjadikan zakat beras sebagai salah satu elemen penting dalam sejarah pengurusan zakat di negeri ini. Kutipan zakat pertanian, khususnya beras, berbeza daripada negeri-negeri lain yang mungkin lebih berasaskan zakat perniagaan atau ternakan. Paparan tentang zakat beras dalam muzium boleh menunjukkan bagaimana sektor pertanian menjadi teras ekonomi Kedah dan mempengaruhi pengurusan zakat dalam kalangan petani (Hassan & Musa, 2019).

## **4. Perkembangan Teknologi dalam Pengurusan Zakat**

Sejak beberapa dekad kebelakangan ini, pengurusan zakat di Kedah telah melalui perubahan signifikan dengan penggunaan teknologi moden seperti sistem pembayaran dalam talian dan aplikasi mudah alih. Institusi seperti Lembaga Zakat Negeri Kedah telah memperkenalkan platform digital untuk memudahkan proses kutipan dan pengagihan zakat. Ini merupakan satu contoh bagaimana zakat tradisional yang dahulunya dikendalikan secara manual kini berkembang dengan penggunaan teknologi moden. Pameran yang memaparkan evolusi teknologi dalam pengurusan zakat dapat memberikan perspektif yang menarik mengenai keberkesanan sistem zakat dalam memenuhi keperluan masyarakat moden (Zulkifli & Rahman, 2020).

## **5. Pelbagai Kategori Asnaf yang Unik di Kedah**

Sistem zakat di Kedah juga unik dari segi pengagihan kepada pelbagai kategori asnaf. Selain daripada kategori biasa seperti fakir, miskin, dan amil, Kedah turut mempunyai inisiatif zakat untuk kategori seperti bantuan pendidikan dan kesihatan. Ini mencerminkan bagaimana zakat di negeri ini berkembang untuk menyesuaikan diri dengan keperluan masyarakat yang berbeza mengikut zaman. Rekod dan pameran mengenai asnaf dan cara pengagihan zakat ini akan memberi pandangan tentang peranan zakat dalam membantu mengatasi pelbagai bentuk kemiskinan dan kesusahan yang dihadapi masyarakat tempatan (Hassan & Musa, 2019).



## 6. Sumbangan Zakat dalam Pembinaan Institusi Pendidikan dan Keagamaan

Zakat di Kedah juga digunakan untuk membiayai pembinaan dan penyelenggaraan institusi pendidikan dan keagamaan seperti sekolah agama, masjid, dan madrasah. Ini mencerminkan komitmen institusi zakat terhadap pembangunan modal insan serta pemeliharaan nilai-nilai keagamaan dalam masyarakat. Muzium boleh mempamerkan rekod sumbangan zakat terhadap pembangunan ini, sekaligus menunjukkan impak besar zakat dalam membangunkan masyarakat dan mengukuhkan nilai keagamaan (Zulkifli & Rahman, 2020).

### Projek Terkini Zakat Kedah

Projek terkini oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) menunjukkan komitmen yang berterusan dalam memanfaatkan kutipan zakat untuk meningkatkan kehidupan golongan asnaf. Salah satu projek utama adalah **Projek Smart Sawah Berskala Besar Asnaf (SBBA)** yang bertujuan meningkatkan penanaman padi dalam kalangan asnaf di Kedah. Projek ini menyediakan peluang kepada golongan asnaf untuk terlibat dalam sektor pertanian, sekaligus memperbaiki taraf hidup mereka melalui hasil yang lebih stabil dan produktif. Lawatan Menteri Besar Kedah pada April 2024 menandakan sokongan kuat kerajaan negeri terhadap inisiatif ini. Selain itu, LZNK telah mencatatkan peningkatan kutipan zakat, dengan sasaran **RM300 juta pada 2024**. Zakat pendapatan menyumbang sebahagian besar kutipan, diikuti oleh zakat perniagaan dan pelbagai jenis zakat lain seperti zakat fitrah, zakat padi, dan zakat emas. Sasaran kutipan ini menunjukkan peningkatan kesedaran masyarakat dan peranan LZNK dalam menguruskan zakat untuk kebajikan golongan yang memerlukan. Projek-projek seperti ini bukan sahaja berfokus kepada penyaluran bantuan kewangan tetapi juga memperkenalkan model pembangunan yang mampan dan berdikari untuk golongan asnaf, seiring dengan peranan LZNK sebagai pengurus zakat di Kedah.

### Kesimpulan Artikel

Kesimpulannya, pensejarahan pengurusan zakat di Kedah memainkan peranan penting dalam membentuk sistem zakat moden yang lebih telus dan efisien. Keunikan pengurusan zakat di Kedah, seperti peranan pembesar tradisional dan kesultanan, telah memberikan asas yang kukuh untuk perkembangan institusi zakat hari ini. Tambahan pula, perkembangan teknologi dan pelbagai projek pembangunan zakat membuktikan bahawa sistem zakat di Kedah terus relevan dalam menangani isu sosioekonomi semasa. Kajian ini menunjukkan bahawa memahami sejarah pengurusan zakat adalah penting untuk memastikan keberkesanan institusi zakat dalam membantu golongan asnaf dan mempromosikan keadilan ekonomi dalam kalangan masyarakat.



## Rujukan

- Ahmad, M. S. (2020). *Pengurusan zakat dan model muzium: Implikasi terhadap kefahaman masyarakat*. *Jurnal Ekonomi Islam*, 5(2), 45-58.
- Ahmad, S. M. (2018). *Peranan Tun Tembera dalam sejarah pentadbiran Kedah*. *Jurnal Sejarah Malaysia*, 12(1), 65-78.
- Hassan, R., & Musa, M. R. (2019). *Pengurusan zakat: Isu, cabaran, dan penyelesaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan, R., & Musa, M. R. (2019). *Pengurusan zakat: Isu, cabaran, dan penyelesaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Obaidullah, M. (2005). *Islamic Financial Services*. Islamic Economics Research Center, King Abdulaziz University.
- Usmani, M. T. (2002). *An Introduction to Islamic Finance*. Maktaba Ma'ariful Qur'an.
- Zulkifli, A., & Rahman, N. H. (2020). *Zakat dan ekonomi Kedah: Dari sejarah ke masa kini*. *Jurnal Ekonomi Islam Malaysia*, 7(3), 105-117.
- Zulkifli, A., & Rahman, N. H. (2020). *Zakat dan ekonomi Kedah: Dari sejarah ke masa kini*. *Jurnal Ekonomi Islam Malaysia*, 7(3), 105-117.



## PENGURUSAN ZAKAT DI KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD (KPF)

Azizah Othman<sup>1</sup>  
Syarifah Md Yusof<sup>2</sup>  
Raziah Md Tahir<sup>3</sup>  
Abdul Rahman Hamzah<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, UUM Sintok, Kedah, Malaysia ([raziah@uum.edu.my](mailto:raziah@uum.edu.my))

<sup>2</sup>Institut Pengurusan Halal, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, UUM Sintok, Kedah, Malaysia ([syarifah@uum.edu.my](mailto:syarifah@uum.edu.my))

<sup>3</sup>Islamic Business School, College of Business, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, ([raziah@uum.edu.my](mailto:raziah@uum.edu.my))

<sup>4</sup> Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad, ([abdrahman.h@felda.net.my](mailto:abdrahman.h@felda.net.my))

---

**Abstrak:** *Pengurusan zakat di Malaysia merupakan komponen penting dalam sistem kesejahteraan sosial yang berasaskan prinsip-prinsip Syariah. Walau bagaimanapun, mekanisme pengurusan zakat di Malaysia hari ini dilihat mempunyai beberapa cabaran dan isu dalam pengagihan dana zakat dan tadbir urusnya. Secara khususnya kajian ini dilakukan di Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF) bagi meneroka amalan pengurusan zakat yang dilaksanakan oleh KPF dengan mengenal pasti mekanisme kaedah kutipan dan agihan zakat yang dijalankan, Melalui pendekatan kualitatif, data kajian dikutip melalui kaedah temubual yang dijalankan dengan menemubual pihak yang terlibat secara langsung dengan aktiviti pengurusan zakat KPF seterusnya dianalisis menggunakan kaedah general inductive method. Dapatan kajian menunjukkan pengurusan KPF tidak melaksanakan kutipan dan agihan zakat secara langsung sebaliknya mereka melantik Pusat Pungutan Zakat (PPZ) untuk membuat taksiran zakat selepas proses audit pendapatan tahunan selesai dilaksanakan. PPZ turut melaksanakan sistem wakalah dalam proses pengagihan zakat KPF dan diagihkan kepada golongan yang memerlukan bantuan termasuk staf KPF semasa pasca Covid-19. KPF dicadangkan supaya mengagihkan wakalah zakat kepada pembangunan pendidikan anak-anak felda yang kurang berkemampuan dan memfokuskan kepada pembangunan ekonomi dalam kalangan peneroka felda.*

**Kata Kunci:** *Pengurusan zakat, Koperasi Permodalan Felda, Sistem Wakalah*

---

### Pengenalan

Pengurusan zakat di Malaysia adalah suatu aspek penting dalam sistem ekonomi Islam yang berfungsi bukan sahaja sebagai mekanisme untuk membantu golongan yang memerlukan tetapi juga untuk membangunkan sosio ekonomi masyarakat secara keseluruhan. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pengurusan zakat telah mendapat perhatian yang lebih serius dengan pelbagai inisiatif oleh kerajaan negeri dan agensi zakat. Kajian terbaru menunjukkan bahawa kutipan zakat di Malaysia telah meningkat secara konsisten setiap tahun. Menurut laporan tahunan Lembaga Zakat Selangor (2023), kutipan zakat telah mencapai lebih dari RM600 juta pada tahun lalu, ini menunjukkan peningkatan sebanyak 10%



berbanding tahun sebelumnya. Hal ini didorong oleh kempen kesedaran yang aktif dan penggunaan teknologi digital untuk memudahkan proses pembayaran zakat. Beberapa artikel juga menyoroti keberkesanan platform dalam talian dan aplikasi mudah alih dalam meningkatkan kutipan zakat, yang menarik perhatian golongan muda untuk turut serta menunaikan zakat.

Namun demikian, dalam aspek pengagihan, kajian mendapati masih terdapat isu ketelusan dan keberkesanan dalam proses pengagihan zakat kepada asnaf. Menurut kajian oleh Noor Aziah et al. (2023), walaupun terdapat prosedur yang jelas, terdapat aduan mengenai kelewatan dalam penyaluran zakat, serta keperluan untuk memperbaiki sistem pemantauan penerima bantuan zakat. Sementara itu, Nazeri dan Mohd Nor (2022) menjelaskan institusi zakat masih lagi menghadapi isu-isu berbangkit seperti kutipan dan agihan yang tidak sistematik dan proses permohonan untuk agihan yang terlampau sulit. Jelasnya lagi, keberkesanan penyaluran dana zakat ini masih belum boleh membantu agenda utama zakat iaitu proses mentransformasikan asnaf kepada pembayar zakat. Justeru, dalam memastikan matlamat dan fungsi pengurusan zakat berada pada tahap yang optimum serta di landasan yang betul, maka kertas kerja ini adalah untuk membincangkan pelaksanaan pengurusan zakat di Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF).

## **Sorotan Karya**

Pengurusan zakat merujuk kepada cara, kaedah dan proses pengurusan pengagihan bantuan zakat kepada asnaf. Pencapaian objektif agihan zakat sangat bergantung kepada pengurusan zakat kerana ia menjelaskan bagaimana proses pengagihan zakat dilaksanakan. Terdapat beberapa kajian berkaitan pengagihan antaranya Rahisam Ramli (2013) yang menfokuskan kepada mekanisme agihan zakat kepada asnaf muallaf. Kajian beliau mendapati institusi zakat memerlukan satu mekanisme agihan zakat yang komprehensif khusus untuk asnaf muallaf.

Selain itu, pengagihan zakat didakwa tidak menyeluruh sampai kepada asnaf. Muhammad Syukri Salleh (2006) beranggapan bahawa masalah ini berlaku disebabkan birokrasi dan serakan geografi yang menjadi halangan terhadap agihan zakat sampai kepada asnaf dengan sepatutnya. Hal ini juga disokong oleh Sohaimi dan Gunawan (2011) yang mendapati Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masih mengagihkan zakat berdasarkan system permohonan berbanding pendekatan turun padang. Penemuan The Suhaila Tajuddin et al. (2016) juga membuktikan pengagihan zakat tidak menyeluruh. Kajian ini juga mendapati kawasan penempatan golongan asnaf yang tinggal di kawasan ceruk kampung dan kawasan pedalaman juga menyebabkan pegawai zakat ataupun wakil-wakil yang telah dilantik seperti ketua kampung ataupun ahli jawatankuasa masjid tidak dapat menjejaki mereka.

Dari segi keperluan aspek pemantauan pula, Amirul Afif Muhammad, Norlida Jaafar, Hardi Emrie Rosly, & Hasman Abdul Manan (2011) mendapati perhatian dan pemantauan yang khusus dan pengetahuan dalam perniagaan merupakan aspek penting dalam memastikan objektif menjadikan asnaf sebagai usahawan yang berjaya dapat dicapai. Namun, menurut Othman Sahalan dan Luqman Abdullah (2014), aktiviti pengawalan terhadap pembangunan asnaf belum dilaksanakan secara menyeluruh disebabkan kekangan di pihak institusi zakat dan seharusnya pihak institusi zakat perlu mengambil perhatian yang serius dalam mengetahui sejauh mana keberkesanan program pembangunan asnaf ini



supaya objektif dan matlamat program dapat dicapai dengan berkesan. Oleh itu terdapat keperluan untuk mengkaji pelaksanaan pengurusan agihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin agar penambahbaikan terhadap pengurusan agihan zakat dapat dilakukan.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan kaedah fenomenologi bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam mekanisme sebenar pengurusan kutipan dan agihan zakat oleh Koperasi Permodalan Felda Berhad (KPF) serta melihat kesesuaiannya pelaksanaan kutipan dan agihan zakat oleh KPF. Pendekatan kualitatif digunakan kerana kajian ini berbentuk teks iaitu penceritaan informan tentang isu yang dikaji. Pengkaji mengutip data secara temubual terperinci dan mendalam. Sumber data melibatkan temu bual bersama beberapa pihak termasuk pegawai dari KPF dan PPZ-MAIWP. Seterusnya, data bagi kajian ini dianalisis menggunakan kaedah *general inductive method* untuk kajian kualitatif.

## Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF)

Secara asasnya, KPF mula ditubuhkan pada 1 Julai 1980 di bawah Ordinan Koperasi 1948 (ditukarkan kepada Akta Koperasi 1993) yang mempunyai objektif penubuhannya tersendiri iaitu untuk menjadikan KPF sebagai satu wadah simpanan dan pelaburan kepada warga Felda.

Antara objektif utama penubuhan KPF adalah menggiat dan menggalakkan penyimpanan wang oleh anggota, mengadakan kemudahan simpanan dan aktiviti pelaburan yang diuruskan secara profesional, menjana pulangan yang konsisten stabil lagi baik melalui usaha-usaha pelaburan dan meninggikan taraf ekonomi anggota hasil daripada kegiatan simpanan dan pelaburan (Koperasi Permodalan Felda, 2024).

Kerjasama KPF dengan sistem pengurusan zakat di Malaysia bukan sahaja dilihat melalui peranan sebagai penyumbang dana zakat, tetapi juga sebagai ejen pengagihan yang memastikan dana zakat sampai kepada asnaf yang layak. Di dalam struktur organisasi KPF terdapat dua divisyen utama yang mengawasi bahagian pelaburan dan perniagaan serta divisyen pengurusan dan perkhidmatan. Bagi divisyen pelaburan dan perniagaan melibatkan enam fungsi utama atau teras iaitu pelaburan korporat, pasaran modal, hartanah, perladangan, perbankan komersial, serta perkhidmatan al-Rahnu (Koperasi Permodalan Felda, 2024).


Manakala bagi divisyen yang kedua pula memfokuskan kepada kumpulan pengurusan dan perkhidmatan iaitu pentadbiran dan sumber manusia, pengurusan anggota, perolehan dan projek, teknologi maklumat dan komunikasi. Penjanaan keuntungan dan pulangan pelaburan yang diperolehi seterusnya diagihkan kepada bentuk dividen untuk kebajikan anggota. Melalui penyertaan koperasi seperti KPF dalam pengurusan zakat, ia membantu memperkukuh peranan zakat sebagai alat penyubur ekonomi dan memastikan dana zakat tidak hanya diuruskan oleh satu entiti sahaja, tetapi turut melibatkan pelbagai pihak yang berautoriti. Ini dapat meningkatkan keberkesanan pengurusan zakat serta mencapai matlamat akhir untuk memartabatkan kesejahteraan ummah dan memperkukuhkan pembangunan komuniti Islam di Malaysia (Koperasi Permodalan Felda, 2024).



## Dapatan Kajian

Perbincangan seterusnya adalah hasil dapatan daripada temu bual dengan pegawai dari Sekretariah Syariah Permodalan Felda Berhad berkenaan pengurusan zakat di KPF dan pegawai di Pusat Pungutan Zakat-MAWIP.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa KPF telah menjalankan aktiviti pelaburan dan perniagaan seperti berikut:



Rajah 1.1: Sumber pendapatan Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad

Selain itu dapatan kajian menunjukkan bahawa KPF tidak melaksanakan kutipan zakat secara langsung kepada semua premis perniagaan di bawahnya. Selepas audit tahunan pendapatan KPF dilaksanakan, pihak KPF akan menyerahkan urusan pengiraan zakat kepada Pusat Pungutan Zakat (PPZ) MAWIP. Pihak PPZ akan menaksir jumlah zakat yang perlu dikeluarkan oleh pihak KPF. Sebelum berlakunya pandemik Covid 19, KPF telah mengagihkan zakat perniagaan kepada semua negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Bermula tahun 2020 di atas faktor kemerosotan pendapatan, KPF hanya

mengagihkan zakat kepada PPZ-MAWIP sahaja. Seterusnya pihak PPZ akan mengagihkan zakat tersebut kepada asnaf-asnaf yang layak di Wilayah Persekutuan.

Kajian juga mendapati pihak KPF telah memohon wakalah zakat dari pihak PPZ untuk diagihkan kepada staf mereka yang layak menerima zakat. Sistem wakalah di PPZ adalah dasar pengembalian wang zakat oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan kepada entiti yang membayar zakat di Pusat Pungutan Zakat-MAWIP untuk diagihkan kepada asnaf yang layak. Dengan dana wakalah, KPF dapat mengembangkan lagi lokaliti bantuan serta mampu untuk memenuhi keperluan lebih ramai asnaf dan mereka yang berkepentingan dalam menggunakan wang zakat.

## Entiti Yang Dibenarkan Memohon Wakalah

Entiti	Jenis Zakat	Jumlah Zakat Minima Setahun
1. Individu	Zakat Harta / Pendapatan	RM20,000.00 dan ke atas
2. Syarikat atau organisasi	Zakat Perniagaan	RM10,000.00 dan ke atas
3. Majikan	Potongan Gaji Zakat Kakitangan	RM100,000.00 dan ke atas
4. Institusi Pengajian Tinggi	Potongan Gaji Zakat Kakitangan	Tiada had minima

Rajah 1.2: Kelayakan untuk memohon wakalah

## Kesimpulan

Kajian ini mengenal pasti pengurusan zakat di Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF). Temu bual telah dijalankan kepada sekretariat syariah KPF untuk mengenal pasti mekanisme agihan zakat yang bersesuaian dengan keadaan ekonomi masyarakat hari ini. Seterusnya cadangan penambahbaikan mekanisme agihan zakat dibuat berdasarkan kepada dapatan daripada temu bual pegawai zakat.

Usaha memperkasakan dan memperkukuhkan tadbir urus zakat tidak hanya terhad di peringkat institusi zakat, bahkan tindakan dan kerjasama yang serius daripada pelbagai agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, dan masyarakat perlu digarap untuk meningkatkan lagi kecekapan pengurusan zakat di Malaysia.

KPF tidak melaksanakan kutipan zakat secara langsung kepada semua premis perniagaan di bawahnya. Selepas audit tahunan pendapatan KPF dilaksanakan, pihak KPF akan menyerahkan urusan pengiraan zakat kepada Pusat Pungutan Zakat (PPZ) MAWIP. Pihak PPZ akan menaksir jumlah zakat yang perlu dikeluarkan oleh pihak KPF. Sebelum berlakunya pandemik Covid 19, KPF telah mengagihkan zakat perniagaan kepada semua negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Bermula tahun 2020 di atas faktor kemerosotan pendapatan, KPF hanya mengagihkan zakat kepada PPZ sahaja. Seterusnya pihak PPZ akan mengagihkan zakat tersebut kepada asnaf-asnaf yang layak di Wilayah Persekutuan.



Dapatan kajian juga mendapati pihak KPF telah memohon wakalah zakat dari pihak PPZ untuk diagihkan kepada staf mereka yang layak menerima zakat. Sistem wakalah di PPZ adalah dasar pengembalian wang zakat oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan kepada entiti yang membayar zakat di Pusat Pungutan Zakat-MAWIP untuk diagihkan kepada asnaf yang layak. Dengan dana wakalah, KPF dapat mengembangkan lagi lokaliti bantuan serta mampu untuk memenuhi keperluan lebih ramai asnaf dan mereka yang berkepentingan dalam menggunakan wang zakat. KPF dicadangkan supaya mengagihkan wakalah zakat kepada pembangunan pendidikan anak-anak felda yang kurang berkemampuan dan memfokuskan kepada pembangunan ekonomi dalam kalangan peneroka felda.

### Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Utara Malaysia dan Lembaga Zakat Negeri Kedah kerana membiayai penyelidikan ini menerusi Geran IPIZ. Kertas Kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan bertajuk 'Mekanisme Kutipan dan Agihan Zakat di Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF) di bawah Dana Geran IPIZ, Universiti Utara Malaysia, Kod S/O 21535.

### Rujukan

- Ahmad Razimi, M. S., Romle, A. R., & Muhamad Erdris, M. F. (2016). Zakat management in Malaysia: A review. *American-Eurasian Journal of Scientific Research*, 11(6)
- Ahmad Shahir Makhtar & Adibah Abdul Wahab. (2010). Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor: Isu Dan Cabaran. *Prosiding Konvensyen Perancangan & Pengurusan Harta Dalam Islam*, 33. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Amirul Afif Muhamat, Norlida Jaafar, hardi Emrie Rosly & Hasman Abdul Manan. (2011). an appraisal on the Business Success of Entrepreneurial Asnaf an empirical study on the state zakat organization (the Selangor Zakat Board) in Malaysia. *Journal of Financial Reporting and Accounting*, 11(1), 51-63. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.1.108/MRR-09-2015-0216>
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Noor & Maryam Abd Rashid. 2017. Prestasi Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Agihan Zakat: Perbandingan antara Majlis Agama Islam Negeri di Kelantan. *Journal Ekonomi Malaysia 2017*.
- Khairul Azhar Meerangani & Amirah Syakirah Amizi. (2019). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pembayaran Zakat di Lembaga Zakat Selangor: Kajian di Daerah Petaling. *Jurnal of Fatwa Management and Research*, 18(3): 1-15.
- Mohamad Muhaimin, M. Z., Jasni, S. & Hafizah, Z. (2021). Penentuan skim agihan zakat pendidikan: Kajian di Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), 1 (2), 123-147. <https://media.neliti.com/media/publications/337900-penentuan-skim-agihan-zakat-pendidikan-k-f5ae578b.pdf>
- Muhammad Syukri Salleh. (2006). Lokalisasi Pengahaha Zakat: Satu Cadangan Teoritis. In Abdul Ghafar Ismail and Hailani Muji Tahir (Eds.) *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.



- Nazeri, A.N.N. & Mohd Nor, S. (2022). Adaptasi Teknologi Blockchain dalam Pengurusan Zakat: Kajian Konseptual. *Islamic Banking, Accounting and Finance International Conference - The 10th iBAF 2022*
- Othman Sahalan & Luqman Abdullah. (2014). Pengurusan Zakat Asnaf Muallaf di Negeri Johor: Satu Sorotan. *Jurnal Fiqh*, (11(11), 29-54
- Rahisam Ramli. (2013). Mekanisme Agihan Zakat Muallaf Berdasarkan Realiti Semasa. *Proceeding of World Universities Islamic Philanthropy Conference*. Selangor: Universiti Teknologi Mara
- Samsuddin, N., Wahid, H., & Mohd Noor, M.A. (2019). Faktor Mempengaruhi Tahap Kepuasan Agihan Zakat oleh Institusi Zakat di Institusi Pengajian Tinggi: Kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sanep Ahmad (2009). Agihan Zakat Merentasi Asnaf: Ke Arah Memperkasa Institusi Zakat. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (Perkem) IV Kuantan, Pahang, 2-4 Jun 2009*, 2, 62-74.
- Sohaimi Mohd Salleh & Mohd Gunawan Che Ab Aziz. (2011). Manual Pengurusan Agihan Zakat Jawhar dan Cabaran Pelaksanaannya, dalam Muahmmad Syukri Salleh, Mohamad Salleh Abdullah & Zahari Hamat. *Transformasi Zakat: dari Zakat Saradiri Kepada Zakat Produktif*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia
- Zainie, A. N., Hasyimah, R., & Shamsinar, I. (2022). Mekanisma pemantauan: memperkukuhkan pengurusan agihan zakat wakalah oleh lembaga zakat negeri Kedah (LZNK). *International Journal of Business and Economy*, 4(1), 177-184.



## ZAKAT AS A MEANS OF POVERTY ALLEVIATION: A PANACEA TO ECONOMIC DEVELOPMENT IN JIGAWA STATE

Abdu Abdullahi<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Islamic Studies Department, Jigawa State College of Education, P.M.B. 1002, Gumel, Nigeria  
([abduabdullahi7@gmail.com](mailto:abduabdullahi7@gmail.com))

---

**Abstract:** *Zakat as a means of Poverty Alleviation: A Panacea to Economic Development in Jigawa State. In Islam, Zakat is a comprehensive and unique instrument for poverty alleviation and wealth transferred from haves and have not individuals. Poverty and lack of income remain serious problem in developing countries and Jigawa State inclusive. This study aimed at evaluating the significance of Zakat as a means of alleviating poverty in Jigawa State if properly managed and implemented at a time when high percentage of Zakat recipients increased daily, inability of the wealthy ones to give out Zakat as stipulated by Shari'ah most especially when it regards to money and lack of proper law and punishment for those failed to give out Zakat in Jigawa State. This research is guided by some specific objectives which include: (1) To evaluate the performance of Zakat in Jigawa State. 2. To guide Muslims to know the legality of Zakat in Islam from the Glorious Qur'an and Hadiths. 3. How Zakat will alleviate poverty in Jigawa State. The main research findings include the followings: 1. Many people among the wealthy ones in Jigawa State are not paying Zakat as when it is due. 2. This might have motivated the hardship and poor leaving standard among the Muslim Ummah in the State. Zakat is the significance means of alleviating poverty and increase in the well-being of the community. Recommendations: 1. Public wider enlightenment should be undertaking to educate people about the obligation of Zakat to them and its significance to nation building and economic development.*

**Keywords:** *Zakat, Poverty, Alleviation, Economic, Development*

---

### Introduction

The word Zakat is derived from Arabic word "Zakat" meaning to "purify". According to Tayyib A. (1994): the word Zakat derived from Arabic word "zakawah" meaning purification of one's wealth or property. Technically it is defined as ritual alms made compulsory to every Muslim who possess the minimum amount called "Nisab" if so far he is free from slavery, it is taken from the wealth of small boy and lunatic person male or female on a specific time given to specific people i.e. needy, poor, wayfarer etc. when the wealth reaches complete lunar year.

According to Zamfara State Zakat Institution (1999): "Zakat is a levy on the property of the wealth for distribution to the society's poor, needy, etc., the Arabic Word Zakat has connotation of purifies, blessing and paying it purifies increase and bless remainder of one's wealth" Zakat is the third pillars of Islam; it does not refer to charitable gift given out as kindness or generosity, but systematic giving of some percent of one's wealth to beneficiary poor, needy, wayfarer etc. Zakat is one of the five pillars of Islam as stated by the Holy Qur'an said:



"It is not Al-Birr (piety, righteousness, and each and every act of obedience to Allâh, etc.) that you turn your faces towards east and (or) west (in prayers); but Al-Birr is (the quality of) the one who believes in Allâh, the Last Day, the Angels, the Book, the Prophets and gives his wealth....." (Chapter 2: Verse 177)

Also from the Hadith which explains that Islam is built upon five pillars Zakat is included among the pillars of Islam. This paper will ascertain the contributions of Zakat in alleviating poverty in Jigawa State.

### **Zakat in Islam**

Many Prophets observed prayers and gave out Zakat. The Qur'an gave out some examples in several verses telling us how Zakat was imposed on the previous Prophet's before the coming of Prophet Muhammad (Peace be upon him) as mention in the noble Qur'an viz:

*"And mention in the Book (the Qur'ân) Ismâ'il (Ishmael). Verily! He was true to what he promised, and he was a Messenger, (and) a Prophet. And he used to enjoin on his family and his people As-Salât (the prayers) and the Zakât, and his Lord was pleased with him. ". (Chapter.19: Verses 54-55)*

Zakat of Jews:

*"And remember when we made covenant with children of Israel (saying) worship none but Allah (only) and be good to Parent and kindness to orphans and the needy and speak kindly to mankind and establish prayer and pay out Zakat". (Q. 2: V. 83)*

Zakat of progeny of the Prophet: Ishaq and Yaqub (A.S.)

*"And We made them leaders, guiding (mankind) by Our Command, and We inspired in them the doing of good deeds, performing Salât (Iqâmat-as-Salât), and the giving of Zakât and of Us (Alone) they were worshippers. (Chapter21: Verse73)*

Zakat of the Prophet Isah (peace be upon him) also mentioned in the glorious Qur'an:

*"He [Iesa (Jesus)] said: Verily! I am a slave of Allâh, He has given me the Scripture and made me a Prophet; And He has made me blessed where so ever I be, and has enjoined on me Salât (prayer), and Zakât, as long as I live." (Chapter 19: Verses 30-31)*

Therefore, all the above verses of the Qur'an directly showed that Zakat was in existence before the message or revelation of the Prophet Muhammad (Peace be upon), it is obligatory on the people that believe in the Prophets before us.

### **History of Zakat in the Life Time of the Prophet Muhammad (Peace be upon him)**

Going back to find first application of Zakat at the time of the Prophet (Peace be upon him) is like studying Zakat and its sources in order to discover its significance, mode of application and its effects whether spiritual, social, or economical. In Makkah the verse on Zakat was revealed in general form of



voluntary payment and it was left to the faith and the brotherly feeling of individual to decide what and how much to give in as Zakat or Sadaqah.

*"And those in whose wealth there is a known right, for the beggar who asks, and for the unlucky who has lost his property and wealth, (and his means of living has been straitened)". (Q. 70:24-25)*

It was in the second year after hijrah after the arrival of the Prophet (Peace be upon him) in Madinah that Zakat became an obligatory on Muslims; Qur'an says:

*"As-Sadaqât (here it means Zakât) are only for the Fuqarâ' (poor), and Al-Masâkin (the poor) and those employed to collect (the funds); and for to attract the hearts of those who have been inclined (towards Islâm); .....". (Chapter.9: Verse 60)*

Zakat has been traced from the holy Qur'an and the Prophet ahadith; it was further explained by his saying and put into practical action at his life time and passed through his caliphs such as Abubakar Siddiq, Umar bin Khattab, Uthman ibn Affan and Aliyu ibn Abi Talib, and the rest of other Muslim leaders after the four rightly guided caliphs. Zakkat remained a practical obligatory as one of the five pillars of Islam up to today. Thus, the poor Muslim have a prescriptive right to share in the good fortune of their brother as solicitude for the poor, the needy and slaves who need to be emancipated; the poor thus benefited for their share in good things and not bad ones as the holy Qur'an speaks:

*"O you who believe! Spend of the good things which you have (legally) earned, and of that which we have produced from the earth for you, and do not aim at that which is bad to spend from it, (though) you would not accept it save if you close your eyes and tolerate therein. And know that Allâh is Rich (Free of all wants), and Worthy of all praise." (Chapter.2: Verse 267)*

Also in the Prophet's Hadith Zakat is traced as a pillar of Islam; the Prophet said:

*"Islam is built on five pillars: the acknowledging that there is no god but Allah and Muhammad is his messenger, the performance of prayer, and giving out of Zakkat....." (Bukhari and Muslim)*

From the Hadith reported by Umar (Allah be pleased with him) saying:

*"One day when we are sitting with the Prophet (Peace be upon him) somebody approach us wearing extremely white dress with heavy black hair, he sat near the Prophet and joined his knees with that of the Prophet and put his palm on the thighs of the Prophet (Peace be upon him) and he ask him: tell me what is Islam, the Prophet (P.B.U.H) answered that Islam is acknowledging that there is no god but Allah and Prophet Muhammad (P.B.U.H) is his messenger and perform prayer, pay out Zakat,*



*fasting of Ramadan and performing Hajj to those who have the means...." (Bukhari and Muslim)*

Ibn Abbas has reported from the Prophet Muhammad (Peace be upon him) saying:

*"The Prophet (Peace be upon him) sent Mu'az Ibn Jabal to Yemen and said: "invite them to bear witness that there is no god but Allah and that I am the messenger of Allah, if they accept this tell them that Allah has made obligatory on them five daily prayers; if they accept tell them Allah has made obligatory on them to pay out Zakat from their wealth (when it reach the nisab) and give to the poor among them" (reported by Bukhari and Muslim)*

### **Zakat Management and Administration in Islam**

All formal institution has its goals and objectives which serve as guideline for its proper foundation and effective performance either religious or cultural. Zakat management in Islam is the most important aspect of Islam as it is necessary on every State to establish an institution that will manage Zakat and observe its duties. In terms of administration, the Prophet (Peace be upon him) always sent out his companions to collect zakat in other cities and then distribute it to the deserving personalities. There are several companions that were sent out by the Prophet (Peace be upon him), some of them were as follows: (a) Ibn al-Latbiyah from the tribe of al-Azd (b) Abu Mas'ud (c) Abu Jahmi bn Hudhayfa (d. 20 H) (d) 'Uqba ibn Amir (e) Al-Dahhaki bn Qays (f) Qaysi bn Sa'd g) 'Ubada ibn al-Samit (h) Al-Walid ibn'Uqba which was sent out to the banu al-Mustaliq. (Akbar, and Kayadibi 2013)

Zakat administration or institution means an organization established by the Government of State for the collection and distribution of Zakat property and also to stipulate and calculate the nisab comparable to the gold into the State currency and indicate the "nisab" (minimum amount of Zakat property). They are called in the Qur'an as Zakat employers (Zakat institution) or workers of the Zakat. The Prophet Muhammad (Peace be upon him) is the first who organized the Zakat administration in Islam as he is the leader of the Ummah during his life time followed by Abubakar Siddiq (R.A.) and all the three rightly guided caliphs.

### **Zakat Institution and Management in Nigeria**

Zakat Institution is an organization organized by the amir (governor or president) for the Zakat programmes; that's collection and distribution from specific people as specified by the Islamic law. It is observed that Zakat institution in northern Nigeria has a long history dating back to the jihad of Usman bin Fodio who contributed greatly toward the Zakat payment and other Islamic duties; Usman bin Fodio introduced the institution of Zakat under every emir of all the emirate that makes up the caliphate.

With the coming of colonial people into the Hausa land, the institution deformed and changed by the colonial masters to the tax institution. Up to now the system of Zakat change because is not officially





The second checklist, "The balance of receipt form stock in the register matches the actual balance," under code "SS2", will be referred to by the full code "W/PW/T/K1/S1/SS2." The third checklist, "SS3" refers to the "Unused receipt forms are securely stored in a locked place," and will be fully referred to by the code "W/PW/T/K1/S1/SS3." Meanwhile, the fourth checklist, which refers to "Receipt forms received are checked and verified for the accuracy of serial numbers on the first sheet of each receipt book", with the code "SS4" will be referred to by the complete code "W/PW/T/K1/S1/SS4." Similarly, the fifth checklist, which refers to "The stock list of receipt forms is stated in the handover/takeover letter prepared during the collector's handover," with the code "SS5," will be referred to as "W/PW/T/K1/S1/SS5." Table 1 shows the proposed index codes for the type of financial management audit under the financial management audit program, with the receipt management element, where the indicator measured is form control, and the sub-indicator is the use of receipt forms, which includes five (5) checklists for audit work processes.

## Conclusion

In conclusion, the RAD approach, with its iterative and user-focused methodology, provides a structured yet flexible framework for system development. By starting with comprehensive requirements planning and moving through phases of user design, rapid development, and efficient implementation, the system index is built to meet the specified objectives. The E-Audit system index implemented by Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) is a prime example of how such a method can enhance internal processes. The use of a well-defined indexing system, with clear codes for each



audit element, allows for streamlined audit procedures and easy reference, ensuring accuracy and efficiency in financial management audits. This systematic approach to auditing not only simplifies processes but also promotes effective tracking and validation of key audit tasks.

### Acknowledgement

We would like to thank the Kedah State Zakat Board (LZNK), Zakat Research and Innovation Institute (IPIZ) and the Research and Innovation Management Center (RIMC) of Universiti Utara Malaysia for providing the Special Grant Scheme (S/O Code: P58/700) and support to make the research successful. We would also like to thank the reviewers of this paper who provided very insightful advice and comments.

### References

- Leonardo, P., & Wiratama, J. (2023). Empowering Efficiency: A Web-Based Inventory and Sales Information System for Drinking Water Distributors through Rapid Application Development. *Journal of Information Systems and Informatics*, 5(2), 742-757. <https://doi.org/10.51519/journalisi.v5i2.498>
- Prabowo, W. A. (2024). Developing Compliant Audit Information System for Information Security Index: A Study on Enhancing Institutional and Organizational Audits using Web-based Technology and ISO 25010: 2011 Total Quality of Use Evaluation. *JOIV: International Journal on Informatics Visualization*, 8(1), 343-351.
- Singgalen, Y. (2024). Implementation of Rapid Application Development (RAD) for Community-based Ecotourism Monitoring System. *Journal of Information System Research*, 5(2), 520-530. <https://doi.org/10.47065/josh.v5i2.4749>



## TRANSFORMASI PROSES PENGURUSAN ZAKAT MELALUI AMALAN LEAN- KAIZEN DI LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH

Che Azlan bin Taib<sup>1</sup>  
Hendrik bin Lamsali<sup>2</sup>  
Mohamed Najib bin Salleh<sup>3</sup>  
Halim bin Mad Lazim<sup>4</sup>  
Nazihah Nohamad Shariff<sup>5</sup>

<sup>1</sup>School of Technology Management and Logistics, College of Business, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, ([c.azlan@uum.edu.my](mailto:c.azlan@uum.edu.my))

<sup>2</sup>School of Technology Management and Logistics, College of Business, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, ([hendrik@uum.edu.my](mailto:hendrik@uum.edu.my))

<sup>3</sup>School of Technology Management and Logistics, College of Business, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, ([najib@uum.edu.my](mailto:najib@uum.edu.my))

<sup>4</sup>School of Technology Management and Logistics, College of Business, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, ([mlhalim@uum.edu.my](mailto:mlhalim@uum.edu.my))

<sup>5</sup>Lembaga Zakat Negeri Kedah. ([nazirah@lznk.gov.my](mailto:nazirah@lznk.gov.my))

---

**Abstrak:** Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) berperanan penting dalam membantu dan membangun ekonomi ummah. Kutipan zakat merangkumi zakat ternakan, perniagaan, saham, dan emas. Pengagihan zakat pula dipelbagaikan kepada beberapa jenis dan bantuan yang berupaya memberi impak positif kepada kesejahteraan asnaf. Justeru, pentadbiran dan pengurusan LZNK mesti disesuaikan dengan keperluan dan cabaran semasa bagi menyediakan perkhidmatan yang cekap, berkesan dan kos yang minimum. Kertas ini merupakan kajian kes di LZNK. Objektif-objektifnya adalah menganalisa tahap pemahaman kakitangan LZNK berkenaan amalan LSS, mengenalpasti kaedah yang digunakan oleh LZNK untuk mengurus data, mengenalpasti proses-proses utama dan mengenalpasti 8 jenis pembaziran di dalam proses utama di LZNK, membentuk ataupun menambahbaik kerangka proses perkhidmatan LZNK, mengukur nilai tambah yang diperolehi jenis-jenis pembaziran mengenalpasti proses-proses utama yang akan dilaksanakan LSS dan membentuk amalan LSS sebagai model peningkatan pengurusan dan perkhidmatan LZNK. Skop kajian adalah melibatkan proses mempromosi kutipan zakat. Keadaan semasa value stream mapping telah dibentuk, dan cadangan penambahbaikan telah dicadangkan. Hasil kajian dipaparkan dalam bentuk Masa hadapan value state map. Hasil kajian menunjukkan selepas pembaziran dikenalpasti dan diambil tindakan, proses terpilih telah dapat ditambahbaik.

**Katakunci:** (LZNK, Pengurusan Zakat, Lean Six Sigma, Value Stream).

---

### Pengenalan

Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) sepertimana organisasi-organisasi yang lain terdiri daripada diri individu (manusia), proses transformasi sumber (seperti mesin, modal, infrastruktur, dan sebagainya) serta pelanggan ataupun pemegang taruh. Komponen-komponen ini disepadukan bagi



mencapai sasaran yang telah ditetapkan. LZNK juga sejenis organisasi perkhidmatan yang bukan berteraskan keuntungan, lantaran kuantiti dan kualiti perkhidmatan sukar diukur (Ghosh, N. 2005).

Namun menurut Ghazali dan rakan-rakan (2021), di sebalik peningkatan hasil kutipan zakat kutipan zakat perniagaan dalam kalangan peniaga muslim masih rendah. LZNK juga melaporkan mereka menghadapi masalah berkaitan dengan proses kerja seperti baucer yang lambat sampai di ibu pejabat untuk proses pembayaran; perancangan tahunan berkaitan perolehan yang diguna pakai sering berubah dari perancangan asal, masalah penyimpanan fail dan penggunaan kertas yang masih tinggi. Dalam usaha mengatasi masalah ini, aplikasi Lean Six Sigma (LSS) diharap dapat menyelesaikannya. Lean juga boleh digunakan di dalam industri berteraskan perkhidmatan (Gupta, S., M. Sharma, et al. (2016) dan apakah kerangka model yang sesuai.

Kebanyakan organisasi sedar bahawa lean-kaizen sebahagian daripada penambahbaikan aktiviti, namun pelaksanaan lean-kaizen bukan sesuatu yang mudah. Maka, antara perkara penting LZNK perlu memahami adalah bagaimana mengenalpasti pembaziran yang berlaku. Berdasarkan faktor ini kertas ini akan menghuraikan beberapa perkara utama secara teori dan amali model yang sesuai untuk melaksanakan lean-kaizen.

Begitu juga LZNK dalam buku Laporan Strategik LZNK 2021-2025, Ketua Pegawai Eksekutif telah menyatakan LZNK secara berterusan akan melakukan inovasi dinamik dan evolusi dalam institusi LZNK dengan memberi pertimbangan wajar terhadap impak dinamika kepada hala tuju strategik, sistem serta operasi yang dijalankan. Amalan LSS boleh dijadikan komplementari kepada menjayakan 5 teras perancangan strategik yang ditetapkan oleh LZNK iaitu memperkasakan system tadbir urus yang cekap, berkualiti; meningkatkan kutipan zakat dan lain-lain hasil selain zakat untuk kelestarian operasi; memperkasakan pengurusan agihan zakat dan proqram pembangunan untuk kelestarian asnaf; meningkatkan perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi serta memperkasakan penyelidikan dan komunikasi.

## **Ulasan Bacaan**

Dalam konteks pemeriksaan kualiti, kawalan kualiti, jaminan kualiti, pengurusan kualiti menyeluruh mahupun jaminan kualiti menyeluruh, ketidaktentuan mempengaruhi segala maklumbalas ataupun tingkahlaku sesebuah organisasi terhadap pelanggan/pemegang taruh ataupun sebaliknya. Justeru, ketidaktentuan ini memerlukan organisasi bersedia dengan maklumat yang tepat dan mampu untuk mengharungi dan memenuhi kehendak pelanggan yang sentiasa berubah. KAIZEN yang bermaksud penambahbaikan berterusan, iaitu berubah untuk lebih baik sewajarnya menjadi amalan di dalam organisasi. KAIZEN adalah peningkatan berterusan yang melibatkan semua orang – pengurusan atasan, pengurus-pengurus, serta pekerja-pekerja (Imai, 1986). Lean-Kaizen bermatlamat menambahbaik proses dan mengurangkan pembaziran.

Kaizen telah diilhamkan oleh Masaaki Imai sekitar tahun 1980-an semasa beliau menjadi konsultan di Taiichi Ohno dalam pengeluaran kereta Toyota. Beliau yang digelar ‘Father of Toyota Production System’ juga memperkenalkan Lean Manufacturing. Salah satu buku beliau yang terkenal adalah



*Toyota Production System: Beyond Large-Scale Production* (Ohno, 1988). Manakala Masaaki Imai pula digelar sebagai "Father of Kaizen". Pendekatan kaizen iaitu kaedah kaedah penyelesaian masalah yang sistematik telah digunakan secara meluas termasuk di perpustakaan. Menurut Masaaki Imai kaizen adalah:

*"... is everyday improvement - everyday is a challenge to find a better way of doing things. It needs tremendous self-discipline and commitment"*

Falsafah pemikiran kaizen adalah perubahan yang kecil dan apabila dibuat secara berterusan akan mewujudkan kesan positif yang besar di dalam jangka masa panjang. Kesempurnaan LEAN-KAZEN juga bergantung kepada dua elemen penting - "Gemba" dan 5S. Gemba bermaksud penyelesaian masalah bukan hanya dilakukan di dalam bilik mesyuarat yang berhawa dingin, sebaliknya kumpulan penyelesaian masalah mesti turun padang melihat sendiri keadaan sebenar apa yang berlaku, bukan hanya bergantung kepada sesi percambahan fikiran di kalangan ahli dan data-data yang sedia ada. 5S pula merujuk kepada 5 perkataan Jepun yang bermula dengan huruf 'S'. Seri= sisih; seiton=susun; seiso=sapu; seiketsu=seragam; dan shitsuke=sentiasa amal. Amalan 5S di tempat kerja akan mewujudkan persekitaran tempat kerja yang lebih berkualiti, produktif, kemas, dan selamat. Ini akan menyumbang kepada operasi di tempat kerja dengan lebih senang, cepat dan selamat. Begitu juga 5S akan membimbing pekerja untuk menjalankan tugas dengan lebih berdisiplin dan beretika, fokus kepada pembaziran Di penghujungnya perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan mempunyai nilai tambah.

LZNK berperanan penting dalam pembangunan masyarakat. Peranannya sebagai agensi kutipan dan agihan zakat perlu disokong oleh aspek institusi dan governan yang mantap supaya ianya terus dipercayai dan mampu berdaya saing. Hassan (2012) menyatakan pentingnya organisasi menyerap budaya kepantasan bertindak menerusi perubahan pemikiran dan kaedah bekerja seiring dengan pembangunan inovasi dan pembaharuan yang berterusan. Bagi tujuan mengurus kecemerlangan perkhidmatan LZNK, LZNK memerlukan tenaga kerja yang faham selok belok mengurus zakat yang perlu disokong oleh budaya kerja cemerlang. Justeru, program meningkatkan kualiti perkhidmatan secara cepat dan berkesan pada tahap kos yang rendah perlu dilakukan melalui ukur tara yang sesuai dengan membandingkan proses sedia ada serta mengenalpasti amalan kualiti yang terbaik, seperti pengurusan pembaziran. Justeru, strategi peningkatan kualiti perkhidmatan LZNK sewajarnya berasaskan kepada pengukuran pencapaian berdasarkan penggunaan alatan kualiti tertentu seperti Lean-Kaizen.

Budaya kerja cemerlang tidak boleh dicapai dalam masa sehari semalam atau dengan usaha yang sederhana sahaja. Ianya akan terhasil dengan perancangan teliti dan secara profesional dengan sepenuh komitmen dalam jangka panjang. Justeru, staf LZNK yang telah menjalani kursus profesional dalam bidang pengurusan zakat bertanggungjawab untuk merekacipta, merancang, mengurus, melaksana dan menilai perkhidmatan bagi memenuhi keperluan semasa pembayar dan penerima zakat. Dalam situasi bajet yang terhad untuk mentadbir organisasi, amalan LEAN-KAIZEN amat penting.


## Kajian Kes

Projek konsultansi ini mensasarkan objektif-objektif berikut:

- i. Mengenalpasti tahap pemahaman kakitangan LZNK berkenaan amalan LSS
- ii. Mengenalpasti kaedah yang digunakan oleh LZNK untuk mengurus data.
- iii. Mengenalpasti proses-proses utama dan mengenalpasti 8 jenis pembaziran di dalam proses utama di LZNK
- iv. Membentuk ataupun menambahbaik kerangka proses perkhidmatan LZNK
- v. Mengukur nilai tambah yang diperolehi berdasarkan 8 jenis pembaziran.
- vi. Mengenalpasti proses-proses utama yang akan dilaksanakan LSS
- vii. Membentuk amalan LSS sebagai model peningkatan pengurusan dan petkhidmatan LZNK


Bagi mencapai objektif projek, program perundingan amalan LSS di LZNK telah dilakukan melalui kaedah kualitatif dan aplikasi. Program ataupun aktiviti berbentuk bengkel, diskusi dan Latihan telah dilakukan. Kajian kes ini juga menggunakan tiga fasa amalan Kaizen di LZNK iaitu perancangan dan persediaan; pelaksanaan; serta pembentangan hasil projek (Jackson, R. L., 2013). Secara khusus metodologi-metodologi yang digunakan adalah analisis dokumen, teori, latihan praktikal dan pemantauan projek. Di antara dokumen utama yang diteliti adalah Manual Kualiti, Prosedur Kualiti dan Rekod Kualiti. Manual Kualiti disemak secara umum untuk memahami proses, amalan, komitmen dan penambahbaikan di LZNK.

Kerja perundingan ini juga dimulai dengan membuat carta alir orises rundingan. Carta alir di kajian kes ini seperti di bawah. Kajian bermula dengan mengenalpasti kemungkinan pembaziran berlaku terhadap sesuatu proses ataupun aktiviti di LZNK. Sekiranya tiada pembaziran, tiada perlu diteruskan. Sebaliknya berlaku pembaziran, usaha mengenalpasti pembaziran perlu dilakukan.



Rajah 1.1: Carta Aliran Aktiviti Perundingan


Situasi sebelum



Rajah 1.2: Proses Promosi Zakat Melalui Perancangan Berjadual (Taklimat Zakat)



CURRENT VALUE STREAM MAPPING - PROSES PROMOSI ZAKAT MELALUI PERANCANGAN BERJADUAL (TAKLIMAT ZAKAT)



Rajah 1.3: Current State Mapping-Proses Promosi Zakat Melalui Perancangan Berjadual (Taklimat Zakat)

Rajah 1.2 dan 1.3 menggambarkan keadaan semasa proses promosi zakat melalui perancangan berjadual di LZNK. Proses bermula dengan menyediakan perancangan tahunan dan diakhiri dengan menyimpan semua rekod-rekod kualiti. Berdasarkan kepada maklumat rajah diatas didapati nilai lead time dan cycle time msing-masing adalah:

- i. Lead Time (Queuing Time) =  $150 + 120 + 150 + 7200 + 30 + 720 + 60 + 18 = 8448$
- ii. Cycle time =  $1440 + 3660 + 0 + 1400 + 0 + 480 + 24 = 7044$
- iii. Total Lead Time = Total Queuing Time + Total Cycle Time (TCT)  
 =  $8448 + 7004 = 15452$

Catatan:

*Lead Time = the delay that occurs between the initiation and completion of a process ( masa menunggu yang berlaku semasa permulaan hingga akhir proses)*

*Cycle time = the time it takes to complete the production process of one product from start to finish (jumlah masa yang diperlukan untuk menyiapkan sesuatu proses pengeluaran)*

Jadual 1.1: Current State Mapping: Proses Promosi Zakat Melalui Perancangan Berjadual (Taklimat Zakat)

Proses Kerja / Aktiviti Utama	Masa Menunggu	Cadangan Penambahbaikan
Sediakan Jadual Perancangan Tahunan Promosi Zakat dan Ringkasan Perancangan Tahunan Promosi Zakat	1440	1. Penetapan masa pengumpulan rancangan tahunan daripada pihak DPMI.
Membuat permohonan untuk mengadakan aktiviti berkaitan promosi zakat kepada pelanggan mengikut Perancangan Tahunan Promosi Zakat	3660	(Oktober/November)



Menerima maklumbalas daripada pelanggan dan failkan ke dalam fail seperti berikut	1440	2. Sasaran kerja perlu ditetapkan dengan jelas (Tempoh masa).
Menyediakan kertas kerja untuk kelulusan perbelanjaan menjalankan aktiviti promosi (Jika perlu)	3660	
Menyedia Laporan Suku Tahun Promosi Zakat	480	
Simpan dan rekod fail	15	

Berdasarkan kepada konsep *Define, Measure, Analyze, Improve, dan Action* (DMAIC) dan Format A3 sepertimana disarankan oleh Motwani, J. dan R. Ptacek (2014), tindakan penambahbaikan bermula dengan kaedah brainstorming iaitu percambahan fikiran enam tindakan berikut dilakukan.

- i. Mengenalpasti Masalah
- ii. Tetapkan Sasaran
- iii. Analisis Punca Masalah
- iv. Cadangan Penambahbaikan
- v. Pemeriksaan
- vi. Penyeragaman

Seterusnya analisis punca masalah, penetapan sasaran, tindakan penambahbaikan dilakukan oleh peserta seperti di bawah.


Jadual 1.2: Cadangan Penyelraaian dan Penanggungjawab

Punca Masalah	Cadangan Penyelesaian	Penanggungjawab
<b>Lambat kelulusan</b>		
1. Bebanan tugas hujung tahun untuk focus kutipan (salam).	• Penetapan masa pengumpulan rancangan tahunan daripada pihak DPMI. (Oktober/November)	• KP • DPMI • KP & KD
• Terlibat dengan majlis penyerahan zakat (naim)		
1. Tiada penetapan deadline (azri)		
2. JD tiada KPI	• Sasaran kerja perlu ditetapkan dengan jelas (Tempoh masa).	
3. Kesukaran mengenal pasti agensi mengikut masa		
4. Kerap berlaku pertukaran kakitangan		
5. Kekurangan kakitangan sumber manusia		
<b>Menunggu maklum balas daripada pihak agensi luar</b>	Tentukan tarikh maklum balas daripada agensi luar. (Sediakan borang)	• KP & KD
1. Tiada/lambat maklum balas daripada agensi luar.		

2. Perubahan tarikh promosi daripada agensi luar.
3. Program berulang dengan agensi yang sama.
4. Promosi bertembung antara HQ dan PZD.
5. Tiada maklumat sasaran agensi yang akan dibuat promosi

### Hasil Kajian/Perundingan

Projek Lean-Kaizen ini dinilai berdasarkan nilai tambah (VSM) dan perbandingan sebelum dan selepas projek dijalankan. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan keadaan sebelum (semasa) dan selepas projek (masa hadapan). Merujuk kepada




Rajah 1.4: Current State Mapping-Proses Promosi Zakat Melalui Perancangan Berjadual (Taklimat Zakat)

$$\begin{aligned} \text{Lead Time (Queuing Time)} &= 480 + 1440 + 0 + 1440 + 480 + 24 = 3384 \text{ minit} \\ \text{Calculate Total Cycle Time} &= 8448 \text{ minit} \\ \text{Calculate Total Lead Time (TLT)} &= \text{Total Queuing Time} + \text{Total Cycle Time (TCT)} = \\ 3384 + 8448 &= 11832 \text{ minit} \end{aligned}$$

Jadual 1.3: Proses Masa Hadapan (Future State): Proses Promosi Zakat Melalui Perancangan Berjadual (Taklimat Zakat)

Proses Kerja / Aktiviti Utama	Keadaan Semasa	Masa Hadapan (Future State)	Pencapaian
Sediakan Jadual Perancangan Tahunan Promosi Zakat dan Ringkasan Perancangan Tahunan Promosi Zakat	1440	480	33.3%
Membuat permohonan untuk mengadakan aktiviti berkaitan promosi zakat kepada pelanggan mengikut Perancangan Tahunan Promosi Zakat	3660	1440	39.3%
Menerima maklumbalas daripada pelanggan dan failkan ke dalam fail seperti berikut	0	0	NA
Menyediakan kertas kerja untuk kelulusan perbelanjaan menjalankan aktiviti promosi (Jika perlu)	3660	1440	39.0%
Menyedia Laporan Suku Tahun Promosi Zakat	480	480	0%
Simpan dan rekod fail	15	30	+50%

### Perbandingan Sebelum dan Selepas Projek



Jadual 1.3: Perbandingan Sebelum dan Selepas

Sebelum	Selepas
<b>Lead Time (for Queuing Time)</b> $= 150 + 120 + 150 + 7200 + 30 + 720 + 60 + 18 = 8448$ minit	<b>Lead Time (Queuing Time)</b> $= 480 + 1440 + 0 + 1440 + 480 + 24 = 3384$ minit
<b>Calculate Total Cycle Time</b> $= 1440 + 3660 + 0 + 1440 + 0 + 480 + 24 = 7044$	<b>Calculate Total Cycle Time</b> 8448 minit
<b>Calculate Total Lead Time (TLT) = Total Queuing Time + Total Cycle Time (TCT)</b> $8448 + 7044 = 15492$	<b>Calculate Total Lead Time (TLT)</b> $= \text{Total Queuing Time} + \text{Total Cycle Time (TCT)} = 3384 + 8448 = 11832$ minit
<b>Value Added</b> $VA\% = 8448 / 15492 = 54.0\%$	<b>Value Added</b> $VA\% = 3384 / 11832 = 28.6\%$



Berdasarkan tindakan penambahbaikan yang telah diambil LZNK hanya mampu meningkatkan nilai tambah proses promosi zakat dengan lebih cekap dan berkesan. Lean-Kaizen telah berjaya mengurangkan masa menunggu dari 8448 minit kepada 3384 minit iaitu bersamaan dengan 40 peratus. Projek ini juga berjaya meningkatkan nilai tambah proses promosi zakat di LZNK sebanyak 25.4%. Namun sekiranya konsep PDCA (Plan, Do, Check, Action) dapat diteruskan, nilai tambah boleh ditingkatkan lagi.

## Rumusan

Projek yang melibatkan tempoh masa lebih setahun ini telah menetapkan tujuh sasaran dan beberapa penerbitan. Status pencapaian objek seperti berikut:

- Menganalisa tahap pemahaman kakitangan LZNK berkenaan amalan LSS.

Kakitangan LNZK mempunyai maklumat yang agak minima berkenaan LSS. Namun hasil bengkel, sesi perbincangan dan latihan yang diberikan, Kumpulan Perunding yakin LZNK telah mempunyai pengetahuan yang cukup untuk melaksanakan LSS di LZNK.

- Mengenalpasti kaedah yang digunakan oleh LZNK untuk mengurus data.

LZNK mempunyai unit khas untuk mengurus data. Namun hasil pertemuan dengan kumpulan yang terlibat di dalam projek, pengetahuan mereka agak terhad. Bengkel dan latihan khas berkenaan pengurusan data dalam skop perkhidmatan telah dilakukan.

- Mengenalpasti proses-proses utama dan mengenalpasti 8 jenis pembaziran di dalam proses utama di LZNK

Setelah berbincang dengan ahli kumpulan dari LZNK, fokus projek adalah kepada agihan zakat. Kumpulan Perunding telah menganalisa 11 proses. Satu sesi mengenalpasti pembaziran telah dilakukan. Maklumat ini ada di dalam lampiran di bawah.

- Membentuk ataupun menambahbaik kerangka proses perkhidmatan LZNK

Hasil perundingan berdasarkan pendekatan LSS telah dijalankan di LZNK. Salah satu daripada komponen penting yang dikongsi dengan ahli adalah Value Stream Mapping (VSM). Kumpulan Perunding berharap LZNK boleh menggunakan VSM untuk mengenalpasti dan mengukur value added (VA) iaitu nilai tambah pekhidmatan kepada pelanggan.

- Mengukur nilai tambah yang diperolehi berdasarkan 8 jenis pembaziran.

Kumpulan Perunding yakin bengkel, perbincangan dan latihan yang telah diberikan seperti mengurus data, teknik penyelesaian masalah (PDCA), pelaporan A3 dan VSM



membolehkan LZNK mengukur nilai tambah perkhidmatan bukan sahaja kepada proses Prosedur Kualiti : Pengurusan Promosi Zakat Melalui Perancangan Berjadual (LZNK=PTK-PK01) dan Prosedur Kualiti : Pengurusan Promosi Zakat Melalui Permohonan Pelanggan (LZNK=PTK-PK02) malahan juga kepada lain-lain proses yang ada di LZNK.

- Mengenalpasti proses-proses utama yang akan dilaksanakan LSS

Sepertimana dinyatakan di atas, LZNK boleh melaksanakan LSS kepada lain-lain proses di LZNK.

- Membentuk amalan LSS sebagai model peningkatan pengurusan dan perkhidmatan LZNK

### Penghargaan

Alhamdulillah setinggi-tinggi Syukur Kehadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kami menyempurnakan tugas sebagai perunding projek

Di kesempatan ini, kami ingin merakamkan jutaan terimakasih kepada Dato' Syeikh Zakaria bin Othman, Ketua Pegawai Eksekutif LZNK kerana telah meluluskan permohonan projek perundingan kami ini. Jutaan terimakasih juga khususnya kepada IPIZ dan Naib Canselor UUM kerana memberi kepercayaan untuk kami menjalankan projek perundingan ini.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terimakasih kepada kakitangn LZNK iaitu Nazihah bt Mohamad Shariff, Fakhrurazi bin Salleh, Muhamad Shafiq bin Farik, Muhammad Naim bin Mohd Nabil, Zulkifli bin Ismail, Muhamad Nur Salam bin Salleh dan Muhammad Nasrul bin Ridzuan kerana telah memberi kerjasama dari segi penyediaan data dan bersama-sama terlibat di dalam percambahan fikiran untuk mengenalpasti masalah dan cadangan penyelesaian.

### Rujukan

- Albeanu, M., I. Hunter, et al. (2010). *Sis Sigma in HR Transformation: Achieving Excellence in Service Delivery*. United Kingdom, NPG Book Group.
- Brophy, P. (2006). *Measuring library performance: principles and techniques*. London, Facet Publishing.
- Amno, H., N. A. Jais, Et Al. (2022). "A Lean Case Study on Managing Interlibrary Loan and Document Delivery Service in an Academic Library." *Jurnal Teknologi Maklumat dan Multimedia Asia-Pasifik* 11(1): 115 - 131.
- Deming, E. W. (1986). *Title statement (NR) out of the crisis*. MIT Press, Cambridge.
- Huber, J. J. (2011). *Lean Library Management: Eleven Strategies for Reducing Costs and Improving Customer Services*. New York, Neal-Schuman Publisher.
- Imai, M. (1986). *KAIZEN (Ky'zen) The Key to Japan's Competitive Success*. New York, McGraw-Hill Publishing Company.



- Ghosh, N. (2005). *Management Control Systems*. New Delhi, Prentice-Hall of India Private Limited.
- Gupta, S., M. Sharma, et al. (2016). "Lean services: a systematic review." *International Journal of Productivity and Performance Management* 65(8): 1025-1056.
- Mcdermott, R. E., R. J. Mikulak, et al. (1996). *The Basics of FMEA*. New York, Quality Resources.
- Mukandar, A. K. (2004). *Jenis-jenis perpustakaan di Malaysia. Kursus pembantu perpustakaan / pusat maklumat*, Petaling Jaya, Maktab Kerjasama Malaysia.
- Ohno, T. (1988). *Toyota production system: beyond large-scale production*. Cambridge, Productivity Press.
- Oli Mohamed, A. H. (1990). *Pencapaian kecemerlangan dalam pengurusan perpustakaan akademik*. Seminar Pustakawan, Negeri Sembilan.
- Paciarotti, C., G. Mazzuto, et al. (2014). "A revised FMEA application to the quality control management." *International Journal of Quality & Reliability Management* 31(7): 788-810.
- Sasikumar, A. and S. MV (2024). "Optimizing E-Resource Utilization in Business School Libraries: A Lean Six Sigma Approach." *Educational Administration: Theory and Practice* 30(5): 3428-3439.
- Stamatis, D. H. (1995). *Failure Mode and Effect Analysis: FMEA from Theory to Execution*. Milwaukee, Wisconsin, ASQC Quality Press.
- Sunder, V. (2015). "Lean Six Sigma in higher education institutions." *International Journal of Quality and Service Sciences* 8(2): 159-178.



## PEMBELAJARAN BERASASKAN PERMAINAN (GBL): SEJAUHMANA MEMBANTU PELAJAR ASNAF MEMAHAMI PENGURUSAN KEWANGAN DAN KEPENGGUNAAN ISLAM

Siti Hajar Salwa Ahmad Musadik<sup>1</sup>

Nor Syahidah Ishak<sup>2</sup>

Noraini Yusuff<sup>3</sup>

Mohd Fakhirin Che Majid<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Universiti Utara Malaysia (UUM), 06010 Sintok Kedah  
([ctsalwa@uum.edu.my](mailto:ctsalwa@uum.edu.my))

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Universiti Utara Malaysia (UUM), 06010 Sintok Kedah

<sup>3</sup>Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Universiti Utara Malaysia (UUM), 06010 Sintok Kedah

<sup>4</sup>Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Universiti Utara Malaysia (UUM), 06010 Sintok Kedah

---

**Abstrak:** Jumlah golongan muda dan belia yang menghadapi masalah kewangan dan mendapat status muflis sentiasa meningkat dan tidak menunjukkan penurunan yang positif. Walaupun laporan ada menyatakan sedikit penurunan, akan tetapi mengikut pihak yang berautoriti seperti AKPK, trend dan jumlah masyarakat Malaysia yang menghadapi masalah kewangan sentiasa berterusan. Oleh yang demikian, kajian lapangan ini dilaksanakan untuk melihat sejauhmana kefahaman pelajar dari kalangan keluarga asnaf memahami dengan lebih lanjut apa yang dimaksudkan dengan pengurusan kewangan dan kepenggunaan Islam. Kajian yang dilaksanakan secara kaedah pemantauan dengan menggunakan cara pembelajaran berasaskan permainan (GBL) menunjukkan bahawa pada awalnya para pelajar mempunyai pengetahuan umum berkaitan dengan pengurusan kewangan dan kepenggunaan, akan tetapi, tidak mempunyai kefahaman dan kesedaran yang mendalam berkaitan dengan pengurusan kewangan dan kepenggunaan dari perspektif Islam. Program yang dilaksanakan bersama pelajar tingkatan empat di Maahad Dini Sultan Abdul Halim Sik ini telah berjaya memberi kefahaman dan pendedahan yang mendalam berkaitan ilmu penguasaan kewangan dan kepenggunaan Islam melalui kaedah pembelajaran berasaskan permainan (GBL). Hasil kajian lapangan ini telah menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran berasaskan permainan (GBL) mempunyai kemampuan untuk digunakan sebagai platform dalam menyampaikan ilmu atau maklumat secara mendalam.

**Katakunci:** Pembelajaran Berasaskan Permainan (GBL), Pengurusan Kewangan dan Kepenggunaan Islam

---

### Pendahuluan

Ilmu pengurusan kewangan dan kepenggunaan Islam merupakan salah satu ilmu asas yang perlu diketahui oleh semua Muslim. Adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai seorang Muslim, untuk mengamalkan cara hidup yang selari dengan ajaran Islam. Sebagai contoh, dalam pengurusan





kewangan (harta) mestilah tidak menggunakan wang untuk sesuatu yang tidak berfaedah sehingga membawa kepada masalah kewangan. Ini adalah selari dengan konsep Maqasid Syariah dimana harta perlu diurus dan dijaga dengan sebaiknya. Penggunaan harta mestilah berpandukan kepada tiga level utama dalam Maqasid Syariah iaitu Daruriyah, Hajiyyah, dan Tahsiniyyah.

Walaupun bagaimanapun, apa yang berlaku pada hari ini ramai di antara Muslim yang masih lagi tidak dapat mengamalkan pengurusan harta dengan sebaiknya. Ramai dalam kalangan Muslim yang masih lagi tidak dapat mengawal hawa nafsu mereka dengan sebaiknya dan terkandas dengan aktiviti penggunaan yang berlebihan. Seperti yang telah dilaporkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) 2024, berdasarkan kepada jumlah peserta yang menyertai Program Pengurusan Hutang (DMP), masih ramai rakyat Malaysia yang mempunyai masalah kewangan. Lebih dari 50% peserta adalah dalam kalangan mereka yang berusia bawah 40 tahun. (Laporan Tahunan AKPK, 2022). Ini menunjukkan ramai golongan muda pada hari ini masih tidak dapat menguruskan kewangan mereka dengan sebaiknya.

Oleh yang demikian, untuk mengatasi atau mengurangkan isu ini, adalah perlu untuk memberi kesedaran dan pengetahuan asas pengurusan kewangan dan kepenggunaan Islam kepada golongan muda dan belia. Antara kaedah yang boleh digunakan adalah melalui kaedah pembelajaran berasaskan permainan (GBL). Kaedah ini sangat sesuai dilaksanakan kepada para pelajar kerana ianya bersesuaian dengan persekitaran yang dilalui oleh para pelajar iaitu, proses pembelajaran dan pengajaran. Justeru itu, kajian perundingan ini telah dilaksanakan dengan menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan permainan (GBL) dengan objektif untuk menyampaikan ilmu pengurusan kewangan dan kepenggunaan dalam Islam, melihat kefahaman dan ilmu pengetahuan pelajar dalam menguasai ilmu pengurusan kewangan dan kepenggunaan Islam serta melihat keberkesanan kaedah GBL dalam aktiviti pembelajaran dan pemindahan ilmu.

## **Sorotan Karya**

### ***Tingkah Laku Pengurusan Hutang***

Menurut Ong, et al, (2021), golongan remaja merupakan golongan yang mempunyai keupayaan berbelanja dengan menggunakan atau mendapatkan sumber kewangan dari keluarga mereka dengan bebas tanpa perlu memikirkan tanggungjawab kewangan seperti membayar bil, hutang, atau komitmen kewangan yang lain. Oleh itu, terdapat segelintir remaja yang masih lagi tidak mengetahui dan sedar cara pengurusan dan simpanan wang walaupun sudah memasuki alam dewasa dan cenderung untuk bergantung kepada ibu bapa apabila memerlukan bantuan sumber mengambil risiko, dan berusaha untuk mendapatkan penghargaan dalam melakukan aktiviti perbelanjaan termasuk perbelanjaan secara tidak terancang dan spontan (Anindito & Handarkho, 2021).

Kajian lepas banyak membincangkan berkaitan dengan tingkah laku dalam menguruskan kewangan terutamanya berkaitan dengan kemampuan penguasaan dan pengurusan kewangan. Kemampuan kewangan (*financial ability*) merupakan nilai yang sangat penting untuk dimiliki oleh setiap orang dalam mengurus aktiviti yang melibatkan kewangan dan kepenggunaan. Kemampuan



keuangan ini dapat juga ditakrif atau dinilai melalui pelbagai istilah seperti celik kewangan (*financial literacy*) dan keupayaan kewangan (*financial capability*). Istilah celik kewangan merujuk kepada pengetahuan dan kefahaman seseorang individu (Hilgert et al., 2003) dalam mengetahui konsep ekonomi yang paling asas untuk membuat keputusan yang efektif berkaitan dengan simpanan dan pelaburan (Lusardi dan Mitchell, 2007).

Manakala istilah keupayaan kewangan pula merangkumi pengetahuan, pemahaman, kemahiran, motivasi dan keyakinan diri pengguna (Zakaria dan Sabri, 2013) dan tanggungjawab kewangan (Lusardi dan Mitchell, 2007) yang menekankan bagaimana pengguna memilih dan memperuntukkan sumber kewangan. Menurut Financial Services Authority of the UK 2005, pengguna yang mempunyai keupayaan kewangan (*financial capability*) dan celik kewangan (*financial literacy*) mampu untuk membuat keputusan dan mengurus kewangan seperti kredit dan hutang dengan berkesan. Jadi jelas disini keperluan untuk setiap masyarakat kita untuk mempunyai dan menguasai kemahiran celik kewangan dan keupayaan kewangan supaya dapat membantu mereka dalam mengurus dan menggunakan wang dengan sebaiknya.

### ***Pembelajaran Berasaskan Permainan (GBL)***

Kajian telah membuktikan dan menunjukkan bahawa pembelajaran berasaskan permainan sebagai salah satu alat bantuan pengajaran yang berjaya menarik minat para pelajar untuk mendalami ilmu yang dipelajari. Pembelajaran berasaskan permainan, *Game Based Learning* (GBL) bermaksud satu kaedah pengajaran yang melaksanakan aktiviti permainan yang tertentu untuk mencapai matlamat atau objektif yang tertentu yang telah ditetapkan (Shaffer et al, 2005). Konsep GBL dalam pembelajaran berupaya menjadikan para pelajar sentiasa bersemangat, seronok, dan aktif sepanjang aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Hanafiah, et al, 2019).

Penggunaan kaedah GBL dalam pembelajaran juga mampu membantu pelajar memahami apa yang dipelajari serta membantu mereka dalam menyelesaikan tugas yang sukar dengan memberikan komitmen yang berterusan. Antara medium GBL untuk penerapan dan penguasaan ilmu pengurusan dan perniagaan Islam yang popular dan sudah bertapak dipasaran ialah seperti *Global Zakat Games* yang mana mengfokuskan kepada penguasaan konsep dan aplikasi zakat sebagai objektif utama kegunaan alatan permainan pembelajaran ini.

Kajian lepas melaporkan para pelajar sangat teruja mempelajari ilmu zakat dengan menggunakan *Global Zakat Games* dan mendakwa aplikasi konsep *games* dalam kelas membantu mereka memahami ilmu yang berkaitan dengan zakat dengan lebih baik (Zainuddin, Rahman, Sahrir, & Khafiz, 2019). Pelajar menunjukkan komitmen yang baik dalam melaksanakan tugas kerana mereka faham dan seronok untuk melakukan apa yang perlu dilaksanakan. Ini menunjukkan bahawa adalah sangat penting untuk memberi kefahaman yang sempurna kepada para pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran. GBL boleh digunakan dan dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu secara digital dan bukan digital. Salah satu alatan permainan yang bukan digital adalah "*board game*". "*Board game*" secara umumnya bermaksud permainan yang dimainkan menggunakan token yang digerakkan di atas papan permainan yang disediakan dengan mematuhi peraturan dan cara permainan yang telah ditetapkan (Shanizan et al, 2017). Chiarello and Castellano (2016)



menyatakan bahawa penggunaan “*board game*” telah membuktikan bahawa kaedah pembelajaran secara permainan ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dalam kalangan pelajar. Para pelajar yang menggunakan “*board game*” semasa sesi pembelajaran menunjukkan peningkatan dari segi penguasaan subjek kira-kira (Elofsson et al, 2016). Terdapat banyak kajian lepas yang mengkaji keberkesanan GBL dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Barry dan Hodgman (2007) telah mencipta *The Vortex! Game* iaitu sebuah “*board game*” yang berfungsi untuk memberi kefahaman yang lebih jelas kepada para pelajar dalam memahami prinsip dan kesan magnet untuk subjek fizik. Selain itu, *Task Manager* dan *Board game Ace of Math* juga merupakan sebuah “*board game*” yang telah berjaya membantu pelajar untuk memahami dengan mendalam secara visual konsep dan proses pengurusan projek (Shahrul et al, 2016), dan matematik untuk pelajar tahap satu ( Ahmad et al, 2017). Sementara itu, kajian terkini yang dilakukan oleh Shanizan et al, (2020) iaitu untuk melihat keberkesanan “*board game*” *5-ST☆R: The Hotel Management Game* yang berfungsi untuk meningkatkan “*soft skill*” pelajar pengajian tinggi. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan “*board game*” mampu membantu meningkatkan “*soft skill*” para pelajar seperti kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan, kemahiran berfikir secara kritis, dan kemahiran menyelesaikan masalah.

Walaupun bagaimanapun, penggunaan “*board game*” dalam pembelajaran tentang pengurusan kewangan dan kepenggunaan Islam juga jarang dilakukan oleh para penyelidik sebelum ini. Kebanyakan penyelidik banyak menghasilkan kajian penggunaan “*board game*” untuk tujuan pembelajaran yang kritikal seperti sains, biologi, sejarah, matematik, dan statistik yang mana menunjukkan keberkesanan yang sangat positif (Yaacob et al, 2019).

Oleh yang demikian, penyelidikan ini menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan permainan dengan beranggapan bahawa penggunaan kaedah “*board game*” sebagai salah satu platform utama untuk melihat sejauhmana kefahaman pelajar serta keberkesanan kaedah GBL dalam memberi pendedahan dan pemindahan ilmu pengurusan kewangan dan kepenggunaan Islam kepada pelajar.

### **Kaedah Penyelidikan**


Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk menilai sejauhmana pengetahuan para pelajar berkaitan dengan ilmu pengurusan kewangan dan kepenggunaan Islam serta keberkesanan program yang telah dilaksanakan menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan permainan (GBL). Data dikutip melalui soal selidik terbuka (*open ended questionnaire*) dan pemerhatian (*observation*). Kedua kaedah ini adalah sangat sesuai untuk digunakan kerana asas kajian perundingan ini adalah melalui pemindahan ilmu dan aktiviti berasaskan permainan. Kaedah yang digunakan ini selari dengan apa yang telah disarankan oleh (Creswell and Clark, 2017).

## Kutipan Data

Untuk proses kutipan data, kajian perundingan ini telah dilaksanakan bersama 10 orang pelajar tingkatan empat di Sekolah Maahad Dini Sultan Abdul Halim, Sik Kedah. Proses kutipan data yang pertama dilaksanakan dengan menggunakan kaedah soal selidik terbuka (pra dan pasca). Para pelajar diminta untuk mengisi soal selidik untuk mengetahui sejauhmana pengetahuan pelajar berkaitan dengan ilmu pengurusan kewangan dan kepenggunaan Islam.

Untuk soal selidik, terdapat dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A berkenaan sifat dan tingkah laku iaitu untuk mengetahui sejauhmana sifat dan tingkahlaku asas pengurusan kewangan para pelajar. Soalan yang ditanya adalah seperti adakah pelajar merancang perbelanjaan, pernah meminjam wang, simpanan setiap minggu dan pernah ada pengalaman kerja. Manakala Bahagian B pula berkaitan kefahaman pelajar terhadap ilmu pendapatan dan pelaburan, kepenggunaan dan perbelanjaan, simpanan serta pemberian. Semua soalan adalah dalam bentuk bentuk YA dan TIDAK serta soalan bentuk pertanyaan lebih luas dan terbuka (*open ended questionnaires*).

Untuk kaedah pemerhatian, dapatan diperolehi melalui aktiviti pemindahan ilmu dan pembelajaran berasaskan permainan (GBL) yang mana kefahaman pelajar dinilai melalui pemerhatian yang dilakukan oleh fasilitator untuk setiap kumpulan, temu duga secara rambang, serta soal selidik selepas program.



Rajah 1.1: Fasa Pelaksanaan Program Kaedah Pembelajaran Berasaskan Permainan (GBL)

### Fasa Pertama: Penilaian Tahap Pengetahuan

Fasa pertama dimulakan dengan aktiviti “*ice breaking*” antara fasilitator dan para pelajar serta sedikit pendahuluan tentang program ini. Fasilitator untuk program ini adalah terdiri daripada para penyelidik untuk kajian perundingan ini. Tujuan utama pelajar dibahagikan dalam kumpulan adalah untuk memastikan proses Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dapat dilaksanakan dengan berkesan. Untuk aktiviti LDK bagi fasa pertama ini, pelajar diberi kertas soal selidik untuk dijawab dengan bantuan fasilitator. Fasilitator membantu pelajar untuk menjawab soalan dengan sewajarnya dan membantu pelajar jika ada soalan yang kurang jelas.



## Fasa Kedua: Pelaksanaan Program

Fasa ini merupakan fasa pelaksanaan program iaitu dalam melalui dua kaedah iaitu yang pertama (1) pemindahan ilmu dalam kumpulan (LDK) dan yang kedua pembelajaran berasaskan permainan (GBL). Untuk aktiviti pemindahan ilmu, satu modul khas telah dibangunkan oleh para penyelidik. Modul yang bertajuk Pengurusan Kewangan & Kepenggunaan Islam ini merupakan modul bergambar berwarna yang menjelaskan tentang konsep pengurusan kewangan dan kepenggunaan dari Islam secara ringkas dan padat. Manakala untuk pembelajaran berasaskan permainan (GBL) dilaksanakan dengan menggunakan alat permainan yang dinamakan sebagai HaBuckMy.

## Fasa Ketiga: Penilaian dan Keberkesanan

Fasa terakhir merupakan fasa penilaian dan keberkesanan yang bertujuan untuk melihat sejauhmana program pembelajaran berasaskan permainan (GBL) ini memberi kesan kepada pengetahuan dan kefahaman mereka tentang pengurusan kewangan dan kepenggunaan Islam. Untuk mendapatkan data ini, penyelidik menyediakan soal selidik untuk dijawab oleh para pelajar. Soal selidik yang digunakan adalah sama seperti soal selidik yang digunakan pada fasa pertama. Walaubagaimanapun, untuk soal selidik fasa ketiga ini, terdapat soalan tambahan yang perlu dijawab oleh pelajar. Tujuan utama menggunakan soal selidik yang sama adalah untuk melihat sejauhmana perubahan dan kefahaman yang diperolehi oleh para pelajar sebelum dan selepas mengikuti program ini.

## Dapatan Kajian

- i. Kefahaman berkaitan pengurusan kewangan dan kepenggunaan Islam sebelum pelaksanaan program:

Jadual 1.1: Kefahaman berkaitan pengurusan kewangan dan kepenggunaan Islam sebelum pelaksanaan program

Pelajar	Maklu Balas			
	Pendapatan C Pelaburan	Kepenggunaan C Perbelanjaan (Keperluan dan kehendak)	Simpanan	Pemberian
Pelajar 1	Tahu tetapi tidak jelas	Tahu tetapi tidak jelas	Tahu	Tahu tetapi tidak jelas
Pelajar 2	Tahu	Tahu tetapi tidak jelas	Tahu	Tahu tetapi tidak jelas
Pelajar 3	Tidak tahu	Tahu tetapi tidak jelas	Tahu	Tahu tetapi tidak jelas
Pelajar 4	Tidak tahu dengan jelas	Tahu	Tahu	Tahu tetapi tidak jelas
Pelajar 5	Tidak tahu dengan jelas	Tahu tetapi tidak jelas	Tahu	Tahu tetapi tidak jelas



Pelajar 6	Tahu tetapi tidak jelas	Tahu tetapi tidak jelas	Tahu	Tahu tetapi tidak jelas
Pelajar 7	Tahu tetapi tidak jelas	Tahu tetapi tidak jelas	Tahu tetapi tidak jelas	Tahu tetapi tidak jelas
Pelajar 8	Tahu tetapi tidak jelas	Tahu tetapi tidak jelas	Tahu tetapi tidak jelas	Tahu tetapi tidak jelas
Pelajar 9	Tahu tetapi tidak jelas	Tahu	Tahu	Tahu tetapi tidak jelas
Pelajar 10	Tahu tetapi tidak jelas	Tahu	Tahu	Tahu tetapi tidak jelas

Dapatan dari soal selidik sebelum program dilaksanakan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar berkaitan dengan pengurusan kewangan dan kepenggunaan Islam boleh diklasifikasikan sebagai kefahaman yang baik dan sederhana. Pelajar dilihat mengetahui cara untuk menguruskan kewangan dan menggunakan sumber kewangan dengan baik. Walaubagaimanapun, para pelajar menunjukkan kurang jelas dan faham bagaimana atau apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan mengurus dan menggunakan kewangan berdasarkan syariah Islam.

Ini boleh dilihat dalam aspek kepenggunaan iaitu para pelajar masih kurang memahami bagaimana untuk mengaplikasi konsep kepenggunaan menurut ajaran Islam. Terdapat sebahagian para pelajar yang memahami cara kepenggunaan dalam Islam akan tetapi majoriti pelajar menunjukkan kefahaman yang kurang kukuh berkaitan dengan kepenggunaan dalam Islam. Mereka kurang jelas bagaimana untuk mengklasifikasikan keperluan dan kehendak. Mereka tahu apa itu keperluan dan kehendak, akan tetapi kurang jelas dan faham bagaimana untuk memastikan bahawa sesuatu tindakan kepenggunaan dan pengurusan kewangan itu berlandaskan syariah Islam atau sebaliknya. Ini dibuktikan melalui jawapan yang diberikan yang mana terdapat sebahagian pelajar menjawab boleh membeli apa sahaja yang mereka mahukan. Ini menunjukkan mereka masih tidak memahami dengan mendalam kepenggunaan berlandaskan ajaran Islam seperti tidak semua kemahuan perlu dipenuhi dan bagaimana cara yang terbaik membuat keputusan dalam aktiviti kepenggunaan. Selain itu pelajar juga dilihat kurang memahami berkaitan dengan konsep wakaf dan zakat. Mereka mengetahui asas kepada konsep pemberian ini akan tetapi pengetahuan mereka berkaitan dengan ilmu ini agak terbatas. Mereka mengetahui apa yang dimaksudkan dengan sedekah, zakat dan wakaf, tapi kurang ilmu berkaitan bagaimana untuk melakukan dan melaksanakan aktiviti pemberian ini secara lebih meluas dan mendalam. Para pelajar juga dilihat kurang memahami berkaitan dengan konsep pelaburan. Mereka kurang jelas apa yang dimaksudkan dengan pelaburan secara umum dan khusus terutamanya pelaburan dari perspektif Islam.

Secara keseluruhan, melalui hasil dapatan awal iaitu sebelum pelaksanaan program ini, pelajar dilihat mempunyai ilmu berkaitan dengan konsep pengurusan kewangan dan kepenggunaan, tetapi kurang memahami konsep ini dari sudut pandangan Islam. Ini merupakan isu yang perlu diberi perhatian kerana ilmu pengurusan kewangan dan kepenggunaan Islam ini merupakan perkara asas yang perlu diketahui dan difahami oleh setiap Muslim.



- i. Kefahaman berkaitan pengurusan kewangan dan kepenggunaan Islam selepas pelaksanaan program.

Seterusnya, sejauh mana keberkesanan program menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan permainan (GBL)? Permainan HaBuckMy yang telah direka cipta oleh para penyelidik dilihat berjaya memberi kesan yang positif kepada para pelajar. Data yang diperolehi menunjukkan para pelajar sangat gembira dan teruja sepanjang menyertai program ini dan menyatakan aktiviti HaBuckMy merupakan aktiviti yang paling disukai. Hampir keseluruhan pelajar menyatakan mereka sangat menyukai aktiviti ini dan mendapat kefahaman yang lebih baik berkaitan dengan pengurusan kewangan dan kepenggunaan Islam melalui aktiviti HaBuckMy. Antara perkara yang menarik perhatian mereka adalah dari segi pembahagian tema dalam permainan yang mana pelajar dapat mengetahui ilmu yang berkaitan dengan kewangan dan kepenggunaan secara mendalam. Melalui permainan HaBuckMy, pelajar menyatakan bahawa permainan ini:

Pelajar	Maklum Balas
Pelajar 1	“bantu saya urus wang dan bijak buat keputusan menyelaraskan barang keperluan dan kehendak
Pelajar 2	membantu saya berkongsi idea masing-masing dalam menguruskan kewangan”
Pelajar 3	“permainan HaBuckMy membantu memahami pengurusan kewangan Islam
Pelajar 4	“dapat mengetahui cara bezakan simpanan dan pelaburan halal dan haram”
Pelajar 5	“dapat tahu kehendak dan keperluan”
Pelajar 6	“dapat tahu banyak pasal kewangan Islam”
Pelajar 7	“permainan itu telah mengasingkan satu persatu tentang kewangan dan kepenggunaan Islam”
Pelajar 8	“dapat tahu pelbagai bank”
Pelajar 9	“faham dengan jelas berkaitan pelaburan dan pengguna”
Pelajar 10	“dapat tahu pelaburan Islam”

### Implikasi Kajian

Kajian perundingan ini sememangnya banyak memberi kesan kepada masyarakat terutamanya para pelajar yang terlibat dalam kajian perundingan ini. Secara tidak langsung, penggunaan kaedah pembelajaran berasaskan permainan (GBL) telah memberi kesan kepada para pelajar terutamanya dari segi proses pembelajaran yang mereka lalui. Melalui aktiviti ini, para pelajar telah mendapat pengalaman mendapatkan ilmu secara pembelajaran bersama fasilitator dalam kumpulan dan penerokaan ilmu melalui permainan. Pelaksanaan program ini sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada penambahan ilmu pengetahuan para pelajar terutamanya yang melibatkan penguasaan ilmu pengurusan kewangan dan kepenggunaan Islam.



Selain itu, kajian perundingan ini juga telah memberi impak kepada dunia pendidikan yang mana melalui kajian ini terbukti keberkesanan kaedah pembelajaran berasaskan permainan. Walaupun kajian lepas sudah membuktikan keberkesanan kaedah pembelajaran berasaskan permainan dalam bidang pendidikan, akan tetapi pelaksanaan kajian ini memberi imput baru dari skop yang berbeza. Ini menjadikan pertambahan ilmu dan maklumat berkaitan dengan pembelajaran berasaskan permainan (GBL) menjadi semakin meluas.

## Kesimpulan

Secara keseluruhan, pelaksanaan program ini yang menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan permainan (GBL) telah berjaya memberi kesan kepada para pelajar terutamanya dari segi penguasaan pengetahuan mereka terhadap ilmu pengurusan kewangan dan kepenggunaan Islam. Pembelajaran berasaskan permainan (GBL) ini dilihat memberi ruang untuk pelajar berfikir dan menjana idea melalui ilmu pengetahuan yang telah diperolehi. Ini dapat dibuktikan semasa aktiviti permainan HaBuckMy yang mana pelajar perlu membuat pilihan berdasarkan situasi yang diberikan dan memberi justifikasi kepada pilihan tersebut. Pelajar dilihat mampu untuk memberi hujah kepada keputusan yang telah mereka ambil. Selain itu, pembelajaran berasaskan permainan (GBL) ini juga secara tidak langsung melatih kemahiran pelajar seperti kemahiran komunikasi, yakin diri, sosial, kepimpinan, dan bekerja dalam kumpulan.

## Rujukan

- Ahmad, P. A., Radzi, S. H. M., & Radzi, S. I. M. (2017). Mengukur keberkesanan penggunaan board game dalam pembelajaran asas operasi matematik. In *3rd International Conference on Research and Innovation*.
- Anindito, K., & Handarkho, Y. D. (2021). The impact of personality trait and social experience on youngsters' intention to purchase impulsively from social commerce platforms. *Young Consumers*, 23 (1), 53–71.
- Barry, R., & Hodgman, S. (2007). Development of a simulation board game based on the physical principles of superconductivity and magnetism for use as a teaching aid. In *Proceeding of 31st Annual Condensed Matter and Material Meeting*.
- Chiarello, F., & Castellano, M. G. (2016). Games Design as Learning Tool for Science: the Photonics Games Competition Experience. In *10th European Conference on Games Based Learning: ECGBL* (p. 123). Academic Conferences and publishing limited.
- Creswell, J. W., & Plano Clark, V. L. (2017). *Designing and Conducting Mixed Methods Research* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Ellofson, J., Gustafson, S., Samuelsson, J. & Tharaff, U. (2016). Playing number board games supports 5-years old children's early mathematical development. *The Journal of Mathematical Behaviour*, 43, 134-147.
- Hanafiah, S.H.M., Majid, A.H.A., Teh. K.S.M. (2019). Gamification in Education: A Literature Review. *Asian People Journal*, 2(2), 31-41.
- Hilgert, M. A., Hogarth, J. M., & Beverly, S. G. (2003). Household financial management: The connection between knowledge and behavior. *Fed. Res. Bull.*, 89,





309. <https://www.bheuu.gov.my/pdf/Penerbitan/laporantahunanbheuu/LAPORAN%20TAHUNAN%20BHEUU%202020.pdf>
- Laporan Tahunan AKPK, (2020), retrieved from <https://www.akpk.org.my/sites/default/files/annualreport2020.pdf>
- Laporan Tahunan AKPK, (2022) retrieved from <https://www.akpk.org.my/sites/default/files/2024-02/Annual%20Report%202022.pdf>, 29 Ogos 2024
- Laporan Tahunan BHEUU (2020), retrieved from <https://www.bheuu.gov.my/pdf/Penerbitan/laporantahunanbheuu/LAPORAN%20TAHUNAN%20BHEUU%2020.pdf>, 29 Ogos 2024
- Limbu, Y. B., & Sato, S. (2019). Credit card literacy and financial well-being of college students: A moderated mediation model of self-efficacy and credit card number. *International Journal of Bank Marketing*, 37(4), 991-1003.
- Lusardi, A., & Mitchell, O. S. (2007). Baby boomer retirement security: The roles of planning, financial literacy, and housing wealth. *Journal of monetary Economics*, 54(1), 205-224.
- Lusardi, A., Mitchell, O. S., & Curto, V. (2010). Financial literacy among the young. *Journal of consumer affairs*, 44(2), 358-380.
- Pahlevan Sharif, S., Naghavi, N., Sharif Nia, H., & Waheed, H. (2020). Financial literacy and quality of life of consumers faced with cancer: a moderated mediation approach. *International Journal of Bank Marketing*, 38(5), 1009- 1031.
- Radzi, S. H. B. M., Ying, T. Y., Abidin, M. Z. Z., & Ahmad, P. A. (2020). The effectiveness of board game towards soft skills development for higher education. *Elementary Education Online*, 19(2), 94-106.
- Shahrul Azmi, M. Y., Shanizan Herman, M. R., Sharifah Nadera, S. K., & Nurhafizah, D. (2016). A study on the effectiveness of Task Manager board game as a training tool in managing project. In *International Soft Science Conference*. Institute for Research & Innovation Management Centre (RIMC), Universiti Utara Malaysia.
- Shaffer, D. W., Squire, K. R., Halverson, R., & Gee, J. P. (2005). Video games and the future of learning. *PhiDelta Kappan*, 87(2), 104–111.
- Yaacob, N. A., Ali, R., Foo, K. K., Mohamed, N., Ahmad, M., Ahmad, S. N. D., & Jamil, N. I. (2019). A qualitative study on the effect of game board strategy on the student's motivation of learning statistics course. *Journal of Academia*, 7(1), 142-145.
- Ying, T. L., Chan, C., Siang, T. G., Lee Ying, T., & Gek Siang, T. (2020). Financial Literacy Among Gen Y In Malaysia. *European Proceedings of Social and Behavioural Sciences*, 100.
- Zainuddin, N., Rahman, A. A., Sahrir, M. S., & Khafiz, H. A. (2019). A Study on the Effectiveness of Global Zakat Game (GZG) as a Zakat Teaching and Learning Tool. *International Journal of Academic Research Business and Social Sciences*, 9(3), 1488–1500.
- Zakaria, N. F., & Sabri, M. F. (2013). Review of financial capability studies. *International Journal of Humanities and Social Science*, 3(9), 197-203.



## ZAKAT MUSTAGHALLAT: SUATU ANALISIS TERHADAP ISU SYARIAH DAN KAEDAH PENGIRAANNYA

Muhammad Pisol Bin Mohd @ Mat Isal<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Social Science & Humanities, OUM

---

**Abstrak:** *Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji pandangan syarak dan potensi kutipan zakat al-mustaghallat dalam industri-industri yang berkaitan dengannya. Zakat al-mustaghallat adalah cabang al-mal al-mustafad bersama-sama dengan zakat gaji dan pendapatan profesional yang lain. Walaupun zakat gaji telah kemas dari sudut pengurusan dan perlaksanaannya serta diterima baik oleh orang ramai, namun zakat al-mustaghallat masih terdapat permasalahan yang perlu kajian di antaranya kaedah pengiraan yang berdasarkan hawl atau tidak, bahkan sebahagian besar institusi pungutan zakat masih tidak mengamalkan sepenuhnya. Hal ini kerana wujud pertindanan dengan zakat lain seperti zakat perniagaan dan pertanian seperti zakat hasil sawit. Penyelidikan ini akan mengenal pasti kewajipan dan pelaksanaan zakat al-mustaghallat di institusi zakat serta mengkaji kaedah pengiraan yang digunakan dalam institusi-institusi zakat di Malaysia. Selain daripada itu, Penyelidikan akan menggunakan pendekatan kualitatif seperti temu bual dan analisis kandungan (content analysis) terhadap data-data yang dikumpulkan dari pandangan fuqaha serta pegawai-pegawai syariah di pusat zakat. Kajian mendapati terdapat perbezaan dalam pelaksanaan zakat harta al-mustaghallat di antara insitusi zakat di Malaysia, begitu juga para fuqaha khilaf mengenai kewajipan zakat al-mustaghallat secara khususnya berhubung isu nisab dan hawl, kajian juga mendapati banyak industri-industri yang boleh dikategorikan dalam zakat al-mustaghallat, adapun amalan pengiraan zakat harta al-mustaghallat kebanyakan institusi zakat membuat pengiraan berdasarkan kepada zakat perniagaan 'urud al-tijarah walaupun fatwanya berdasarkan mal al-mustafad.*

**Katakunci:** *Pengutan Zakat, Zakat al-Mustaghallat, Kaedah Pengiraan Zakat.*

---

### Pengenalan

Harta *al-mustaghallat* ialah harta baru yang diperolehi melalui proses sewaan dan kemahiran individu, penggunaan harta asal dan kemahiran individu adalah tidak dizakatkan. Perolehan atau pendapatan daripada sewaan seperti kenderaan, bangunan dan kemahiran individu seperti syarikat consultansi di mana penggunaan harta asal seperti bangunan, pejabat dan mesin-mesin yang digunapakai untuk menghasilkan produk-produk adalah dikira harta *al-mustaghallat*. Contoh industri yang berkaitan dengan *al-mustaghallat* ialah industri perkhidmatan seperti perhotelan, pengangkutan dan industri pengilangan dan lain-lain yang tergolong di dalam definisi *al-mustaghallat*. Sebahagian pusat zakat seperti Dewan al-Zakat Sudan dan beberapa pusat di Malaysia memasukkannya sebagai cabang harta *al-mustafad* bersama dengan pendapatan gaji (*zakat al-rawatib*) dan pendapatan zakat yang lain seperti harta wasiat dan warisan (Yusof, 2012). Zakat adalah kewajipan kewangan bagi semua harta kekayaan dan pendapatan bagi umat Islam. Dalam Islam, semua umat Islam yang memiliki kekayaan melebihi jumlah tertentu wajib membuat pembayaran zakat. Zakat mempunyai



kesan ekonomi secara langsung kepada orang Islam kerana ia dianggap sebagai pembahagian kekayaan daripada golongan kaya kepada mereka yang memerlukannya (Hasan, 2015). Sumber kutipan zakat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu sumber yang terdapat pada masa Nabi (saw) dan kedua, sumber zakat kontemporari yang diputuskan oleh para *fuqaha* berdasarkan *ijtihad* mereka. Sumber-sumber yang ada pada zaman Baginda Rasullulah (saw) adalah zakat emas, perak, perniagaan, pertanian dan *rikaz*. sumber zakat terus berkembang dengan perkembangan sektor ekonomi semasa (Seful Mujab, 2014). Para *fuqaha* terus menjalankan kajian dan *ijtihad* untuk menentukan sumber zakat baru yang belum diketahui pada masa dahulu. Para *fuqaha* seperti Imam Hanafi, Imam Maliki, Imam Shafi'i dan Imam Hambali mendapati banyak sumber baru yang boleh dikenakan zakat (Wasilah, 2017). Terdapat data-data baru yang menunjukkan wujudnya sektor-sektor tertentu yang boleh difatwakan sebagai harta wajib zakat berdasarkan kepada perkembangan sektor industri semasa yang tidak wujud dalam skala yang besar dan meluas pada zakat terdahulu seperti bidang perkhidmatan dan pengilangan. Penemuan ini akan menambahkan kedudukan kutipan zakat demi pengagihan kepada golongan asnaf yang turut bertambah dari masa ke semasa. Malah, akses kepada sumber baru ini akan memberi kesan kepada pertambahan jumlah sebenar zakat (Al-Qaradawi, Some Issues In the Contemporary Fiqh, 1989). Hal ini akhirnya akan mengukuhkan kewangan institusi zakat dan akan bergerak lebih cergas dalam sistem ekonomi semasa. Penyelidikan mengenai sumber zakat baru di Malaysia masih terhad (Wahid & Ahmad (2005). Kebanyakan penyelidikan sebelum ini memberi tumpuan kepada isu asas *feqah* seperti dalil kewajipan dan hukum syarak yang berkaitan dengan perlaksanaannya. Kajian ini akan menganalisis pandangan fuqaha terhadap industri *al-mustaghallat* serta perlaksanaannya selain itu akan menjelaskan isu-isu berkaitan pengiraan zakat *al-mustaghallat*.

## Kajian Literatur

Di Malaysia, kesedaran individu, institusi dan syarikat orang Islam untuk membayar zakat adalah sangat tinggi. Mereka mengambil berat mengenai tuntutan pembayaran zakat. Malah sesetengah institusi, syarikat dan pertubuhan korporat di Malaysia telah mula membayar zakat mereka sekiranya ia dimaklumkan dengan jelas berdasarkan landasan hukum, apatah lagi apabila diperkuatkan dengan dalil dan hujah syarak. Syarikat-syarikat ini telah membayar zakat dari pelbagai sumber termasuk sumber perniagaan, saham, ternakan dan sebagainya. Ruang ini harus dipergiatkan lagi untuk mengemukakan hujah dan pandangan syarak secara khususnya untuk sektor-sektor baru yang memungkinkan zakat dipungut daripada industri-industri berkaitan. Sebelum ini, kebanyakan topik penyelidikan zakat tertumpu kepada persoalan pengurusan atau pengagihan zakat, hanya sedikit kajian yang memfokuskan kepada sumber zakat baru. Walaupun penyelidikan mengenainya telah pun bermula seawal abad ke-3 dan ke-4 *hijri* lagi, namun kajian zakat *al-mustaghallat* didapati hanya berlaku sekitar tahun 1950 an (Wahid & Ahmad, 2005), dan kajian pelaksanaan dalam industri semasa masih terbatas. (Al-Khulayfi, 2020) dan Al-Qaradawi (1989) menjelaskan bahawa industri terbesar yang berpengaruh pada kutipan Zakat *Mustaghallat* ialah industri pengangkutan, industri perhotelan, resort, homestay dan pengilangan. Aktiviti perniagaan yang terlibat dalam Zakat *al-mustaghallat* mampu meningkatkan kutipan zakat. Pendapatan Zakat *al-mustaghallat* sangat bergantung pada kepesatan industri, perolehan mereka tidak boleh dinafikan sebagai sumber pendapatan yang perlu dizakatkan seperti mana pendapatan lain (Abd Khafidz, 2008). Menurut al-



Qaradawi (1999) lagi, secara umumnya terdapat dua kategori harta zakat yang dikenakan ke atas seseorang Muslim iaitu harta zakat yang *muttafaq* (konsensus) dan harta zakat yang *mukhtalaf* (tidak konsensus), *fuqaha* bersetuju bahawa wajib membayar zakat atas kategori pertama *ittifak* berdasarkan al-Quran dan Hadis, harta-harta tersebut seperti emas, perak, gandum, unta, kambing dan *rikaz*. Sungguhpun begitu, terdapat pertikaian antara *fuqaha* mengenai kewajipan harta yang *ikhhtilaf* seperti kuda, madu lebah, zaitun, dan lain-lain (Al-Qaradawi, 1989). Pada hari ini kekhilafan tetap berlaku mengenai sumber pungutan zakat seperti pendapatan gaji, pendapatan profesional (seperti peguam, doktor, arkitek), sayuran, sawit, dan hasil ternakan seperti telur, ikan dan lain-lain, sedangkan pendapatan ini adalah besar dan pemiliknya menjadi kaya raya dengan aktiviti ekonomi baru ini.

Ketika perbincangan mengenai zakat *al-mustaghallat* di Jeddah pada tahun 1984, Ali Salus menyebut bahawa perbincangan ini pernah dilakukan Damsyik pada tahun 1952 (Salus, 1986), dan para fuqaha secara majoriti telah bersetuju dengan pandangan penentuan nisab zakat *al-mustaghallat* mengikut zakat pertanian. Pandangan ini disokong oleh Syeikh Khallaf, Abu Zuhrah dan Abdul Rahman Hasan. Sungguhpun begitu, Syeikh Mahmud Syaltut yang turut menghadiri perbincangan tersebut berpandangan bahawa ia mesti mengikut zakat wang (Salus, 1986). Pada tahun 1965, persidangan *Majma' Buhuth* telah mengadakan persidangan kedua mengenai zakat *al-mustaghallat* di Kaherah Mesir yang turut di hadiri oleh Syeikh Abu Zuhrah. Persidangan ini telah memutuskan bahawa nisab zakat *al-mustaghallat* adalah sebanyak 2.5% dan ia dizakatkan mengikut *hawl*. Ternyata keputusan dan fatwa ini tidak selari dengan pandangan Sheikh Abu Zuhrah yang turut hadir dalam persidangan itu. Dalam persidangan *Majma' al-Fiqh* di Jeddah 1986, sekali lagi isu berkaitan zakat *al-mustaghallat* dibincangkan. Al-Qaradawi dan Ali Salus telah membentangkan kajian mereka dan telah dibahaskan secara terperinci. Persidangan telah mengeluarkan resolusi seperti berikut:

1. Zakat *al-Mutaghallat* hanya dikira pada “*ghullah*” iaitu keuntungan daripada pekerjaan dan usaha dilakukan terhadap aset utama, di mana aset utama tidak dikenakan zakat.
2. Zakat dikenakan sebanyak 2.5% selepas cukup *hawl*.

Pandangan ini ternyata berbeza dengan pandangan Syiekh al-Qaradawi, di mana beliau cenderung kepada nisab tanaman dan tidak mengikut hitungan *hawl*. Namun begitu, resolusi persidangan mengambil kira pandangan majoriti para fuqaha yang hadir pada ketika itu.

Di Malaysia, perbincangan awal mengenai zakat pendapatan profesional dan pendapatan gaji telah dilakukan oleh Abdul Rashid Haji Dail pada tahun 1984, diikuti oleh Mahmood Zuhdi pada tahun 1992 dan seterusnya oleh Dr. Mujaini pada tahun 1995 melalui tesis PhDnya yang bertajuk “*Sistem Zakat al-Mal al-Mustafad* dalam Syari'ah Islam. Kajian Kes Pelaksanaannya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur” turut dilakukan oleh PPZ dalam tahun 2012 (Pisol, 2012). Terdapat perbezaan pandangan mengenai zakat pendapatan, namun kesimpulan yang diambil oleh para fuqaha di Malaysia bahawa zakat pendapatan adalah wajib (Mujaini, 2012). Orang awam juga mula menerima kewajipan ini dan mula membayar zakat atas pendapatan mereka. Jika zakat gaji sudah mula diterima sebagai kewajipan, maka tiada masalah kewajipan zakat *al-mustaghallat* juga diterima di Malaysia.



Pengertian *al-mustaghallat* dari segi bahasa adalah kalimah tambahan yang menggambarkan *al-talab* tuntutan, penggunaannya seperti *istaghalla abdahu* menuntut penggunaan tenaganya. Menurut kamus Lisan al-Arab (Ibn Manzor, 2003), perkataan *al-Ghullah* pula bermaksud pendapatan daripada sewaan rumah atau upah kerja. Ia juga merujuk kepada pendapatan sewaan tanah dan hasil ternakan seperti susu (Abu al-Abbas, 2005). Penggunaan kalimah ini dalam hadis Nabi (saw) telah diriwayatkan dalam Musnad Imam Ahmad daripada Aishah (ra) yang bermaksud: Seorang lelaki membeli seorang hamba dan ia mengguna khidmatnya (atau mendapat pertolongannya) dan mendapatinya mempunyai kecacatan, lalu ia memulangkannya, dan penjual telah berkata "kamu telah mengguna (mendapat pertolongan) daripada hambaku, dan Nabi (saw) bersabda kegunaan dengan jaminan (dari kerosakan). Ia bermaksud mendapat hasil dan manfaatnya (al-Shaybani, 2001).

Al-Sharbasiy membezakan perkataan *al-ghullah* dengan perkataan *al-ribh*, di mana perkataan *al-ghullah* ialah perolehan daripada harta yang kekal, manakala *al-ribh* terhasil daripada pertukaran di mana harga kedua lebih tinggi daripada harga pertama (harga belian) (al-Sharbasiy, 1981). Dari segi istilah, para fuqaha memberi pelbagai maksud. Di antaranya ialah Yusof al-Qaradawi menyebut harta *al-mustaghallat* ialah harta asas (kekal) yang digunakan bertujuan menjual manfaatnya dan menghasilkan perolehan dan pendapatan daripada proses sewaan. Maka zakat hendaklah dikenakan pada untung perolehan dan bukan ke atas harta asas yang dimilikinya (Al-Qaradawi, 1999). Yusof al-Qaradawi turut menyebut harta *al-mustaghallat* ialah harta yang kekal ainnya (aset tetap) dan memperoleh hasil dan pendapatan daripadanya (Al Qardawi, 2000).

Al-Khulayfi mendefinisikan *al-mustaghallat* sebagai harta (asas) yang berpotensi untuk berkembang dengan penjualan manfaatnya dan menghasil *ghullat* (perolehan) dan pendapatan. Kedua-dua definisi ini dilihat melengkapi antara satu sama lain, bahkan tiada perbezaan makna dan huraiannya. Begitu juga institusi zakat seperti Bait al-Zakah Kuwait memberi definisi *al-mustaghallat* sebagai aset yang digunakan untuk tujuan menjana hasil pendapatan seperti ruang pejabat, kenderaan dan seumpamanya bagi tujuan menjana pendapatan dan keuntungan daripadanya (Bait al-Zakah, 2015), manakala Dewan al-Zakah Sudan pula menyatakan bahawa *al-mustaghallat* ialah setiap pendapatan yang terhasil daripada aset yang tetap yang berlaku secara berterusan (Yusof, 2012).

Berhubung dengan kewajipan Zakat *al-mustaghallat*, Para fuqaha kontemporari berbeza pandangan menegnainya. Secara umumnya terdapat empat pandangan fuqaha kontemporari berhubung zakat *al-mustaghallat* iaitu wajib berdasarkan qias zakat matawang, wajib berdasarkan qias zakat pertanian, tidak wajib dan tiada hukum yang jelas.

#### ***Pertama: Wajib berdasarkan Qias kepada Zakat Pertanian***

Sebahagian fuqaha kontemporari berpandangan bahawa zakat *al-mustaghallat* adalah wajib berdasarkan qias kepada zakat pertanian. Mereka berhujah bahawa dalil pendapatan harta *al-mustaghallat* menyerupai perolehan harta pertanian. Fuqaha kontemporari seperti Abu Zuhrah, Abdul Wahab Khallaf dan Abdul Rahman Hassan dalam persidangan zakat di Damsyik pada tahun 1952 telah berpandangan bahawa bangunan dan binaan yang dibina di atas muka bumi ini adalah qias kepada zakat tanaman, persidangan ini turut dihadiri oleh Mahmud Syaltut, di mana beliau berpendapat qias yang tepat adalah kepada Matawang.



Begitu juga dengan al-Qaradawi, beliau turut berpandangan sama bahawa kewajipan zakat *al-mustaghallat* adalah berdasarkan kepada zakat pertanian. Al-Qaradawi menguatkan pandangannya dengan rujukan daripada pandangan Ibn Aqil dan Imam Ahmad bahawa “barang siapa yang menyewakan rumahnya, dia perlu mengeluarkan zakat ketika dia memperoleh sewaan”, iaitu qiasan zakat pertanian (Al Qardawi, 2000). Al-Qaradawi menyebut dengan jelas bahawa beliau berjihad bahawa hasil sewaan hotel, bangunan bertingkat dinamakan sebagai harta *al-mustaghallat*. Ia sama seperti hasil pertanian dan buah-buahan yang diwajibkan zakat untung bersih iaitu sebanyak 10% bersandarkan pada qias zakat pertanian yang tidak diairkan (Al-Qaradawi, 1999).

### ***Kedua: Wajib berdasarkan Qias kepada Zakat Wang***

Sheikh Mahmud Shaltut di Mukhtar Zakat (1952) di Damsyik, berpendapat bahawa pendapatan atau hasil yang diperolehi daripada harta yang tidak diwajibkan zakat tetapi mendatangkan pulangan dengan cara sewaan atau jualan hasilnya adalah diwajibkan zakat dengan kadar 2.5%, beliau berbeza pandangan dengan peserta lain dalam muktamar tersebut. Sheikh Mahmud Shaltut telah berhujah bahawa nilai zakat yang dikenakan bagi zakat *al-mustaghallat* adalah sebanyak 2.5 % dengan qias kepada zakat wang (Salus, 1986). Hal ini bertepatan dengan sebuah athar daripada Ibn Abbas (ra) bahawa kadar harta *al-mustafad* (*mustaghallat*) ialah sebanyak 2.5%. Ibn Abbas menyebut bahawa (Zakat) pada harta *al-mustafad* setelah ia mencecah 200-dirham (maka kadar zakat) padanya 5 dirham (Al-Son'ani, 2010). Keputusan yang sama diambil dalam Mukhtar Thani li Majma' Buhuth Islamiyyah di Kaherah, Mesir pada tahun 1965, iaitu zakat *al-mustaghallat* berdasarkan zakat matawang, muktamar ini turut dihadiri oleh Syekh Abu Zuhrah. Pada tahun 1985 pula Persidangan Majmak al-Fiqh al-Islamiy di Jeddah yang dihadiri oleh al-Qaradawi sebagai salah seorang pembentangannya telah memutuskan bahawa hukum wajib ke atas keuntungan harta *al-mustaghallat* yang diperolehi dari sewaan bangunan seumpamanya berdasarkan kadar zakat Matawang (2.5%) dan bukan zakat pertanian sebagaimana cadangan al-Qaradawi. (Ibn Khawjah, 1986).

### ***Ketiga: Tidak wajib***

Manakala pendapat seterusnya telah dikemukakan oleh Sheikh Al-Mukhtar As-Sulamiyy, beliau berpandangan bahawa hukum zakat *al-mustaghallat* adalah tidak wajib. Hujahnya ialah syarak secara asasnya telah menerangkan hukum dan mendiamkan sebahagian yang lain. Harta *al-mustaghallat* telah wujud di zaman Rasul (saw), namun hukum mengenainya tidak pernah disebut oleh baginda. Oleh itu, ia tergolong dalam perkara *afawiy* (perkara yang ditinggalkan iaitu tiada hukum padanya), di sana terdapat rumah yang disewa, bahkan Imam Malik tinggal di rumah sewa. (Ibn Khawjah, 1986).

### ***Keempat: Tiada hukum yang jelas***

Manakala Sheikh 'Ali Salus telah berpandangan bahawa tidak terdapat hukum yang jelas mengenai kewajipan zakat *al-mustaghallat*. Beliau bahkan berpendapat bahawa harta *Mustaghallat* bukan seperti tanah pertanian, kerana harta *al-mustaghallat* terdedah kepada kerosakan dan kemusnahan dalam sekelip mata sahaja tanpa boleh diganti lagi, contohnya kebakaran, tenggelam, kerosakan dan kemusnahan bagi kapal terbang, kapal laut dan bangunan. Ada pun tanah pertanian sangat berbeza dengan harta *al-mustaghallat*. Beliau berkata dengan tegas bahawa pandangan qias harta *al-*



*mustaghallat* dengan tanah pertanian adalah salah dan sangat jauh dari kebenaran (Ibn Khawjah, 1986).

## Analisis dan Perbincangan

Ketika ini di Malaysia, terdapat empat negeri (Selangor, Pahang, Negeri Sembilan dan Terengganu) yang menyebut dengan jelas tentang kutipan Zakat *al-mustaghallat* dalam halaman sesawang mereka, namun begitu negeri lain turut membuat pengutipan zakat ini dengan menggabungkan zakat *al-mustaghallat* sebagai sebahagian daripada zakat perniagaan seperti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPZ, 2022). Selain itu, perbezaan amalan yang melibatkan jenis-jenis industri dan cara pengiraan zakat *al-mustaghallat*, contohnya di Pusat Kutipan Zakat Pahang telah memasukkan hasil sawit sebagai sebahagian zakat *al-mustaghallat* (PKZ, 2021), terdapat juga pusat zakat negeri yang tidak menentukan tanda aras yang khusus mengenai amalan dan pengiraan mengenainya, oleh itu perbincangan mengenai pelaksanaan akan memberi gambaran zakat *al-mustaghallat*.

### ***Amalan Zakat al-Mustaghallat di Peringkat Institusi Zakat Antarabangsa***

Bait al-zakat Kuwait mengamalkan kutipan zakat dalam bentuk zakat individu atau syarikat. Harta *al-mustaghallat* dimasukkan dalam zakat *al-syarikat*. Namun begitu, hukum untuk setiap harta zakat tetap merujuk kepada hukum asal harta tersebut. Kadar zakat sebanyak 2.5% daripada tunai bersih + perniagaan bersih + pelaburan bersih, manakala harta tersebut telah mencukupi *Hawl* (Bait al-Zakah, 2015). Bait Zakat Kuwait menggunakan kaedah zakat *al-syarikat*, pengiraannya mengambil kira semua komponen harta-harta yang dimiliki syarikat mengikut harta zakat yang ada seperti zakat wang, zakat *mustaghallat*, zakat “*urud tijarah*” dan lain-lain. Menurut al-Khulayfi, pengiraan zakat *al-syarikat* berdasarkan *Sofi al-ghina* kekayaan bersih adalah seperti berikut: (Tunai bersih + perniagaan bersih + pelaburan bersih) x 2.5% (Al-Khulayfi, 2020).

AAOIFI adalah sebuah institusi pengauditan dan pengawalan syariah kepada syarikat kewangan Islam yang berpangkalan di Bahrain, AAOIFI melalui standard ke-35 turut mengeluarkan polisi dan standard berkaitan amalan zakat dan pengiraannya di institusi kewangan yang melibatkan bank dan takaful, AAOIFI telah mencadangkan kaedah pengiraan adalah berdasarkan metod pengiraan asset semasa-liabiliti semasa sebagai mana tertera dalam standard 2/1/1. Bagi Dewan Zakat Sudan mereka memasukkan harta *al-mustaghllat* sebagai sebahagian daripada zakat *mal al-mustafad* dan ia dimasukkan dalam perkara 3 Akta Zakat Sudan 2001. Kadar zakat harta *al-mustaghallat* ialah sebanyak 2.5% dan nilai ini ditolak daripada cukai wajib berdasarkan undang-undang (Ali, 2001). Dewan Zakat Sudan turut memasukkan jenis-jenis industri harta *al-mustaghallat* secara lebih perinci dalam buku manual murshid, industri tersebut seperti hotel, kafeteria, restoran, bengkel (kereta dan motor), *warehouse* (simpanan barang), dewan, salon kecantikan, kilang, ladang ternakan ayam, ladang hasil tenusu (susu dan lain-lain), pengangkutan (udara, darat dan laut), insititusi pendidikan (kolej dan universiti), stadium, kelab permainan dan lain-lain yang diputuskan oleh majlis fatwa (Yusof, 2012).

Jadual 1.1: Pengiraan zakat *mustaghallat* Dewan al-Zakat Sudan ialah

$\text{Jumlah zakat Mustaghallat} = \text{Untung bersih (pendapatan - perbelanjaan)} - (\text{Hawaij al-Asliyyah}) \times 2.5\%$
--

Sumber: Dewan Zakat Sudan 2012

Dewan Zakat Sudan memasukkan harta al-mustaghllat sebagai sebahagian daripada zakat mal al-mustafad. Ia dimasukkan dalam perkara 3 dalam Akta Zakat Sudan 2001. Kadar zakat harta Mustaghallat ialah sebanyak 2.5% dan nilai ini ditolak daripada cukai wajib berdasarkan undang-undang. Harta al-mustafad dibahagikan kepada 5 jenis (Ali, 2001). Iaitu zakat gaji, pendapatan profesional, zakat *al-mustaghallat*, perolehan jualan aset (bukan niat perniagaan) dan harta hibah, wasiat dan pusaka. industri tersebut seperti hotel, kafeteria, restoran, bengkel (kereta dan motor), warehouse (simpanan barang), dewan, salon kecantikan, kilang, ladang ternakan ayam, ladang hasil tenusu (susu dan lain-lain), pengangkutan (udara, darat dan laut), institusi pendidikan (kolej dan universiti), stadium, kelab permainan dan lain-lain yang diputuskan oleh majlis fatwa (Yusof, 2012).

Pusat Pungutan Zakat (PPZ) menggabungkan zakat perniagaan dan *al-mustaghallat* dalam satu kaedah pengiraan. PPZ menakrifkan zakat perniagaan ialah zakat yang wajib dikeluarkan hasil daripada harta perniagaan sama ada yang melibatkan barangan atau perkhidmatan. Zakat perniagaan perkhidmatan boleh difahami sebagai harta *al-mustaghallat* kerana ia melibatkan pendapatan perkhidmatan seperti pengangkutan, penginapan dan lain-lain. Pengiraan zakat *al-mustaghallat* di PPZ adalah sama dengan pengiraan zakat perniagaan lain, iaitu berdasarkan formula (aset semasa-liabiliti semasa +/- pelarasan).

Pusat Pungutan Zakat Pahang ialah memasukkan *al-mustaghallat* sebagai sebahagian daripada zakat harta *al-mustafad*. PKZ memberi definisi harta *al-mustaghallat* sebagai harta yang tetap induknya tetapi boleh berkembang dengan mendatangkan pendapatan melalui sewaan atau jualan hasilnya. Contohnya adalah seperti hasil sewaan rumah, kenderaan, hasil ladang getah, hasil ladang sawit, hasil pertanian selain padi, hasil ternakan seperti telur, susu, dan lain-lain. Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang telah memutuskan bahawa zakat pendapatan adalah wajib pada tahun 2001. Pengiraannya adalah berdasarkan kepada aset semasa dan ditolak liabiliti semasa, seterusnya dibuat pelarasan untuk menentukan harta sama ada berada dalam milik sempurna atau sebaliknya. Harta tersebut hendaklah mencukupi *hawl* dengan kadar nisab Matawang dan dikeluarkan sebanyak 2.5%. Zakat *mustaghallat*=(Aset semasa) - (liabiliti) + - (pelarasan) Pemilikan saham Muslim x 2.5%.

Lembaga Zakat Selangor (LZS) Zakat harta *al-mustaghallat* dikategorikan dalam zakat harta *al-mustafad*, seperti upah, gaji imbuhan, bayaran atau hasil yang diperolehi daripada kerja dan usaha yang dilakukan samada secara tetap atau berkala. Zakat harta *al-mustaghallat* iaitu segala harta yang diperolehi daripada harta yang tidak diwajibkan zakat tetapi mendatangkan pulangan atau pendapatan dengan cara sewaan atau jualan hasilnya, Harta *al-mustaghallat* adalah harta janaan yang bukan harta zakat seperti hartanah, kenderaan, lesen-lesen perniagaan, dan harta tenusu. Ia juga





dimasukkan dalam zakat perniagaan khususnya harta daripada syarikat. Menurut Hamizul, fatwa menyebut bahawa penanaman padi secara individu, kadar zakatnya ialah sebanyak 5% setelah melepasi nisabnya. Adapun penanaman padi ini jika dilakukan oleh syarikat maka dianggap sebagai harta *al-mustaghallat* (Hamizul, 2021).

### ***Jenis-Jenis Zakat Perniagaan al-Mustaghallat***

Setelah penelitian dilakukan terhadap pandangan *fukaha* terhadap zakat Jenis-Jenis Zakat Perniagaan Jenis-Jenis Zakat Perniagaan *al-mustaghallat*, maka terdapat 4 sektor utama yang boleh dikaitkan dengan zakat ini iaitu:

1. Pengangkutan (*Freight Transport*)
2. Penginapan dan perhotelan (*Lodging industry*)
3. Pengilangan (*manufacturing*)
4. Telekomunikasi (*telecommunications*)

Pengangkutan adalah melibatkan tiga sektor utama yang besar seperti pengangkutan udara, darat dan air. Kajian turut merumuskan bahawa syarikat sokongan yang terlibat secara tidak langsung dalam pengurusan servis pengangkutan udara seperti syarikat logistik (*air freight*), penjualan tiket (*ticketing*) dan lain-lain turut dimasukkan dalam zakat *al-mustaghallat*. Bagi syarikat pengangkutan samada udara, darat dan laut yang memenuhi syarat zakat *al-mustaghllat* seperti dimiliki oleh orang Islam samada syarikat persendirian (*private company*) atau syarikat awam (*public listed company*) yang bukan milik kerajaan, jika ia mencapai kadar nisab maka wajib dikeluarkan zakat.

Penginapan Dan Perhotelan (*Lodging/Hospitality Industry*) Industri penginapan dan perhotelan adalah sebuah industri yang besar, Ia merujuk kepada sewaan untuk penginapan bersifat sementara, khususnya bagi mereka dalam perjalanan ke sesuatu tempat atau untuk menyelesaikan sesuatu tugas, begitu juga kepada mereka yang melancong dan untuk beristirahat, penginapan ini seperti hotel, serviced apartment, chalet, hostel, motel, guest house dan homestay (Singh, 2019). Selain itu juga, penginapan turut disediakan kepada mereka yang menyewa dalam jangka masa yang lama dan tidak berhasrat untuk memiliki penginapan tersebut seperti rumah sewa. Sekiranya ia mencukupi semua syarat-syarat di atas maka kewajipan zakat *al-mustaghallat* hendaklah perlu dikenakan.

pengilangan ialah pembuatan yang melibatkan proses mekanikal, fizikal dan perubahan bahan mentah kepada produk baharu, begitu juga proses pemasangan komponen barang sehingga menjadi barang yang baharu untuk kegunaan pelanggan (Levinson, 2017). pelbagai industri daripada sekecil-kecil industri seperti kraftangan sehinggalah kepada industri berat yang berteknologi tinggi. Ia bukan sahaja melibatkan sektor teknologi seperti pengeluaran barang hardware untuk kegunaan teknologi maklumat dan komunikasi, malah ia turut melibatkan sektor yang kecil seperti penyediaan bahan mentah sehingga kepada barang siap (Walker, 1993). Semua industri in adalah tertakluk kepada harta zakat *al-mustaghallat*.

Teknologi maklumat dan komunikasi meliputi produk yang berkaitan dengan hardware boleh dimasukkan dalam kategori pengilangan (*al-mustaghallat*), manakala pengeluaran produk berkaitan



software dimasukkan dalam kategori hasil kepakaran (*mihan al-Hurrah*). Adapun pembekalan servis internet adalah syarikat yang menyediakan pelbagai servis untuk akses domain, web-hosting usenet dan lain-lain. Berdasarkan kepada kenyataan di atas, syarikat penyedia servis internet adalah termasuk dalam kategori *al-mustaghallat* berdasarkan kepada industri ini yang menjana pendapatan (*ghullah*) hasil daripada penyediaan infrastruktur untuk menghasilkan servis kepada pengguna (Wyatt, 2014).

### ***Pengiraan Zakat Al-Mustaghallat di Institusi Zakat Masakini***

Khilaf di kalangan *fukaha* kontemporari berhubung dengan kadar nisab zakat *al-mustaghallat*. Al-Qaradawi berpendapat bahawa kadar nisab zakat *al-mustaghallat* adalah berdasarkan kepada zakat pertanian iaitu (595 kg), hal ini bersesuaian dengan pandangannya kewajipan zakat *al-mustaghallat* diqiaskan kepada zakat pertanian. Sungguhpun begitu, sebahagian besar para *fukaha* seperti Ali Salus, Riyadh Mansur al-Khalifiy dan Institusi zakat seperti Kuwait, Sudan dan Malaysia berpendapat bahawa kadar nisab zakat *al-mustaghallat* diqiaskan kepada kepada Matawang iaitu 2.5%. pandangan mereka berdasarkan kepada hasil *al-mustaghallat* dalam bentuk Matawang dan bukan barang pertanian (Al-Jazuly, 2004). Kajian ini cenderung kepada kadar nisab Matawang kerana harta *al-mustaghallat* diperolehi melalui proses usaha perniagaan dan ia juga menghasilkan pendapatan berbentuk Matawang. Oleh itu, cara pengiraan zakat *al-mustaghallat* harus berdasarkan kepada nisab Matawang juga. Adapun pengiraan berdasarkan hawl atau tidak ia telah menjadi tempat khilaf di kalangan ulama, Pada tahun 1965, persidangan Majma' Buhuth telah mengadakan persidangan kedua mengenai zakat *al-mustaghallat* di Kaherah Mesir yang turut di hadiri oleh Syiekh Abu Zuhrah. Persidangan ini telah memutuskan bahawa nisab zakat *al-mustaghallat* sebanyak 2.5% dan ia dizakatkan mengikut hawl, padangan ini turut dipersetujui oleh AAOIFI, Bait al-Zakah Kuwait dan Majma' al-Fiqh al-Islamiy. Manakala al-Qaradawi, al-Jazuly, Dewan al-Zakah Sudan dan kebanyakan Institusi zakat di Malaysia berpendapat hasil pendapatan *al-mustafad* hendaklah dizakatkan tanpa perlu menunggu *hawl*, mereka berhujah dengan dengan hujah mereka, jika pendapatan *al-mustafad* berdasarkan hawl pengiraannya adalah seperti zakat simpanan biasa, di mana ia dikira pada baki harta tersebut, dan kemungkinan besar pemilik harta akan berbelanja sebahagian besar darinya ( Pisol, 2012). Pendokong pandangan ini merujuk kepada pandangan asal para sahabat dan tabiin mengenai zakat *mal al-mustafad* seperti Ibn 'Abbas dan Ibn Mas'ud, dan Mu'awiyah, sepertimana yang telah diriwayatkan oleh Abdul 'Aziz, Hasan Al-Basriy, Az-Zuhriy, Maqbul dan Auza'iy (Al Qardawi, 2000).

Pengiraan zakat *al-mustaghallat* dilakukan pada *al-ghullah* iaitu keuntungan atau pendapatan yang terhasil daripada aset asal. Manakala keuntungan ini hendaklah dibersihkan daripada segala kos-kos samada berbentuk kos langsung dan kos tidak langsung. Selain itu, pengiraan zakat perlu mengambil harta lain seperti aset tunai lain yang dimiliki oleh pembayar zakat. Berikut adalah beberapa contoh pengiraan yang dilakukan oleh Institusi-institusi zakat;

1. PPZ Zakat perniagaan:

$$(Aset Semasa - Liabiliti semasa) \times \text{Pemilikan saham Muslim} \times 2.5\%$$

2. LZS Zakat *al-mustaghallat*. Formula Pengiraan:

$$\text{Zakat } \underline{\text{al-}} \text{ mustaghallat} = (\text{TIC} = \text{Trade Creditor, inventory, cash}) - (\text{TAC} = \text{Trade Debtor, accrual dan current Tax}) \times \text{Pemilikan saham Muslim} \times 2.5\%$$

3. Dewan *al-Zakat* Sudan:

$$\text{Net profit} = (\text{income} - \text{expenses}) - (\text{Hawajj al-Asliyyah}) \times 2.5\%$$

4. Bait *al-zakat al-Kuwaitiy* mengkategorikan harta perniagaan dalam bentuk zakat *al-syarikat*, pengiraannya mengambil kira semua bentuk harta-harta yang dimiliki syarikat terbabit seperti aset tunai, deposit, hasil perniagaan (termasuk harta *al-mustaghallat* dan *urud tijarah*), hasil pelaburan dan pelarasan lain. Kaedah pengiraan ialah:

$$(\text{cash} + \text{net income of business} + \text{net income of investment} \pm \text{pelarasan}) \times 2.5\%$$

Sumber: Pengiraan di Pusat-pusat Zakat

## Kesimpulan

Sepanjang kajian ini dijalankan, terdapat berapa dapatan penting yang perlu diberi perhatian seperti harta *al-mustaghallat* termasuk sebahagian daripada harta *mal al-mustafad* bersama-sama dengan pendapatan bergaji, pendapatan profesional dan lain-lain, di mana harta *al-mustafad* dizakatkan tanpa mengambil kira *hawl*, namun dikumpulkan di akhir tahun semua pendapatan tersebut. Kajian turut mendapati industri-industri moden seperti perkhidmatan ICT dan perkhidmatan pengangkutan udara, laut dan darat adalah sebahagian daripada *al-mustaghallat* namun sebahagiannya bertindan dengan harta *mihan al-hurah* (pendapatan profesional. Kajian mendapati harta *al-mustaghallat* boleh dikategorikan sebagai zakat perniagaan, cuma pengiraannya hendaklah berdasarkan *al-ghullah* di mana datanya diambil dari penyata pendapatan dan digabungkan dengan aset tunai yang lain (kecuali pengiraan berdasarkan *hawl* maka data diambil daripada aset semasa). Pembahagian jenis harta *al-mustaghallat* seperti harta pertanian (kelapa sawit) seharusnya dikekalkan dalam sumber zakat pertanian sebagaimana pandangan mazhab Hanafi, adapun hasil ternakan haiwan lain seperti hasil tenusu, telur dan seumpamanya hendaklah dimasukkan dalam harta *al-mustaghallat*. Nisab harta *Mustaghallat* berasaskan zakat Matawang dan kadar zakatnya ialah sebanyak 2.5% mengikut kalendar Hijri. Pengiraannya adalah berdasarkan kepada keuntungan tahunan dan dicampur dengan aset tunai, deposit dan harta zakat lain. Pelarasan pada aset semasa dan liabiliti harus dibuat sebelum campuran ke atas pemegang saham di kalangan orang Islam sahaja.



## Rujukan

- AAOIFI, A. a. (2017). *Shariah Standard*. Manama, Kingdom of Bahrain: Dar AlMaiman for Publishing & Distributing.
- Ali, A. M. (2001). *Qanun al-Zakat li Sanah 2001*. Khartoum: Dewan al-Zakah.
- Al-Jazuly, S. A. (2004). *Zakat al-Mal al-Mustafad*. Khartoum : Ma'had al-Ali Li Ulum al-Zakat.
- Al-Khulayfi, R. M. (2020). *Tajdid fiqh al-Zakat wa Muhasibatih*. Riyadh Saudi: Maktabah Imam al-Zahbi.
- Al-Qaradawi, Y. (1989). Some Issues In the Contemporary Fiqh. (K. Monzer, Ed.) *Islamic Economics*, 2, 1-22.
- Al-Qaradawi, Y. (1999). *Fiqh Az Zakat : A Comparative Study : The Rules, Regulations and Philosophy of Zakat in the Light of the Quran and Sunnah*. (M. Kahf, Trans.)
- al-Shafie, A. A. (1938). *al-Risalah*. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Shirbasiy. (1981). *al-Mu'jam al-Iqtisad al-Islamiy*. Kaherah: Dar al-Jayl.
- Bait al-Zakah, K. (2015). *Dalil al-Irshadat li Hisab Zakat al-Sharikat*. Kuwait: Bait al-Zakah Kuwait.
- Hamizul, A. H. (2021, May 26). Zakat al-Mustaghallat di LZS. (D. M. Pisol, Interviewer)
- Hasan, Z. (2015). *Economics with Islamic Orientation*. London: Oxford University Press.
- Levinson, M. (2017). *What is Manufacturing and Why Does the Definition Matter?* New York: Congressional Research Service.
- LZS, L. Z. (2021, Ogos 12). *Zakat Perniagaan*. Retrieved from Lembaga zakat Selangor: <https://www.zakatselangor.com.my/zakat-perniagaan/>
- Majid, M. Z. (2007). Mazhab Syafie di Malaysia Sejarah, Realiti dan Prospek Masa Depan. *Journal Fiqh* , 1-38.
- Mujaini, T. (2012). *Zakat al-Mal al-Mustafad: Amalan dan Pengalaman di Malaysia*. Kuala Lumpur: PPZ.
- Pisol, M. (2012). Zakat Gaji: Suatu Kajian Terhadap Hawaj al-Asliyyah dan Perlaksanaan di Malaysia. *Seminar Waqf al-Iqlimi* (pp. 421-433). Nilai Negeri Sembilan: USIM Press.
- Seful Mujab. (2014, 01 23). *Ekonomi Syariah*. Retrieved from Mengikis Riba Mengais Pahala: <http://sefulaba.blogspot.my/2014/01/>
- Tarimin, M. (2012). *Zakat Al-Mal Al-Mustafad : Amalan dan Pengalaman di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat.
- Wahid, H., & Ahmad, S. (2005). Penerimaan dan tanggapan masyarakat terhadap sumber zakat harta yang diikhtilaf. 27.
- Wasilah, S. N. (2017). *Akuntansi Syariah di Indonesia* (Vol. 44). Salemba Empat.
- Wyatt, E. (2014, June Friday ). "F.C.C., in 'Net Neutrality' Turnaround, Plans to Allow Fast Lane. New Yoork: New York Time. Retrieved from MyIPadress: <https://whatismyipaddress.com/isp>
- Yusof, M. Y. (2012). *Murshid al-Mihan al-Hurrah wa al-Mustaghallat*. Khartoum: Al-Amanah dewan al-Zakat.
- Yusof, M. Y. (2012). *Murshid Mihan al-Hurrah wa al-Mustaghallat wa al-Mal al-Mustafad*. Khaortom: Dewan al-Zakah.



## CABARAN DAN KEJAYAAN PENGURUSAN WAQAF KORPORAT<sup>TM</sup> DI FELDA

Muhamat Faizal Marjani<sup>1</sup>

<sup>1</sup> WAQAF FELDA, Kuala Lumpur, Malaysia, ([mfaizal.ma@felda.net.my](mailto:mfaizal.ma@felda.net.my))

---

**Abstrak:** *Waqaf Korporat<sup>TM</sup> merupakan inovasi baharu dalam industri wakaf terutamanya di FELDA. Ianya didapati berbeza dengan pengurusan wakaf lain kerana Waqaf Korporat<sup>TM</sup> menggabungkan elemen Syarikat Berhad Menurut Jaminan dengan elemen mutawalli wakaf. Kajian ini dilaksanakan secara hibrid menggabungkan pendekatan kualitatif dan kuantitatif yang memaparkan cabaran utama dalam pengurusan Waqaf Korporat<sup>TM</sup> di FELDA menerusi analisis induktif dengan pendekatan kajian kualitatif, serta membuktikan kejayaan pengurusan Waqaf Korporat<sup>TM</sup> oleh WAQAF FELDA menerusi dapatan analisis laporan kewangan dan analisis skor min borang soal selidik. Didapati dua cabaran utama dalam pengurusan Waqaf Korporat<sup>TM</sup> di FELDA, iaitu cabaran kekurangan tenaga mahir dalam menguruskan wakaf dan cabaran kekurangan dana operasi untuk perbelanjaan pengoperasian syarikat. Walaupun cabaran dihadapi, WAQAF FELDA telah berjaya meraih kejayaan apabila 83% warga FELDA di tahap kefahaman yang memberangsangkan terhadap amalan berwakaf. Sungguhpun demikian, kajian ini masih boleh dikembangkan dengan meluaskan sampel kajian lapangan serta mengkaji langkah-langkah efektif yang empirikal bagi mengatasi cabaran-cabaran dalam pengurusan Waqaf Korporat<sup>TM</sup>.*

**Keywords:** *Wakaf Korporat, WAQAF FELDA, FELDA, Wakaf*

---

### Pengenalan

Industri wakaf telah menjadi sebuah industri ekonomi Islam baharu yang mempunyai potensi yang luas, bukan sahaja untuk tujuan kebajikan, bahkan sangat berpotensi dalam meningkatkan kualiti ekonomi masyarakat dan negara. Seiring dengan perkembangan teknologi, industri wakaf turut mengalami perkembangan yang positif sehingga mewujudkan inovasi baharu yang dinamakan sebagai wakaf korporat. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji cabaran dan kejayaan pengurusan Waqaf Korporat<sup>TM</sup> di WAQAF FELDA secara empirikal berdasarkan data analisis kualitatif dan kuantitatif.

### Kajian Literatur

#### **Wakaf: Pengertian dan Jenis-jenisnya**

Wakaf merupakan sebuah pemberian untuk mengharapkan balasan daripada Allah SWT. Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha, dan Ali Syarbaji (1992) menyatakan bahawa pensyariatan wakaf adalah menerusi ayat yang berikut:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ



Terjemahan: Kamu tidak akan sesekali sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa-apa saja yang kamu nafkahkan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya (Surah Ali-Imran: 92).

Apabila Abu Talhah r.anhu mendengar ayat di atas, beliau terus menjumpai Baginda Nabi ﷺ untuk meminta penjelasan lanjut dan mewakafkan hartanya yang disayangi, iaitu sebidang tanah pertanian di Bairahā' (al-Khin, al-Bugha, & Syarbaji, 1992, hlm. 5/10).

Wakaf juga disyariatkan menerusi nas hadis Nabi ﷺ berhubung tiga amalan yang tidak akan terputus seperti berikut:

إذا مات الإنسان انقطع عنه عمله إلا من ثلاثة: إلا من صدقة جارية، أو علم ينتفع به، أو ولد صالح يدعو له

Terjemahan: Jika seseorang insan meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: (1) sedekah jariah, (2) ilmu yang bermanfaat, atau (3) anak soleh yang mendoakannya (Riwayat Muslim).

Para ulama menafsirkan 'sedekah jariah' seperti di dalam hadis di atas sebagai sebagai wakaf (al-Khin, al-Bugha, & Syarbaji, 1992). Justeru, tiga perkara yang akan berterusan selepas seseorang insan meninggal dunia adalah harta yang pernah diwakafkannya, ilmu bermanfaat yang diajarkan kepada orang lain semasa hidupnya, dan juga anak-anaknya yang dididik baik sehingga menjadi soleh.

## Pengertian Wakaf

Perkataan wakaf dijumpai di dalam al-Quran di beberapa tempat seperti berikut:

وَقِفُّهُمْ عَلَيْهِمْ مَسْئُولُونَ

Terjemahan: Dan hentikanlah mereka (menunggu), kerana sesungguhnya mereka akan disoal (Surah al-Şaffat: 24)

...وَلَوْ تَرَىٰ إِذِ الظَّالِمُونَ مَوْقُوفُونَ عِنْدَ رَبِّهِمْ يَرْجِعُ بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ...

Terjemahan: ... Dan jika engkau melihat ketika orang yang zalim itu dihadapkan kepada Tuhannya, sebahagian daripada mereka menghadapkan perkataan kepada sebahagian yang lain (saling tuduh-menuduh) ... (Surah Saba': 31)

Al-Quran memberikan pengertian wakaf secara literal dengan pengertian 'berhenti' ataupun 'dihentikan untuk dihadapkan'. Salain itu, wakaf juga boleh diertikan menerusi perkataan *al-habs* yang membawa maksud menahan (Nizaita Omar & Zulkifly Muda, 2018, hlm. 806), *al-tasbil* (tertawan) dan juga *al-man`u* (mencegah) (Amirul Bakhri & Srifariyati, 2017, hlm. 132).



Daripada sudut istilah pula, sebahagian sarjana Islam menterjemahkan wakaf sebagai suatu akad untuk menahan penggunaan sesuatu harta daripada digunakan oleh pihak lain seperti yang telah termaktub dalam akad (Nizaita Omar & Zulkifly Muda, 2018, hlm. 807). Terdapat satu pandangan yang mendefinisikan wakaf sebagai satu perbuatan menahan harta serta memberikan manfaatnya di jalan Allah untuk mendekatkan diri kepada Allah (Amirul Bakhri & Srifariyati, 2017). Manakala Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha, dan Ali Syarbaji (1992, hlm. 5/9) mendefinisikan wakaf sebagai sesuatu perbuatan menahan sesuatu harta yang boleh digunakan tanpa disusutkan zatnya dengan cara menyerahkan hak pemilikan harta tersebut kepada pengguna yang harus dan wujud.

## Jenis-jenis Wakaf

Disiplin ilmu wakaf telah merentasi zaman dan berjaya dikembangkan oleh para ulama' seantero dunia. Perkembangan ini menjadi bukti bahawa keilmuan Islam adalah sesuatu yang dinamik dan bukannya statik. Suatu masa dahulu, wakaf hanya dikenali dengan wakaf tanah dan wakaf alat kelengkapan jihad. Pada hari ini, keilmuan wakaf telah berkembang pesat membolehkan beberapa sektor diteroka dan jenis-jenis wakaf dapat dikategorikan kepada beberapa sudut. Jadual di bawah menggambarkan dengan lebih lanjut jenis-jenis wakaf dalam Islam.

Jadual 1.1: Jenis-jenis Wakaf

Jenis wakaf	Penerangan
Individu	Wakaf yang dilakukan oleh individu tertentu yang telah memenuhi syarat-syarat sebagai seorang pewakaf.
<i>Irşad</i>	Wakaf yang dilakukan oleh kerajaan, organisasi, atau entiti korporat (Razali Othman, dll., 2018, hlm. 31).
<i>Khairi</i>	Wakaf yang dilakukan oleh individu atau organisasi untuk kebajikan umum tanpa dikhususkan penerima manfaatnya. Wakaf khairi juga boleh dipecahkan kepada wakaf am dan wakaf khas, tertakluk kepada tujuan wakaf. Wakaf am adalah sesuatu harta wakaf ditujukan manfaatnya untuk kebajikan bagi kepentingan orang ramai. Wakaf khas pula adalah sejenis wakaf yang dilakukan untuk tujuan khusus (Razali Othman, dll., 2018; Jabatan Mufti Negeri Terengganu, 2022, hlm. 65).

Contoh wakaf *khairi* am: Fatimah mewakafkan sebidang tanah untuk kebajikan orang ramai tanpa dikhususkan penerimanya. Maka pentadbir wakaf tanah Fatimah boleh mengusahakan tanah berkenaan mengikut apa-apa kaedah ataupun projek yang difikirkan sesuai yang boleh dimanfaatkan oleh orang ramai. Justeru, pentadbir wakaf boleh membina rumah persinggahan di atas tanah tersebut untuk para musafir berehat, ataupun membina rumah perlindungan untuk anak-anak yatim. Pentadbir wakaf juga boleh menanam tanaman komersil dan hasilnya diagihkan kepada sesiapa sahaja yang memerlukan.



---

## Jenis wakaf    Penerangan

---

Contoh wakaf *khairi* khas: Hasan mewakafkan sebidang tanah khusus untuk tujuan perlindungan anak yatim sahaja. Hasan tidak menentukan nama-nama anak yatim yang boleh menerima manfaat, walau bagaimanapun tanah berkenaan mestilah digunakan khusus untuk perlindungan anak yatim. Pentadbir wakaf boleh membina sebuah bangunan di atas tanah wakaf Hasan lalu mewujudkan sebuah badan pentadbiran anak yatim bagi tujuan tersebut, ataupun tanah berkenaan ditanam dengan tanaman komersil dan hasil daripada tanaman tersebut digunakan untuk tujuan perlindungan anak yatim. Hal ini diperbolehkan kerana Hasan hanya menyatakan bahawa tanah wakaf berkenaan untuk tujuan perlindungan anak-anak yatim, tanpa menyatakan kaedah tanah tersebut diusahakan sama ada didirikan rumah atau sebagainya. Contoh dalam konteks di Malaysia adalah seperti di Tanah Wakaf Seete Aisyah di Pulau Pinang yang dimajukan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan UDA Holdings (Hashim Hydzulkifli & Asmak Ab Rahman, 2012, hlm. 111).

---

### *Zurri*

Wakaf yang dilakukan oleh individu atau organisasi khusus kepada keluarga ataupun kerabat pewakaf. Wakaf *zurri* juga dikenali sebagai wakaf *ahli* (Siti Mashitoh Mahamood, 2001, hlm. 3; Muhammad Jawwad, 1964, hlm. 330). Dalam wakaf *zurri*, pewakaf menyebut secara jelas penerima manfaat harta wakaf. Jika berlaku keadaan penerima manfaat ini meninggal dunia, penerima manfaat wakaf yang baharu akan ditentukan semula oleh pewakaf ataupun diserahkan kepada mereka yang hampir dengan pewakaf (Razali Othman, dll., 2018, hlm. 30; Jabatan Mufti Negeri Terengganu, 2022, hlm. 64).

---

### *`Ainiyyah*

Wakaf yang dilakukan ke atas zat sesuatu harta agar manfaat zat harta tersebut dapat digunakan untuk tujuan kebajikan umum ataupun khusus.

Contoh 1: Syed mewakafkan sebuah rumah untuk dimanfaatkan oleh keturunannya sahaja. Rumah wakaf Syed ini merupakan wakaf *`ainiyyah* dalam bentuk zat rumah.

Contoh 2: Norliyana mewakafkan sebidang tanah untuk dijadikan tempat letak kereta hospital. Tanah wakaf Norliyana ini merupakan wakaf *`ainiyyah* dalam bentuk zat tanah.

---

### *Thamaniyyah*

Wakaf yang dilakukan ke atas nilai harta agar manfaat daripada nilai tersebut dapat digunakan untuk tujuan kebajikan umum mahupun khusus. Lazimnya, wakaf *thamaniyyah* berlaku pada wakaf tunai. Nilai pada wang tunai menjadi *mawquf* (harta yang diwakafkan) kerana zat wang tunai tidak boleh dijadikan *mawquf* disebabkan ianya akan hilang setelah digunakan. Nilai daripada wang

---





---

<b>Jenis wakaf</b>	<b>Penerangan</b>
--------------------	-------------------

---

tunai kekal terpelihara sama ada menerusi akad pinjaman (*qarḍu hasan*) ataupun dilaburkan menerusi akad *muḍarabah*.

Manfaat wakaf nilai wang tunai menerusi pinjaman adalah dalam bentuk pembiayaan yang diberikan untuk membantu penghutang yang memerlukan pinjaman wang. Manakala manfaat wakaf nilai wang tunai menerusi pelaburan adalah dalam bentuk hasil pelaburan yang boleh diagihkan kepada pihak yang memerlukan.

Nilai wang tunai juga ditukar kepada aset agar aset tersebut boleh dimanfaatkan untuk tujuan kebajikan umum atau khusus. Walau bagaimanapun, nilai aset tersebut mestilah dipelihara daripada susut nilai kerana nilai aset merupakan *mawquf*, bukannya zat aset tersebut.

---

*Mubasyir*

Sejenis wakaf apabila harta wakaf tersebut terus dimanfaatkan secara langsung untuk kebajikan umum atau khusus (Nuruliman Ibrahim, Nur Azlin, & Mohd Azrol, 2021, hlm. 11).

Contoh: Hakim mewakafkan van untuk dijadikan ambulan. Van (*mawquf*) secara langsung terus dimanfaatkan sebagai ambulan.

---

*Istithmāri*

Wakaf yang dilakukan apabila harta wakaf (*mawquf*) perlu dilaburkan ataupun disewakan terlebih dahulu. Hasil keuntungan daripada pelaburan atau sewaan berkenaan diagihkan untuk tujuan kebajikan umum atau khusus (Nuruliman Ibrahim, Nur Azlin, & Mohd Azrol, 2021).

---

*Musyā'*

Wakaf yang dilakukan ke atas pemilikan harta yang tidak dipecah sempadan, seolah-olah syer daripada harta tersebut yang diwakafkan (al-Khin, al-Bugha, & Syarbaji, 1992, hlm. 5/18).

Contoh 1: Mikail mewakafkan 60% daripada syarikatnya untuk kebajikan pesakit jantung. 60% bahagian syarikat Mikail merupakan pemilikan yang tidak dapat ditentukan secara zahir dan tidak dapat dipecah sempadan.

Contoh 2: Mamat mewakafkan 40% tanahnya tanpa ditentukan sempadan.

Contoh 3: Syahmi dan Rosli berkongsi sama rata pemilikan pada sebidang tanah tanpa dipecah sempadan. Syahmi mewakafkan bahagiannya manakala Rosli pula tidak. Justeru, 50% bahagian tanah merupakan wakaf *musyā'* kerana bahagian Syahmi telah diwakafkan.

---

*Kulli*

Seluruh bahagian harta diwakafkan.

---



---

Jenis wakaf	Penerangan
-------------	------------

---

<i>Musytarak</i>	Gabungan beberapa jenis wakaf pada satu harta (Razali Othman, dll., 2018, hlm. 32). Contoh: Ismail mewakafkan sebidang tanah. 50% daripada hasil tanah untuk kebajikan umum, manakala 50% lagi diwakafkan untuk keturunannya. Wakaf ini bergabung antara wakaf <i>khairi</i> dan wakaf <i>zurri</i> .
------------------	---

<i>Ghair musytarak</i>	Wakaf yang dilakukan tanpa menggabungkan jenis-jenis wakaf yang lain.
------------------------	---

Mutlak	Wakaf yang terus terlaksana selepas <i>shighah</i> wakaf dilafazkan.
--------	--

<i>Ta'liq</i>	Wakaf yang hanya terlaksana dengan kewujudan keadaan tertentu.
---------------	--

Contoh 1: Saiful mewakafkan saham syarikatnya untuk manfaat keturunannya, tetapi hujah wakaf hanya terlaksana selepas Saiful meninggal dunia.

Contoh 2: Ruzaimah melaksanakan wakaf melalui potongan gaji. *Shighah* wakaf yang dinyatakan oleh Ruzaimah dalam borang permohonan menyebut bahawa sebahagian pendapatannya setiap bulan akan diwakafkan sehingga Ruzaimah menghentikan potongan tersebut. Oleh itu, setiap kali Ruzaimah menerima pendapatan bulannya, Jabatan Sumber Manusia akan memotong gajinya untuk tujuan wakaf tanpa memerlukan *shighah* baharu.

Di Malaysia, wakaf *ta'liq* diharuskan seperti yang terdapat di Seksyen 8, Enakmen Wakaf (Negeri Melaka), 2005; Seksyen 9, Enakmen Wakaf (Negeri Perak), 2015; Seksyen 17, Enakmen Wakaf (Negeri Terengganu), 2016; dan Seksyen 16, Enakmen Wakaf (Negeri Sabah), 2018.

---

Sumber: Muhammad Jawwad (1964), Siti Mashitoh Mahamood (2001), Ibrahim, Ismail, dan Azman (2021), al-Khin, al-Bugha, dan Syarbaji (1992), Razali Othman, dll. (2018), Hashim Hydzulrifli dan Asmak Ab Rahman (2012), Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) (2005), Enakmen Wakaf (Negeri Perak) (2015), Enakmen Wakaf (Negeri Terengganu) (2016), dan Enakmen Wakaf (Negeri Sabah) (2018).

### **Waqaf Korporat<sup>TM</sup>: Sorotan Literatur**


Literatur berhubung Waqaf Korporat<sup>TM</sup> boleh dikesan menerusi kata kunci 'wakaf korporat' - tanpa tanda dagangan. Abd Shakor Borham dan Siti Mashitoh Mahamood adalah antara penulis terawal yang menulis sebuah kajian berkait wakaf korporat pada tahun 2013 berkait rapat dengan pengurusan wakaf korporat di JCorp. Abd Shakor Borham dan Siti Mashitoh Mahamood (2013, hlm. 66) memperakui bahawa wakaf korporat yang dilakukan oleh JCorp merupakan sebuah wakaf kontemporari. Definisi wakaf korporat menurut mereka adalah sejenis wakaf yang diadaptasi



daripada wakaf saham dan merupakan aplikasi terkini amalan wakaf yang dibangunkan berpandukan ijihad mereka yang berkahlian (Baharuddin Sayin, 2010, hlm. 9). Abd Shakor Borham dan Siti Mashitoh Mahamood (2013, hlm. 67) sempat merakamkan perkataan Tan Sri Muhammad Ali Hasyim yang menyatakan bahawa wakaf korporat yang telah diperkenalkan oleh JCorp dan ditadbir oleh WANCorp mempunyai kaedah pengurusan wakaf yang tersendiri, yang membezakan wakaf korporat dengan pengurusan wakaf yang dikendalikan oleh institusi wakaf yang lain (Abd Shakor Borham & Siti Mashitoh Mahamood, 2013; Nor Azeera Mohd Ariffin, 2010, hlm. 78-79).

Pada tahun 2015, Asharaf Mohd Ramli dan Abdullaah Jalil memperluaskan pengertian wakaf korporat apabila mereka mengkaji struktur wakaf korporat dalam Wakaf Selangor Muamalat (kerjasama antara Perbadanan Wakaf Selangor dan Bank Muamalat Malaysia Berhad). Kertas kajian Asharaf Mohd Ramli dan Abdullaah Jalil merupakan kajian empirikal pertama yang dilakukan terhadap struktur Wakaf Selangor Muamalat. Kajian mereka juga turut mengenalpasti cabaran dalam pengurusan wakaf seperti cabaran kekurangan staf yang terlatih dan berpengalaman dalam pengurusan harta wakaf (Siti Mashitoh Mahamood, 2006). Wakaf korporat telah didefinisikan sebagai pengurusan harta-harta wakaf berbentuk harta alih seperti tunai, saham, dan dividen yang ditadbir sepenuhnya oleh entiti korporat ataupun secara usahasama antara entiti korporat bersama pihak berautoriti wakaf (Asharaf Mohd Ramli & Abdullaah Jalil, 2015, hlm. 162; Magda, 2013). Definisi yang diketengahkan oleh mereka tampak berbeza dengan pengertian wakaf korporat yang diperkenalkan oleh Abd Shakor Borham dan Siti Mashitoh Mahamood pada 2013 sungguhpun mereka memperakui bahawa terminologi wakaf korporat pertama kali digunakan adalah oleh Johor Corporation (JCorp) (Asharaf Mohd Ramli & Abdullaah Jalil, 2015) apabila JCorp mewakafkan saham-sahamnya pada tahun 2006 kepada Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) (Waqaf An-Nur Corporation Berhad, t.t)

Perbezaan definisi wakaf korporat ini merupakan dinamisme ilmiah dalam akademik yang menunjukkan terdapat perkembangan yang progresif terhadap dunia penyelidikan. Justeru, Muhamat Faizal Marjani, Nor Fahimah Mohd Razif, dan Abdul Karim Ali telah melengkapkan definisi wakaf korporat pada tahun 2023 yang telah dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Terhadap Islam dalam Alam Melayu. Menerusi kajian mereka, terminologi wakaf korporat ataupun Waqaf Korporat<sup>TM</sup> mendapat definisi baharu berdasarkan sumber primer dan sekunder pengurusan wakaf korporat Waqaf An-Nur, AWQAF Holding, dan WAQAF FELDA. Tanda dagangan yang diperoleh menunjukkan wakaf korporat merupakan sejenis wakaf yang spesifik dan mempunyai model yang berbeza dengan jenis-jenis wakaf yang lain. Hal ini menguatkan salah satu kenyataan Abd Shakor dan Siti Mashitoh Mahamood (2013) terhadap petikan kata-kata Almarhum Tan Sri Muhammad Ali Hasyim yang membezakan wakaf korporat dengan wakaf lain. Menariknya, sebuah model pengurusan wakaf secara Waqaf Korporat<sup>TM</sup> telah dirangka berdasarkan analisis induktif terhadap model wakaf korporat ketiga-tiga entiti yang menggunakan model yang diperkenalkan oleh Almarhum Tan Sri Muhammad Ali Hasyim (Muhamat Faizal Marjani, Nor Fahimah Mohd Razif, & Abdul Karim Ali, 2023).



Rajah 2.1: Model Pengurusan Waqaf Korporat.

Sumber: Muhamat Faizal Marjani, Nor Fahimah Mohd Razif, dan Abdul Karim Ali (2023).

Model pengurusan Waqaf Korporat<sup>TM</sup> seperti di atas dirangka hasil analisis induktif terhadap ketiga-tiga model pengurusan wakaf di Waqaf an-Nur Corporation Berhad, Awqaf Holdings Berhad, dan WAQAF FELDA:


1. Lembaga Pengarah menyelia dan memantau pengurusan syarikat. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab ke atas mutu dan kualiti perkhidmatan jentera pengurusan serta memastikan pengurusan operasi syarikat mematuhi piawaian SSM dan MAIN;
2. Jawatankuasa yang terdiri daripada pakar dalam bidang khusus diwujudkan untuk memberikan pandangan kewajaran serta pandangan teknikal kepada barisan pengurusan;
3. Jawatankuasa juga bertanggungjawab melaporkan dan menasihati Lembaga Pengarah berhubung isu-isu teknikal sesuatu bidang. Lembaga Pengarah pula bertanggungjawab memastikan barisan jawatankuasa terdiri daripada pakar bidang;
4. Ahli syarikat merupakan majlis syura kepada entiti Waqaf Korporat<sup>TM</sup> (Rokiah Talib, 2022, hlm. 287). Ahli syarikat bertanggungjawab mengesahkan laporan tahunan beraudit, melantik ahli Lembaga Pengarah yang telah bersara, serta meluluskan sebarang cadangan pindaan perlembagaan syarikat sebelum dimajukan kepada SSM. Sekiranya syarikat Waqaf Korporat<sup>TM</sup> diisytihar bankrap, ahli syarikat bertanggungjawab menjamin kerugian syarikat terhad kepada nilai yang dinyatakan dalam perlembagaan;
5. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan uruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sama-sama bertanggungjawab memantau operasi syarikat agar sentiasa mematuhi piawaian Akta Syarikat 2016 dan juga undang-undang berhubung wakaf serta hukum syarak.

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian hibrid antara kuantitatif dan kualitatif yang menggunakan kaedah kajian kes untuk penyelidikan kualitatif. Creswell dan Poth mengkategorikan penyelidikan kualitatif kepada lima jenis, iaitu: (1) penyelidikan naratif, (2) kajian fenomenologi, (3) kajian berasaskan teori, (4) penyelidikan etnografi, dan (5) kajian kes (Creswell & Poth, 2018).

Data diperoleh daripada beberapa sumber iaitu: (1) literatur akademik seperti penulisan jurnal, (2) sumber daripada laman web seperti portal rasmi, (3) data transkrip temu bual yang mempunyai hubungan rapat dengan cabaran serta kejayaan pengurusan Waqaf Korporat<sup>TM</sup> di FELDA, dan (4) data borang soal selidik responden untuk menilai tahap kefahaman responden terhadap amalan berwakaf.

Data-data kualitatif yang telah diperoleh dianalisis secara induktif (*istiqrāʿi*) untuk mendapatkan cabaran-cabaran utama yang signifikan untuk dikaji serta kes-kes kejayaan dalam pengurusan Waqaf Korporat<sup>TM</sup> di FELDA. Manakala data kuantitatif daripada borang soal selidik diperoleh daripada 40 orang responden dianalisis menggunakan analisis skor min. Responden terdiri daripada warga FELDA iaitu sama ada peneroka, anak cucu peneroka, mahupun petugas FELDA. Reka bentuk kajian ini adalah seperti berikut:




Rajah 1.3: Reka Bentuk Kajian.

## Dapatan Kajian

### *Cabaran Pengurusan Waqaf Korporat<sup>TM</sup> di FELDA*

Setiap perkara yang baik dan murni tidak akan berjalan tanpa cabaran. Antara cabaran-cabaran yang telah dikenalpasti dan dirakam oleh para pengkaji dalam bidang wakaf adalah cabaran kekurangan petugas yang berkemahiran dalam pengurusan wakaf (Siti Mashitoh Mahamood, 2006; Asharaf Mohd Ramli & Abdullaah Jalil, 2015, hlm. 160). Memang tidak dinafikan isu kekurangan tenaga mahir terutamanya dalam bidang pengurusan wakaf ini merupakan suatu cabaran yang universal. Hal yang

sama menimpa pengurusan Waqaf Korporat™ di FELDA yang dikendalikan oleh WAQAF FELDA. Di awal penubuhan WAQAF FELDA, syarikat tidak bermula dengan petugas lantikan baharu, sebaliknya WAQAF FELDA bermula dengan petugas yang dipinjamkan oleh FELDA daripada pelbagai jabatan dalaman FELDA seramai tujuh orang. Kesemua petugas yang dipinjamkan ini merupakan penjawat awam badan berkanun FELDA daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan kemahiran. Sehingga kini (2024), WAQAF FELDA telah menambah beberapa orang petugas lantikan syarikat tanpa peminjaman yang dibiayai sepenuhnya oleh syarikat. Namun, kekurangan sumber manusia masih dirasai oleh jentera pengurusan syarikat memandangkan beban tanggungjawab yang dipikul oleh WAQAF FELDA sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan yang menguruskan dana wakaf melebihi RM38 juta (WAQAF FELDA, 2024). Struktur organisasi WAQAF FELDA yang terkini adalah seperti berikut:



Rajah 1.4: Carta Organisasi Pengurusan WAQAF FELDA 2024.


Sumber: Temu bual Mohd Iskandar Yusof, Pengurus Kanan Bahagian Pengurusan & Pentadbiran WAQAF FELDA (2024).

Daripada rajah di atas, dapat dilihat bahawa reka bentuk organisasi pengurusan menggunakan penjabatanan fungsian. Menurut Shahrol Aman dll. (2012, hlm. 67-71), terdapat lima jenis penjabatanan dalam reka bentuk organisasi, iaitu: (1) penjabatanan fungsian – pengorganisasian jabatan mengikut fungsi, (2) penjabatanan produk – pengorganisasian jabatan mengikut produk, (3) penjabatanan pengguna – pengorganisasian jabatan mengikut segmentasi pengguna, (4) penjabatanan geografi – pengorganisasian jabatan mengikut kawasan, dan (5) penjabatanan matriks – pengorganisasian jabatan secara bersilang. Reka bentuk dalaman Bahagian Operasi dilihat mengamalkan penjabatanan matriks yang menggabungkan penjabatanan fungsian dan penjabatanan geografi.

Terdapat beberapa posisi yang diisi oleh petugas yang sama menjadikan amalan perluasan kerja menjadi pilihan dalam reka bentuk kerja di WAQAF FELDA. Menurut Shahrol Aman dll. (2012, hlm. 78), perluasan kerja merupakan salah satu daripada tiga reka bentuk kerja yang melibatkan perluasan skop kerja kepada seseorang petugas. Walaupun petugas akan menerima tekanan tugas kerana beban kerja yang bertambah, namun perluasan kerja memberikan peluang kepada petugas

untuk membangunkan kemahiran yang pelbagai. Walau bagaimanapun, perluasan kerja mempunyai had tertentu agar produktiviti kerja tetap dapat seiring dengan tambahan skop tugas. Penentuan had perluasan kerja menjadi cabaran kepada WAQAF FELDA kerana petugas yang sama perlu menanggung tugas yang kian bertambah.

Kekurangan sumber manusia yang mahir untuk menguruskan dana wakaf ini juga dilatari oleh kedudukan dana operasi untuk menampung emolumen petugas. Sekiranya dana operasi sesebuah entiti pengurusan wakaf dalam kedudukan yang kurang memuaskan, kesannya akan memberi impak kepada keupayaan entiti berkenaan untuk mengambil petugas yang berkemahiran. Di WAQAF FELDA, dana operasi syarikat diperolehi daripada tiga sumber: (1) agihan manfaat dana operasi, (2) geran FELDA, dan (3) hasil pendapatan daripada jualan produk dan perniagaan (Mohd Suffian, 2024). Sebahagian besar dana operasi WAQAF FELDA adalah bersumberkan daripada geran FELDA (WAQAF FELDA, 2024). Kekuatan agihan manfaat dana operasi masih belum lagi mampu menampung perbelanjaan operasi WAQAF FELDA dalam menguruskan dana wakaf kerana struktur Waqaf Korporat<sup>TM</sup> di WAQAF FELDA sedikit berbeza berbanding di WANCorp dan AWQAF.



Rajah 5: Struktur Pengurusan Dana Wakaf di WAQAF FELDA

Sumber: Temu bual Mohd Suffian, Pengurus Kanan Bahagian Kewangan & Pelaburan WAQAF FELDA (2024).

Perbelanjaan operasi WAQAF FELDA, termasuklah segala perbelanjaan pentadbiran, perbelanjaan pelaksanaan program, serta perbelanjaan untuk tujuan mengagihkan manfaat kebajikan umum serta dakwah diperolehi daripada Dana Operasi yang berkadar 15% daripada 65% agihan manfaat wakaf. Ini bermakna, hanya 9.75% daripada keuntungan pelaburan dan perniagaan dana wakaf disalurkan untuk tujuan pengoperasian syarikat. Sekiranya berlaku keadaan perbelanjaan operasi melebihi Dana Operasi, maka baki kekurangan perlu ditampung oleh FELDA berdasarkan Perjanjian Mutawalli (Perjanjian Mutawalli Antara MAIWP dengan WAQAF FELDA, 2021).

Hal ini berbeza dengan WANCorp dan AWQAF, apabila perbelanjaan operasi ditolak sebelum agihan manfaat berlaku. WANCorp memperuntukkan nisbah agihan manfaat kepada 50:45:5

(Pelaburan Semula: Kebajikan Am: Majlis Agama Islam Johor) selepas ditolak perbelanjaan operasi, perbelanjaan pentadbiran, dan lain-lain perbelanjaan (Waqaf An-Nur, 2024). AWQAF pula memeruntukkan nisbah agihan manfaat kepada 70:30 (Pelaburan Semula: Kebajikan) selepas ditolak segala perbelanjaan seperti tersebut di atas (AWQAF, 2023). Secara perbandingan, analisis perbandingan perbelanjaan operasi yang dilaporkan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 2022 adalah seperti berikut:

Jadual 1.2: Analisis Perbandingan Perbelanjaan Waqaf Korporat<sup>TM</sup>

<b>Perkara</b>	<b>WAQAF FELDA</b>	<b>WANCorp</b>	<b>AWQAF</b>
Perbelanjaan sebelum pendapatan kasar	RM 20,990	RM 5,525,483	RM 1,787,711
Susut nilai	-	-	RM 218,383
Perbelanjaan pentadbiran	RM 761,762	RM 9,005,674	RM 1,134,752
Perbelanjaan kos aktiviti	-	RM 4,019,914	-
Perbelanjaan operasi aset	-	-	RM 205,924
Perbelanjaan pajakan	-	-	RM 1,946,041
Lain-lain perbelanjaan	-	RM 110,285	RM 64,964
<b>Jumlah perbelanjaan</b>	<b>RM 782,752</b>	<b>RM 18,661,356</b>	<b>RM 5,357,775</b>

Sumber: WAQAF FELDA (2023), Waqaf An-Nur (2023), dan AWQAF (2023).

Untuk menampung perbelanjaan operasi WAQAF FELDA berjumlah RM 782,752, Dana Operasi WAQAF FELDA hanyalah RM 50,330 sahaja yang boleh diambil daripada keuntungan pelaburan dana wakaf kerana struktur pengurusan dana wakaf di WAQAF FELDA hanya membenarkan perbelanjaan operasi diambil daripada Dana Operasi sahaja, iaitu sebanyak 9.75% daripada keuntungan pelaburan dan perniagaan dana wakaf (WAQAF FELDA, 2023, hlm. 83). Hal ini jauh berbeza daripada struktur pengurusan dana wakaf di WANCorp dan AWQAF apabila kedua-dua entiti berkenaan menolak perbelanjaan operasi daripada keuntungan dan pendapatan syarikat sebelum agihan dilakukan. Struktur ini menjadi cabaran besar kepada WAQAF FELDA untuk sentiasa berhemat dalam berbelanja walaupun kurangan ditampung oleh geran daripada FELDA. Namun, geran berkenaan tertakluk kepada kelulusan FELDA berdasarkan kedudukan kewangan badan berkanun berkenaan dan tidak ada jaminan bahawa geran daripada FELDA akan sentiasa disalurkan mengikut keperluan sebenar pengoperasian syarikat. Risiko ini menjadi cabaran kepada pengurusan kanan untuk meneroka sektor perniagaan bagi menampung kos-kos pengoperasian syarikat. Tanpa kos dan dana pengoperasian yang mencukupi, peruntukkan untuk belanja mengagih dana manfaat wakaf kepada penerima yang memerlukan menjadi terhad malah operasi dakwah serta pemasaran wakaf turut menerima impak.





### ***Kejayaan Pengurusan Waqaf Korporat<sup>TM</sup> di FELDA***

Kejayaan merupakan sesuatu yang subjektif dan kayu ukur untuk menilai kejayaan sesebuah entiti korporat tidak dapat diukur menerusi satu sudut perspektif semata-mata. Kejayaan boleh diterjemah dalam pelbagai bentuk antaranya: (1) kejayaan materialistik – dengan menjadikan pencapaian kewangan sebagai kayu ukur kejayaan entiti korporat, (2) kejayaan populariti – dengan menjadikan jumlah pengikut, reputasi, dan pengaruh sebagai kayu ukur kejayaan, (3) kejayaan misi – dengan menjadikan pencapaian pihak ketiga sebagai kayu ukur kejayaan organisasi, (4) kejayaan produktiviti – dengan menjadikan volum pengeluaran sebagai indikator kejayaan, dan (5) kejayaan inovasi – dengan menjadikan rekaan inovasi dan kreativiti sebagai kayu ukur kejayaan. Penggunaan setiap kayu ukur kejayaan bergantung kepada jenis serta matlamat entiti korporat. Sebagai contoh, kilang pengeluar kereta akan menjadikan volum pengeluaran kereta sebagai indikator kejayaan organisasi (kejayaan produktiviti). Namun, ianya berbeza dengan jabatan kajian dan reka bentuk automotif, yang menjadikan penembusan inovasi teknologi sebagai kayu ukur kejayaan organisasi (kejayaan inovasi).

Di WAQAF FELDA, kejayaan organisasi diukur berdasarkan: (1) kejayaan materialistik – bersandarkan kutipan dana wakaf dan pendapatan syarikat, serta (2) kejayaan misi – bersandarkan kepada tahap kefahaman dan kesedaran warga FELDA terhadap amalan berwakaf. Kedua-dua jenis kejayaan ini boleh diukur dengan menilai kemajuan kutipan dana wakaf, kedudukan pendapatan syarikat, serta kajian kefahaman warga FELDA terhadap wakaf.

Oleh yang demikian, kajian kejayaan pengurusan Waqaf Korporat<sup>TM</sup> adalah seperti di jadual yang berikut:

Jadual 3: Analisis Kejayaan Pengurusan Waqaf Korporat<sup>TM</sup> WAQAF FELDA

<b>Indikator</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Pencapaian</b>	<b>Analisis</b>
Kutipan wakaf	RM 70,000,000	RM 38,619,004 (Sehingga Jun 2024)	Capai 55%. Kemajuan WAQAF FELDA dalam keadaan yang memberangsangkan dan berpotensi untuk berjaya.
Pendapatan syarikat	5%	3.82% (Sehingga Jun 2024)	Capai 76.4%. Kemajuan WAQAF FELDA sangat baik dan dijangka akan mencapai kejayaan untuk indikator pendapatan syarikat menjelang Disember 2024.
Kefahaman warga FELDA	75%	83% (n = 40)	Capai 100%. WAQAF FELDA telah mencapai kejayaan misi.

Sumber: Temu bual informan Mohd Suffian (2024), dan analisis borang soal selidik kajian rintis kefahaman warga FELDA terhadap amalan berwakaf (rujuk lampiran).

Berdasarkan jadual di atas, kejayaan misi dapat dibuktikan secara empirikal bahawa WAQAF FELDA dipercayai telah berjaya mengubah minda warga FELDA terhadap amalan berwakaf. Tahap



kefahaman menerusi analisis skor min 83% ini menunjukkan bahawa kefahaman warga FELDA terhadap wakaf amatlah positif dan memberangsangkan. Kejayaan ini tidak akan diperoleh tanpa usaha yang gigih daripada jentera pengurusan WAQAF FELDA yang menggunakan pelbagai platform untuk menyampaikan mesej dakwah kepada golongan sasaran.

## Kesimpulan

Waqaf Korporat<sup>TM</sup> merupakan istilah baharu dalam industri wakaf dan pengurusannya telah dibuktikan berbeza dengan pengurusan dana wakaf organisasi yang lain. Ianya merujuk kepada sebuah entiti korporat sebagai sebuah *syakhsiyyah i'tibariyyah* yang mengintegrasikan dua peranan, iaitu peranan sebagai sebuah CLBG (Syarikat Berhad Menurut Jaminan), dan peranan sebagai mutawalli (pengurus harta wakaf). Reka bentuk Waqaf Korporat<sup>TM</sup> dalam bentuk *syakhsiyyah i'tibariyyah* CLBG dan mutawalli ini mendatangkan kelebihan seperti: (1) ketelusan – menerusi pelaporan kewangan beraudit tahunan yang diwajibkan berdasarkan Akta Syarikat 2016, (2) pelaksanaan konsep syura – menerusi Mesyuarat Agung Tahunan yang diwajibkan berdasarkan Akta Syarikat 2016, (3) pengurusan wakaf patuh syariah – menerusi penglibatan MAIN sebagai badan berautoriti ke atas mutawalli, serta (4) kelestarian manfaat – menerusi tadbir urus korporat yang mengimbangi antara elemen kebajikan dengan kelangsungan hayat syarikat melalui aktiviti perniagaan bagi menjamin kelangsungan mutawalli dalam membekalkan perkhidmatan agihan manfaat kepada penerima yang berhak.

Cabaran utama yang dihadapi oleh WAQAF FELDA dalam menguruskan Waqaf Korporat<sup>TM</sup> adalah: (1) kekurangan sumber manusia yang mahir, dan (2) kekurangan dana pengoperasian. Cabaran-cabaran ini ditangani oleh jentera pengurusan WAQAF FELDA menerusi penerokaan sektor baharu dalam bidang perniagaan agar dana operasi dapat ditampung dengan pendapatan sektor perniagaan sementara dana wakaf sedang berkembang. Sungguhpun menerima cabaran yang besar, WAQAF FELDA telah mengecapi kejayaan misi apabila kajian rintis terhadap responden daripada kalangan warga FELDA membuktikan pencapaian 83% tahap kefahaman warga FELDA terhadap amalan berwakaf. WAQAF FELDA juga berada dalam landasan kerana berjaya mencapai 76.4% dalam meningkatkan pendapatan purata syarikat kepada 5% tahunan, serta telah berjaya mencapai 55% sasaran kutipan wakaf RM70,000,000 sehingga Jun 2024.

Kajian ini masih lagi jauh daripada sempurna, kerana analisis terhadap kefahaman warga FELDA terhadap amalan berwakaf perlu diperluaskan dengan mengambil kira sampel kajian yang lebih besar serta analisis yang lebih mendalam selain daripada menggunakan analisis skor min. Selain itu, langkah-langkah untuk mengatasi cabaran tidak dibincangkan dalam kajian ini, memberi ruang kepada penerokaan ilmiah untuk kajian akan datang.



## Rujukan

- Abd Shakor Borham, & Siti Mashitoh Mahamood. (2013). Wakaf Korporat Johor Corporation dan Sumbangannya Dalam Memenuhi Tanggungjawab Sosial Islam di Malaysia: Satu Tinjauan. *Journal of Techno-Social*, 5(2), 61-77.
- al-Khin, M., al-Bugha, M., & Syarbaji, A. (1992). *Al-Fiqh al-Manhajī `alā Madzhab al-Imām al-Syāfi`ī* (ed. ke-3). Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Amirul Bakhri, & Srifariyati. (2017). Peran Wakaf Produktif Dalam Pemberdayaan Ekonomi. *Jurnal Madaniyah*, 1(12), 129-153.
- Asharaf Mohd Ramli, & Abdullaah Jalil. (2015). Model Perbankan Wakaf Korporat: Analisis Wakaf Selangor Muamalat. *Jurnal Pengurusan*, 42, 159-167.
- AWQAF. (2023). *Laporan Tahunan 2022*. Negeri Sembilan: AWQAF Holdings Berhad.
- Baharuddin Sayin. (2010). Konsep Waqaf Dalam Islam. In Hasan Baharom dll., *Waqaf: Konsep dan Aplikasi*. Shah Alam: UPENA UiTM.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. United Kingdom: SAGE Publications.
- Hashim Hydzulkifli, & Asmak Ab Rahman. (2012). Pengurusan Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) Terhadap Wakaf Seetee Aisyah. *International Journal of Management Studies*, 19(2), 103-123.
- Jabatan Mufti Negeri Terengganu. (2022). *Isu-isu Zakat, Wakaf dan Perkuburan* (ed. ke-2). Kuala Terengganu: Jabatan Mufti Negeri Terengganu.
- Magda, I. A. (2013). Corporate Waqf and Its Role in The Different Societies. *The 2nd International Conference on Islamic Economics and Economies of the OIC Countries (ICIE 2013)*. Kuala Lumpur.
- Mohd Iskandar Yusof. (2024, Ogos 1). (Muhamat Faizal Marjani, Penemu duga)
- Mohd Suffian. (2024, Ogos 1). (Muhamat Faizal Marjani, Penemu duga)
- Muhamat Faizal Marjani, Nor Fahimah Mohd Razif, & Abdul Karim Ali. (2023). Potensi Institusi Wakaf Korporat di FELDA Dalam Mempelopori Kebajikan Warga Penderoka. *International Conference on Islam in Malay World (ICON IMAD XII)*. Langkawi.
- Muhammad Jawwad. (1964). *Ahwal al-Syahsiah*. Dar al-Ilmi.
- Nizaita Omar, & Zulkifly Muda. (2018). Effects of Change of Mazhab (School of Thoughts) on Waqf in Malaysia and Other Muslim Countries. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 8(4), 805-816.
- Nor Azeera Mohd Ariffin. (2010). Waqaf Korporat Johor Corporation: Suatu Dimensi Baru. In Hasan Baharom dll., *Waqaf: Konsep dan Aplikasi*. Shah Alam: UPENA UiTM.
- Nuruliman Ibrahim, Nur Azlin, I., & Mohd Azrol. (2021). *Manual Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf*. Putrajaya: JAWHAR, Jabatan Perdana Menteri.
- Perjanjian Mutawalli Antara MAIWP dengan WAQAF FELDA. (2021).
- Razali Othman, Siti Mashitoh Mahamood, Ridzwan Bakar, Md Yusoff Taib, Mohd Fairuz, Ismail Omar, . . . Abdul Karim, M. (2018). *Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan*. Putrajaya: JAWHAR, Jabatan Perdana Menteri.
- Rokiah Talib. (2022). *Muhammad Ali Hashim: Champion of Business Jihad and Corporate Waqaf*. Bangi: AWQAF Holdings Berhad dan Penerbit UKM.



- Shahrol Aman, Azhari Ramli, Nasri Nalimi, Azelin Aziz, & Raghavan, S. (2012). *Prinsip Pengurusan*. Selangor: OUM.
- Siti Mashitoh Mahamood. (2001). *Bagaimana Membuat Wakaf*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Siti Mashitoh Mahamood. (2006). *Waqf in Malaysia: Legal and Administrative Perspectives*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Waqaf An-Nur. (2023). *Laporan Tahunan 2022*. Johor: Waqaf An-Nur Corporation Berhad.
- Waqaf An-Nur. (2024). *Laporan Tahunan 2023*. Johor: Waqaf An-Nur Corporation Berhad.
- Waqaf An-Nur Corporation Berhad. (t.t). *Evolusi Pewakafan Johor Corporation*. Didapatkan Ogos 12, 2023, daripada Portal Rasmi Waqaf An-Nur: <https://waqafannur.com.my/evolusi-pewakafan>
- WAQAF FELDA. (2023). *Laporan Tahunan 2022*. Kuala Lumpur: WAQAF FELDA.
- WAQAF FELDA. (2024). *Buku Laporan Kewangan 2023*. Kuala Lumpur: WAQAF FELDA.



## MODEL EDU-PELANCONGAN DALAM PELAN PEMBANGUNAN EKONOMI UMMAH

Mohamad Zulkurnai Ghazali<sup>1</sup>, Muhammad Fauzi Mokhtar<sup>2</sup>, Siti Noormala Jailani<sup>3</sup>  
Dzarfan Abdul Kadir<sup>4</sup> & Johan Afendi Ibrahim<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Tunku Puteri Intan Safinaz School of Accountancy (TISSA), Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, ([zulghazali@uum.edu.my](mailto:zulghazali@uum.edu.my))

<sup>2</sup>School of Tourism, Hospitality and Event Management (STHEM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, ([mdfauzi@uum.edu.my](mailto:mdfauzi@uum.edu.my))

<sup>3</sup>School of Tourism, Hospitality and Event Management (STHEM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, ([noormala@uum.edu.my](mailto:noormala@uum.edu.my))

<sup>4</sup>Tunku Puteri Intan Safinaz School of Accountancy (TISSA), Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia ([dzarfan@uum.edu.my](mailto:dzarfan@uum.edu.my))

<sup>5</sup>School of Tourism, Hospitality and Event Management, (STHEM) Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, ([afendi@uum.edu.my](mailto:afendi@uum.edu.my))

---

**Abstrak:** Kajian bagi meningkatkan sumber pendapatan sampingan bagi asnaf di bawah Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) berasaskan edu-pelancongan adalah merupakan salah satu daripada inisiatif di bawah projek Zon Pembangunan Ekonomi Ummah (ZPEU). Pendekatan yang cuba dibawa melalui edu-pelancongan ini adalah untuk asnaf terbabit menambah pendapatan melalui pekerjaan sampingan seperti usahawan tani, penternakan, pemandu pelancong dan penyediaan pakej pelancongan yang mudah dan berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan. Model pembangunan ekonomi yang dicadangkan adalah berdasarkan teori pembelajaran berasaskan pengalaman ataupun dikenali sebagai *experiential learning*. Ianya membabitkan empat komponen yang berkait rapat iaitu merasai pengalaman, refleksi, kesimpulan dan mengamalkan. Kaedah pengumpulan data adalah secara kualitatif menerusi temuduga terhadap empat kategori responden. Kumpulan pesawah SSBB didapati kurang minat kerana tiada pendedahan berkaitan edu-pelancongan dan kurang menyambut baik saranan untuk cuba menjadikan edu-pelancongan sebagai sumber pendapatan tambahan kepada mereka. Kurangnya minat kepada eksplorasi ini boleh dikaitkan dengan pendedahan yang terbatas dan perlu meluangkan masa untuk menjalani latihan sehingga boleh menjejaskan aktiviti utama mereka iaitu bersawah padi. Penanaman padi organik seperti di Sri Lovely merupakan contoh edu-pelancongan yang berjaya tarik pelancong dari dalam dan luar negara seterusnya berupaya tingkatkan pendapatan. MOTAC dan UUM Travel and Events adalah antara 'industry players' yang tawarkan bantuan untuk memajukan lagi edu-pelancongan. Hasil kerja lapangan dan analisa, didapati sawah padi organik bukan sahaja dapat tarik minat pelancong malah dapat tingkatkan pendapatan melalui hasil padi yang lebih produktif dan harga jualan yang lebih tinggi. Sehubungan itu adalah dicadangkan supaya pendedahan dan latihan berfokus kepada ahli keluarga terdekat mereka serta jalinan kolaborasi dengan agensi atau mana-mana institusi yang boleh membimbing ke arah memahami edu-pelancongan dan potensi peningkatan ekonomi yang ditawarkan oleh aktiviti yang berkaitan dengannya.

**Katakunci:** asnaf, edu-pelancongan, sawah, padi organik, model, zakat, LZNK, ZPEU.

---



## Pengenalan

Di Malaysia, amalan penanaman padi menawarkan peluang unik dan kaya dengan budaya untuk edu-pelancongan. Sawah padi, terutamanya di negeri-negeri seperti Kedah dan Perlis, bukan sahaja tapak pertanian tetapi juga lanskap budaya yang mencerminkan tradisi dan amalan berabad-abad lamanya. Sawah-sawah ini, sering disebut sebagai "kawasan tadahan padi" Malaysia, memainkan peranan penting dalam keselamatan makanan negara dan ekonomi luar bandar. Dengan menggabungkan aktiviti penanaman padi dalam model edu-pelancongan, pelawat dapat terlibat dalam amalan pertanian praktikal seperti menanam, menuai, dan menebah padi. Pengalaman menyeluruh ini memberikan pelancong pandangan tentang kehidupan harian petani, kitaran pertanian, dan kepentingan sosio-ekonomi penanaman padi di Malaysia.

Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) memiliki tanah sawah seluas hampir 200 hektar yang meliputi beberapa daerah di negeri Kedah. Menerusi program Smart Sawah Berskala Besar (SSBB) di daerah Yan, Kedah, ianya menjadi perintis pembangunan ladang sawah dikenali sebagai Zon Pembangunan Ekonomi Ummah (ZPEU). Ianya bertujuan untuk memperkasakan ekonomi komuniti petani dan asnaf yang bergantung punca pendapatan dengan bekerja di sawah padi. Dalam tempoh 2 tahun pertama SSBB ini, ianya telah menghasilkan pulangan yang hampir dua (2) kali ganda berbanding sebelum penyertaan mereka sebelum daripada ini. Pengecualian sewa ke atas tanah sawah, penggunaan teknologi efisien seperti *drone* untuk meracun dan membaja, mengelakkan khidmat orang tengah dalam penjualan hasil padi adalah merupakan antara faktor-faktor yang menyumbang kepada pendapatan berganda kepada peserta program SSBB.

Pada masa yang sama, rutin pekerjaan di sawah juga merupakan salah satu sumber ilmu pengetahuan khususnya kepada mereka yang tiada pengalaman bergelumang dengan aktiviti sebagai pesawah. Ianya menjadi tarikan kepada pelancong tempatan mahu pun luar negara untuk bukan sahaja melihat malah mengalami sendiri secara langsung pengalaman unik sebagai seorang pengusaha sawah padi. Bukan sekadar itu, pelbagai aktiviti sampingan yang diusahakan oleh pesawah ini mampu untuk menghasilkan pulangan yang dijadikan sebagai sumber hasil tambahan. Artikel ini meninjau dan mencadangkan beberapa aktiviti sampingan yang boleh diusahakan oleh pesawah atau ahli keluarga masing-masing.

## Sorotan Karya

Edu-pelancongan adalah gabungan antara pendidikan dan pelancongan yang menawarkan pengalaman pembelajaran praktikal di luar bilik darjah. Menurut Hall dan Zeppel (1990), edu-pelancongan menyasarkan pelancong yang berminat dalam proses pembelajaran yang mendalam tentang budaya, alam sekitar, serta teknologi yang digunakan di lokasi tertentu. Dalam konteks pertanian, edu-pelancongan menyediakan peluang bagi pelancong untuk mempelajari teknik pertanian, mengamati aktiviti harian petani, serta memahami pentingnya sektor pertanian dalam masyarakat tempatan (Karaturhan et al., 2018).



Pelbagai model edu-pelancongan telah diterapkan di seluruh dunia, khususnya dalam sektor pertanian. Sebagai contoh, di Bali, Indonesia, kawasan Ubud terkenal dengan ladang padi bertingkat yang bukan sahaja menjadi pusat pelancongan, tetapi juga platform pendidikan mengenai teknik pertanian tradisional dan moden. Projek seperti ini menunjukkan bagaimana aktiviti pelancongan boleh dimanfaatkan untuk memberikan impak ekonomi kepada komuniti tempatan, di samping mendidik pelancong mengenai kepentingan sektor pertanian (Anwar et al., 2021).

Kajian-kajian terkini telah menekankan populariti dan potensi yang semakin meningkat bagi edu-pelancongan di Malaysia, khususnya dalam konteks pelancongan pertanian dan luar bandar. Inisiatif edu-pelancongan yang berkaitan dengan penanaman padi menawarkan nilai pendidikan yang signifikan dan menanamkan penghargaan yang lebih mendalam terhadap amalan pertanian tradisional. Mat dan Malek. (2016) menekankan bahawa program-program tersebut membolehkan pelancong berinteraksi secara langsung dengan petani, belajar tentang proses penanaman padi, dan mengambil bahagian dalam aktiviti seperti menanam dan menuai, yang meningkatkan pemahaman mereka tentang kepentingan budaya dan sejarah penanaman padi di Malaysia. Pendekatan hands-on ini bukan sahaja mendidik pelawat tetapi juga membantu dalam memelihara dan mempromosikan warisan budaya tidak ketara yang berkaitan dengan penanaman padi.

Cuaton dan Laurence (2022) menunjukkan bahawa inisiatif edu-pelancongan yang memfokuskan pada penanaman padi boleh memberi sumbangan yang signifikan kepada pembangunan pelancongan mampan. Kajian mereka mendapati bahawa aktiviti-aktiviti ini meningkatkan pengetahuan pelancong tentang amalan pertanian mampan, menyoroti pentingnya pengurusan air, kesuburan tanah, dan kawalan perosak dalam penanaman padi. Dengan mendedahkan pelancong kepada selok-belok penanaman padi, program-program ini mempromosikan kesedaran alam sekitar dan menggalakkan tingkah laku mampan dalam kalangan pengunjung. Selain itu, inisiatif sebegini telah terbukti dapat meningkatkan ekonomi tempatan dengan meningkatkan pendapatan pelancongan dan menyediakan sumber pendapatan alternatif untuk petani. Integrasi edu-pelancongan dalam sektor pertanian dengan demikian menyokong matlamat kelestarian ekonomi dan alam sekitar.

Selain itu, penggabungan teknologi dalam model edu-pelancongan telah dikenal pasti sebagai faktor kritikal dalam meningkatkan penglibatan dan hasil pembelajaran pelawat. Merdu et al. (2020) mendapati bahawa penggunaan alat digital, seperti lawatan ladang interaktif, pengalaman realiti maya, dan penceritaan digital, dapat memperkaya pengalaman pendidikan untuk pelancong dengan ketara. Teknologi-teknologi ini menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif dan mudah diakses, menarik minat lebih ramai pengunjung termasuk generasi muda yang lebih biasa dengan antara muka digital. Tambahan pula, kajian oleh Zakaria dan Kean Hua (2022) menekankan bahawa inisiatif edu-pelancongan yang didorong oleh teknologi dapat memudahkan dokumentasi dan penyebaran pengetahuan tradisional yang lebih baik, memastikan pemeliharaannya untuk generasi akan datang.

Akhirnya, beberapa kajian telah menyoroti impak sosio-ekonomi edu-pelancongan terhadap komuniti tempatan. Salleh et al. (2017) mendapati bahawa edu-pelancongan yang berkaitan dengan penanaman padi menggalakkan penyertaan dan pemberdayaan komuniti, kerana penduduk tempatan terlibat secara aktif dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pendidikan. Penglibatan ini



menanamkan rasa pemilikan dan kebanggaan dalam kalangan ahli komuniti, menyumbang kepada kelestarian sosial inisiatif edu-pelancongan. Tambahan lagi, program-program sebegini boleh membawa kepada peningkatan infrastruktur dan perkhidmatan di kawasan luar bandar, kerana peningkatan jumlah pelancong memerlukan pengangkutan, penginapan, dan perkhidmatan hospitaliti yang lebih baik. Perkembangan ini seterusnya meningkatkan kualiti hidup penduduk tempatan, menjadikan edu-pelancongan sebagai pemangkin untuk pembangunan luar bandar yang menyeluruh.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui sesi temubual ke atas empat kategori responden pada Jadual 2. Tujuan temubual yang dijalankan ini adalah untuk mendapatkan kesediaan mereka untuk membabitkan diri dalam model edu-pelancongan khususnya dalam kalangan peserta sawah SSBB. Peserta yang terlibat adalah berdasarkan *purposive sampling* yang dikemukakan oleh LZNK sendiri. Temubual sebanyak dua kali telah dijalankan pada Oktober 2023 dan Januari 2024 ini direkodkan untuk memastikan kesahihan data yang dikumpul.

Di penghujung sesi temubual, penyelidik akan melontarkan semula pernyataan penting oleh responden ini bagi memastikan kesahihannya. Data yang diperolehi ini diintegrasikan dengan segera dan dipindahkan dalam bentuk transkrip bagi membolehkan analisis kualitatif dijalankan untuk mengenalpasti tema dan isu yang bersesuaian. Sesi temuduga seterusnya adalah membabitkan tiga responden yang menjadi *industry players* iaitu pengusaha sawah organik SRI Lovely, Sik, Kedah; Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Alor Setar, Kedah; dan UUM Travel & Events, Sintok, Kedah. Kaedah yang sama dalam kutipan dan analisis bagi data kualitatif telah digunakan untuk mendapatkan tema dan isu bagi melihat kesesuaian dan keupayaan model edu-pelancongan untuk dilaksanakan di ZPEU. Dapatan kajian dibentangkan dalam perbincangan bagi memahami kesediaan pembabitkan peserta SSBB dalam program edu-pelancongan berasaskan aktiviti sawah dan kebolehpasaran program ini kepada industri pelancongan setempat.

Jadual 1: Responden yang Terlibat dalam Kajian

Responden	Butiran
Peserta program SSBB	Seramai 10 orang yang telah dikenalpasti oleh LZNK untuk ditemubual
Pengusaha SRI Lovely	Pemilik dan pengusaha sawah organik – Kapt (B) Zakaria Kamantasha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Kedah) (MOTAC)	Pegawai Unit Pembangunan Produk – Pn. Norfaizaton Khamis
UUM Travel & Events (UTE)	Pengurus UUM Travel & Events – Pn. Sharliza Shahidan





## Hasil Kajian

### *Dapatan dari peserta SSBB*

Peserta SSBB secara umumnya mengalami peningkatan kepada pendapatan mereka terutamanya apabila kos sewaan sawah yang diusahakan tidak dikenakan sewaan. Selain daripada itu, penggunaan teknologi seperti drone dalam menabur baja dan meracun telah meningkatkan kecekapan pengurusan dan ini dapat mengurangkan kos operasi pesawah. ‘*Duality impact*’ iaitu pengurangan kos dan peningkatan hasil telah menambah pendapatan buat mereka yang mengusahakan sawah di SSBB ini.

Namun begitu, hasil temubual yang dilakukan menunjukkan mereka tidak begitu menyambut baik cadangan untuk membabitkan diri melalui program edu-pelancongan. Antara faktor-faktor yang disepakati mereka adalah tidak petah untuk memberikan penerangan kepada pengunjung, apatah lagi jika perlu berbahasa Inggeris. Meskipun pengkaji telah menawarkan kursus dan latihan secara percuma untuk membolehkan mereka dapat berkomunikasi dengan baik lagi teratur, namun ianya tidak mendapat sambutan yang baik. Secara umumnya, mereka lebih mahu tumpukan kepada usaha bersawah semata-mata mekipun telah diberikan penerangan dan gambaran akan potensi menambahkan pendapatan sampingan melalui program edu-pelancongan.

### *Dapatan daripada Sri Lovely*

Projek penanaman padi organik menggunakan kaedah ‘*System of Rice Intensification (SRI)*’ di Sri Lovely (SL), Sik, Kedah adalah merupakan aktiviti perintis penanaman padi tanpa menggunakan bahan kimia baik dari segi baja mahupun kawalan serangga atau tikus. Bahan-bahan yang digunakan adalah dari alami dan tidak membahayakan pengguna dan pengusaha. Malahan, pengawalan ke atas ancaman siput gondang dibuat melalui ternakan itik yang dilepaskan ke dalam sawah untuk memakan siput gondang tersebut. Aktiviti kaedah organik ini juga telah menarik pelancong antarabangsa untuk bermukim di SL antara 30 hingga 90 hari bagi mengalami sendiri dan mempelajari teknik penanaman organik untuk dilaksanakan sekembalinya mereka ke lokasi masing-masing. Penghasilan daripada padi ini juga mempunyai nilai komersil yang lebih tinggi di mana ianya dijual pada harga RM25 sekilogram. Lebih daripada itu, menurut pengusaha SL sendiri, hasil tuaian adalah antara 30 hingga 60 % lebih tinggi berbanding hasil penanaman padi secara konvensional.

### *Dapatan daripada MOTAC*

Di pihak MOTAC, mereka bersedia untuk membantu dalam memberikan sokongan bagi permohonan yang dibuat oleh mana-mana pengusaha berasaskan pelancongan, kesenian atau kebudayaan. Meskipun tidak terlibat secara langsung dalam memperuntukkan geran atau dana bagi membantu pengusaha tersebut, sokongan daripada MOTAC akan membolehkan permohonan kepada kementerian atau agensi yang berkaitan akan menjadi lebih mudah untuk diluluskan berbanding permohonan secara langsung.

Di samping itu, MOTAC akan memasukkan di dalam senarai lokasi pelancongan yang perlu dikunjungi oleh pelancong sekiranya sesuatu lokasi atau tarikan yang ditawarkan mempunyai ‘*wow factor*’ dan disensasikan lagi menerusi pelbagai platform media untuk masyarakat umum. Pun begitu,



tarikan atau lokasi ini perlulah terlebih dahulu digazetkan sebagai tarikan pelancongan melalui agensi yang berkaitan seperti majlis kerajaan tempatan, Tourism Malaysia, atau mana-mana agensi yang terlibat dalam mempromosikan pelancongan.

MOTAC juga mempunyai bentuk sokongan dalam menaikkan lagi aktiviti pelancongan melalui program yang dikenali sebagai Hos Komuniti Setempat (HKS) atau juga dikenali sebagai 'Penglipurlara'. Individu yang layak akan didaftarkan di bawah pihak berkuasa tempatan dan akan menjadi duta pembicara berkaitan tarikan pelancongan setempat.

### ***Dapatan daripada UTE***

Bagi syarikat UUM Travel & Events (UTE) pula, iaitu sebuah syarikat berdaftar sebagai agensi pelancongan, penglibatan langsung dalam memajukan edu-pelancongan ini diberikan melalui pengurusan pakej untuk bukan sahaja para pelajar tempatan malahan dari luar negara juga yang hadir khususnya di UUM melalui program pertukaran pelajar (*student's mobility exchange*). Malahan, apabila terdapat delegasi antarabangsa yang berkait dengan urusan di UUM, UTE akan membantu merancang dan menyediakan promosi pakej pelancongan berkonsepkan pembelajaran melalui pengalaman yang dilalui para peserta.

### **Cadangan**

Kajian ini mendapati gabungan aktiviti pembelajaran melalui pengalaman sendiri menjadi daya tarikan untuk mendokong edu-pelancongan sebagai alternatif kepada kerancakan sumber ekonomi tambahan kepada mana-mana pengusaha, terutama kepada peserta SSBB dalam kalangan asnaf. Meskipun para peserta tidak menunjukkan minat yang tinggi, namun ianya tidak menjadi halangan kerana aktiviti ini boleh diusahakan oleh keluarga terdekat kepada mereka samada pasangan atau anak-anak mereka sendiri.

Model edu-pelancongan yang dikemukakan adalah berdasarkan empat kitaran yang memberikan kesan kepada individu yang melaluinya iaitu: pengalaman, refleksi, pemahaman dan pengamalan.

### ***Pengalaman***

Pembelajaran secara langsung melalui apa yang dialami apabila menjalankan aktiviti, berinteraksi secara langsung merupakan guru yang paling ampuh dalam membuka mata dan menghargai apa yang berlaku dalam kehidupan seharian. Memahami adat resam, budaya, sejarah, malah makanan sekalipun akan membantu memahami perbezaan dan memupuk toleransi antara pelbagai budaya. Ini juga akan menjadikan budaya sesuatu lokaliti tersebut akan terpelihara dalam memperagakannya kepada pengunjung dan membantu dalam melestarikannya.

### ***Refleksi***

Melalui pemerhatian tingkah laku dan amalan yang dilakukan, pengunjung akan dapat menimba ilmu baru apabila mencuba atau menirunya. Proses yang berulang kali dilakukan ini akhirnya membolehkan individu untuk menguasai dan menghayati mekanisme serta matlamat untuk


menghasilkan sesuatu keluaran tersebut. Tunjuk ajar dan latihan adalah kritikal menghasilkan keluaran yang optimum dan mengurangkan kos kesilapan yang berulang kali.

### ***Kesimpulan***

Pada tahap ini, peserta akan menterjemahkan apa yang telah dialami dan diamati meskipun dengan hanya meniru semula, untuk memberikan ruang kepada mereka memahami selok-belok bagi mendapatkan amalan yang betul. Di peringkat ini, pengukuhan akan berlaku dan penambahbaikan juga boleh dilakukan menerusi adaptasi pada sesuatu keadaan.

### ***Mengamalkan***

Pada tahap ini, peserta telah memiliki maklumat serta pengalaman yang membolehkan mereka untuk mengamalkan atau mengusahakan sendiri segala yang telah dipelajari dan dialami. Dari pengalaman ini jugalah akan membina keyakinan kepada peserta untuk berkongsi maklumat dengan pelancong sekaligus mendorong mereka untuk menjadi bukan sahaja usahawan tani tetapi sebagai pemandu pelancong pada masa yang sama. Rajah 1 di bawah menunjukkan kitaran pembelajaran berasaskan pengalaman yang menjadi teras utama kepada model edu-pelancongan.



Rajah 1: Model Edu-pelancongan

### **Rumusan**

Model edu-pelancongan yang dikemukakan ini berpotensi untuk menambah sumber pendapatan khususnya kepada peserta sawah SSBB dan berkeupayaan untuk menempatkan ZPEU di Yan, Kedah sebagai destinasi pelancongan berteraskan aktiviti penanaman padi. Ianya akan menjadi daya tarikan yang lebih menarik lagi sekiranya sebahagian kawasan sawah yang sedia ada diusahakan menggunakan padi organik kaedah *System of Rice Intensification* (SRI). Penanaman padi organik ini bukan sahaja bebas bahan kimia malah ianya juga seiringan dengan matlamat menjamin kelestarian alam sekitar dan membantu ke arah aktiviti keterjaminan bekalan makanan. Ini adalah kerana penghasilan daripada kaedah padi organik ini mampu melonjakkan antara 30 – 60 % lebih berbanding penanaman padi secara konvensional. Tambahan pula, ternakan seperti itik juga berperanan untuk menjadi pengawal kepada ancaman siput gondang dan boleh juga dijual hasil telur dan dagingnya.



Air di dalam petak sawah juga lebih selamat tanpa bahan kimia daripada baja atau racun, untuk membolehkan ikan yang lazimnya terdapat di sawah seperti sepat, puyu, haruan, keli untuk hidup dan menjadi sumber makanan disamping aktiviti jualan menerusi ikan segar atau yang dibuat pekasam.

Kesediaan peserta atau keluarga terdekat untuk menjadi Hos Komuniti Setempat (HKS) atau Penglipurlara juga merupakan satu lagi aktiviti yang dapat mendorong ZPEU menjadi kawasan tarikan pelancongan. Ini didorong lagi oleh bantuan sokongan daripada MOTAC, agensi pelancongan dan pihak berkuasa tempatan meskipun bukan dalam bentuk dana atau geran kewangan. Kajian ini juga berdepan dengan limitasi kerana peserta sawah SSBB kurang pendedahan kepada aspek edu-pelancongan sehingga tidak begitu yakin akan keberhasilannya. Namun begitu, dengan sokongan dan komitmen daripada LZNK khususnya, model edu-pelancongan ini berpotensi untuk menjadikan ZPEU sebagai tarikan pelancongan dan melahirkan keluarga asnaf yang dapat meningkatkan pendapatan mereka sehingga bertukar daripada kategori penerima zakat kepada pembayar zakat di masa hadapan.

## RUJUKAN

- Anwar, Farah Husna, Mohammad Mujaheed Hassan, and Azlina Mohd Khir. "Persepsi Impak Industri Pelancongan terhadap Kualiti Hidup Komuniti Setempat di Batu Ferringhi, Pulau Pinang." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6.8 (2021): 133-149.
- Che-Mat, Siti Hadijah, and Roslan Abdul-Hakim. "Kesan pendapatan bukan pertanian ke atas kemiskinan: Kajian kes petani di Kedah." *Jurnal Ekonomi Malaysia* 44 (2010): 101- 107.
- Cuaton, Ginbert P., and Laurence L. Delina. "Two decades of rice research in Indonesia and the Philippines: A systematic review and research agenda for the social sciences." *Humanities and Social Sciences Communications* 9.1 (2022): 1-21.
- Hall, Michael, and Heather Zeppel. "Cultural and heritage tourism: The new grand tour." *Historic Environment* 7.3/4 (1990): 86-98.
- Hunt, Banthita "Tourism and Poverty Reduction: The Effect of Tourism on the Livelihood of Local People on Bulon Island, Satun Province, Thailand." *วารสาร มหาวิทยาลัย ราชภัฏ ยะลา* 15.3 (2020): 290-297.
- JAWHAR. "Maklumat Zakat Dan Baitulmal." Baitulmal.jawhar.gov.my, [http://baitulmal.jawhar.gov.my/zkt\\_statistik\\_map.php](http://baitulmal.jawhar.gov.my/zkt_statistik_map.php). Accessed 2024.
- Karaturhan, Buket, Ayşe Uzmay, and Gökçe Koç. "Factors affecting the probability of rural women's adopting organic farming on family farms in Turkey." *Ege Üniversitesi Ziraat Fakültesi Dergisi* 55.2 (2018): 153-160.
- Laporan Sosioekonomi Negeri Kedah (2019)
2. Archiving and Compliance: Once submitted, the final report is archived within the system, where it can be reviewed by administrators and used for compliance audits. The archival function ensures that all project-related documentation is stored securely and is easily accessible for future reference.
3. Strategic Insights: Administrators can use the data gathered through the system to analyze trends, such as which research areas are receiving the most funding or which types of projects have the highest success rates. These insights are crucial for long-term planning and strategy development within IPIZ.

Figure 5 – Example of Reporting



4. Data Analysis and Reporting: The system also allows administrators to generate comprehensive reports on the status of all grants under management. This includes insights into the success rates of funded projects, the financial utilization of grants, and overall


research outcomes. These reports can be used to evaluate the effectiveness of the grant management process and to inform future funding decisions. An example of reporting is shown in Figure 5:

### User Feedback and System Performance

To assess the functionality and user satisfaction of MYIPIZ Grants, a user satisfaction survey was conducted among 20 participants, including both researchers and administrators. The feedback was collected on several dimensions, including system design, user interface, ease of use, and utility. As shown in Figure 5, the survey revealed high levels of satisfaction with key aspects of the system. The survey revealed high levels of satisfaction with the utility of the system (4.7/5), indicating that the system successfully streamlined grant management tasks.

The Submission and Monitoring Modules were particularly praised for their role in reducing administrative bottlenecks and enhancing transparency. However, the User Interface received a slightly lower score (4.1/5), with users suggesting improvements in graphical design and user support features.

Figure 5: User Satisfaction Result



### Conclusion

The development and implementation of MYIPIZ Grants have significantly improved the efficiency, transparency, and accountability of research grant management at IPIZ. The automated workflow processes—from submission to reporting—have reduced administrative burdens and enhanced researcher experience. Furthermore, the system’s ability to provide real-time feedback and tracking



has increased transparency, which was reflected in the positive user satisfaction scores, particularly in the 4.7/5 rating for system utility.

While user feedback indicates room for improvement in the system's interface and expending user support, MYIPIZ Grants is well-positioned to meet the evolving needs of research management in the future. Addressing these aspects will be crucial to fully optimizing the system's usability and further improving user satisfaction.

Continuous updates to the system will be necessary to maintain its effectiveness, particularly as more researchers and administrators adopt the platform. Enhancing the graphical interface, improving user support, and adding new functionalities will ensure that MYIPIZ Grants remains a robust and valuable tool for managing research grants and facilitating high-impact academic outcomes. By aligning with UUM's broader goals of research innovation and digital transformation, MYIPIZ Grants can serve as a model for similar institutions seeking to modernize their grant management processes.

## References

- Billings, B. A., Billings, B., & Musazi, B. G. (2020, July). Opportunities and Challenges of Real-Time Financial Reporting. Retrieved from CPA Journal Content: <https://www.cpajournal.com/2020/07/22/opportunities-and-challenges-of-real-time-financial-reporting/>
- Bradley, V. M. (2021). Learning Management System (LMS) Use with Online Instruction. *International Journal of Technology in Education*, 4(1), 68-92.
- Brembs, B., Huneman, P., Schönbrodt, F., Nilsson, G., Susi, T., Siems, R., & Rodriguez-Cuadrado, S. (2023). Replacing academic journals. *Royal Society Open Science*, 10, 230206.
- Eysenbach, G. (2011). Can Tweets Predict Citations? Metrics of Social Impact Based on Twitter and Correlation with Traditional Metrics of Scientific Impact. *Journal of Medical Internet Research*, 13(4), e123.
- Gasparian, A. Y., Yessirkepov, M., Voronov, A. A., Koroleva, A. M., & Kitas, G. D. (2019). Comprehensive Approach to Open Access Publishing: Platforms and Tools. *Journal of Korean Medical Science*, 34(27), 1-17.
- Hase, A., & Kuhl, P. (2024). Teachers' use of data from digital learning platforms for instructional design: a systematic review. *Education Technology Research Development*, 72, 1925-1945.
- IABFC. (2023, Dec 12). Exploring the Impact of Artificial Intelligence Technology on Everyday Life. Retrieved from International Association of Business Analytics Certification: <https://iabac.org/blog/exploring-the-impact-of-artificial-intelligence-technology-on-everyday-life>
- Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). (2023). *National Research and Innovation Agenda (NRIA): Integrating Systems for Better Outcomes*. Putrajaya: MOSTI.
- Novotny, P., Zhang, Q., Hull, R., Baset, S., Laredo, J., Vaculin, R., Dillenberger, D. N. (2018). Permissioned blockchain technologies for academic publishing. *Information Services & Use*, 38(3), 159-171.





- Piwowar, H., Priem, J., Larivière, V., Alperin, J. P., Matthias, L., Norlander, B., & Haustein, S. (2018). The state of OA: a large-scale analysis of the prevalence and impact of Open Access articles. *PeerJ*, 1-23.
- Rouhi, S., Beard, R., & Brundy, C. (2022). Left in the Cold: The Failure of APC Waiver Programs to Provide Author Equity. *Science Editor*, 45(1), 5-13.
- Salem, R., Culbertson, N., & A. O'Connell. (2016). Process for selecting and implementing a manuscript management system: Experiences of a new peer-reviewed journal. *Learned Publishing*, 29(1), 55-69
- Tennant, J. P., Waldner, F., Jacques, D. C., Masuzzo, P., Collister, L. B., & Hartgerink, C. H. (2016). The academic, economic and societal impacts of Open Access: an evidence-based review. *F1000 Research*, 11(5), 632.
- VanLEHN, K. (2011). The Relative Effectiveness of Human Tutoring, Intelligent Tutoring Systems, and Other Tutoring Systems. *Educational Psychologist*, 46(4), 197-221.
- Zairi, M., & Sinclair, D. (1995). Business process re-engineering and process management: A survey of current practice and future trends in integrated management. *Business Process Re-engineering & Management Journal*, 1(1), 8-30.



## PENINGKATAN SUMBER EKONOMI GOLONGAN ASNAF MELALUI “EZEE DIY AQUAPONICS DESIGN”

Muhammad Mat Yusof<sup>1</sup>  
Mohamad Farizal Rajemi<sup>2</sup>  
Haslinda Ibrahim<sup>3</sup>  
Nazihah Ahmad<sup>4</sup>

<sup>1</sup>School of Quantitative Sciences, UUM College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia, Malaysia, ([mmy@uum.edu.my](mailto:mmy@uum.edu.my))

<sup>2</sup>School of Technology Management and Logistics, UUM College of Business, Universiti Utara Malaysia, Malaysia, ([farizal@uum.edu.my](mailto:farizal@uum.edu.my))

<sup>3</sup>School of Quantitative Sciences, UUM College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia, Malaysia, ([mmy@uum.edu.my](mailto:mmy@uum.edu.my))

<sup>4</sup>School of Quantitative Sciences, UUM College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia, Malaysia, ([mmy@uum.edu.my](mailto:mmy@uum.edu.my))

---

**Abstract:** *Isu keterjaminan makanan merupakan satu isu global yang menjadi cabaran utama kepada banyak negara termasuklah Malaysia. Pelbagai isu terkait rapat dengan keterjaminan makanan seperti pertambahan bilangan populasi penduduk dunia, kekangan sumber air, kemerosotan kesihatan dan makanan sihat, kekurangan tanah untuk pertanian dan perubahan iklim dunia. Kebergantungan terhadap sumber makanan import juga perlu dilihat secara serius oleh banyak pihak. Pelbagai strategi diatur untuk menangani isu keterjaminan makanan seperti mendidik dan melatih ahli masyarakat untuk menghasilkan sumber makanan sendiri. Antara kaedah berinovatif yang dilihat mampu untuk menghasilkan sumber makanan sendiri adalah melalui kaedah akuaponik. Kajian ini melibatkan dua asnaf untuk dilatih bagi menghasilkan dua sumber makanan sendiri iaitu ikan dan sayuran secara serentak. Penerima yang dipilih telah dibekalkan dengan set akuaponik lengkap yang dibangunkan oleh sekumpulan penyelidik dari Universiti Utara Malaysia yang dinamakan dengan “Ezee DIY Aquaponics Design”. Set akuaponik pertama telah dipasang di Kampung Tradisi, Changloon Kedah dan set akuaponik kedua telah dipasang di kampung Paya Parit Latih, Jitra Kedah. Berdasarkan pemantauan berterusan serta data-data statistik yang dikumpulkan, didapati bahawa set akuaponik yang dibekalkan telah dapat membantu asnaf terpilih untuk menghasilkan dua sumber makanan sendiri, membantu mereka menjimatkan perbelanjaan dapur serta berupaya menambahkan pendapatan mereka melalui penjualan sebahagian hasil ikan dan sayuran organik kepada penduduk sekitar. Pelbagai jenis sayuran telah dapat dituai hasilnya sepanjang tempoh kajian seperti sayur salad batavia, salad kerinting, pegaga gajah, terung, bendi, cili, daun kucai, daun kesum dan daun pandan. Selain itu juga, ikan talapia hidup turut diolah menjadi ikan pekasam talapia yang mana harganya lebih tinggi dan produk pekasam boleh disimpan dalam tempoh masa yang lebih lama.*

**Keywords:** *Keterjaminan makanan, akuaponik, ikan, sayuran organik, ekonomi asnaf*

---



## Pengenalan

Isu keterjaminan makanan merupakan satu isu global yang menjadi cabaran utama kepada banyak negara termasuklah Malaysia. Pelbagai isu terkait rapat dengan keterjaminan makanan seperti pertambahan bilangan populasi penduduk dunia, kekangan sumber air, kemerosotan kesihatan dan makanan sihat, kekurangan tanah untuk pertanian, perubahan iklim dunia, pembekalan makanan yang cukup, selamat dan makanan bernutrisi merupakan cabaran utama yang berkait rapat dengan keselamatan dan kecukupan makanan. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) juga turut memberi penekanan tentang isu keterjaminan makanan melalui agenda “*The United Nations 17 Sustainable Development Goals (SDGs)*”.

Di Malaysia, pelbagai pihak turut sama memberi penekanan kepada isu keterjaminan makanan ini. Pelbagai rancangan jangka masa pendek, sederhana dan panjang turut digariskan oleh pihak kerajaan bagi menangani isu ini. Selain daripada itu, isu kebergantungan kepada makanan import juga turut menjadi topik hangat yang perlu ditangani dengan langkah segera. Menurut laporan dari Malaysia Trade Statistic Review (MTSR, 2023) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa jumlah import makanan negara mencecah RM75.6 bilion berbanding nilai eksport makanan sebanyak RM44.6 bilion sahaja. Senario ketidakseimbangan urusan niaga ini jika dibiarkan secara berterusan akan memberi impak yang negatif kepada isu keterjaminan makanan di Malaysia.

Lantaran itu, penghasilan dan pengeluaran sumber makanan sendiri merupakan suatu aspek yang perlu dititikberatkan oleh kerajaan dan juga masyarakat. Dalam usaha kerajaan menjamin keterjaminan makanan dan mengurangi kebergantungan kepada makanan import, setiap ahli masyarakat seharusnya dididik dan dilatih untuk menghasilkan sumber makanan sendiri. Sehingga kini, pelbagai program kesedaran awam turut sama dilancarkan, antaranya seperti program pembangunan pertanian komuniti ataupun disebut juga program pertanian bandar. Program yang di bawah Jabatan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia ini dibentuk untuk memberi galakan kepada masyarakat untuk bercucuk tanam di halaman rumah masing-masing di samping membantu isi rumah meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri bahan makanan.

Di dalam usaha penghasilan makanan sendiri, terdapat beberapa pendekatan yang boleh dilakukan samaada melalui kaedah pertanian konvensional ataupun melalui kaedah pertanian moden. Bagi pertanian moden, kaedah bercucuk tanam secara fertigasi dan hidroponik merupakan dua kaedah yang popular digunapakai dalam masyarakat. Walaubagaimanapun, kaedah akuaponik merupakan satu kaedah yang semakin berkembang pesat memandangkan kaedah akuaponik dapat menghasilkan dua sumber makanan serentak iaitu hidupan air (ikan air tawar) dan sayuran dalam satu sistem yang sama. (Mohammed Alhaji et. al, 2024). Pelbagai hasil kajian yang dilakukan oleh ramai penyelidik mendapati bahawa ekosistem akuaponik dapat membantu menyelesaikan isu keselamatan dan kecukupan makanan (Lennard & Goddek, 2019). Minat masyarakat terhadap sistem akuaponik juga semakin meningkat kerana ianya melibatkan rantaian nilai bersepadu, rendah pengeluaran karbon dan tinggi produktiviti (Palm et al., 2018). Selain itu, akuaponik juga merupakan kaedah yang dapat

menghasilkan ikan yang segar dan sayuran yang sepenuhnya organik (Laimeheriwa et. al, 2024; Kyaw & Ng, 2017).


## Objektif Kajian

Objektif utama penyelidikan ini adalah membantu meningkatkan ekonomi golongan asnaf melalui “Ezee DIY Aquaponics Design”. Di dalam memastikan objektif utama tercapai, beberapa sub-objektif telah digariskan seperti berikut:

- i) Menyediakan set “Ezee DIY Aquaponics Design” di rumah golongan asnaf terpilih.
- ii) Melatih asnaf terpilih untuk menghasilkan dua sumber makanan sendiri iaitu hasil ikan dan hasil sayur.
- iii) Mengukur indikator ekonomi seperti kadar hasil pendapatan bersih dan analisis tempoh pulangan modal.

## Pelaksanaan Projek Ezee DIY Aquaponics Design

Set akuaponik yang dipasang di rumah asnaf terpilih merupakan satu set akuaponik yang telah dibangunkan oleh sekumpulan penyelidik di Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok Kedah. Set akuaponik ini diberi nama sebagai Ezee DIY Aquaponics Design. Nama ini sudahpun didaftarkan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO: LY2021P02887). Rekabentuk lengkap set ini ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Rekabentuk lengkap Ezee DIY Aquaponics Design:

Di dalam kajian ini, seramai dua asnaf telah dipilih iaitu Puan Che Putih binti Doon (55 tahun) yang beralamat di Kampung Tradisi Changloon, Kedah dan penerima kedua ialah Encik Muhammad Faizal bin Murat (42 tahun) di Kampung Paya Parit Latih Jitra Kedah. Setelah penerima dikenalpasti, langkah seterusnya ialah memasang set akuaponik di rumah penerima program sepertimana ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 2: Kerja Pemasangan Ezee DIY Aquaponics Design

### Hasil Kajian

Di dalam kajian ini, terdapat tiga objektif yang telah ditetapkan. Objektif pertama dalam kajian ini ialah untuk menyediakan set lengkap “Ezee DIY Aquaponics Design” di rumah penerima program. Set pertama untuk penerima di Kampung Tradisi Changlun telah dapat disiapkan sepenuhnya pada 8 Februari 2023 (rujuk Rajah 3). Manakala bagi set kedua akuaponik di Kampung Paya Latih Jitra telah dapat disiapkan pada 12 Julai 2023 (rujuk Rajah 4).



Rajah 3: Ezee DIY Aquaponics Design di Kampung Tradisi, Changlun Kedah



Rajah 4: Ezee DIY Aquaponics Design di Kampung Paya Parit Latih, Jitra Kedah

Setelah set lengkap dipasang, objektif kedua adalah melatih asnaf terpilih untuk menghasilkan sendiri sumber makanan iaitu ikan dan hasil. Beberapa siri tunjuk ajar telah dijalankan kepada penerima program meliputi cara penyemaian benih, cara penjagaan ikan dan cara mengatasi serangan serangga untuk tanaman sayur. Rajah 5 dan Rajah 6 menunjukkan hasil sayuran dan ikan pekasam yang dihasilkan oleh penerima program.



Rajah 5: Hasil Sayuran: Salad Batavia Organik



Rajah 6: Ikan Pekasam Talapia Akuaponik

Bagi mencapai objektif ketiga kajian ini, data data statistik turut dikumpul bagi mengira beberapa analisis indikator ekonomi. Walaupun set akuaponik dipasang di dua lokasi berbeza, Jumlah Kos (JK) pengeluaran adalah hampir sama. Jumlah kos bagi satu setup akuaponik dipecahkan kepada dua bahagian iaitu Jumlah Kos Tetap (JKT) dan Jumlah Kos Berubah (JKB). JKT meliputi semua kos dalam menyediakan setup akuaponik seperti kos kolam ikan, pam oksigen, pam air, kerangka besi, paip upvc, plastik UV, penyambung pvc dan sebagainya. Manakala JKB meliputi semua kos input seperti kos elektrik, air, racun organik, pembelian benih sayuran dan ikan. JK bagi tempoh setahun ialah RM5602.20 (rujuk Jadual 1)

Bagi tujuan pengiraan kos keseluruhan, jumlah kos akan dikira sepanjang tempoh 12 bulan iaitu selepas set akuaponik beroperasi di rumah penerima.

Jadual 1: Jumlah Kos

<b>Kos</b>	<b>Perkara</b>	<b>Harga (RM)</b>
Kos tetap	Kolam ikan dan tong penapis	1500.00
	Pam oksigen/pam air/K1/lampu UV/penyambung PVC	1599.80
	Plastik UV/C-Channel/UPVC/Plastik UV	893.40
Kos berubah	Kos elektrik	180
	Kos air	96
	Kos benih sayur	92
	Kos benih ikan	140
	Kos makanan ikan	1104
<b>Jumlah kos</b>		<b>5605.20</b>

Dalam pengiraan kadar hasil pendapatan bersih, kesemua hasil sama ada ikan dan sayuran akan dikira berdasarkan berat dan harga jualan semasa. Bagi hasil sayuran dan ikan, ada yang digunakan atau dimakan terus oleh penerima projek dan ada juga hasil yang dijual kepada pihak lain. Bagi penerima



pertama, hasil pendapatan adalah melalui penjualan ikan pekasam talapia, ikan talapia hidup, sayur salad batavia, salad kerinting, terung, cili, pegaga, selum, daun kesum dan daun sup. Hasil pendapatan ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Hasil Pendapatan di Kampung Tradisi, Changlun Kedah

Bil	Item	Harga (RM)
1	Ikan pekasam talapia (RM35 x 60kg) x 2 kali tuaian	4200.00
2	Ikan talapia hidup (RM15 x 40kg) x 1 kali tuaian	600.00
2	Salad batavia + kerinting (RM20 x 20kg) x 4 kali tuaian	1600.00
3	Daun pegaga + daun sup + selum + kesum + terung + cili + bendi	290.00
<b>Jumlah</b>		<b>6690.00</b>

Bagi penerima kedua, hasil pendapatan adalah melalui ikan talapia hidup, hasil sayuran seperti salad kerinting, pegaga dan pokok terung. Jumlah pendapatan ditunjukkan dalam **Jadual 3**.

Jadual 3: Hasil Pendapatan di Kampung Parit Paya Latih, Jitra Kedah

Bil	Item	Harga (RM)
1	Ikan talapia hidup (RM15 x 60kg) x 2 kali tuaian	1800.00
2	Salad kerinting (RM20 x 20kg) – 4 kali tuaian	1600.00
3	Pokok terung + pegaga + pudina	350.00
<b>Jumlah</b>		<b>3750.00</b>

Berdasarkan hasil pendapatan bagi kedua-dua lokasi, berikut dinyatakan kadar hasil pendapatan bersih bagi tempoh 12 bulan adalah seperti berikut:

Penerima 1 (Di Changloon):  $((RM6690 - RM5605.20)/5605.20) \times 100\% = 19.35\%$

Penerima 2 (Di Jitra) –  $((RM3950.00 - RM5605.20)/5605.20) \times 100\% = -33.10\%$

Bagi pengiraan kedua adalah berkaitan dengan analisis tempoh pulangan modal. Pengiraan ini akan menunjukkan tentang tempohmasa yang diperlukan untuk mendapatkan semula pulangan modal yang telah dilaburkan.

### Penerima 1:

Dalam tempoh 12 bulan kajian, jumlah pendapatan adalah sebanyak RM6690 dan jumlah kos adalah RM5605.20. Keuntungan dicatatkan sebanyak RM1084.80. Secara puratanya, tempoh pulangan modal adalah selama 10 bulan operasi.





## Penerima 2:

Dalam tempoh 12 bulan, jumlah pendapatan adalah RM3950 dan jumlah kos adalah RM5605.20. Dalam tempoh setahun, didapati penerima di Jitra belum dapat pulangan modal terhadap JK. Secara purata, tempoh untuk mencapai titik pulangan modal adalah selama 17 bulan operasi.

Analisis kadar hasil pendapatan bersih bagi kedua-dua penerima jelas menunjukkan perbezaan pada nilai hasil pendapatan bersih penerima program. Ini adalah kerana untuk penerima pertama, hasil ikan talapia telah dijadikan produk bernilai tambah iaitu ikan pekasam talapia. Pekasam talapia ini mempunyai nilai pasaran yang lebih tinggi berbanding harga ikan talapia yang dijual secara segar.

## Kesimpulan

Di dalam kajian ini, set Ezee DIY akuaponik mampu diuruskan dan diselenggara dengan mudah oleh penerima program. Hasil kajian menunjukkan bahawa set Ezee DIY Aquaponics Design telah dapat membantu asnaf terpilih untuk menghasilkan dua sumber makanan sendiri, membantu mereka menjimatkan perbelanjaan dapur serta berupaya menambahkan pendapatan mereka melalui penjualan sebahagian hasil ikan dan sayuran organik kepada penduduk sekitar.

Pelbagai jenis sayuran telah dapat dituai hasilnya sepanjang tempoh kajian seperti sayur salad batavia, salad kerinting, pegaga gajah, terung, bendi, cili, daun kucai, daun kesum dan daun pandan. Selain itu juga, ikan talapia hidup turut diolah menjadi ikan pekasam talapia yang mana harganya lebih tinggi dan produk pekasam boleh disimpan dalam tempoh masa yang lebih lama.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tempoh pulangan modal akan menjadi lebih cepat dan menguntungkan peserta sekiranya ikan talapia hidup dapat diolah menjadi ikan pekasam talapia yang mana tempoh tuaian ikan untuk pekasam lebih cepat dan dapat menjimatkan kos pembelian makanan ikan. Jenis sayuran yang ditanam juga memainkan peranan penting, sebagai contohnya salad batavia dapat dijual dengan harga lebih tinggi berbanding jualan sayur kangkung, bayam dan sawi.

## Penghargaan

Penyelidik ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Universiti Utara Malaysia dan Lembaga Zakat Negeri Kedah yang membiayai geran penyelidikan ini di bawah geran IPIZ Kod S/O: 21324.

## Rujukan

- Kyam, T. Y. & Ng, A. K. 2017. Smart Aquaponics System for Urban Farming. *Energy Procedia*, 143, 342-347.
- Laimeheriwa, B. M., & Sophia N. M. Fendjalang. (2024). Literature study: The Efficiency of Aquaponic Systems in Fish and Crop Production: A Case Study in an Urban Environment. *Grouper: Jurnal Ilmiah Perikanan*, 15(2), 146–156.  
<https://doi.org/10.30736/grouper.v15i2.232>
- Lennard, W. & Goddek, S. (2019). Aquaponics: the basics. *Aquaponics food production systems*, 113-143.



- Malaysian Trade Statistics Review, (2023) DoSM: Addressing Malaysia's food trade imbalances, <https://themalaysianreserve.com/2023/12/29/dosm-addressing-malaysias-food-trade-imbalance/> (cited 8/10/2024)
- Mohammed Alhaji, A., Umar Mohammed, A., Abdulazeez Babayo, A., Jesse Aliyu, J., & Danladi Mohammed, U. (2024). Aquaponics Aquaculture System as the Most Efficient, Sustainable and Green Aquaculture System: A Review. *BIMA Journal of Science and Technology (2536-6041)*, 8(3A), 119-127. <https://doi.org/10.56892/bima.v8i3.769>
- Palm, H. W., Knaus, U., Appelbaum, S., Goddeck, S., Strauch, S. M., Vermeulen, T., Haissam J. M. & Kotzen, B. (2018). Towards commercial aquaponics: a review of systems, designs, scales and nomenclature. *Aquaculture international*, 26, 813-842.



## PENENTUAN KRITERIA ZAKAT DALAM KALANGAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

Muhammad Ahmad<sup>1</sup>  
Shukri Ahmad<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah, Kolej Sastera Dan Sains, Universiti Utara Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah, Kolej Sastera Dan Sains, Universiti Utara Malaysia

---

**Abstrak:** Kedudukan Orang Kelainan Upaya (OKU) dalam kategori orang susah dan miskin sememangnya sangat rapat berdasarkan ketidakupayaan mereka mengurus diri, mencari pekerjaan dan memperoleh pendapatan serta golongan ini kebanyakannya berada dalam kategori asnaf. Namun demikian, golongan ini seringkali berada dalam kelompok terpinggir daripada menerima zakat. Selaras dengan hasrat kerajaan yang ingin menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang menitik beratkan pembangunan secara holistik dan seimbang kepada seluruh rakyat, dasar dan program seharusnya diberi perhatian oleh pihak kerajaan melalui beberapa institusi di bawahnya. Sehubungan dengan itu satu kajian telah dilakukan dalam menghasilkan satu pengukuran yang digunakan dalam menentukan peruntukan zakat dan seterusnya mendokumentasikan satu standard yang digunapakai bagi menentukan jenis dan tahap OKU serta peruntukan untuk OKU oleh badan zakat di negeri Kedah. Metodologi kajian menggunakan kaedah kualitatif temubual tidak bersemuka dengan pihak pengurusan zakat di negeri Kedah. Berdasarkan kepada hasil kajian menunjukkan kedudukan OKU sama seperti asnaf lain yang layak. Ini bermaksud tiada pembahagian zakat yang diberikan khusus kepada OKU kerana golongan ini dianggap tidak termasuk dalam lapan kategori asnaf yang disebutkan di dalam al-Quran. Sebarang pemberian zakat yang diagihkan adalah atas sebab individu atau keluarga tersebut tergolong dalam kategori asnaf yang layak menerima zakat, bukan atas sebab OKU. Oleh itu, Hasil daripada dapatan kajian, maka satu cadangan standard pengukuran dalam penentuan agihan zakat OKU di negeri Kedah dibentuk. Antara perincian yang perlu dilakukan adalah dengan mengambil kira keadaan fizikal sama ada boleh melakukan pekerjaan atau sebaliknya, tidak berharta benda, kurangnya barang keperluan asas dan keadaan persekitaran rumah. Sehubungan dengan itu, dengan adanya ini boleh dijadikan garis panduan untuk standard piawai khas golongan OKU untuk digunapakai oleh LZNK serta akan menjadi satu “benchmark” yang boleh digunakan oleh persekutuan atau negeri-negeri lain.

**Kata Kunci:** Orang Kelainan Upaya, Zakat, Penentuan Agihan, Standard Piawai

---

### Pengenalan

Islam suatu agama yang mencakupi segenap aspek kehidupan manusia. Antaranya aspek persaudaraan yang sangat dititikberatkan. Justeru itu, zakat merupakan suatu pensyariaan yang boleh memenuhi aspek persaudaraan tersebut. Malah zakat berupaya membentuk kesejahteraan rakyat dengan penekanan pembasmian kemiskinan dan meningkatkan pendapatan. Kewajipan zakat merupakan suatu tanggungjawab yang membawa berkat dan memberi kesan yang berterusan kepada mereka yang mengeluarkan dan mereka yang menerimanya. Pelaksanaan zakat juga memberi kesan



kepada seluruh lapisan masyarakat terutama dalam mempertingkatkan kebajikan masyarakat. Allah S.W.T telah mewajibkan zakat sebagai salah satu jaminan sosial kepada masyarakat yang amat memerlukan, meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang melalui agihan semula kekayaan dalam masyarakat dan sebagai satu bentuk penyucian dan pembangunan rohani setiap Muslim. Firman Allah dalam surah al-Dhariyyat ayat 19 bermaksud “apabila Allah S.W.T menyatakan bahawa dalam setiap rezki dan harta yang dikurniakan kepada seseorang Muslim itu terdapat hak orang miskin yang memerlukannya”.

Kedudukan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam kategori orang susah dan miskin sememangnya sangat rapat. Berdasarkan ketidakupayaan mereka mengurus diri, mencari pekerjaan dan memperoleh pendapatan, golongan ini kebanyakannya berada dalam kategori asnaf. Namun demikian, golongan ini seringkali berada dalam kelompok terpinggir daripada menerima zakat. Selaras dengan hasrat kerajaan yang ingin menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang menitik beratkan pembangunan secara holistik dan seimbang kepada seluruh rakyat, dasar dan program seharusnya diberi perhatian oleh pihak kerajaan melalui beberapa institusi di bawahnya. Seperti mana dalam Akta Orang Kurang Upaya 2007, hak-hak perundangan kepada golongan OKU telah diluluskan di Parlimen bertujuan mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan golongan OKU. Namun, masih lagi ramai dalam kalangan mereka yang tidak mendapat peluang, sama ada pekerjaan, pendidikan mahupun bantuan sarahidup yang sama sepertimana golongan normal yang lain (Lau, Ahmad Shamsuri & Chew, 2011).

Meskipun terdapat jumlah OKU yang boleh dikategorikan bukan fakir dan miskin, namun jumlah ini tidaklah besar. Malah, golongan ini juga masih boleh menerima zakat dalam kategori yang lain, seperti asnaf fi sabilillah, Ibn sabil dan gharimin. Situasi ini menimbulkan tandatanya mengenai mekanisme pengurusan zakat. Ini kerana kebanyakan institusi zakat tidak menyebutkan dengan jelas dan spesifik mengenai kedudukan OKU dalam agihan zakat berbanding dengan pembahagian-pembahagian zakat kepada golongan lain. Umpamanya, lembaga zakat Selangor memperuntukkan jenis bantuan kepada pelbagai asnaf tetapi tidak menyebut golongan OKU. Demikian juga pengurusan zakat negeri Kedah tidak mengagihkan secara khusus kepada golongan OKU sehingga golongan OKU seperti disisihkan daripada menerima agihan ini secara jelas. Justeru itu, artikel ini akan membincangkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh sarjana-sarjana sebelum ini berkaitan zakat dalam kalangan OKU dan seterusnya akan merumuskan pendekatan-pendekatan yang telah dikaji oleh sarjana-sarjana sebelum ini serta membincangkan lebih mendalam bagi mencadangkan kepada penulis-penulis masa hadapan apa keperluan kajian yang diperlukan memandangkan kajian terhadap zakat dalam kalangan OKU kurang dilakukan. Hal ini amat penting sebagai sumber ilmu pengetahuan dan polisi kepada sesuatu tindakan yang perlu dilakukan dari masa ke semasa.

## **Zakat**

Zakat dari segi bahasa adalah al-barakatu (keberkahan), al-namaa' (pertumbuhan dan perkembangan), ath-thaharu (kesucian), ash-shalahu (keberesan). Dari segi istilah pula, zakat adalah bahagian dari harta dengan pensyaratan tertentu, yang Allah s.w.t mewajibkan kepada pemiliknya untuk diserahkan kepada yang berhak menerimanya berdasarkan kepada pensyaratan tertentu yang



telah ditetapkan. Di dalam Al-Quran juga terdapat beberapa kata yang walaupun mempunyai erti berbeza dengan zakat, tetapi kadangkala dipergunakan untuk menunjukkan makna kepada zakat, iaitu infak', sedekah dan hak, sebagaimana yang dinyatakan dalam surah At-Taubah: 30, 60 dan 103 serta surah Al-an'aam: 141.

Zakat menurut istilah pula ialah hak yang wajib dikeluarkan daripada harta. Berikut ialah definisi yang dikemukakan oleh para fuqaha'. Dalam mazhab Syafi 'i, zakat didefinisikan sebagai kadar yang ditentukan daripada beberapa jenis harta, yang wajib dikeluarkan kepada golongan manusia tertentu apabila cukup syarat tertentu. Menurut Dr. K.H. Didin Hafidhuddin (2002) zakat adalah ibadah yang mengandungi dua dimensi iaitu dimensi hablum minallah atau dimensi vertikal dan kedua adalah dimensi hablum minannaas atau dimensi horizontal. Ibadah zakat apabila ditunaikan dengan baik, akan dapat meningkatkan kualiti keimanan, dapat membersihkan dan menyucikan jiwa dan mengembangkan serta meluaskan harta dan rezeki yang dimiliki. Malahan jika diuruskan dengan baik dan amanah, zakat mampu meningkatkan kesejahteraan umat dan ekonomi.

### Orang Kelainan Upaya (OKU)

Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) menyatakan 'orang kurang upaya' termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2016) mengklasifikasikan OKU kepada tujuh kategori iaitu:

Jadual 1.1 mengklasifikasikan OKU mengikut Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia

Bil	Kategori	Status
	Kurang Upaya Pendengaran	Tidak dapat mendengar dengan jelas di kedua-dua telinga tanpa menggunakan alat bantuan pendengaran atau tidak dapat mendengar langsung walaupun dengan menggunakan alat bantuan pendengaran.
1.		Terdapat empat tahap iaitu:
	Minimum	15 - < 30 dB (Kanak- Kanak)
		20 - < 30 dB (Dewasa)
	Sederhana	30 - < 60 dB
	Teruk ( <i>Severe</i> )	60 - < 90 dB
	Sangat Teruk ( <i>Profound</i> )	> 90 dB

---

Kurang Upaya Penglihatan	Tidak dapat melihat atau mengalami penglihatan terhad di kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan seperti cermin mata atau kanta sentuh. Terdapat dua tahap iaitu:
2.	Terhad: Penglihatan lebih teruk dari 6/18 tetapi sama dengan atau lebih baik daripada 3/60 walaupun dengan menggunakan alat bantuan penglihatan atau medan penglihatan kurang dari 20 darjah dari <i>fixation</i> . Buta: Penglihatan kurang daripada 3/60 atau medan penglihatan kurang dari 10 darjah dari <i>fixation</i> .
Kurang Upaya Pertuturan	Tidak boleh bertutur sehingga menyebabkan gangguan berkomunikasi dengan sempurna dan tidak boleh difahami oleh mereka yang berinteraksi dengannya. Keadaan ini adalah kekal atau tidak akan sembuh. Bagi kanak-kanak dinilai pada umur lima tahun ke atas.

---

Di peringkat antarabangsa pula, *National Assistance Act* (1948), mendefinisikan OKU sebagai manusia yang tidak berupaya seperti orang buta, pekak atau bisu, atau mana-mana orang yang secara kekal atau sementara menjadi tidak upaya disebabkan oleh kesakitan, kecederaan atau ketidakupayaan yang berlaku kerana kecacatan yang ada sejak seseorang itu lahir lagi atau mana-mana ketidakupayaan yang dinyatakan oleh menteri. Menurut Nur Fadliana (2015), Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), mendefinisikan OKU adalah seseorang yang tidak berupaya untuk menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu itu dan tidak dapat menjalani kehidupan bermasyarakat sepenuhnya. Hal ini disebabkan oleh sesuatu kekurangan atau keadaan lemah, sama ada dari segi fizikal, mental atau emosi, yang dialami semenjak dilahirkan atau kemudian dari itu. Dalam konteks Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pula, konsep kecacatan dikelaskan kepada tiga iaitu penurunan nilai, hilang upaya dan orang kurang upaya. Kemerostan merujuk kepada pengurangan atau kehilangan struktur fizikal, psikologi dan tingkah laku biasa yang sedia ada. Walau bagaimanapun, Jones (2001) berpandangan penggunaan tiga kategori yang selalu digunakan ini iaitu penurunan nilai, hilang upaya, dan orang kurang upaya adalah merujuk kepada terma diskriminatif.

### **Ulasan Karya - Kedudukan Zakat Dalam Kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU)**

Kajian Ab Aziz et al. (2009) dan Azman, Zulkifli dan Mohammad Naqib (2015) yang lebih tertumpu kepada hukum zakat bagi golongan OKU. Mereka bersependapat bahawa syarat-syarat wajib zakat ialah Islam, memiliki nisab dan cukup haul setahun atas pemilikan nisab dan ia tidak dinyatakan pemilik harta itu seorang baligh, berakal dan cerdik. Oleh itu, ini menunjukkan bahawa semua golongan OKU wajib membayar zakat termasuk kecacatan akal, fizikal, pendengaran, percakapan dan OKU penglihatan sekiranya mereka mempunyai harta yang wajib dizakatkan dan cukup syarat-syarat tersebut. Pengkaji bersetuju dengan pandangan mereka bahawa golongan OKU penglihatan



tergolong dalam kalangan mereka yang wajib membayar zakat. Namun penulisan kedua-dua sarjana ini hanya menumpukan kepada hokum membayar zakat dalam kelainan OKU tanpa memperincikan hal-hal lain seperti berkaitan kategori penentuan zakat dalam kalangan OKU.

Nabihah, Hamdi dan Tengku Intan Zarina (2018) telah mengkaji amalan zakat di kalangan OKU penglihatan, mengenal pasti pelaksanaan kutipan zakat bagi OKU penglihatan, dan menganalisis beberapa halangan dari sudut ekonomi yang terpaksa dihadapi oleh golongan OKU penglihatan dalam menunaikan zakat. Reka bentuk kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kajian kes yang melibatkan pihak PERTIS dan MAIDAM melibatkan 7 orang responden yang terdiri daripada pengerusi PERTIS, 5 orang OKU penglihatan dan pegawai MAIDAM. Dapatan kajian menunjukkan tidak ramai golongan OKU penglihatan yang mampu menunaikan zakat. Hal ini disebabkan kesukaran mereka dalam menjana ekonomi. Secara tidak langsung, halangan tersebut memberi kesan kepada pelaksanaan zakat dalam kalangan mereka. Kajian ini juga secara tidak langsung dapat memberi maklumat kepada pihak institusi zakat dalam memainkan peranan mereka bagi meningkatkan ekonomi dalam kalangan OKU penglihatan.

Nabihah (2017) juga turut meneliti konsep zakat dan kedudukan OKU penglihatan sebagai asnaf, mengenal pasti pelaksanaan zakat oleh pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) bagi OKU penglihatan di Terengganu serta menganalisa cabaran yang dihadapi oleh OKU penglihatan dalam menunaikan dan menerima zakat di Terengganu. Hasil dapatan kajian mendapati masih tiada penetapan kedudukan OKU penglihatan sebagai asnaf. Dapatan juga menunjukkan pengutipan dan pengagihan zakat oleh MAIDAM bagi OKU penglihatan masih kurang memuaskan. Kajian ini juga menunjukkan tidak ramai golongan OKU penglihatan menunaikan zakat disebabkan beberapa cabaran termasuk cabaran ekonomi, cabaran kemudahan dan perkhidmatan, cabaran informasi dan maklumat, dan sebagainya. Implikasi kajian ini dapat memberi maklumat kepada pihak MAIDAM dalam membuat penambahbaikan pada perkhidmatan bagi OKU penglihatan. Kajian ini juga membantu masyarakat memahami peranan mereka dalam membantu pihak institusi zakat dan OKU penglihatan serta kajian mendalam terhadap penentapan OKU sebagai asnaf perlu diteliti supaya satu mekanisme boleh diwujudkan dalam menentukan kedudukan OKU yang layak menerima zakat.

Azman (2018) telah menganalisis dan mengenal pasti kedudukan Orang Kelainan Upaya (OKU) sebagai asnaf arriqab dalam konteks pada masa kini. Oleh itu sarjana ini membincangkan secara mendalam tentang kefahaman definisi sebenar asnaf ar-riqab menurut ulama' dulu dan kini termasuk fatwa-fatwa yang berkaitan dengannya serta mengetahui perluasan konsep dan interpretasi ar-riqab oleh para ulama. Sarjana ini juga turut menilai kedudukan OKU sebagai asnaf zakat dan mengenalpasti kriteria-kriteria OKU yang boleh dimasukkan sebagai asnaf ar-riqab. Hasil analisis menunjukkan bahawa OKU layak menerima zakat tetapi mestilah berdasarkan kriteria dan syarat yang telah ditetapkan oleh Syarak, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Kesihatan. Perkara ini penting kerana ia merupakan satu ijtihad yang perlu mengambil kira semua aspek sebelum sesuatu ketetapan hukum ditentukan. Namun sarjana ini mencadangkan bahawa skop ar-riqab yang asal iaitu membebaskan manusia yang menjadi hamba daripada tuannya perlu dilihat dan dikaji semula. Perlu ditekankan bahawa sekiranya pemberian zakat kepada OKU ingin dilaksanakan, ia



mestilah berdasarkan kriteria-kriteria yang telah digariskan agar dana zakat yang diagihkan bertepatan dengan syarak dan keperluan mereka. Diharapkan kajian ini membawa inovasi kepada perluasan konsep dan interpretasi asnaf ar-riqab dalam wajah dan versinya yang baru dan berbeza dengan mengusulkan OKU sebagai satu golongan yang mempunyai ruang untuk diletakkan di bawah lingkungan asnaf ar-riqab.

Kajian yang dilakukan oleh Shukri et al (2018) meneliti kedudukan OKU dalam pengurusan zakat negeri Kedah, seterusnya mengenal pasti bentuk agihan zakat dalam kalangan OKU yang diamalkan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah dan akhirnya meneliti tahap penerimaan zakat dalam kalangan OKU di negeri Kedah. Hasil kajian menunjukkan hampir keseluruhan OKU adalah terdiri daripada golongan asnaf. Kebanyakannya menjelaskan bahawa mereka tidak pernah mendapat bantuan zakat meskipun mendapat sedikit bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat. Oleh cadangan pembahagian yang khusus kepada golongan OKU ini mengikut kriteria perlu lebih diberi perhatian dalam memenuhi keperluan kehidupan mereka. Harus diingatkan golongan OKU masih boleh mendapat zakat melalui asnaf yang lain mengikut keperluan. Oleh itu, golongan ini wajar diletakkan di bawah seksyen tertentu agar layanan lebih baik dapat diberikan kepada mereka. Justeru itu, kajian-ini merupakan suatu yang penting sebagai asas informasi dan pembinaan kerangka data untuk digunakan pengkaji pada masa hadapan, misalnya untuk pembentangan trend kriteria agihan dana OKU, sebagai data asas dalam perangkaan pelan strategik, polisi dan sebagainya.

## **Metodologi**

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan mengumpulkan data melalui kaedah temubual secara tidak formal dalam kalangan pihak pengurusan zakat di negeri Kedah.. Pemprosesan data dilakukan dengan menggunakan perisian Nvivo 10 yang bertujuan menghasilkan satu model pengukuran dan penentuan agihan zakat khas untuk golongan OKU.

## **Hasil Kajian**

Berdasarkan kepada dapatan daripada temubual, Informan daripada Pegawai Zakat Negeri Kedah menyatakan kedudukan OKU sama seperti asnaf lain yang layak. Ini bermaksud tiada pembahagian zakat yang diberikan khusus kepada OKU kerana golongan ini dianggap tidak termasuk dalam lapan kategori asnaf yang disebutkan di dalam al-Quran. Sebarang pemberian zakat yang diagihkan adalah atas sebab individu atau keluarga tersebut tergolong dalam kategori asnaf yang layak menerima zakat, bukan atas sebab OKU. Misalnya, ketua keluarga yang mengalami kecacatan fizikal akibat kemalangan yang mengakibatkan keluarga tersebut hilang mata pencarian, adalah layak menerima zakat atas sebab asnaf miskin. Hal ini dibuktikan dengan petikan hasil temubual dengan Informan yang menyatakan seperti berikut;



Jadual 1.2: Petikan Temubual Berkaitan Pengurusan Zakat Negeri Kedah Menurut OKU

Informan Kajian	Petikan Temubual
Pertama	<i>"...tiada peruntukan untuk OKU. Dinilai macam kalau dia tergolong dalam kategori 8 asnaf yang layak itu. Maknanya tiada kategori khaslah untuk OKU ini.."</i>
Kedua	<i>"..golongan OKU ini akan dianggap dalam lapan kategori asnaf yang disebutkan di dalam al-Quran. Sebarang pemberian zakat yang diagihkan ke atas mereka yang layak bukan sebab OKU. Contoh keluarga itu kemalangan lepas itu mengalami cacat fizikal dan menyebabkan hilang sumber pendapatan. Yang macam ini layak sebab sudah dikategori asnaf miskin...."</i>



Rajah 1 Kedudukan OKU Dalam Pengurusan Zakat Menurut Pandangan Pegawai Zakat Negeri Kedah

### Perbincangan DAN Kesimpulan

Berdasarkan kepada hasil kajian yang diperolehi, dapatlah dibincangkan bahawa kedudukan OKU dalam pengurusan zakat adalah sama seperti asnaf yang lain yang berkelayakan dan tiada keistimewaan khusus. Hal ini menurut pihak Lembaga Zakat disebabkan tidak terdapat dalil khusus mengenai golongan ini sama ada dari dalil al-Quran atau Sunnah untuk diletakkan dalam kategori berasingan. Dalam kata lain, sebarang pemberian zakat yang diagihkan adalah atas sebab individu atau keluarga tersebut dianggap tergolong dalam kategori asnaf yang layak menerima zakat, bukan atas sebab Orang Kurang Upaya (OKU). Berkenaan dengan agihan zakat yang disalurkan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah mempertanggungjawabkan kepada pegawai zakat masing-masing dalam bahagian agihan untuk mengagihkan zakat mengikut setiap daerah. Agihan



zakat ini telah dibahagikan kepada lapan kategori asnaf khusus seperti yang disebutkan dalam al-Quran. Bantuan zakat kemudian diberikan berdasarkan skim dan bentuk agihan yang bersesuaian mengikut hasil siasatan dan keadaan semasa keluarga asnaf berkenaan. Pihak LZNK juga pada setiap bulan akan mengemaskini keadaan keluarga penerima zakat bertujuan untuk sebarang penukaran skim bantuan atau pemberhentian skim bantuan zakat. Secara umumnya, bantuan zakat akan didebit terus ke akaun penerima. Namun serahan secara langsung juga dilakukan kepada penerima yang tidak berupaya untuk mengambil duit di bank disebabkan faktor usia atau daif.

Hasil daripada dapatan kajian dan perbincangan sebelum ini, maka satu cadangan standard pengukuran dalam penentuan agihan zakat OKU di negeri Kedah dibentuk seperti di Rajah 2 dan akan menjadi satu “*benchmark*” yang boleh digunakan oleh persekutuan atau negeri-negeri lain. Pengukuran dalam penentuan agihan zakat OKU seperti perincian berikut;

### **Ketidakupayaan Fizikal untuk Melakukan Pekerjaan**

Sekiranya mereka adalah orang yang tidak berupaya kekal dalam melakukan dan ahli keluarga tidak berada dalam keadaan berada dan mampu untuk membebaskan diri dari sifat-sifat belunggu kemiskinan disebabkan menanggung kos seperti perubatan, maka mereka ini layak untuk menerima zakat.

### **Tidak Berharta Benda**

Jika sekiranya OKU ini tidak berharta benda, tiada upaya berusaha dan tidak juga mempunyai sesiapa untuk menyara hidup mereka sama ada ibu bapa atau saudara terdekat, maka dia berhak dikategorikan sebagai layak menerima zakat dan golongan ini boleh dimasukkan dalam asnaf fakir dan miskin. Namun, sekiranya mereka punya ibu bapa atau saudara terdekat yang berharta maka mereka adalah di bawah tanggungan keluarga dan tidak berhak menerima zakat.

### **Kekurangan Barangan Keperluan Asas**

Setelah dilakukan penelitian oleh pihak pengurusan zakat dan sekiranya didapati OKU mengalami masalah tentang keperluan asas seperti makanan dan minuman layak menerima zakat seperti asnaf fakir miskin.

### **Keadaan Rumah**

Pihak pengurusan juga perlu menilai keadaan rumah OKU dan melihat keadaan sekeliling untuk melayak OKU menerima zakat. Sekiranya dilihat keadaan rumah terlalu usang dan tidak berkeadaan baik perlulah bantuan diberikan.



Rajah 5.1 Standard Pengukuran Penentuan Agihan Zakat OKU

Oleh itu dapatlah disimpulkan bahawa golongan OKU adalah wajar diletakkan dalam kategori khas bagi setiap golongan asnaf zakat. Kedudukan ekonomi semasa melibatkan kos sara hidup yang semakin meningkat, pelbagai kos rawatan dan keperluan asas menyebabkan bantuan kepada OKU perlu diutamakan. Para OKU juga meletakkan harapan yang tinggi agar mereka boleh mendapat bantuan daripada LZNK. Sehubungan dengan itu, dengan adanya ini boleh dijadikan garis panduan untuk standard piawai khas golongan OKU untuk digunapakai oleh LZNK. Manakala untuk ahli akademik dapatan ini boleh membantu untuk rujukan semasa dalam memperluaskan kajian ini dengan lebih mendalam bagi melihat kriteria-kriteria lain yang melayakan OKU menerima zakat dan memperluaskan di satu Malaysia.

## Rujukan

- Ab Aziz Mohd Zin et al. (2009). *Dakwah dalam pelaksanaan ibadat utama*. Dlm. Ab Aziz Mohd Zin, Mohamad Kamil Ab Majid, Anisah Ab Ghani, Mohd Fauzi Hamat, Nor Raudhah Hj Siren & Juwairiah Hassan. *Dakwah Islam terhadap orang kurang upaya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Azman Ab Rahman (2018). The position of disabled as zakat recipient under the category of ar-riqab in Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, Vol. 12, 37-54.
- Didin Hafidhuddin (2002). *Zakat Dalam perekonomian modern*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2016). <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=UnN2U3dtUHhacVN4aHNPbUIPayt2QT09>.
- Jones, R. B. (2001). "Impairment, disability and handicap-old fashioned concepts?" *Journal of Medical Ethics*. Vol 27, pp. 377-392.
- Lau Poh Li, Ahmad Shamsuri Muhamad dan Chew Fong Peng. (2011). *Peranan kaunselor dan perkhidmatan kaunseling kerjaya bagi golongan kurang upaya*, 1 (2), pp. 233-246.



- Nabihah Ismail @ Ghazali (2017). *Pelaksanaan zakat terhadap orang kurang upaya (OKU) penglihatan serta cabaran: kajian di Terengganu*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nabihah Ismail @ Ghazali, Hamdi Ishak & Tengku Intan Zarina Tengku Puji (2018). Halangan ekonomi dalam menunaikan tuntutan zakat di kalangan OKU penglihatan. *Jurnal 'Ulwan*, Jilid 1, 63-83
- Nur Fadliana Che Di. (2015). *Interaksi Rasulullah S.A.W bersama orang kelainan upaya (OKU): kajian layanan terhadap mahasiswa kelainan upaya di Universiti Malaya*. Disertasi Sajana Usuluddin Universiti Malaya.
- Shukri Ahmad, Mohd Akram Dahaman@Dahlan, Rafidah Mohamad Cusairi, Solahuddin Abdul Hamid & Kamarudin Ahmad (2018). Orang Kurang Upaya (OKU) dan kedudukannya dalam pengurusan zakat negeri Kedah Darulaman. *In: Seminar Kebangsaan Transformasi Sosio-Ekonomi Wilayah Utara ke-3*, 02 -03 Ogos 2018, Hotel Casuarina@Meru, Ipoh, Perak Darul Ridzuan.



## KUTIPAN ZAKAT TANPA TAULIAH : TINJAUAN TERHADAP AMALAN HISBAH DI LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH

Muhammad Hafiz Badarulzaman<sup>1</sup>

Alias Azhar<sup>2</sup>

Mohd Ashrof Zaki Yaakob<sup>3</sup>

<sup>1</sup>School of Law, College of Law, Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, ([mdhafiz@uum.edu.my](mailto:mdhafiz@uum.edu.my))

<sup>2</sup>School of Law, College of Law, Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, ([az.alias@uum.edu.my](mailto:az.alias@uum.edu.my))

<sup>3</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia, ([ashrof@uitm.edu.my](mailto:ashrof@uitm.edu.my))

---

**Abstract:** Pihak yang menguatkuasakan prinsip *al-amr bil makruf wa nahyu anil munkar* dalam Islam dikenali sebagai Muhtasib. Terdapat satu bidang utama dalam Hisbah berkaitan kutipan zakat yang akan dilaksanakan oleh Muhtasib iaitu menjaga ibadah dan perilaku yang menyalahi hukum agama. Biarpun Muhtasib sedia wujud dalam Islam, isu berhubung amil tanpa tauliah atau palsu ini masih lagi berlaku di Malaysia melalui pelbagai kaedah. Kertas kerja ini menyoroti amalan kutipan zakat tanpa tauliah di negeri Kedah. Ia bermula dengan pernyataan masalah isu kutipan zakat tanpa tauliah. Seterusnya kertas kerja ini meneliti konsep dan pemyariatan Hisbah di dalam Islam. Selain itu, kertas kerja ini membincangkan pemakaian Hisbah yang melibatkan rukunnya iaitu Muhtasib (Penguatkuasa), Muhtasab Fih (Bidangkuasa Penguatkuasa), Muhtasab Alaih (Pihak yang didakwa) dan Ihtisab (Tindakan dan hukuman terhadap pelaku kemungkar). Kertas kerja ini juga adalah kajian perundangan yang bersifat kualitatif dan menganalisis data secara deskriptif dan analisis kandungan. Secara rumusannya, kertas kerja ini mendapati bahawa amil dan pegawai penguatkuasa agama serta pendakwa Syarie di Kedah sememangnya Muhtasib dan Muhtasab Fih juga dikenal pasti melalui bidang tugas yang merangkumi enakmen negeri dan arahan-arahan amalan di peringkat persekutuan. Muhtasab Alaih juga dikenal pasti sebagai amil palsu atau amil yang mengutip zakat tanpa tauliah yang berlaku di seluruh negara. Namun begitu, kertas kerja ini juga merumuskan bahawa Ihtisab dari sudut dakwah telah dilaksanakan tetapi dari sudut undang-undang, Kedah tidak mempunyai sebarang peruntukan khusus berhubung kutipan zakat tanpa tauliah. Kertas kerja ini mencadangkan LZNK perlu membuat cadangan pindaan kepada mana-mana enakmen sedia ada bagi melindungi hak asnaf untuk menerima zakat dan kutipan zakat dilaksanakan secara bertanggungjawab dan telus.

**Keywords:** Undang-Undang, Zakat, Tauliah, Hisbah, Kedah

---

### Pendahuluan

Kesalahan berkaitan kutipan zakat tanpa tauliah telah tercatat dalam sejarah sejak sebelum merdeka (Muhammad Faizul Wahab et al., 2014). Malahan kutipan zakat tanpa tauliah adalah satu kesalahan yang dinyatakan dalam kebanyakan enakmen atau akta kesalahan jenayah Syariah yang sedia ada di



hampir semua negeri di Malaysia. Namun, terdapat individu yang masih aktif mengutip zakat tanpa tauliah yang bertindak sebagai amil palsu, beroperasi dalam kumpulan kecil melalui platform internet dengan menghantar emel kepada syarikat-syarikat tertentu (Berita Harian, 2018). Beza antara amil palsu dan amil yang bertauliah adalah resit yang dikeluarkan oleh amil bertauliah mempunyai pengesahan rasmi dari institusi zakat (Harian Metro, 2021). Kegiatan amil tanpa tauliah dilaporkan berlaku khususnya dalam bulan Ramadhan ketika umat Islam mahu membayar zakat fitrah.

Isu seperti ini pernah didedahkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) yang menyatakan bahawa MAIDAM ada menerima laporan berhubung kegiatan berkenaan (Harian Metro, 2020). Namun, situasi lebih membimbangkan apabila kebanyakan kutipan zakat tanpa tauliah ini berselindung di sebalik nama badan bukan kerajaan (NGO) yang kadangkala kutipan zakat tersebut melangkaui negeri dan mengagihkannya di tempat lain sehinggakan menjejaskan pengurusan institusi zakat yang sah di negeri terbabit (Sinar Harian, 2022).

Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan membincangkan amalan kutipan zakat tanpa tauliah khususnya di negeri Kedah dengan merujuk kepada pemakaian Hisbah di Lembaga Zakat Negeri Kedah. Analisis dan perbincangan dalam kertas ini meneliti enakmen berkaitan kutipan zakat serta mengkaji kesalahan dan hukuman bagi kutipan zakat tanpa tauliah.

## Metodologi Kajian

Kertas kerja ini adalah kajian perundangan yang meninjau peruntukan undang-undang yang terkandung dalam enakmen negeri Kedah. Kajian ini bersifat kualitatif dan tidak menggunakan teknik statistik kuantitatif (David Silverman, 2010). Data primer yang digunakan adalah enakmen negeri yang dirujuk melalui portal E-Syariah yang diuruskan oleh Jabatan Kehakiman dan Syariah Malaysia (JKSM). Metod pengumpulan data akan menggunakan pendekatan sejarah, yang melibatkan analisis asal usul penubuhan institusi dan penggubalan peruntukan, untuk meneliti tahun penggubalan enakmen dan penubuhan institusi tersebut. Selain itu, pendekatan perbandingan juga akan digunakan untuk mengkaji persamaan dan perbezaan antara dua situasi dalam sistem undang-undang yang sama (Anwarul Yaqin, 2007) terutama berkaitan dengan enakmen negeri di Kedah yang berada di bawah undang-undang syariah. Data tersebut akan dianalisis menggunakan instrumen analisis kandungan, berdasarkan dokumen rasmi enakmen negeri yang diperolehi secara dalam talian. Hasil analisis kertas kerja ini akan disajikan dengan teknik deskriptif. Kajian ini berasumsi bahawa semua data yang diperolehi adalah dari sumber yang sahih.

## Hisbah dan Pensyariatannya

Institusi Hisbah telah diwujudkan dalam Islam dengan merujuk kepada pelaksanaan *al-Amr bi ma 'ruf* (mengajak kepada kebaikan) ketika hal itu jelas diabaikan, serta *al-Nahyu 'an al-Munkar* (mencegah kemungkaran) ketika hal itu jelas dilakukan (al-Ghazali, 1980). Prinsip *al-amr bil makruf wa nahyu anil munkar* adalah asas kepada pelaksanaan *al-Siyasah al-Syariyyah* dan sejajar dengan kehendak *Maqasid al-Syariah*. Ibn Taymiyyah (1982) menyatakan bahawa pelaksanaan prinsip ini melibatkan



bukan hanya institusi Hisbah, tetapi semua institusi Islam seperti tentera, polis, kehakiman, dan kewangan.

Pensyariatan Hisbah dapat dilihat melalui prinsip utama *al-amr bil makruf wa nahy anil munkar*, yang mendorong pengajaran kebaikan dan pelarangan kejahatan. Oleh itu, prinsip ini harus dilaksanakan oleh setiap lapisan masyarakat di Malaysia dan negara-negara Islam lain. Setiap dalil yang berkaitan dengan prinsip ini serta konsep keadilan dan kebenaran dianggap sebagai asas yang menyokong pensyariatan Hisbah (Abd. Allah Muhammad `Abd Allah, 1996). Nas-nas yang berkenaan dengan prinsip utama Hisbah tersebut adalah pensyariatan yang wajib dilaksanakan di dalam sesebuah negara Islam (Abd al-Karim Zaidan, 1998). Ini dapat dijelaskan melalui firman Allah swt:

*“dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat Segala perkara Yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). dan mereka Yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”*

(Surah Al Imran: 104)

Menurut *Tafsir al-Qur'an al-`Adzim* ayat tersebut merupakan tuntutan Allah SWT terhadap segolongan umat Islam yang bertugas untuk mengembangkan urusan *al-amr bil makruf wa nahy anil munkar*, sekalipun urusan tersebut memang diwajibkan ke atas setiap individu dalam kalangan umat hari ini (Ibn Kathir, 1999). Kewajipan ke atas setiap individu merupakan *fardhu ain* telah dinyatakan oleh Rasulullah S.A.W dalam sebuah hadith:

Maksudnya: *"Sesiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya, sekiranya tidak berupaya untuk mengubahnya, maka gunakanlah dengan lidah dan sekiranya tidak berupaya juga, maka ubahkannya dengan hati. Demikian itu adalah selemah-lemah iman."*

(Hadis Riwayat Muslim)

Justeru, pelaksanaan Hisbah adalah satu kewajipan dalam mana-mana negara Islam untuk mengangkat prinsip *al-amr bil makruf wa nahy anil munkar* yang merupakan asas kepada pelaksanaan *al-Siyasah al-Syariyyah* dan sejajar dengan kehendak *Maqasid al-Syariah*. Cumanya pelaksanaan Hisbah ini dapat dilihat samada menerusi kewujudan entiti berasingan seperti institusi Hisbah ataupun kewujudan amalan Hisbah ini dirangkum dalam mana-mana institusi agama atau penguatkuasaan agama.

### **Pemakaian Hisbah Dalam Lembaga Zakat Negeri Kedah**

Secara sejarahnya, institusi zakat Kedah ditubuhkan pada 5 September 1936. Perhimpunan Riyal Zakat dan Sedekah Orang-orang Islam di Negeri Kedah pada tahun 1936 dicatatkan sebagai tarikh bermula sebaran zakat secara rasmi kepada rakyat di negeri Kedah (Lembaga Zakat Negeri Kedah, 2021). Sebuah komiti zakat juga ditubuhkan pada tahun yang sama. Walaubagaimanapun, pada 26



Syawal 1397H (12 Oktober 1977), komiti zakat telah ditukar nama kepada penubuhan Jawatankuasa Zakat (Mohammad Azam Hussein dan Zuryati Mohamed Yusoff, 2005). Penubuhan Jawatankuasa Zakat ini menjadikan Kedah sebagai satu-satunya negeri yang pentadbiran zakatnya terpisah daripada Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK). Jawatankuasa Zakat ini terus kekal ketika di bawah Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman (JZNK) dan kini bertukar nama kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Ketika JZNK mentadbir zakat di negeri Kedah, Enakmen Zakat Kedah 1955 (No 4) telah digunakan sejak tahun 1955 sehinggalah beberapa pindaan telah dibuat pada tahun 1962 dan 1982. Namun, enakmen tersebut telah digantikan dengan Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman pada tahun 2015 dan ditadbir oleh LZNK. Menara Zakat Kedah di Alor Setar adalah ibu pejabat LZNK sejak awal pembinaannya di bawah JZNK.

Pemakaian Hisbah dalam LZNK berkaitan kutipan zakat tanpa tauliah dapat dinilai melalui rukun Hisbah. Terdapat empat rukun dalam institusi Hisbah iaitu *Muhtasib* (pegawai penguatkuasa), *muhtasab fih* (bidang kuasa pegawai penguatkuasa), *muhtasab alaih* (pihak yang melakukan kemungkaran) dan *ihtisab* (tindakan atau hukuman terhadap pelaku kemungkaran) (Imam al-Ghazali, 1980). Rukun-rukun ini juga ditekankan dalam *al-Ahkam al-Sultaniyyah Wa al-Wilayah al-Diniyyah* yang menyatakan keberadaan rukun-rukun tersebut, meskipun tidak tersusun sepenuhnya seperti yang ditulis oleh Imam al-Ghazali (al-Mawardi, 1966). Ibn al-Farra' turut menyokong kewujudan rukun Hisbah seperti yang dinyatakan dalam *Ihya Ulumuddin* (Ibn al-Faraa', 1938). Yahya Ibn Umar (1956) juga membahas rukun Muhtasib dengan elemen yang sama, walaupun tanpa penyusunan yang teratur. Keempat-empat rukun ini penting untuk memastikan institusi Hisbah berfungsi mengikut syariat Islam.

### ***Muhtasib dan Muhtasab Fih***

Rukun yang pertama ialah Muhtasib. Berdasarkan Ibn Khaldun (1405M), Muhtasib didefinisikan sebagai jawatan agama yang bertanggungjawab dalam pengawasan pelbagai aktiviti yang dianggap munkar. Tugas Muhtasib mencakupi aspek sosial, politik, dan ekonomi. Ibn Taimiyyah (1982) tidak memberikan definisi khusus, tetapi menjelaskan peranan dan fungsi Muhtasib, yang secara tidak langsung membentuk pemahaman mengenai jawatan ini. Selain itu, ulama terkemuka seperti al-Shayzari (1946), al-Mawardi (1966), dan al-Ghazali (1980) juga menegaskan betapa pentingnya tugas dan peranan Muhtasib dalam institusi Hisbah, walaupun tidak membahaskan definisi secara mendalam. Menurut al-Mawardi (1966), Ibn al-Farra' (1938), al-Ghazali (1980), dan Ibn al-Ukhuwwah (1976), terdapat tiga komponen dalam kategori-kategori ini, iaitu yang melibatkan hak Allah, hak manusia dan yang melibatkan kedua-dua hak tersebut.

Mardzelah Makhsin (2010) menerangkan bahawa terdapat empat bidang tugas utama Muhtasib berdasarkan penulisan terdahulu dan kontemporari, iaitu mengawal aktiviti ekonomi, menjaga ibadah dan perilaku yang bertentangan dengan hukum agama, memantau kesihatan, serta mengawasi industri ubat-ubatan dan hal ehwal perbandaran. Bidang kuasa Muhtasib termasuklah menggunakan kuasa budi bicara untuk menyiasat dan menasihati pesalah. Namun Muhtasib tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya sehingga melampaui bidang kuasa yang diperuntukkan kepadanya (al-Mawardi, 1966). Di samping itu, perbincangan Muhtasib juga mempunyai kaitan dengan rukun





kedua iaitu muhtasab fih. Rukun ini berkaitan bidang kuasa pegawai penguatkuasa dalam Hisbah. Mardzelah Makhsin (2010) menyatakan bahawa bidang kuasa ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu amar maaruf dan nahi munkar yang membabitkan hak-hak manusia dan hak-hak Allah Taala. Walaupun peranan Muhtasib dan bidang tugasnya iaitu Muhtasab Fih sangat luas, kertas kerja ini akan fokus kepada Muhtasib dan Muhtasab Fih dari aspek menjaga ibadah dan perilaku yang melanggar hukum agama. Aspek ini diteliti dari sudut pandang lantikan amil bertauliah dalam melaksanakan kutipan zakat termasuklah juga tindakan amil-amil palsu yang juga mengutip zakat rentas sempadan.

Secara aplikasinya di Kedah, Muhtasib meliputi tiga pihak utama iaitu Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Hal Agama Islam Kedah (JHEAIK), Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kedah (JPSNK) dan LZNK. Bahagian penguatkuasaan JHEAIK adalah salah satu bidang tugas utama di dalam JAIN yang bertanggungjawab dalam urusan pencegahan kemungkaran dan penguatkuasaan hukum syarak (Alias Azhar *et.al*, 2015). Penguatkuasaan hukum syarak di Kedah meliputi undang-undang daripada Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Kedah) 2014. Pegawai-Pegawa Penguatkuasa Agama (PPA) yang akan menguatkuasakan hukum syarak ini adalah tertakluk kepada Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007 dan Kod Etika Pegawai Penguatkuasa Agama Jabatan Agama Islam Negeri 2008 yang juga dianggap sebagai Muhtasab Fih. Arahan-arahan di atas ini merupakan garis panduan penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah yang telah dikeluarkan oleh pihak Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan Undang-undang di bawah JAKIM hasil usaha secara bersama oleh JAIN seluruh Malaysia.

Manakala JPSNK juga adalah Muhtasib. Secara sejarahnya, JPSNK merupakan Bahagian Pendakwaan, Jabatan Hal Agama Islam Kedah (JHEAIK). Namun pada 1 Oktober 2024, institusi ini telah dinaik taraf menjadi sebuah jabatan untuk memastikan ketelusan dan keadilan dalam membuat pendakwaan (Urusetia Penerangan Darul Aman, 2024). Ketelusan pendakwaan juga tertakluk dengan Arahan Ketua Pendakwa Syarie 2011. Arahan ini adalah Muhtasab Fih yang merupakan satu garis panduan bagi tugas pendakwaan undang-undang syariah yang dibuat untuk semua Pendakwa Syarie seluruh Malaysia. Arahan ini telah diersetujui oleh Mesyuarat Ketua Penguatkuasa Agama dan Ketua Pendakwa Syarie seluruh Malaysia dan Persidangan Ketua-Ketua Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri seluruh Malaysia. Secara prinsipnya, arahan ini banyak merujuk kepada Pendakwa Syarie dan bukannya PPA. Namun beberapa peruntukan dalam arahan ini perlu diikuti oleh PPA antaranya rekod penghantaran dan penerimaan kertas siasatan dari Bahagian Penguatkuasaan, semakan kertas siasatan dari sudut perintah siasatan dari Ketua Pegawai Penguatkuasa, borang maklumat PPA dan laporan penyiasatan PPA. Secara tidak langsung, hasil siasatan PPA berkaitan kutipan zakat tanpa tauliah akan dibawa kepada Pendakwa Syarie untuk didakwa menggunakan peruntukan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Kedah) 2014. Ini juga menepati konsep Muhtasib dan Muhtasab Fih yang digariskan dalam Hisbah.

Selain itu, LZNK juga adalah Muhtasib kerana institusi ini bertanggungjawab untuk memilih amil untuk ditauliah dan diberikan kuasa untuk mengutip zakat fitrah mahupun harta. Amil diertikan sebagai mereka yang beragama Islam dan dilantik oleh LZNK bagi menjalankan tugas memungut dan mengagihkan zakat atau zakat fitrah bagi pihak LZNK (Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul



Aman 2015, seksyen 2). Tanggungjawab dan fungsi LZNK dalam melantik dan membayar ejen ataupun amil dinyatakan dengan jelas dalam Seksyen 19(1)(i) (Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015). Bahkan LZNK juga boleh membuat apa-apa peraturan berhubung kutipan, pentadbiran dan agihan zakat (Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015, seksyen 22). Kedua-dua peruntukan ini menunjukkan bahawa bidang tugas LZNK adalah Muhtasab Fih dalam Hisbah.

### ***Muhtasab Alaih***

Rukun yang ketiga ialah muhtasab alaih iaitu golongan yang dikenakan tindakan hisbah atas sebarang kesalahan yang dilakukannya tanpa sebarang pengecualian. Abdul Qahhar Ibrahim et.al, (2017) juga menyatakan bahawa muhtasab alaih ditakrifkan sebagai orang atau pihak yang melakukan perbuatan-perbuatan munkar atau meninggalkan perbuatan-perbuatan maaruf yang wajib. Secara aplikasinya, individu yang mengutip zakat tanpa tauliah yang bertindak sebagai amil palsu adalah muhtasab alaih. Seperti mana yang dinyatakan sebelum ini, kebanyakan kutipan zakat tanpa tauliah ini berselindung di sebalik nama badan bukan kerajaan (NGO) yang kadang-kadang kutipan zakat tersebut melangkaui negeri dan mengagihkannya di tempat lain sehinggakan menjejaskan pengurusan institusi zakat yang sah di negeri terbabit (Sinar Harian, 2022).

Terdapat individu yang pernah didakwa sebagai Muhtasab Alaih di atas kesalahan kutipan zakata tanpa tauliah. Kes tersebut ialah Pendakwa Syarie Selangor Lawan Mohd Azmee dan Omar [Kes Jenayah No: 10006-1450116-2016 dan 10006-145-0117-2016] apabila tertuduh-tertuduh ini tidak pernah diberikan kebenaran atau tauliah untuk membuat sebarang kutipan zakat atau fitrah di dalam negeri Selangor. Kedua-duanya telah disabitkan di bawah Seksyen 52(1)(b) tahun 1995 yang dibaca bersama seksyen 37 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) Tahun 1995 iaitu percubaan pungutan zakat atau fitrah tanpa diberikuasa dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,000.00 atau penjara selama tempoh Sembilan hari jika tidak dapat membayar denda tersebut (Mohamed Hadi Abd Hamid dan Ibrahim Ismail, 2017). Walaupun tidak terdapat kes kutipan zakat tanpat tauliah yang pernah didakwa di Kedah sejak penggubalan Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Kedah) 2014, namun LZNK pernah menerima laporan berkaitan wujudnya Muhtasab Alaih selaku amil palsu di negeri Kedah. (Muhammad Hafiz Badarulzaman et.al, 2020).

### ***Ihtisab***

Rukun yang keempat pula ialah ihtisab. Menurut Imam al-Ghazali (1980) Ihtisab mempunyai beberapa peringkat. Peringkat-peringkat tersebut ialah ta'aruf, melarang, pengajaran dan nasihat, memaki dan mengherdik, merubah dengan tangan, mengancam dengan pukulan, menjatuhkan pukulan dan melaksanakannya, menampakkan senjata dan yang terakhir melahirkan kekuatan dengan mengumpulkan tentera. Merujuk kepada amalan semasa di LZNK, proses taaruf, larangan, pengajaran dan nasihat telah dilaksanakan dengan baik. Pihak LZNK telah mengadakan beberapa siri bengkel kepada amil-amil yang bertauliah tentang perkara-perkara yang dibenarkan dan dilarang semasa mengadakan kutipan zakat. Selain itu, amil-amil ini juga diraikan dalam suatu majlis anugerah khas dan hadiah tertentu telah dianugerahkan kepada mana-mana penolong amil yang melaksanakan nilai kutipan zakat yang tinggi dan besar. Anugerah dan hadiah tersebut akan



merangsang kutipan zakat sedia ada agar tidak dibayar di luar negeri Kedah dan keperluan asnaf di negeri ini akan sentiasa terjamin (Muhammad Hafiz Badarulzaman et.al, 2020).

Di samping itu, ihtisab juga boleh dilihat pemakaiannya di Malaysia menerusi undang-undang. Segala kesalahan dan hukuman berkaitan zakat khususnya kutipan zakat tanpa tauliah dapat dilihat melalui enakmen-enakmen kesalahan jenayah syariah di negeri-negeri (Muhammad Hafiz Badarulzaman dan Siti Nabilah Sulaiman, 2019). Umpamanya di Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan. Muhammad Hafiz Badarulzaman et. al (2021) menjelaskan bahawa Pulau Pinang telah menjelaskan kesalahan berkaitan kutipan zakat tanpa tauliah secara khusus melalui seksyen 33 (Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996). Manakala Wilayah Persekutuan juga menyatakan dengan jelas di bawah Seksyen 33 Akta Kesalahan Jenayah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 yang berbunyi seperti berikut:

### **Pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa**

Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberi kuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 60 Akta Pentadbiran.

Sungguhpun begitu, peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan zakat bagi negeri Kedah dapat dilihat menerusi Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Kedah) 2014. Enakmen tersebut hanya memperuntukkan satu-satunya kesalahan zakat di negeri Kedah iaitu menghasut supaya mengabaikan kewajipan agama (Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah) 2014, seksyen 15(2)). Ini bermaksud Kedah tidak menyediakan sebarang peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan individu yang membayar zakat kepada seseorang yang mengutip zakat tanpa tauliah ataupun kesalahan terhadap individu yang mengutip zakat tanpa tauliah seperti mana negeri-negeri lain di Malaysia. Kewujudan peruntukan tersebut penting demi memastikan bahawa tiada penyelewengan berlaku terhadap sebarang kutipan zakat tanpa tauliah. Ini juga dapat menjamin bahawa hasil kutipan zakat secara sah dan mampu disalurkan kepada asnaf yang diiktiraf oleh institusi zakat. Walaupun negeri Kedah mahu mendidik dan bukan menghukum mana-mana rakyat dalam urusan zakat (Muhammad Hafiz Badarulzaman et.al, 2015), namun untuk menjadikan sesuatu penguatkuasaan itu efektif, peruntukan berkaitan kesalahan dan hukuman khususnya kutipan zakat tanpa tauliah perlu dinyatakan di dalam mana-mana enakmen yang berkaitan.

### **Kesimpulan**

Secara penutupnya, kutipan zakat tanpa tauliah adalah isu serius yang berlaku di seluruh negara. Keadaan menjadi lebih parah apabila apabila kebanyakan kutipan zakat tanpa tauliah ini berselindung di sebalik nama badan bukan kerajaan (NGO) yang kadang-kadang kutipan zakat tersebut melangkaui negeri dan mengagihkannya di tempat lain sehinggakan menjejaskan pengurusan



institusi zakat yang sah di negeri terbabit. Melihat kepada situasi yang meruncing ini, tinjauan Hisbah perlu dilaksanakan untuk meneliti institusi zakat khususnya di Kedah sama ada memenuhi kriteria Hisbah atau sebaliknya.

Secara konsepnya, Institusi Hisbah telah diwujudkan dalam Islam dengan merujuk kepada pelaksanaan *al-Amr bi ma'ruf* dan *al-Nahyu 'an al-Munkar* yang merupakan asas kepada pelaksanaan *al-Siyasah al-Syariyyah* dan sejajar dengan kehendak *Maqasid al-Syariah*. Kedah telah dipilih sebagai sebuah negeri untuk ditinjau pemakaian Hisbah memandangkan Kedah menjalankan pentadbiran zakat yang memisahkan bidang kuasa MAIK dan menyerahkan sepenuhnya kepada LZNK.

Pemakaian Hisbah dirujuk menerusi empat rukun utama iaitu *Muhtasib*, *muhtasab fih*, *muhtasab alaih* dan *ihtisab*. Kertas kerja ini merumuskan bahawa Kedah mempunyai tiga Muhtasib dalam menguatkuasakan prinsip *al-Amr bi ma'ruf* dan *al-Nahyu 'an al-Munkar* iaitu Bahagian Penguatkuasaan JHEAIK, JPSNK dan LZNK. Bidang kuasa iaitu Muhtasab Fih telah dinyatakan dengan jelas dalam Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007, Kod Etika Pegawai Penguatkuasa Agama Jabatan Agama Islam Negeri 2008, Arahan Ketua Pendakwa Syarie 2011 dan Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015. Manakala Muhtasab Alaih adalah individu mahupun kumpulan yang tidak mempunyai tauliah dalam membuat kutipan zakat. Mereka akan bertindak sebagai amil palsu yang boleh dikenakan tindakan di bawah enakmen negeri-negeri. Ihtisab pula melibatkan proses dakwah dan pendakwaan oleh JHEAIK, JPSNK dan LZNK. LZNK telah melaksanakan proses dakwah dengan sebaiknya dengan penganjuran bengkel dan majlis khusus berkaitan amil yang bertauliah. Manakala JHEAIK dan JPSNK mempunyai kuasa siasatan dan pendakwaan.

Namun, Kedah tidak mempunyai sebarang peruntukan khusus berkaitan kesalahan dan hukuman kutipan zakat tanpa tauliah. LZNK disaran agar membuat cadangan pindaan kepada enakmen kesalahan jenayah syariah negeri ataupun enakmen yang mentadbir LZNK sendiri. Ini bagi memastikan wujud peruntukan undang-undang yang melindungi hak asnaf untuk menerima zakat sewajarnya. Selain itu, peruntukan undang-undang ini penting bagi memastikan kutipan zakat dilaksanakan secara bertanggungjawab dan telus apabila dilantik secara sah oleh LZNK. Ini juga dapat memastikan bahawa peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau Ulil Amri yang menyatakan bahawa hak kutipan hanya terletak pada kuasa LZNK dan tidak boleh dipertikaikan adalah bertujuan demi siasah dan masalah ummah.

### **Penghargaan**

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), Universiti Utara Malaysia yang telah membiayai kajian ini kod S/O 14279 dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), Universiti Utara Malaysia, Kedah di atas pengurusan kajian ini.



## Rujukan

- Abd al-Karim Zaydan. (1998). *Nizam Al Qada' fi al Syariaat al Islamiyah*. Beirut:al Risalah Publishers
- Abd. Allah Muhammad `Abd Allah. (1996). *Wilayat al Hisbah fi al-Islam*. Kaherah:Maktabah al Syuara'.
- Ahmad Che Yaacob. (1999). Penulisan Fuqaha Mengenai *Hisbah* dan Peranannya Di Dalam Merealisasikan Hukum Fiqh di dalam *Jurnal Syariah* Edisi 7 Jilid 2, Kuala Lumpur:Penerbit Universiti Malaya
- Abdul Qahhar Ibrahim, Abdul Ghafar Hj. Don & Muhamad Faisal Asha'ari. (2017). *Jurnal Al - ANWAR*, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT) Volume 1(3), June 2017: 51-66
- Al Ghazali, Abu Hamid Muhammad (1980) *Ihya' Ulumuddin*, Beirut: Dar al Rasyad al Hadithah
- Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz bin Badarulzaman, Fauziah Mohd Noor dan Shuhairimi Abdullah. (2015). *Khalwat Menurut Hukum Islam Dan Undang-Undang Jenayah Syariah Di Malaysia: Satu Tinjauan* dalam Prosiding The 8<sup>th</sup> UUM International Legal Conference 2015, Sintok: UUM Press.
- Al Mawardi, Abu Hasan Ali Ibn Muhammad. (1966) *Al Ahkam Al Sultaniyyah*. Kaherah: Matbaat Mustafa al-Babi al-Halabi
- Anwarul Yaqin. (2007). *Legal Research and Writing*. Lexis Nexis.
- Al-Shayzari, Abd al-Rahman ibn Nasr. (1946) *Nihayat al-rutbab fi at talab al-Hisbah* Kaherah:Matbaat Lujnat al-Ta'lif wa al-Tarjamah wa al-Nashr.
- Al Sunami, Umar Ibn Muhammad. (1978). *Nisab Al Ihtisab*. Diolah semula oleh M.Y. Izzidien tentang Nisab al Ihtisab Umar Ibn Muhammad Al Sunami dalam Tesis PhD. University of Manchester.
- As-Suyuti, Imam Jalaluddin. (2003). *Tafsir Jalalain* versi Terjemahan Melayu oleh Bahrun Abu Bakar, Sinar Baru Algensindo:Bandung
- At Tabari, Muhammad Ibn Jarir, (2001). *Tafsir At Tabari*, Kaherah: Markaz al Buhuts Wa ad Dirasat al 'Arabiyah Wa al Islamiyah dan Dar Hijr.
- Berdosa kutip zakat fitrah tanpa tauliah (14 Mei 2020) *Harian Metro*. Di akses melalui <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/578335/berdosa-kutip-zakat-fitrah-tanpa-tauliah>
- David Silverman. (2010). *Doing Qualitative Research*. Sage Publication Ltd
- Muhammad Faizul Wahab, Mohd Sabri Mat Said, Mohd Khairul Adha Nordin, Muhsin Nor Paizin, Siti Suhaila Ismail. (2014). Kedudukan Zakat: Fatwa & Undang-Undang. Dalam Abd Halim Mohd Noor, S. Salahudin Suyurno, Rawi Nordin, Normala Rabu, (eds.), *Amil Zakat Kontemporari: Profesionalisme Dan Integriti*. Institut Kajian Zakat Malaysia, 13-23.
- Ibn al-Farra, Abu Ya'la Muhammad ibn al-Husayn ibn Muhammad ibn Khalaf. (m. 458/1066). (1938). *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Kaherah.
- Ibn al-Ukhuwwah, Muhammad ibn Muhammad ibn Ahmad al-Qurashi. 1976. *Maalim al-qurbah fi ahkam al-Hisbah*. Kaherah: al-Hay'at al-Misriyyah al-Ammah
- Ibn Katsir. (1999) *Tafsir Al-Qur'an Al-Adzim*, (Beirut: Dar Thayyibah, 1999).
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman. (1405M). *Muqaddimah* Beirut: Dar al-Kutub al-Arab



- Ibn Taimiyyah, Imam Taqiyuddin Abu Abbas Ahmad (1982) *Public Duties in Islam: The Institution of the Hisbah*, diterjemah oleh Muhtar Holland, Leicester: Islamic Foundation
- Isu amil tanpa tauliah seperti tiada kesudahan (16 Disember 2022). *Sinar Harian*. Diakses melalui: <https://www.sinarharian.com.my/article/236354/edisi/utara/isu-amil-tanpa-tauliah-seperti-tiada-kesudahan>
- MAINJ Kesan Amil Tiada Tauliah Kutip Zakat (19 Mei 2018), *Berita Harian*, <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2018/05/427696/mainj-kesan-amil-tiada-tauliah-kutip-zakat>
- Mardzelah Makhsin. (2010). *Hisbah Sistem Pengawasan Dan Etika Pengurusan Islam* Sintok: Penerbit UUM
- Mohammad Azam Hussain dan Zuryati Mohamed Yusoff. (2005). Undang-Undang Zakat di Negeri Kedah: Satu Tinjauan dalam *Ulum Islamiyah*, 4(1), 63-85
- Mohamed Hadi Abd Hamid dan Ibrahim Ismail. (2017). Amalan Kutipan Zakat Rentas Sempadan Tanpa Tauliah: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*. 11(1), 64-87.
- Mohd. Parid Sheikh Ahmad & Mohd. Azmi Omar (1991). *Pengurusan Perniagaan Islam*. Kuala Lumpur: Hizbi Sdn. Bhd
- Muhammad Hafiz Badaruzaman dan Alias Azhar (2020) Temu bual bersama Dr. Hafizah binti Zainal, Pengurus Pusat Kajian Pengantarabangsaan Zakat Kedah dan Encik Zulkifli bin Ismail, Ketua Divisyen Pengurusan Ejen dan Penolong Amil, Lembaga Zakat Negeri Kedah pada 30 Ogos 2020.
- Muhammad Hafiz Badaruzaman, Alias Azhar dan Che Thalbi Md Ismail. (2015). *Pengurusan Zakat Perbankan di Jabatan Zakat Negeri Kedah: Satu Tinjauan* dalam Prosiding The 8th UUM International Legal Conference. UUM Press.
- Muhammad Hafiz Badaruzaman, Alias Azhar dan Mohd Ashrof Zaki Mohd Yaakob. (2022). Amalan Kutipan Zakat Tanpa Tauliah Di Kedah Dan Pulau Pinang: Perbandingan Enakmen-Enakmen Negeri. Prosiding Seminar on Law and Society 2021 (SOLAS V) pada 5 dan 6 Oktober 2021.
- Muhammad Hafiz Bin Badaruzaman, Siti Nabilah Binti Sulaiman, (2019). Analisis Perbandingan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Di Negeri-Negeri Malaysia-Tinjauan Khusus Terhadap Kesalahan Dan Hukuman Berkaitan Zakat. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 31(1), 86 - 104.
- Pendakwa Syarie Selangor Lawan Mohd Azmee dan Omar [Kes Jenayah No: 10006-1450116-2016 dan 10006-145-0117-2016]
- Urusetia Penerangan Darul Aman (25 Ogos 2024). *Facebook*. Di akses melalui <https://www.facebook.com/mediaupda/videos/484560081094718/>
- Yahya Ibn Umar. (1956) "*Kitab Al Ahkam al-Saq*". *Diedit oleh M. A. Makki, Revista de Instituto Egipcio de Estudios Islamicos*.



## DEVELOPING THE BEST PRACTICE MODEL OF ZAKAT ADMINISTRATION; ANALYSIS OF ZAKAT INSTITUTIONS IN KEDAH MALAYSIA AND PATTANI PROVINCE THAILAND

Osman M. Farihal <sup>1</sup>

M. Nasri H<sup>2</sup>

Muhammad Roflee.<sup>3</sup>

Tawat N.<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Deputy Director Institute Research and Innovation of Zakat, Islamic Business School, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, ([farihal@uum.edu.my](mailto:farihal@uum.edu.my))

<sup>2</sup>Deputy vice Chancellor Academic and International Affairs, International Islamic University Sultan Abdul Halim Muazam Shah (UNishams) Malaysia Kedah Malaysia ([mnasri@unishams.edu.my](mailto:mnasri@unishams.edu.my))

<sup>3</sup>Dean Faculty of Islamic Science, Prince of Songkla University, Thailand ([muhammadrofflee.w@psu.ac.th](mailto:muhammadrofflee.w@psu.ac.th))

<sup>4</sup>Faculty of Islamic Science, Prince of Songkla University, Thailand ([tawat@psu.ac.th](mailto:tawat@psu.ac.th))

---

**Abstract:** *The Zakat administrative practice varies between Malaysia and Thailand by country. The differences exist in the zakat practice administration in the collection from Muslims and distribution to Asnaf. But zakat is obligatory for every Muslim regardless of where they are. However, there is diversity in implementing zakat management practices in the states of Malaysia and no less in areas in Southern Thailand. However, the similarities in Amil Zakat's responsibility in collection and distribution come from the appointed mosque imams. The implementation of zakat management practice administration is quite different in both countries. The variety of zakat management practices raises the question of what the best practices in zakat management can improve the performance of zakat institutions and have a high impact on the socioeconomic development of the Muslim community. Therefore, this study aims to identify zakat administration based on the best practices of zakat management. Qualitative research was used in this study. The library research approach by referring to regulation law, books, kitab turast, and journals related to zakat and interviewing stakeholders directly involved with zakat is suitable for this study. Two aspects of the findings the study found. Firstly, the internal administration practice which is the zakat organizations. Implementing Shariah law regulations and local regulations plays a major role in the zakat administration. The practice of transformation by using information technology in the collection and distribution of zakat is faster, easier, and time-saving. In addition, sustainable financial management zakat the quality of asset management and good facilities management of zakat. Second; external management practices of the organization, which is who are the managers of Muslim community, stakeholders, and who deal with zakat, especially asnaf zakat. The final finding of this study, the dominant approach between internal and external management practices can transform the best practice of zakat management and the development of socioeconomic in Muslim society.*

---

**Keywords:** Zakat, Kedah Malaysia, Collection, Distribution, Management, Fatoni Thailand

---



## Introduction

Muslims are minority in Thailand and most of them live in southern provinces of Pattani, Yala, Narathiwat, and Satun. The administration of Muslims' affairs is governed by the Administration of Islamic Organizations Act B.E. 2540 (1997), which aims to promote Islamic affairs through the Central Islamic Council of Thailand, the provincial Islamic council, and the mosque Islamic committee. This Act states that the *Sheikul Islam* is the leader for Islamic activities and is the president of the Central Islamic Council of Thailand (CICOT). The Council comprises the *Sheikul Islam* and councilors, representing provincial Islamic councils and other members selected by the *Sheikul Islam*. The powers and duties of CICOT stated in the Act include to supervise provincial Islamic councils by issuing rules and regulations on Islamic affairs such as Halal affairs, marriage, and operations of provincial Islamic councils and Islamic Mosque committees. CICOT has also issued the regulation on the promotion of Zakat and Welfare Fund B.E. 2559 (2016), which describes the management of Zakat organizations at various levels: country level, province level, and mosque level.

However, many organizations such as mosques, Islamic schools, foundations, charitable organization, and individuals, have collected and distributed Zakat and other types of welfare funds long before the issuance of the regulation on the promotion of Zakat and Welfare Fund the operations in these organizations are different and lack of standardization. As a result of that, Zakat may not be utilized as an effective tool for the welfare of Thai Muslims. In Pattani province, where 675 mosques (Pattani Province, 2022), and several Islamic cooperatives have been in operation, Zakat management has been practiced based on the organizations' conceptual framework and followed their regulation or guideline. This study attempts to examine Zakat management of provincial regulator, mosques, and Islamic financial institutions so that best practices of Zakat management and to propose the appropriate model for Zakat organization in Pattani.

Institutions are public institutions established to create zakat management system that systematically, in carrying out activities to collect and distribute zakat money. According Ezza Ellany (2014), there are 14 institutions of charity set up in Malaysia to represent 13 states and three federal territories (represented by a charity institution). In Malaysia, the zakat distribution is governed by the state legislature managed by the State Islamic Religious Council (MAIN). According to Mahamad Naser (2011) on 24 December 1915, Kelantan was the first state to introduce the Islamic Religious Council states that the host state and head of the sultan of Islam. The Islamic Council serves to maintain and preserve the rule of Islam as the religion of the State and the nation. In Kedah, the State Islamic Council is composed of the *Yang Dipertua*, the *Kadi*, the Religious School Registrar, Secretary Zakat, treasury secretary and five members. Administration religion in sync with the state Islamic Religious Department's role is to carry out all the directives and policies that have been made by the Islamic Religious Council (Mustafa Abdul Rahman, 1989). Most of the states in Malaysia will be followed, as well as with the Department of Islamic Affairs to play a role in the management of zakat either collection or distribution. The role is managed by the treasury in charge of all matters related to zakat.





Wilayah Persekutuan, Penang, Pahang, and Terengganu also have been corporatized or privatized in the collection and distribution of zakat. For Kedah, Zakat management has corporatized and privatized the management of Zakat alms under the responsibility of the State.

## Literature Review

Islam emphasizes the establishment of a society that is fair, humane, and united. Protecting people from hunger, ensuring social security, and maintaining human dignity and respect are the elements that should be in the rules of a just and humane society. Prophet Muhammad said that hunger is a form of society's most severe pressure. According to Padmavati Haji Ibrahim (2008), Islam recommends zakat institutions as a mechanism to save people from hunger, ensuring socio-economic justice in society and provide an environment that allows people to preserve the honor and responsibility to God. By increasing the productivity of society, charity relieves and envies fellow community members, and in turn generate the Muslim community a safe and united. Therefore, zakat was revealed to fulfill clear goals in society. In summary, charity established by God with the goal as a form of social safety net for the poor and needy, to develop balanced economic growth through redistribution of wealth in society and as a form of purification and spiritual development.

According to Patmawati Hj Ibrahim, there are various types of assistance provided by the centers of zakat in Malaysia to the recipients of zakat distribution. In general, the types of zakat are divided into 6 major categories, viewed from various socio-economic aspects of society: i. Help current consumption (for food and subsistence); ii. Medical assistance; iii. Education Assistance; iv. Help entrepreneurship; v. religious assistance; vi. Emergency help.

According to Imtiaz et. al (1989), Zakat has also been identified as a key component of the social security system. Zakat has been shown to reduce poverty (though not eliminate them) and reduce income distribution gap (though not eliminate) and has the potential to promote economic growth. According to Monzer Kahf (1999), he argues that in applying contemporary zakat, every Muslim should remember that charity alone cannot solve the problem of poverty among Islamic countries. According to him, charity is a redistribution tool, while poverty among Islamic countries stems from the productivity and level of economic development of the poor. Monzer Kahf suggested that the principle of charity expanded and thus charity fund will increase.

According to Timur and Kuran (2002), the results of their study in Pakistan, Malaysia, and Saudi Arabia concluded that if zakat is expected to eradicate poverty alone, then this program will be doomed to failure. According to him, this is due to the charity on this day did not play a major role in the economy. According to Ataul-Haq and Martinez (1993), he saw that the Zakat can serve to improve income and living standards, and thus eradicate poverty and reduce

## Research and Objective of the study

Based on the research problems presented earlier, the questions and the objective of the study are. What is the type of zakat administration management and the objective of the research to determine



the type of administration of zakat management?

The research questions are very useful for this research in determining the objective and focus of this study. In addition, it also contributes to efforts to find a suitable solution for the statement of the research problem.

### Findings of the study

Generally, the findings of the study analyzed based on the data obtained and processed address several questions that have been outlined and have achieved the set objectives. The study's findings also address several emerging questions. This study's first and second questions revolve around what types of zakat management administration practices exist and what the history of zakat management administration. The researcher addresses the answers to these questions in the first objective of this study, which is to examine the types of zakat management administration practices, and in the second objective of this study, which is to identify the history of the existence of zakat management administration in both Southern Thailand and Northern Malaysia. Zakat management hinges on a multifaceted framework of administrative practices that are instrumental in optimizing the efficiency and equity of Zakat collection and distribution. The following are some types of zakat management administration practices:

#### Type of Zakat Administration Practices

The administration of zakat in Kedah is centralized in LZNK, which serves as a reference center for organizations and Muslims in the state of Kedah. This administration has full authority in setting policies, collecting, and distributing zakat. Despite the diversity of zakat administration practices in Malaysia, the Kedah State Zakat Board operates under the auspices of the Sultan of Kedah. Kedah is the only state that places zakat under the Sultan's patronage, unlike other Malaysian states that place zakat under the State Islamic Religious Council. As illustrated in Table 2.1, the zakat chairperson in both Pattani and Kedah holds the position of religious leader, highlighting a shared structural characteristic between these two regions.

Table 2: Head/ Chairman of zakat

Country	Head/Chairman
Southern Province of Thailand, Pattani	Syeikhul Islam
Northern Province of Malaysia, Kedah	Sultan of Kedah

Within the administrative structure of Islamic affairs in southern Thailand, the Pattani Islamic Religious Council (PIRC) occupies a pivotal position. This council serves as the highest authority on matters pertaining to Islamic law, including the administration of zakat assets and finances. Notably, the PIRC possesses the authority to formulate regulations and policy guidelines that govern the conduct, administration, and implementation of all Islamic practices in the region. Operating within the southern Thai province of Pattani, the Pattani Islamic

Religious and Malay Customs Council (PIRMCC) serves as a critical entity in zakat management. This council is directly responsible for the implementation of zakat collection and distribution practices.




Diagram 1: Zakat Administration Chart in Southern Thailand, Pattani

In Thailand, zakat collection and awareness campaigns are conducted to increase public awareness of the obligation of zakat and its importance in Islam, particularly for the communities in the southern region of Thailand, Pattani. Zakat is collected through various channels such as zakat offices, mosques, or through digital methods like online payments. Every zakat payment is meticulously recorded to ensure transparency and accountability in zakat management. The distribution of zakat adheres to the eight categories of eligible recipients designated as *asnaf* within Islamic scripture (Qur'an 9:60). These categories encompass the poor, the needy, zakat administrators, recent converts to Islam, those seeking to free themselves from slavery, debtors in financial hardship, those engaged in jihad (struggle for the sake of Allah), and wayfarers in need. A thorough needs assessment is conducted to ensure zakat reaches those who demonstrably require financial assistance. Beyond direct cash aid, zakat funds are also channelled towards social welfare initiatives that promote education, healthcare, and support for small businesses.





Diagram 2: Organization of Zakat Management in the Southern Province of Thailand, Pattani

Within the Malaysian context, zakat administration in the northern region, particularly Kedah, plays a vital role in ensuring the well-being of the Muslim population. This section will delve into the key aspects of zakat administration and management practices employed in Kedah. The primary responsibility for zakat collection and distribution within the state of Kedah falls under the purview of the Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). This organization is characterized by a well-defined organizational structure, encompassing specialized departments dedicated to various facets of zakat management. These departments include, but are not limited to, collection, distribution, financial management, and human development initiatives.



Source: Kedah State Zakat Board

Diagram 3: Organizational Structure of the Kedah State Zakat Board

As illustrated in Diagram 3, shows the Kedah State Zakat Board (LZNK) which was established on October 23, 1949. The head of Islam in the state of Kedah is the Sultan, who serves as the chairman of the Kedah State Zakat Board. Under the head of religion appointed by the Sultan are members who comprise the Kedah State Zakat Board. Additionally, the Chief Executive Officer (CEO) leads the Kedah State Zakat Board and acts as an advisor to the Sultan on zakat affairs. The governance of the Kedah State Zakat Board is managed by the CEO along with the members of the Kedah State Zakat Board. The CEO is assisted by the Deputy CEO, director general, accountant, and supported by units such as the ICT management unit, zakat unit, investment property unit, and finance unit. income distribution gap through the multiplier effect of Zakat. Projects funded using zakat funds in education, health, social welfare, etc. will increase the productivity of the poor to meet their basic needs. The income of the poor will increase as a result of increased productivity.

According to Muhammad Anwar (1995), he argues that the economic development of the poor and needy of this as a serious issue and should not be treated seasonally. Therefore, there should be short-term project planning and long-term development programs for the poor. He examines



the potential contribution of zakat in financing projects of long-term development to improve the living standards of the poor. According to him, apart from being used for short-term use and when, zakat funds can also be used to finance development projects that will bring long-term interest to the poor and needy in society. According to the study, the use of zakat funds is permissible in Islam.

Abdul Rahim Abdul Rahman (2006) was of the view that social welfare charity work and if it is managed effectively to benefit the poor (Nor Aini Idris, 2006). Ismail Serageldin (2000) states zakat institutions should be viewed as a key component in the commitment of a community. Poverty eradication should also be underpinned by the principle of economic development and productivity equity.

## Conclusion

This study found that the results indicate that internal organizational management practices need to be given due attention by organizations in their efforts towards achieving excellence in zakat management. Furthermore, it is found that the best practices model for zakat management requires a comprehensive and systematic approach. By combining a robust organizational structure, effective collection and distribution methods, and rigorous monitoring and evaluation, zakat management can be strengthened. The use of modern technology, continuous education, and strategic collaboration are essential elements that will ensure effective zakat management and maximum benefit to those in need, thus enhancing the welfare of the Muslim community. The findings also indicate that the role of information and communication technology in this era of globalization cannot be denied, as every organization has to move forward and improve performance and competitiveness. It is time for zakat management to apply ICT in zakat administration and management as one of the strategies to restore the glory of zakat as a dynamic Islamic treasury.

## References

- Ahmad Omar Chapakia. (2000). Wilayah-wilayah di selatan Thailand dalam konteks Dunia Melayu Islam / Dr. Ahmad Omar Chapakia. In: Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam(KDMDI), 18 - 21 Oktober 2000, Melaka.
- Anwar. (2014) Undang-undang Pentadbiran Zakat pada Zaman awal Islam, Conference on Masjid and Wakaf, Kolej Universiti Islam Selangor.
- Azura Mohd Noor & Ram Al Jaffri Saad. (2015). Ejen dan Impak Perubahan dalam PengurusanWang Zakat. *9th ISDEV International Islamic Development Management Conference*, 366
